

Bil. 10

**Selasa
27 Mac 2012**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 17)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 18)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Dato' Lilah bin Yasin (Jempol)</i>	(Halaman 18)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
17. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO

19. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
22. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
23. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
24. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
25. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
26. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
27. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. - *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D’Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB

24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. “ Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)

10. Yang Berhormat Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Dato’ Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato’ Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzil Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gopalakrishnan (Padang Serai)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 27 Mac 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah nisbah guru kaunselor berbanding dengan jumlah murid di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah kebangsaan.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data guru kaunseling di seluruh negara sehingga 30 Januari 2012 adalah seramai 9,713 orang. Daripada jumlah tersebut, 4,033 orang di sekolah rendah manakala 5,680 orang adalah guru kaunseling di sekolah menengah. Nisbah Guru Kaunseling Sepenuh Masa (GKSM) di sekolah menengah dan rendah adalah seperti berikut. Seorang guru kaunseling sekolah menengah bagi 500 orang murid di sekolah menengah dan seorang guru kaunseling sekolah sepenuh masa bagi 350 hingga 850 orang murid di sekolah rendah. Terima kasih.

Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita lihat masa kini pencapaian akademik kita meningkat setiap tahun. Tahniah kepada kementerian dan juga Kerajaan Barisan Nasional. Dalam masa yang sama juga kita melihat jenayah juvana tidak berkurangan.

Soalan saya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengubah nisbah guru kaunseling yang kini disebut tadi satu kepada 500 pelajar di sekolah menengah dan satu kepada 350 hingga 850 di sekolah rendah, mungkin kepada yang lebih rendah iaitu satu kepada 200 atau 300 pelajar terutama dengan sistem penaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang sedang dilaksanakan? Juga, adakah kerajaan bercadang untuk menempatkan guru-guru kaunselor ini di sekolah kurang murid (SKM) yang saya kira sekolah tersebut juga memerlukan guru-guru kaunselor? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya rasa kena perbetulkan sedikit. Sebenarnya kadar peratusan masalah disiplin di sekolah telah menurun pada tahun 2012. Kalau kita lihat dari segi data, pada tahun 2007 kadar masalah disiplin ialah 2.10%. Kemudian pada tahun 2006 telah menurun kepada 2.08%. Kemudian telah menurun lagi pada 2.06% pada tahun 2009 dan 2010 dan pada tahun 2011 telah menurun kepada 2.05%. Jadi dengan kata lain bahawa kita dapat mengurangkan kadar disiplin ini dan kita berazam pada tahun 2012 ini kadar disiplin ini dapat dikurangkan lagi pada 2.04%.

Mengenai dengan isu sekolah kurang murid, memang tidak ada guru kaunseling jawatan secara hakiki di sekolah kurang murid sekarang ini, tetapi apa yang berlaku ialah kita melantik guru secara pentadbiran untuk menjalankan tugas sebagai guru kaunseling. Di samping mereka ini mengajar, mereka juga diberi latihan sebagai seorang guru kaunseling.

Soalan Yang Berhormat iaitu mengenai dengan isu nisbah tadi, sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia memang ada cadangan untuk mengurangkan nisbah itu

kepada sekurang-kurangnya satu guru kaunseling kepada 300 orang murid. Kita telah mengangkat kertas cadangan itu kepada bahagian sumber manusia tetapi belum mendapat kelulusan kerana ini melibatkan soal perjawatan dan juga faktor kewangan. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan asal sahabat saya dari Kuala Nerus tadi cuba mengaitkan soal bilangan kaunselor dengan kaitannya dengan kes disiplin pelajar. Cuma, saya ingin bertanya mengenai kaitannya keciciran pelajar dengan masalah disiplin. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada data terkini oleh Bangsa-bangsa Bersatu iaitu UNDP. Ia sebut, di Malaysia kadar pendaftaran peringkat sekolah menengah itu ialah 68.7% yakni merosot 0.4% berbanding sebelumnya, tahun 2010. Kadar ini jauh lebih rendah berbanding Brunei 98%, Arab Saudi 97%, Libya 94%, Bosnia Herzegovina 91%, Israel 89%, Palestin 87%.

■ 1010

Sementara daripada sekolah rendah, sekolah menengah sampai universiti, kita cuma 36.5%. Maknanya sepanjang jajaran itu, berlaku banyak keciciran pelajar dan ini memberi kesan kepada indeks yang disebut *human development index* di man kita sekarang berada pada kedudukan 57 berbanding tahun sebelumnya 61 ya. Bagaimanakah Yang Berhormat boleh memberikan ulasan atau pandangan terhadap data-data ini yang semacam menunjukkan sedikit kemerosotan berbanding dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi. Apakah langkah yang telah dibincangkan di peringkat kementerian? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Pertama saya ingin menjelaskan ya, tugas guru kaunseling ini yang pertama ialah pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid. Itu yang pertama. Kedua ialah peningkatan disiplin murid. Ketiga – yang ini yang saya hendak kaitkan dengan soalan Yang Berhormat iaitu pendidikan kerjaya murid dan yang keempat ialah psikososial dan kesejahteraan mental murid. Menyebut tentang isu keciciran tadi, sebenarnya apa yang berlaku ialah kebanyakan pelajar-pelajar kita ini dia berlaku intervensi iaitu bila sampai sekolah menengah, dia banyak keluar sama ada dia pergi ke matrikulasi dan sebagainya sebab kita melihat ini semuanya di peringkat menengah nanti. Sama ada mereka meneruskan persekolahan di peringkat menengah untuk menjawab soal keciciran.

Selain daripada soal barangkali yang cuba dikaitkan oleh Yang Berhormat soal barangkali ialah tidak mampu terus ke sekolah, kemiskinan dan sebagainya tetapi apa yang berlaku ialah intervensi dari segi mereka pergi masuk ke bidang lain, sama ada mereka masuk ke pusat-pusat kemahiran, matrikulasi ataupun kolej komuniti dan sebagainya. Oleh sebab itulah peranan guru kaunseling ini juga ialah untuk memberikan kaunseling tentang kerjaya murid supaya mereka faham ke mana harus mereka pergi. Oleh kerana itulah, dari segi peranan guru kaunseling ini, kita ada KPI yang perlu dicapai iaitu meningkatkan supaya setiap guru kaunseling ini, jumlah pelajar yang dikaunseling itu meningkat dan sasaran kita untuk tahun 2012 ini ialah setiap guru, seorang guru kaunseling dapat memberikan kaunseling kepada lima murid secara individu dan kalau secara berkumpulan ialah satu kumpulan setiap minggu yang jumlahnya antara lapan hingga 10 murid untuk diberi kaunseling.

Ini sebenarnya yang saya nak kait-kait itu bahawa peranan guru kaunseling ini adalah cukup besar terutamanya untuk membimbing mereka supaya mereka ini tidak tercicir ataupun mereka faham tentang kerjaya mereka. Saya cuma hendak menyimpulkan soal keciciran itu banyak faktor yang dikatakan kita berbeza dengan beberapa dengan negara lain terutamanya di negara kita ini banyak aliran yang berlaku selepas mereka nak masuk ke sekolah menengah apatah lagi sekarang ini apabila kita mengarusperdanakan pendidikan vokasional, maka sudah tentulah barangkali ramai yang akan memilih bidang teknik dan vokasional. Terima kasih.

2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan sebab kerajaan melepaskan bekas CEO Petronas, Tan Sri Hassan Merican sehingga beliau diberikan jawatan oleh syarikat Singapura dan sama ada kehilangannya merupakan satu tamparan ke atas usaha menarik balik hampir dua juta orang berbakat yang meninggalkan Malaysia sejak merdeka. Berapa ramai orang yang ditarik balik ke Malaysia sejak Talent Corp. ditubuhkan dan nyatakan kos yang telah dibelanjakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan kerana soalan ini soalan yang menarik juga dan seperti yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Hassan Merican yang telah berkhidmat selama 21 tahun, tempoh yang lama juga, 21 tahun di Petronas dan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif selama 15 tahun. Beliau telah berkhidmat dengan cemerlang semasa di Petronas dan beliau kini telah bersara dan beberapa pihak luar negara telah mengiktiraf bakat dan pencapaian beliau. Ini merupakan satu penghargaan - bagi saya ini memang merupakan satu penghargaan kepada beliau dan juga pada masa yang sama satu penghargaan kepada rakyat Malaysia yang harus kita banggakan.

Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua bahawa Malaysia mempunyai modal insan berkemahiran tinggi yang bertaraf global. Negara berbangga memandangkan seorang individu berjaya diiktiraf di persada antarabangsa. Contohnya pelantikan Tan Sri Hassan Merican sebagai Pengarah ConocoPhillips di Amerika Syarikat merupakan contoh yang baik bagi pengiktirafan modal insan Malaysia di luar negara selepas kejayaan dalam negara apabila beliau menerajui Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, memahami bahawa dunia kini tanpa sempadan, kerajaan mana-mana pun tidak dapat menghalang keinginan dan keupayaan seseorang untuk bermigrasi ke negara untuk jawatan yang lebih baik. Kerajaan kita akan terus berusaha untuk menggunakan fenomena ini untuk manfaat negara. Pendekatan ini adalah selaras dengan rumusan laporan Bank Dunia tersebut yang menyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. "*Brain drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned*". Ini memandangkan pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains, dalam bidang teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap seterusnya meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan asing di sesebuah negara.

Justeru, fenomena migrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif terhadap sesebuah negara khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar.

Sehubungan itu Talent Corporation Malaysia mengadakan sesi temu seru ke arah membangunkan jaringan dan menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan di Malaysia di luar negara.

Sehubungan itu Talent Corporation Malaysia mengadakan sesi temu seru ke arah membangunkan jaringan dengan masyarakat Malaysia di luar negara termasuk di Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Ireland. Di dalam sesi temu seru ini antara lain membolehkan masyarakat Malaysia di luar negara memahami dengan lebih mendalam dari segi usaha-usaha Talent Corporation untuk memudah cara keupulangan golongan profesional ke Malaysia serta peluang pekerjaan yang begitu luas di Malaysia hasil daripada projek-projek di bawah ETP.

Program *Returning Expert Programme* merupakan satu program yang dirangka untuk memudah cara keupulangan golongan profesional ke Malaysia serta peluang pekerjaan yang begitu luas di Malaysia hasil daripada projek-projek di bawah ETP. Program *Returning Expert Program* (REP) merupakan satu program yang dirangka untuk memudah cara keupulangan golongan profesional Malaysia menerima respons yang agak menggalakkan. Tuan Yang di-Pertua ini dapat dilihat dari segi peningkatan bilangan profesional yang telah diberi kelulusan insentif REP dari tahun ke tahun.

Pada tahun 2011, bilangan tersebut meningkat kepada 680 orang berbanding dengan 313 orang pada tahun 2010. Selain itu, Talent Corporation juga terus berusaha untuk membina jaringan profesional dengan mereka yang menetap di luar negara untuk memanfaatkan kepakaran dan jaringan di luar negara bagi faedah pembangunan ekonomi tempatan walau di mana pun mereka berada. Misalnya beberapa pakar Malaysia daripada Silikon Valley telah dijemput baru-baru ini kembali ke tanah air untuk mengendalikan bengkel di ibu negara pada bulan yang lalu bersama beberapa syarikat bertaraf koridor rakyat multimedia MSC. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang dengan sendiri untuk

menjelaskan secara panjang lebar. Saya hendak melahirkan pandangan yang kurang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa dalam era globalisasi, kita perlu menerima ada yang keluar dari negara dan telah diiktiraf oleh negara-negara asing dan kita harus menganggap ia sebagai satu penghormatan. Memang Tuan Yang di-Pertua, saya setuju, ia memang satu penghormatan.

Akan tetapi bukannya ia lebih bermakna bahawa mereka masih berkhidmat di negara kita lebih baik daripada menghargai mereka yang berkhidmat di luar negara kerana saya rasa adalah lebih perlu perkhidmatan mereka di Malaysia. Di sini saya bagi pihak pakatan rakyat tidak faham mengapa beliau tidak dilantik menjadi penasihat ekonomi kerana perkhidmatan beliau amat diperlukan. Kita hilang seorang *talented* – pergi ke Singapura, Singapura Power. Sekarang dia menjadi Pengerusi Singapore Power.

■ 1020

Adakah Malaysia tidak boleh menghargai sumbangan Tan Sri Hassan Merican tetapi dihargai pula oleh Singapura sampai kena 'berhijrah' ke Singapura. Ini satu kehilangan yang amat besar.

Aspek yang sama Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi globalisasi, mereka yang keluar daripada negara adalah satu proses yang natural. Saya rasa ini tidak betul kerana yang keluar berkepakaran tinggi. Akan tetapi yang masuk ke Malaysia ialah pekerja-pekerja daripada Bangladesh dan Indonesia yang kurang kepakaran. Adakah ini satu *exchange*, adalah satu pertukaran yang menguntungkan Malaysia?

Saya rasa yang kita hendak Tuan Yang di-Pertua ialah yang masuk berkepakaran, yang keluar kurang berkepakaran. Akan tetapi yang kita lihat sekarang ialah tokoh-tokoh, *icons* macam Tan Sri Hassan Merican. Kita tidak dapat mengekalkan beliau. Bukan sahaja beliau, saya difahamkan yang baru-baru dilantik menjadi MD, MRT Singapura adalah seorang rakyat Malaysia daripada Sarawak yang pernah menjadi bos kepada Dato Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kenapa kita tidak dapat mengekalkan mereka? Manakala yang disebutkan tentang angka-angka tadi tahun 2011, 680 orang yang dapat kita tarik masuk dan tahun 2010, 313 orang. Dalam had selama dua tahun hanya 1,000 yang saya kira tidak tahu sejauh manakah kepakaran mereka. Apakah jumlah perbelanjaan yang kita telah *commit* kan untuk mereka? Kalau kita sebut dari segi bilangan yang kita hilang dalam dua tahun ini seperti Tan Sri Hassan Merican..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan. Soalan tambahan tidak boleh digunakan sebagai helah untuk berbahas. [*Dewan riu*]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini ikhtiar. Akhir, ya. Bukan kah – Ya, saya hendak habis Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riu*] Bukankah ini menunjukkan satu kegagalan oleh pihak kerajaan untuk menarik *talents* kerana yang keluar jauh lagi banyak daripada yang masuk dan yang keluar adalah berkepakaran. Akan tetapi yang masuk ialah pekerja-pekerja asing yang tidak terlatih dengan izin, *unskilled*. Sekian terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yacop: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Tuan Yang di-Pertua ada pepatah Melayu yang disebut, "*Patah tumbuh, hilang berganti*". Memang Tan Sri Hassan Merican telah berkhidmat dengan cemerlang dalam Petronas dan kini pergi ke tempat lain. Akan tetapi ada orang ganti dan dengan izin, *there are no indispensable people in the world, in Malaysia*. Saya ingin menyebut satu pepatah Perancis Tuan Yang di-Pertua dengan izin, "*The graveyard is full of indispensable people*."

Jadi, memang kita memang mengaku bahawa Tan Sri Hassan Merican adalah orang yang telah berkhidmat yang begitu baik. Akan tetapi beliau kini dianggap sebagai seorang rakyat Malaysia yang global dan diiktiraf oleh negara lain dan kita memang bangga dengan keadaan itu. Contoh rakyat Malaysia yang sudah berhijrah ke tempat lain dan masih menyumbang dari luar kepada Malaysia. Contoh pertama, Mr. Danny Quah. Danny Quah berasal dari Pulau Pinang tempat saya dan juga sekarang Yang Amat Berhormat Bagan jadi Ketua Menteri. Danny Quah, profesor ekonomi di *London, School of Economics* telah dan sedang memainkan peranan sebagai Ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negara dan menyumbangkan kepada Malaysia.

Seorang lagi Pua Khein Seng, bukan Tony Pua tetapi Pua Khein Seng, pencipta *thumb drive* berpangkalan di Taiwan dan baru-baru ini telah mengumumkan cadangan

usaha sama dengan Silterra. Dia hendak menyumbangkan kepada tanah air, kepada Malaysia. Syarikat AMD dan National Instruments telah membuat laporan *significant* dan secara tidak langsung bantu dengan adanya rakyat Malaysia di peringkat pengurusan terkanan di ibu syarikat tersebut di Amerika Syarikat, juga dari Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Hassan Merican memang adalah seorang tokoh korporat yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Dia akan terus menyumbang. Saya yakin dia akan terus menyumbang dari luar negara seumpamanya melalui jaringan perniagaannya. Jawatan Tan Sri Hassan dalam Lembaga Pengarah Syarikat berkaitan kerajaan Singapura mungkin juga akan membantu dalam mengeratkan lagi hubungan dua hala di antara kita. Tuan Yang di-Pertua saya begitu gembira juga kerana Yang Berhormat Bagan kini puji Tan Sri Hassan Merican sebab saya masih ingat selepas menjadi Ketua Menteri pada tahun 2008, antara kritikan yang pertama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah terhadap pihak pengurusan tinggi Petronas.

Yang Amat Berhormat telah mengeluarkan komen bahawa pegawai atasan Petronas iaitu Tan Sri Hassan Merican sering berbelanja dengan tinggi seperti menggunakan jet eksekutif Petronas. Itu dulu, itu dulu. Sekarang ini sudah... [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah kena muka sendiri. Sudah kena muka sendiri.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: [*Bangun*]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini semua politik, politik.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Itu sebab lain kali jangan putar alam. Sudah putar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Untuk mengetahui tentang masalah kedudukan *brain drain* di negara kita ini elok juga kita bandingkan dengan negara-negara lain. Oleh itu berdasarkan ukuran tertentu, apakah kedudukan kita berbanding dengan negara Filipina, negara Singapura, United Kingdom dan lain-lain? Apakah sebenarnya bidang yang kita berikan perhatian? Apakah insentif yang bakal ditawarkan oleh kerajaan?

Keduanya, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, apa yang berlaku pada ketika ini, usaha berterusan daripada pihak Singapura yang menawarkan biasiswa-biasiswa tertentu kepada pelajar-pelajar cemerlang kita. Mereka mengadakan *talent scout* secara berterusan. Saya hendak sebut di sini kerana ia berlaku berleluasa di Melaka pada penuntut-penuntut kita keluaran SPM dan juga STPM. Jadi, apakah langkah yang dibuat oleh kerajaan bagi menyekat aliran keluar pelajar-pelajar cemerlang kita? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat. Memang seperti saya sebut tadi migrasi *brain drain* bukan hanya satu masalah, satu fenomena yang unik kepada Malaysia. Negara Singapura pun ada yang berhijrah ke tempat lain. Di Amerika syarikat pun ada berhijrah ke tempat lain. Akan tetapi kita harus menggunakan kebijaksanaan untuk mendapat faedah yang paling *optimal* dari fenomena baru ini. Oleh sebab fenomena ini adalah sebahagian daripada *globalization*. Selalu kita lihat *globalization* kita sebagai satu bidang di mana tidak ada had bagi kewangan untuk berhijrah daripada satu tempat ke satu tempat. Itu betul.

Akan tetapi *globalization* juga termasuk aspek-aspek lain seperti *labour*, modal insan dan lain-lain. Akan tetapi saya setuju, kita semua setuju bahawa kita harus mengambil tindakan-tindakan yang sedaya-upaya untuk memastikan *talent* yang wujud dalam negara kita, kekal dalam negara kita dan *talent* yang sudah berhijrah kita cari kaedah, satu untuk bawa mereka balik kalau boleh. Kalau tidak dapat, untuk menggunakan *network* yang ada untuk kepentingan negara.

Berhubung dengan masalah Kerajaan Singapura yang selalu datang untuk memberi biasiswa, dermasiswa dan bantuan lain untuk anak-anak kita untuk belajar dan memberi begitu banyak kemudahan.

■ 1030

Kita juga telah mengambil langkah-langkah dengan menubuhkan *Talent Corp.* dan juga dalam skim *scholarship* kita supaya anak-anak kita yang cemerlang semua dapat biasiswa dan peruntukan dan bantuan dari negara kita supaya tidak perlu lagi bergantung kepada Singapura. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana kerjasama di antara kementerian dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi memastikan agar visa pelajar-pelajar luar negara tidak disalahgunakan dan setakat ini berapakah tangkapan serta tindakan undang-undang yang telah dibuat terhadap pelajar yang menyalahgunakan visa mengikut warganegara masing-masing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kuala Krau yang telah mengemukakan pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Tanjung Malim pada 28 Mac 2012 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebelum Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia meluluskan pas pelajar kepada pelajar antarabangsa, KDN memastikan pelajar tersebut bukan seorang imigran larangan sebaliknya dia adalah seorang pelajar yang benar-benar tulen dan tidak akan menyalahgunakan kemudahan pas pelajar yang diberikan.

Bagi mencapai matlamat ini, permohonan pelajar tersebut perlu melalui proses tapisan dan mendapat sokongan daripada agensi-agensi kawal selia yang berkaitan iaitu:

- (i) Kementerian Pengajian Tinggi yang mengawal selia institusi pengajian tinggi swasta dan awam;
- (ii) Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengawal selia sekolah antarabangsa, sekolah *expatriate*, pusat bahasa dan pusat kemahiran; serta
- (iii) Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia yang mengawal selia pusat-pusat bertauliah.

Selain itu, KDN juga sentiasa menjalin kerjasama erat dengan agensi-agensi kawal selia, di antaranya:

- (i) berkaitan dengan penyeragaman garis panduan pengambilan dan pengurusan pelajar antarabangsa untuk diguna pakai oleh agensi-agensi kawal selia;
- (ii) menubuhkan kumpulan kerja pemantauan dan pengurusan pelajar antarabangsa; dan
- (iii) melaksanakan naziran berkala secara bersepadu.

Kerjasama yang dijalin ini adalah bertujuan untuk memastikan agar visa pelajar-pelajar luar negara tidak disalahgunakan dan juga adalah bertujuan untuk memastikan isu berkaitan dengan pelajar antarabangsa dapat diselesaikan secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan kes tangkapan yang dibuat terhadap pelajar yang menyalahgunakan pas pelajar. Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, bagi tahun 2009 menunjukkan seramai 50 orang pemegang pas pelajar yang telah ditangkap. Dari jumlah tersebut seramai 24 adalah warga Afrika iaitu 11 orang warga Algeria, enam orang warga Nigeria, dua orang warga Bosnia dan dua orang warga negara Libya dan satu orang masing-masing warga Lesotho, Kenya dan Afrika Selatan.

Bagi tahun 2010 seramai 23 orang pemegang pas pelajar ditangkap atas kesalahan penyalahgunaan pas. Daripada jumlah tersebut seramai empat orang warga Nigeria dan satu orang masing-masing daripada warganegara Sudan, Yaman dan Zimbabwe.

Bagi tahun 2011 pula, seramai sembilan orang pemegang pas pelajar ditangkap atas kesalahan penyalahgunaan pas. Dari jumlah tersebut tiada warganegara Nigeria ditangkap atas kesalahan penyalahgunaan pas. Namun terdapat satu orang warganegara Yaman. Pelajar-pelajar asing yang telah ditangkap bagi tahun 2009, 2010 dan 2011, tindakan telah diambil mengikut jenis kesalahan yang dilakukan.

Sekiranya kesalahan tinggal lebih masa mereka akan didakwa atau dikompaun. Manakala sekiranya melanggar syarat-syarat pas, mereka akan dikompaun dan pas pelajar akan dibatalkan, seterusnya diusir dan disenaraihitamkan. Manakala bagi kes-kes yang didakwa dan disabitkan kesalahan, setelah tamat menjalani hukuman, mereka akan diusir dan disenaraihitamkan. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Langkah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memastikan pengeluaran *visa on arrival* atau visa ketibaan dan pas sosial untuk penuntut asing merupakan satu tindakan yang baik dan bijak. Sebelum dikeluarkan, penuntut asing mestilah mengemukakan surat tawaran daripada IPTA atau IPTS yang berkenaan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan beberapa perkara, tindakan-tindakan yang telah diambil di atas tindakan yang tidak bermoral kepada penuntut-penuntut asing seperti pelacuran, jenayah, penipuan atau *black money*, dengan izin. Cuma saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian, apakah tindakan-tindakan tertentu yang lebih menyeluruh atau dasar dan peraturan yang baru bagi memperketatkan pengeluaran pas-pas pelajar ini supaya penyalahgunaan pas pelajar tidak berleluasa yang meliputi penuntut negara asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar apa yang dilaksanakan pada waktu ini adalah bagi mereka yang ingin belajar di negara kita bahawa pada peringkat awal mereka boleh menggunakan pas sosial untuk melawat di negara ini dan untuk melihat institusi-institusi yang wajar mereka mendapatkan tempat di negara kita.

Langkah-langkah bagi kita buat masa ini dalam mengawal selia supaya penyalahgunaan pas ini tidak dilakukan oleh pelajar-pelajar warga asing buat masa ini adalah tindakan yang seperti berikut:

- (i) di mana pengambilan data biometrik untuk memasukkan warga asing termasuklah pelajar asing;
- (ii) melaksanakan naziran berkala dan bersepadu oleh Kementerian Dalam Negeri dan juga agensi-agensi kawal selia di atas institusi-institusi yang berminat untuk mengambil pelajar asing ini;
- (iii) penubuhan kumpulan kerja pengurusan dan pemantauan pelajar antarabangsa untuk memantau institusi dan pelajar serta menyelesaikan masalah-masalah institusi dan pelajar secara bersama; dan
- (iv) menyeragamkan garis panduan pengambilan dan pengurusan pelajar asing.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kebelakangan ini terdapat peningkatan kes penyalahgunaan pelajar asing dan juga tinggal lebih masa. Jadi, sehubungan dengan itu KDN bersama dengan agensi-agensi kawal selia telah mengenal pasti langkah-langkah untuk memperketatkan lagi proses pengeluaran pas pelajar, di mana tindakan yang diambil ataupun bakal diambil adalah seperti berikut:

- (i) memberhentikan penerimaan permohonan pas pelajar daripada pemegang pas lawatan sosial;
- (ii) memberhentikan pengeluaran *journey perform visa* bagi pelajar antarabangsa yang kini menukar pas lawatan sosial kepada pas pelajar;
- (iii) mengenal pasti bahawa mewajibkan pemohon berada di luar negara semasa membuat permohonan pas pelajar dan pelajar

hanya di benar masuk ke negara ini setelah mendapat kelulusan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, yang mana dasar ini telah pun dilaksanakan berkaitan dengan bagi negara-negara yang berisiko tinggi. Pelajar asing diwajibkan untuk mengemukakan sijil *no objection certificate* yang mana telah dilaksanakan terhadap pelajar-pelajar dari beberapa negara Afrika.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar kerajaan mengenai peratusan pelajar-pelajar asing yang dibenarkan di negara ini? Apakah matlamatnya untuk tujuan ini dan dengan langkah-langkah yang diambil tadi, apakah keberkesanan, adakah setiap pelajar ditangkap masih ramai lagi yang tidak ditangkap.

■ 1040

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan dasar pengambilan pelajar asing, ini adalah di bawah *jurisdiction* Kementerian Pengajian Tinggi dan lain-lain agensi kawal selia. Sehubungan dengan jumlah pelajar asing yang belum ditangkap ataupun yang masih menggunakan pas pelajar asing walaupun dari segi tempoh telah tamat, buat masa ini daripada segi jumlah yang khusus kementerian tidak dapat mengetahui tentang hal ini. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa mengambil tindakan dalam membuat penaziran dan juga dalam membuat operasi-operasi untuk menangkap mereka-mereka yang telah menyalahgunakan pas pelajar asing ini. Terima kasih.

4. Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah status peruntukan menaik taraf Hospital Parit Buntar yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Januari 2012 yang lalu semasa Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan. Berapakah peruntukan dan bilakah projek naik taraf hospital ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 14 Januari 2012 mengenai cadangan projek Hospital Parit Buntar akan dilaksanakan dalam tempoh *rolling plan* ketiga Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM140.25 juta. Kementerian Kesihatan akan menyusuli dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri tentang permohonan peruntukan untuk melaksanakan projek ini di bawah *rolling plan* ketiga Rancangan Malaysia Kesepuluh, terima kasih.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan hospital di Parit Buntar. Sebenarnya pada 2008, Menteri Besar pada waktu itu telah pun mengisytiharkan di tanah yang telah diperuntukkan di Simpang Lima, telah ada majlis pecah tanah dan selesai pengambilan tanah untuk pembinaan hospital tersebut. Namun perkara itu terus senyap dan sebab itu pada hari ini saya bertanyakan semula kepada kementerian, apakah yang berlaku kepada projek asal yang kata hendak bina hospital yang baru sedangkan yang ini diisytiharkan untuk naik taraf. Jadi saya memohon penjelasan kepada kementerian tentang isu tanah yang telah pun diambil pada 2008 untuk pembinaan hospital baru. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan. Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pembinaan Hospital Parit Buntar ini merupakan projek baru yang didirikan di atas tanah yang telah dikenal pasti. *Insyaa-Allah* seperti yang saya katakan tadi pembinaannya akan bermula pada tahun hadapan, kerana *third rolling plan* seperti Yang Berhormat ketahui, bermula pada tahun 2013 sehingga 2014. *Insyaa-Allah* ia akan bermula pada tahun hadapan dengan kapasiti sebanyak 150 katil menggantikan hospital yang lama kerana seperti Yang Berhormat ketahui Hospital Parit Buntar yang pada ketika ini hanya mempunyai 120 katil yang dibina di tanah yang kecil iaitu lebih kurang 15 ekar dan hospital yang sedia ada pun memang terlalu lama kerana ia dibina pada tahun 1920 dan mula beroperasi pada tahun 1931.

Jadi pihak kementerian mempunyai pendirian bahawa Hospital Parit Buntar perlu dibina baru. Tanah sudah dikenal pasti Yang Berhormat dan seperti yang saya katakan tadi ia pasti akan dapat memberikan manfaat kepada penduduk-penduduk khususnya di kawasan Parit Buntar dan juga Bagan Serai. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan spesifik Yang Berhormat Lipis tentang Hospital Parit Buntar, boleh?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ia ada kaitan dengan Hospital Lipis yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan terlampau jauh kaitannya ya, sila.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Kesihatan kerana telah dapat membina satu hospital baru dan siap di Lipis dan kita telah mula menggunakan hospital tersebut. Hanya apa yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua ialah hospital telah siap tetapi mungkin hari itu kosnya agak tinggi menyebabkan bangunan dan peralatannya telah berpecah dua, hospital siap tetapi peralatannya sehingga kini belum sampai. Jadi saya memohon penjelasan daripada pihak menteri mengapakah ia berlaku sebegitu, adakah perkara ini dapat dipercepatkan dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Lipis di atas persoalan yang dibangkitkan, *insya-Allah* Yang Berhormat saya akan bawa perkara ini kepada peringkat kementerian untuk diperincikan seterusnya dapat dipercepatkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin [Besut] minta Menteri Pelancongan menyatakan statistik peningkatan kemasukan para pelancong asing ke negara ini sejak tahun 2010-2011 dan lokasi-lokasi yang mempunyai daya penarik serta tumpuan utama para pelancong berkenaan sepanjang berada di sini.

Menteri Pelancongan [Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya memohon peluang untuk mengucapkan selamat datang ke Dewan yang mulia ini, nampaknya semua murid perempuan hari ini, selamat datang ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Besut. Untuk makluman Yang Berhormat Besut, Malaysia kini berada di landasan terbaik pelancongan dunia iaitu berada di tangga kesembilan negara teramai di mana telah berjaya menarik kedatangan pelancong asing ke Malaysia seramai 24.71 juta orang pada tahun 2011 dengan jumlah pendapatan hasil tukaran wang asing, *tourist receive* dengan izin sebanyak RM58.3 bilion.

Ini bermakna melalui sektor pelancongan, negara memperoleh pendapatan sebanyak RM6.7 juta sejam ataupun RM160 juta sehari ataupun RM1.1 bilion satu minggu. Kedatangan pelancong asing yang meningkat setiap tahun ini didorong oleh usaha promosi berterusan dan taktikal berkesan oleh *Tourism Malaysia* melalui *branding Malaysia Truly Asia* yang menggambarkan keunikan, kepelbagaian kaum, budaya dan agama serta makanan negara. Kepelbagaian perayaan utama negara ini disambut oleh semua lapisan masyarakat tidak mengira bangsa dan agama yang menunjukkan keunikan perpaduan rakyat Malaysia.

Rumah-rumah terbuka di peringkat kebangsaan bagi perayaan-perayaan utama ini yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat seperti Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2011 di Seberang Perai, Pulau Pinang, Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2011 di Miri, Sarawak, Rumah Terbuka Hari Deepavali 2011 di Klang, Selangor dan Rumah Terbuka Hari Krismas 2011 di Kajang, Selangor turut menambahkan keunikan negara dan menarik kehadiran pelancong asing. Malahan Festival Citrawarna 1Malaysia yang dianjurkan oleh kementerian ini pada bulan Mei setiap tahun di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur telah berjaya menarik kehadiran pelancong untuk menyaksikan sendiri keunikan, kepelbagaian kaum dan budaya majmuk masyarakat Malaysia. Pada tahun 2011 contohnya, ia telah berjaya menarik kehadiran sebanyak 100,000 pelancong.

Selain daripada festival yang berkaitan keunikan masyarakat majmuk negara, para pelancong turut memilih bercuti di Malaysia kerana kepelbagaian makanan yang menawarkan keunikan makanan kaum-kaum di Malaysia. Sebagai contoh pelancong gemar berkunjung ke Pasar Besar Siti Khadijah di Kota Bharu, Kelantan untuk menikmati makanan tradisional di Pantai Timur seperti nasi dagang, nasi kerabu dan laksa Kelantan.

■ 1050

Manakala bagi pelancong yang meminati masakan tradisional masyarakat India, mereka akan berkunjung ke Little India di Brickfields, Kuala Lumpur dan sekiranya ingin menikmati masakan tradisional masyarakat Cina, sudah pasti akan ke Jalan Petaling di Kuala Lumpur. Bagi para pelancong yang meminati keunikan nilai-nilai sejarah dan warisan pula, para pelancong akan memilih Melaka dan Pulau Pinang kerana kedua-dua negeri ini telah diberi pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO.

Tuan Yang di-Pertua, para pelancong-pelancong *eco* turut berminat dengan kekayaan alam semula jadi hutan. Hutan tropika negara kita yang berusia lebih daripada juta-juta tahun yang mempunyai keunikan flora-flora, gunung dan gua serta pemandangan indah tanah tinggi. Antara lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan adalah seperti Lembah Danum dan Gunung Kinabalu di Sabah, Taman Negara di Pahang, Sabah dan Sarawak, Gua Kelam di Perlis, Cameron Highlands di Pahang dan Bukit Bendera di Pulau Pinang. Manakala pelancong-pelancong yang menggemari percutian di pulau-pulau, tepian-tepian pantai atau menikmati keindahan jaringan-jaringan batu karang, sudah pasti akan memilih bercuti antaranya Pulau Perhentian dan Pulau Redang di Terengganu, Pulau Sipadan di Sabah, Pulau Pangkor di Perak dan Port Dickson di Negeri Sembilan. Pada masa yang sama, para pelancong *eco* juga turut menggemari Pulau Langkawi di Kedah dan Gunung Miri di Sarawak yang telah dinobatkan sebagai Taman Geopark UNESCO sebagai destinasi percutian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, program homestay yang menawarkan pengalaman unik dari aspek kebudayaan dan gaya hidup masyarakat desa juga menjadikan Malaysia sebagai tumpuan pelancong asing. Tuan Yang di-Pertua, jika sesiapa *Google* masuk homestay, Malaysia adalah nama pertama yang naik di *Google*. Cubalah. Tiga homestay yang menerima pelancong teramai pada tahun 2011 adalah Homestay Taman Sedia, Cameron Highlands menarik dekat 50,000 pelancong, Homestay Parit Penghulu di Melaka dan Homestay Walai Tokou Kundasang di Sabah.

Pada masa yang sama juga, mereka juga terkenal di kalangan pelancong asing sebagai destinasi membeli-belah di rantau Asia. Antara tempat membeli-belah yang terkenal adalah Suria KLCC, Pavilion Bukit Bintang, Central Market Kuala Lumpur dan juga baru-baru Johor Premium Outlet di Johor. Juga mulai pada tahun ini, Malaysia adalah *duty free, duty free, duty free*. Malaysia terus menjadi tumpuan bagi pelancongan MICE (meetings, incentives, conventions, exhibitions) pada tahun 2011. Sebagai contoh antara pelancongan MICE yang terbesar yang dianjurkan di negara ini adalah seperti Tomorrows Leader Summit di Borneo Convention Centre Kuching, Malaysia International Jewellery Fair KLCC, The Institute of Internal Auditors International Conference di KLCC.

Tuan Yang di-Pertua, taman-taman tema utama di Malaysia seperti Sunway Lagoon di Selangor, Genting Highlands Resort World di Pahang dan Lost World of Tambun di Perak juga menjadi pilihan utama para pelancong yang datang bercuti di Malaysia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pelancongan sukan turut menjadi tarikan di Malaysia kerana penganjuran acara-acara sukan antarabangsa yang dianjurkan di negara ini seperti CIMB Asia Pacific Classic Malaysia PGA Golf di Selangor dan juga LeTour di Langkawi di laluan Langkawi-Semenanjung Malaysia dan F1 Grand Prix yang baru-baru dianjurkan minggu lepas yang telah berjaya menarik seramai 120,000 orang pengunjung. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin [Besut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri di atas jawapan yang cukup komprehensif. Saya berterima kasih banyak kerana dalam jawapan yang panjang itu, beliau sempat juga menyebut Pulau Perhentian di Daerah Besut dan saya rasa rakan-rakan daripada PAS juga berterima kasih kerana sebut Pasar Siti Khadijah. Tidak tahulah. Takut dia tidak berterima kasih, saya tidak tahu tetapi saya berterima kasih.

Soalan tambahan saya, apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan untuk mendapat kerjasama Ahli-ahli Parlimen bagi membantu kementerian untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di tempat masing-masing. Ini kerana beberapa kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan lain-lain telah berusaha mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Parlimen untuk menjayakan projek-projek mereka. Saya rasa patut sekali Kementerian Pelancongan ini mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Besut. Memang Pulau Perhentian sangat-sangat menarik. Pasar Siti Khadijah, tidak tahulah PAS berterima kasih atau tidak tetapi saya sendiri pengerusi Pasar Siti Khadijah sebab negeri saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kerjasama dari Ahli Parlimen-Ahli Parlimen di semua kawasan. Ini kerana di antara sesuatu masalah yang dihadapi kementerian adalah kebersihan tapak-tapak pelancongan. Misalnya pulau-pulau, tempat makanan dan lain-lain. Ini perlu kalau Ahli Parlimen menolong kita, beri tahu kita maklumat mana yang kotor, mana restoran yang tidak bersih, kita memang boleh ambil tindakan melalui laporan kepada Majlis Tempatan. Pada masa hadapan, produk pelancongan kita cukup tetapi kebersihan adalah sesuatu masalah. Oleh sebab itu kementerian kita sudah melancarkan kempen "1Malaysia Indah, 1Malaysia Bersih". Jika Ahli Yang Berhormat minat bergotong-royong, kita memang mengalu-alukan kerjasama dengan kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang *health tourism*. Sejauh manakah promosi yang telah kita buat untuk menggalakkan *health tourism* dalam negara kita? Kalau dibandingkan kita dengan Thailand contohnya, ada sebuah hospital yang cukup terkenal dengan pesakit-pesakit daripada Timur Tengah yang menyediakan *facility* yang cukup *excellent*. Daripada orang yang menunggu di kapal terbang, semuanya boleh bercakap Arab dan sebagainya. Begitu juga dengan Singapura, ada sebuah pusat kesihatan yang besar, Novena kalau tidak silap saya dengan hotelnya, dengan *shopping complex* dan sebagainya yang menyediakan *facility* tersebut. Sedangkan saya amat yakin dalam konteks negara kita juga kita punyai *facility* itu, hospital yang baik, khidmat kesihatan yang baik dan juga *attraction tourism* yang banyak. Saya ingin tahu apa promosi dan tindakan yang telah kita buat untuk menggalakkan *health tourism* dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok. *Health tourism* adalah sesuatu produk pelancongan di bawah Kementerian Kesihatan dan pihak yang bertanggungjawab untuk promosi dan membangunkan produk ini adalah sesuatu majlis iaitu Health Tourism Council di bawah Kementerian Kesihatan. Kita di Kementerian Pelancongan tidak mengambil bahagian sebab ia ada berkaitan dengan profesionalisme yang diiktiraf hospital, mengiktiraf doktor-doktor dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, saya di sini mengucapkan tahniah kepada Melaka sebab Melaka itu ada hospital-hospital swasta untuk *health tourism* dan *Chief Minister* sendiri pergi ke Indonesia promosi *health tourism* kepada doktor-doktor swasta, *private doctors* untuk hantar, untuk *recommend patient* mereka ke Melaka, ke hospital swasta ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang – sebab ia menyentuh destinasi Sabah. Minta kebenaran untuk tanya soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Beliau sebut Sabah punya destinasi itu amat penting sekali. Ini kerana Menteri di negeri Sabah pun menyentuh soal pelancongan ini, jadi ada kaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pelancongan Tuan Yang di-Pertua. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

■ 1100

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini saya bagi tetapi lain kali kalau berdiri begitu, saya tidak bagi. Tidak apalah kerana ada sokongan daripada kawan-kawan, tidak apa saya bagi.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih kawan-kawan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawan-kawan semua menyokong.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Dalam ucapan jawapan saya petang ini, saya ada jawapan berkaitan dengan pelancongan di Sabah dan kerjasama dengan kementerian berkenaan semua ada di dalam situ. Sabar sedikit. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggulah, tunggulah.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada kaitan dengan Kementerian Pengangkutan, macam mana tanya dengan pelancongan?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Membabitkan kerugian... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Pun tidak ada kaitan Yang Berhormat. Tunggu sampai petang. Menteri sudah kata.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan saya, oleh kerana Menteri Pelancongan ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Besut, saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Besut kerana baru dikurniakan tanah satu hektar oleh Kerajaan Negeri Terengganu di Besut. *[Dewan riuh]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Satu hektar kecil sangat. Ingatkan 50 hektar.

Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin [Besut]: Menteri Besar Terengganu.

6. Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang mengguna pakai sebanyak RM873.4 juta duit "Dana Khas Terengganu" untuk membina Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara akan membayar balik duit tersebut kepada Kerajaan Terengganu.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) yang dikeluarkan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk membina Rumah Mesra Rakyat di seluruh negara adalah sebanyak RM873.4 juta. Tiada pengeluaran DKKP dibuat untuk membuat Rumah Mampu Milik atau IMM. Daripada jumlah RM873.4 juta tersebut, sebanyak RM102.056 juta telah dibelanjakan untuk membina rumah mesra rakyat di negeri Terengganu, manakala baki sebanyak RM771.344 juta dibelanjakan untuk membina rumah mesra rakyat di negeri-negeri di luar Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membayar balik peruntukan sebanyak RM771.344 juta yang telah dibelanjakan untuk membina rumah mesra rakyat di negeri-negeri di luar Terengganu dan perbelanjaan-perbelanjaan lain secara berperingkat bagi tempoh 10 tahun mulai tahun 2011. Sehingga kini, jumlah bayaran balik yang telah dibuat bagi perbelanjaan-perbelanjaan di luar negeri Terengganu kepada Kerajaan Negeri Terengganu adalah sebanyak RM400 juta. Sekian.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Inilah akibat daripada mungkir janji oleh Perdana Menteri sendiri semenjak daripada janji PRK Kuala Terengganu untuk mengembalikan royalti minyak. Bina *airport* Sultan Mahmood guna duit Terengganu, projek kementerian. Untak lebuah raya LPT pun, lebih daripada RM3.8 bilion, 50% duit adalah duit Terengganu.

Disebutkan tadi daripada RM873 juta yang dibelanjakan untuk bina rumah oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad seluruh negara, ada RM102 juta untuk dibelanjakan untuk bina rumah di Terengganu itu sendiri. Akan tetapi saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, mengapa RM102 juta itu yang diguna pakai oleh Syarikat Perumahan Negara

Berhad tidak mahu dikembalikan kepada – itu duit negeri Terengganu. SPNB buat rumah guna duit Terengganu. Walaupun buat rumah di Terengganu tetapi dia jual dan dia dapat keuntungan. Mengapa RM102 juta itu tidak mahu dipulangkan balik dan dianggap semacam hendak dihapus kira? Saya hendak tanya adakah ada lagi hutang-hutang ataupun pinjaman baru yang digunakan oleh SPNB daripada duit Dana Khas Negeri Terengganu? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, kita gunakan duit yang RM873.4 juta untuk membina rumah mesra rakyat ini bukan sahaja di Terengganu tetapi kita guna duit itu untuk negeri seperti Kelantan, kita gunakan sebanyak RM141 *million* iaitu 2,370 unit dan memang kita akan teruskan projek rumah mesra rakyat. Duit yang kita janji hendak bayar kita akan bayar secara berperingkat. Sekian.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah Yang Berhormat Besut dapat satu hektar, wakil rakyat PAS dapat 50 hektar. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya permintaan untuk Rumah Mesra Rakyat menjadi permintaan yang sangat tinggi di kalangan penduduk khususnya di Hulu Terengganu. Saya menghadapi masalah berkenaan kerana permintaan yang sangat tinggi. Jadi saya hendak minta jawapan daripada Menteri, apakah jaminan kerajaan untuk memenuhi permintaan rakyat Terengganu yang sebahagian duitnya digunakan untuk perumahan di tempat lain supaya ianya dapat menyelesaikan perumahan tersebut, dan saya dapati bahawa penyeliaan pembinaan Rumah Mesra Rakyat ini agak longgar kerana pegawai-pegawainya berkurangan dan jabatannya tidak ada di kawasan-kawasan yang berdekatan. Jadi apakah jaminannya supaya kualiti rumah tersebut dapat memenuhi hasrat pemilik-pemilikinya? Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. ADUN PAS dapat 50 hektar saya tidak tahulah. Itu mesti kita tanya beliau yang dapat.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Terengganu, memang ada permintaan untuk membina rumah untuk kakitangan kerajaan di kawasan Hulu Terengganu. Kementerian akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Terengganu untuk isu ini. Kita memang hendak bantu semua rakyat terutama sekali kalau negeri Terengganu ada duit sendiri, kita memang akan gunanya untuk membantu rakyat di negeri Terengganu. Sekian.

7. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyak syarikat penerbangan luar negara yang berminat mengadakan penerbangan terus ke Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak, berdasarkan kepada polisi langit terbuka kerajaan, dan apakah kriteria untuk memberi kelulusan kepada mereka.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, MAS, AirAsia dan MASwings masing-masing menyediakan kekerapan penerbangan mingguan sebanyak 267 kali, 430 kali dan 528 kali perkhidmatan penerbangan ke Sabah dan Sarawak termasuk penerbangan dalaman. MASwings turut menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Brunei Darussalam, Puntianak dan Tarakan, Indonesia iaitu di rantau BIMP-EAGA.

Pada masa sekarang, terdapat tujuh syarikat penerbangan asing yang menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Sabah. Mereka ialah Asiana Air, Hong Kong Express, Korean Air, Eastar Jet Airlines dari Korea, Royal Brunei, Cebu Pacific dari Filipina dan SilkAir dari Singapura. Selain itu, empat syarikat penerbangan asing menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Sarawak. Mereka ialah SilkAir dari Singapura, Kalstar dari Indonesia, Tiger Airways dari Singapura dan Batavia Air dari Indonesia.

Sebagai tambahan kepada perkhidmatan penerbangan berjadual, terdapat 110 penerbangan *charter* oleh lapan syarikat penerbangan asing juga turut menyediakan penerbangan ke Kota Kinabalu pada tahun 2011. Mereka ialah China Southern Airlines dari negeri China, Gainjet Aviation daripada Korea, Trans Asia Airways dari Taiwan, China Airlines dari Taiwan, Mandarin Airlines dari Taiwan, Ester Jack dari Korea, Jin Air dari Korea dan Lion Air dari Filipina.

■ 1110

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini terdapat lima buah syarikat penerbangan antarabangsa yang telah menunjukkan minat untuk mengadakan perkhidmatan berjadual terus ke Sabah dan Sarawak dan mereka ialah Air Busan dari Korea, Jin Air dari Korea, China Eastern, Kal Star dari Indonesia dan South East Asian Airlines dari Filipina.

Kriteria yang perlu dipenuhi sebelum kerajaan memberi kelulusan adalah seperti berikut:-

- (i) mematuhi syarat-syarat teknikal keselamatan dan sekuriti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia; dan
- (ii) syarikat penerbangan tersebut hendaklah mengemukakan permohonan untuk mengadakan perkhidmatan berjadual di laluan yang diminta.

Sekian, terima kasih.

Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penerbangan terus dari luar negara ke satu destinasi merupakan satu kemajuan dalam industri pelancongan dan khasnya membangunkan ekonomi. Ia amat nyata apabila Yang Berhormat Menteri menjelaskan betapa KKIA ini merupakan satu lapangan terbang yang sangat sibuk dan menjadikan Sabah khasnya dalam bidang pelancongan dan ekonomi terus berkembang.

Soalan saya di sini ialah tidakkah ada usaha kementerian khasnya untuk meluaskan lagi dalam kawasan BIMP-EAGA termasuklah contohnya Sulawesi dan penerbangan terus MAS khususnya daripada Kota Kinabalu ke Bangkok. Seperti mana yang kita dimaklumkan bahawa Jepun dan Korea, MAS akan menutup penerbangan tetapi *Korean Airlines* ataupun daripada Jepun yang datang terus tetapi MAS tidak dan memberhentikan penerbangan antarabangsa. Apakah langkah-langkah yang seterusnya untuk memastikan bahawa KKIA ini akan terus berkembang maju dalam membangunkan industri pelancongan dan juga ekonomi khususnya. Terima kasih.

Dato' Seri Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat penerbangan negara kita dan juga syarikat penerbangan asing untuk mengekal dan juga menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan ke Sabah, Sarawak dan juga ke mana-mana lapangan terbang yang ada di negara kita. Jadi walau bagaimanapun, keputusan untuk menambah perkhidmatan ataupun mengadakan perkhidmatan adalah satu keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut ataupun a *business consideration* yang ditentukan berdasarkan kepada komersial *viability* masing-masing. Jadi untuk KKIA, KKIA merupakan lapangan terbang nombor dua tersibuk di negara kita selain KLIA.

Jadi memang ramai pelancong yang datang ke Sabah melalui KKIA. Penerbangan-penerbangan *chartered* yang saya sebutkan tadi sebanyak 110 *chartered flight* pada tahun 2011 itu kesemuanya adalah ke KKIA. Jadi mungkin musim pelancong itu tidak membolehkan syarikat-syarikat penerbangan mengadakan penerbangan yang berjadual tetapi di mana yang boleh melalui Jabatan Pelancongan dan juga melalui usaha Malaysia Airports Berhad, kita akan berusaha sedaya upaya untuk menambah penerbangan terus ke *airport-airport* di Sabah dan juga Sarawak.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memang perbezaan dengan *chartered flight* dan penerbangan yang terus memang berbeza sekali. Oleh kerana kalau kita ada *chartered flight*, itu sudah tertentu datang di Sabah tetapi yang terbang *direct flight* to Sabah, kita sekarang ini agak keraguan kerana masih belum ada ketetapanannya. Lagi satu, saya mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai lembaga pengarah yang diwakili oleh negeri Sabah ini. Kita tahu bahawa sejak kebelakangan ini, lembaga pengarah itu yang berunding dengan MAS sudah tidak diadakan. So apakah kesudahannya? Sekian.

Dato' Seri Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya kata tadi adalah kita sebagai pengusaha lapangan terbang, kita sentiasa mengalu-alukan mana-mana syarikat penerbangan untuk mengadakan penerbangan yang lebih kerap ke lapangan

terbang-lapangan terbang yang ada di negara kita. Ini adalah untuk bukan sahaja mempromosikan industri pelancongan dan juga akan menambah *income* untuk syarikat lapangan terbang juga. Jadi berkenaan dengan wakil pengarah dalam syarikat MAS. MASKah apa? Itu mungkin adalah satu keputusan Khazanahlah. Bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah pindaan Akta PERKESO boleh dilakukan supaya sesuai dengan keadaan semasa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dipinda dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, akta ini telah dipinda sebanyak sembilan kali di mana pindaan terakhir adalah pada tahun 2005. Di antara pindaan yang telah dilaksanakan antaranya adalah meningkatkan had siling gaji pekerja bagi memperluaskan liputan pekerja di bawah akta ini. Pada tahun 1971, terhad kepada RM500 ke bawah, pada tahun 1985, ia meliputi pekerja di bawah RM1,000 ke bawah, pada tahun 1992 dinaikkan memberi liputan kepada pekerja bergaji RM2,000 ke bawah dan pada tahun 2005 ia ditingkatkan meliputi pekerja di bawah RM3,000.

Antara pindaan-pindaan lain yang pernah dibuat ialah memperkenalkan faedah pencen ilat pada tahun 1974 dan seterusnya memperkenalkan faedah pencen penakat pada tahun 1985 yang melibatkan bayaran pencen seumur hidup kepada orang tanggungan dan seterusnya pada tahun 1992, memperluaskan liputan Skim Insurans Bencana Pekerjaan dengan menyediakan perlindungan bagi kemalangan semasa dalam perjalanan pergi dan balik kerja.

■ 1120

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hanya negara kita kerajaan yang ada ini yang menawarkan kemudahan seperti ini dan seterusnya pada tahun 1992 memendekkan tempoh syarat kelayakan caruman bagi tuntutan di bawah Skim Pencen Ilat dari 36 bulan kepada 24 bulan. Seterusnya memperkenalkan faedah pinjaman pendidikan pada tahun 1997 kepada anak penerima faedah berkala dan pada tahun 1985 ditingkatkan faedah pengurusan kematian dari RM500 kepada RM1,000 dan pada tahun 1998 ditingkatkan faedah pengurusan kematian kepada RM1,500. Seterusnya pindaan 1999 juga menyediakan rawatan dialisis kepada pekerja-pekerja yang mencarum kepada PERKESO. Pada tahun 2005 membatalkan syarat kebergantungan bagi balu dan duda dan meneruskan bayaran pencen bagi orang tanggungan yang berkahwin semula dan memperkenalkan Program Kembali Bekerja bagi pekerja-pekerja yang ditimpa bencana pekerjaan mulai tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO sentiasa meneliti perkara-perkara yang termaktub dalam akta supaya ianya adalah selaras dengan keperluan semasa, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melihat daripada jawapan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, isunya sekarang ialah isu menaiktarafkan undang-undang itu sendiri. Di bawah seksyen 24 sebagai contoh, laluan utama yang dilayakkan untuk mendapatkan pampasan Ilat dan sebagainya. Seksyen ini sebenarnya tidak merungkaikan laluan alternatif maknanya jalan sekarang Tuan Yang di-Pertua banyak, jalan hilir, jalan hulu, jalan timur, jalan barat untuk menuju kepada tempat kerja dan balik rumah. Seksyen 24 menyatakan tidak boleh membuat tuntutan kalau kita pergi beli beras balik, laluan sudah melencong. Seksyen 106 tempoh setahun, itu perlu juga dibuatkan kajian semula.

Lebih setahun tidak boleh dituntut dan juga soalan pokok saya, soalan mega saya ialah kita ada EPF, penyata tahunan yang membolehkan kita mengetahui sama ada kita ini layak atau tidak untuk mendapatkan setiap bentuk faedah yang termaktub dalam Akta SOCSO 1969. Memohon kepada kementerian mewujudkan penyata itu dalam keadaan hari ini, internet nya begitu hebat, begitu membolehkan kita mengakses maklumat itu kepada ahli-ahli pencarumnya. Mohon Timbalan Menteri mengenal pasti bahawa penyata ini perlu diberikan kerana terdapat banyak mereka yang telah dipotong wang mereka tetapi tidak

dimasukkan dalam SOCSO dan tidak melayakkan mereka mendapat faedah. Mohon Timbalan Menteri untuk merenung untuk menjadikan itu sebagai faedah kepada pekerja, terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita dapati Yang Berhormat Kuala Langat sentiasa bersemangat dan saya juga berkongsi semangat tersebut dan saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini kita sedang melihat secara menyeluruh kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini dan kita bukan hanya melihat seksyen 24 dan seksyen 106 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi. Kita juga sedang melihat kepada pekerja-perkara yang berkaitan contohnya liputan kepada usia 60 tahun, yang mana tidak lama lagi kita akan membuat pindaan kepada usia bersara, juga kita sedang mengkaji pada masa ini elauan layanan sentiasa, di mana mereka yang terjebak dengan bencana pekerjaan, kemalangan dan melibatkan mereka tidak boleh bekerja, pada masa ini orang yang melayan sama ada isteri atau anggota keluarga yang melayan sepenuh masa mendapat elauan maksimum RM500 sebulan. Ini juga sedang dikaji supaya diberi kuasa kepada Menteri untuk meningkatkan jumlahnya.

Selain daripada itu, kajian juga sedang dibuat untuk kita menimbang mereka yang bekerja sendiri yang pada masa ini tidak termasuk di dalam caruman PERKESO dan kajian ini sedang dibuat sama ada patut dibuat satu akta baru atau dimasukkan ke dalam akta yang sedia ada. Kita juga sedang melihat tentang Tabung Kehilangan Pekerjaan, bagaimana ia boleh berdaya mampu untuk dimasukkan ataupun untuk ditanggung bersama tanggungjawabnya oleh PERKESO dan pelbagai kajian lagi sedang dibuat supaya ia lebih mesra pelanggan sedang dibuat. Mengenai soalan mega Yang Berhormat tadi, mengenai dengan penyata yang disebutkan, saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini PERKESO dalam proses dan *insya-Allah* tahun ini siap menaik taraf kemudahan teknologi maklumatnya. Penyata-penyata yang pernah dahulu Yang Berhormat sebutkan akan diedarkan kepada setiap pelanggannya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, *I will give to* Yang Berhormat Hulu Selangor *and after that* Yang Berhormat Bukit Mertajam. Kalau ada masa.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada PERKESO yang telah banyak memberi faedah dan bantuan kepada rakyat. Soalan saya, bilakah keputusan dalam keperluan memberikan terhadap pemandu-pemandu teksi persendirian dapat diputuskan kerana kita sedar bahawa pemandu-pemandu teksi turut terdedah kepada risiko-risiko yang besar. Bilakah keputusan akan dibuat? Itu soalan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Hulu Selangor, seperti yang saya ada sebutkan tadi, satu kajian sedang dibuat, di mana kita ingin melibatkan mereka yang bekerja sendiri dan yang tidak termasuk dan tidak ada majikan-majikan yang mencarum dan mereka boleh mencarum sendiri kepada skim PERKESO ini, sedang dikaji. Seperti yang saya sebutkan tadi kita sedang menimbang sama ada ia perlu diwujudkan satu akta baru yang berasingan untuk *self-employed* dengan izin, termasuklah pemandu teksi tadi atau ia boleh disatukan dalam akta yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jarang puji apa-apa dasar kerajaan tetapi saya rasa PERKESO ini memang merupakan satu dasar yang baik untuk pekerja-pekerja. Di sini saya hendak cadangkan untuk *informal sector* bukan sahaja penjaja, pemandu teksi, tetapi juga suri rumah, *the housewives, full time housewife*. Mereka bekerja tetapi tidak mendapat gaji. Mereka pun tidak ada majikan tetapi mereka pun perlu *security*. Jadi, saya harap mereka boleh *diconsider* dalam kajian ini, terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam, itu cadangan yang sangat baik dan memang pun cadangan ini telah diterima oleh PERKESO dan kita sedang menelitinya sekali dalam usaha tersebut, terima kasih.

9. **Datuk Siringan Gubat [Ranau]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan setakat mana tahap pelaksanaan projek bekalan elektrik mengikut peraturan di kawasan N.29 Kundasang dan N.31 Paginatan. Penduduk luar bandar sudah mempersoalkan sama ada syarikat-syarikat yang melaksanakannya dapat menyiapkan projek tersebut mengikut masa yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian pada tahun 2012 sedang melaksanakan empat projek bekalan elektrik luar bandar di kawasan DUN Paginatan Sabah dan kos jumlah RM24.50 juta dan akan memberi manfaat kepada 1,167 buah rumah.

■ 1130

Sehingga 29 Februari 2011, kemajuan di tapak bina telah mencapai 86% dan projek akan disiapkan sebelum 14 Oktober tahun ini. Kementerian juga pada tahun 2012 telah menawarkan kontrak untuk pelaksanaan projek di empat buah kampung tambahan di Dewan Undangan Negeri Paginatan. Pelaksanaan projek bermula pada 15 Februari 2012 dan akan disiapkan sebelum 14 Ogos 2013.

Projek yang ditawarkan berjumlah RM23.88 juta dan akan memberi manfaat kepada RM853 buah rumah apabila siap kelak. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan makluman daripada Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) tiada keperluan menyambung bekalan elektrik di DUN Kundasang memandangkan semua kampung telah disambung dengan bekalan elektrik.

Kementerian akan mempertimbangkan penyambungan bekalan elektrik ke kawasan ini sekiranya terdapat permohonan daripada kerajaan negeri pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2011) 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbekalan Tambahan (2011) 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.32 pg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 28 Mac 2012”.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang terima kasih syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.” *[26 Mac 2012]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, sila.

11.38 pg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sejumlah tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian bagi perbahasan-perbahasan yang berkaitan di bawah Kepala Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Sungai Siput.

Semuanya adalah berkaitan dengan Projek *Lynas Advanced Materials Plant* (LAMP) di kawasan perindustrian Gebeng Kuantan, Pahang. Di samping itu, ada juga menyentuh sedikit mengenai situasi di lokasi tapak projek *Asian Rare Earth* di Bukit Merah dan di tapak pelupusan sisanya di Bukit Keledang. Selain dibangkitkan dalam Perbahasan Titah Diraja, isu-isu berkaitan dengan Kementerian MOSTI turut dibangkitkan dalam soalan-soalan lisan dan bertulis serta semasa perbahasan dan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Projek *Lynas Advanced Materials Plant* pada 20 Mac 2012 dan perbahasan usul di bawah Peraturan 18(1) pada 22 Mac 2012.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan daya saing di peringkat global, kerajaan telah berusaha menarik pelaburan asing untuk melabur dalam sektor-sektor industri terpilih dan industri strategik. Namun demikian, kehadiran Syarikat Lynas untuk melabur dalam projek LAMP telah mengundang reaksi pelbagai pihak. Ada yang menyokong dan ada yang sebaliknya.

Bagi meredakan keresahan mengenai projek ini, pelbagai usaha langkah telah diambil oleh kerajaan dan ini termasuklah satu melantik panel pakar bebas antarabangsa dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) bagi mengkaji semula aspek kesihatan, keselamatan projek LAMP di kawasan perindustrian Gebeng Kuantan, Pahang.

Kedua, menubuhkan Jawatankuasa Panel Pakar Penilai Projek LAMP yang terdiri daripada pegawai-pegawai Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains, Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kesihatan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Institut Kejuruteraan Awam Malaysia.

Ketiga, mempamerkan dokumen teknikal kepada pihak awam dari 3 hingga 26 Januari 2012 dan seterusnya menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Awam bagi Projek LAMP untuk melakukan penilaian ke atas komen dan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh orang awam. Sesungguhnya, penilaian teknikal dan *due diligence* dengan izin telah dilakukan secara telus oleh kerajaan. Isu ini telah dipolitikkan sehingga tidak lagi menjadi rasional sehingga emosi dan ketakutan rakyat dibangkitkan untuk meragui projek ini.

Pihak-pihak yang tidak berpuas hati telah mengambil tindakan perundangan dengan mengemukakan rayuan kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 16 Februari 2012 dan lima yang lain telah mengemukakan rayuan kerana tidak puas hati dengan keputusan Lembaga LPTA meluluskan Lesen Pengendalian Sementara (TOL) bagi Projek LAMP. Rayuan ini dibuat di bawah seksyen 32 Akta 304 yang memperuntukkan kuasa menteri untuk membuat keputusan atau perintah untuk mengesah atau menyetepikan keputusan lembaga atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkan patut.

Saya telah mengeluarkan notis dan menetapkan tarikh perbicaraan rayuan pada 17 April 2012. Selain itu, pada 17 Februari 2012 Zakaria bin Abdullah dan sembilan yang lain telah memfailkan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk membatalkan keputusan Lembaga LPTA yang dibuat pada 30 Januari 2012 berhubung dengan pemberian TOL kepada Lynas.

Selain itu, pemohon-pemohon juga mohon satu perintah larangan kepada LPTA mengeluarkan TOL atau lesen kekal kepada Lynas sehingga Lynas mengemukakan laporan penilaian kesan-kesan terhadap alam sekitar yang terperinci kepada Jabatan Alam Sekitar dan sehingga JAS meluluskannya.

Semakan kehakiman telah didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 20 Mac 2012. Mahkamah Hakim Tinggi telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 4 April 2012. Pada 20 Mac 2012, Dewan yang mulia ini telah membahaskan usul penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas (PAC) mengenai Projek LAMP. Seterusnya, usul tersebut telah diluluskan. Selain itu, Projek LAMP di Gebeng. Isu keselamatan di sekitar tapak bekas kilang *Asian Rare Earth* di Bukit Merah, kawasan pelupusan sisa di Bukit Keledang telah dibangkitkan dalam usul di bawah Peraturan 18(1) pada 22 Mac 2012.

Saya telah huraikan dengan panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini terutama mengenai bacaan radiasi yang direkodkan oleh kumpulan *Save Malaysia, Stop Lynas*. Justeru itu, tidak perlulah saya mengulangi penjelasan yang baru buat seminggu yang lalu

baru selesai. Kementerian saya mengambil maklum segala komen dan pandangan iaitu yang positif serta teguran lain mengenai pendirian kerajaan berhubung Projek LAMP ini.

Tindakan kerajaan adalah berdasarkan peraturan dan prosedur semasa serta mematuhi Standard Antarabangsa. Kerajaan akan sentiasa membuat penambahbaikan dan *encashment* dengan izin dengan orang awam khususnya penduduk di sekitar Kuantan supaya pengertian yang betul dan maklumat yang tepat dapat diperolehi oleh semua pihak. Seperti yang saya telah maklumkan, selain soalan dan perbahasan di Dewan ini terdapat juga tindakan dan proses perundangan yang sedang berjalan di luar Dewan.

■ 1140

Bagi membolehkan semua pihak mendapat hak dan pembelaan, saya tidak bercadang untuk mengulas dengan lebih lanjut lebih daripada yang telah saya katakan dalam perbahasan ini.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dengan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuantan bangun.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Mohon sedikit penjelasan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Bila kes di mahkamah, so saya hanya boleh komen yang *general*.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan. Saya dengar apa Yang Berhormat Menteri katakan tadi bahawa isu ini telah dimainkan sehingga menimbulkan ketakutan pihak awam. Itu adalah satu kenyataan yang cukup menyelewengkan. Yang Berhormat Menteri tidak *address* ataupun melihat kepada aspek-aspek lain yang diketengahkan oleh pihak yang menentang projek ini. Seolah-olah tidak mahu faham atau sengaja tidak faham, kita tidak tahu kenapa. Setiap kali pihak yang menentang projek ini mengatakan bahawa isu keselamatan LAMP bukan setakat isu keselamatan dari sudut radiasi semata, radiasi luaran semata.

Apabila dikatakan oleh pakar-pakar nuklear ataupun pakar-pakar *nuclear physicist* berkenaan dengan radiasi luaran, pihak-pihak yang menentang projek LAMP menyebut berkenaan dengan aspek-aspek keselamatan yang lain seperti aspek keselamatan radiasi dalaman bahawa torium itu karsinogen. Boleh menyebabkan kanser, bahawa dalam karsinogen ini tidak ada *safe threshold*. Bahawa dekat sangat dengan penduduk kilang tersebut, bagaimana dengan *precautionary principal*, bagaimana dengan sisa buangan cecair yang dibuang ke dalam sungai yang mungkin mencemarkan sungai dan air kita. *The ground water* kerana kilang itu dibina di atas *peat soil* ataupun tanah gambut. Yang Berhormat Menteri tidak *address* langsung isu-isu ini semua dan malah saya dapat maklumat bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Berucap pula Yang Berhormat Kuantan ini, sudah banyak peluang berucap.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya dapat maklumat bahawa ada pakar-pakar yang lain yang cuba mengetengahkan pandangan mereka tetapi disekat supaya pandangan mereka tidak sampai kepada pengetahuan awam.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Kuantan, saya ambil perhatian kepada minat dan perhatian yang diberi kepada projek ini. Akan tetapi hendaklah kita juga telus dan mesti kita rasional kepada fakta yang ada. Saya jelaskan, nanti. Soal radiasi luaran dan radiasi dalaman. Semua ini diambil kira dalam semua *planning* dan juga fakta-fakta yang dipertimbangkan oleh pihak lembaga dan agensi-agensi yang lain. Seperti mana sedia maklum, projek ini memerlukan tidak kurang tujuh *license*, bukan sahaja MITI, bukan sahaja Majlis Daerah punya lesen, tiga di bawah MOSTI, Alam Sekitar, DOSH lagi. Keselamatan dalaman itu nanti ada pelesenan di bawah keselamatan

pekerja yang akan meluluskan semuanya itu. Itu akan kita gunakan *international standard* untuk semua perkara itu.

Jadi, soal keraguan itu hendaklah berasas kepada fakta seperti mana yang telah saya terangkan dan Yang Berhormat Johor Bahru dan yang lain-lain telah pun menyentuh. Kita masukkan *raw material* daripada *lanthanide* daripada Wales, Australia. Ia naik lori sampai ke *Port Perth*, tidak pun *trigger any law under* Australia dari segi jumlah radioaktif yang ada. Ia naik kapal melalui Singapura, sampai ke Kuantan, sampai Kuantan, ia naik lori kita, saya hantar tengkorak punya *sign*, kenapa? Ini kerana kita punya standard lebih tinggi dari standard dunia. Dia kata tidak payah tetapi Malaysia standard diperlukan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri jangan menyelewengkan Dewan. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, jangan menyelewengkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dengar dulu, dengar dulu.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Jangan menyelewengkan Dewan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia yang menyelewengkan Dewan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Sebab di Australia ada sebab mengapa ianya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta faham Menteri, tahulah dia apa dia buat.

Seorang Ahli: Janganlah jaga Menteri sendiri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat cakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Hendak jaga politik Kuantan saja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat ini pakar sangatkah? Ini Menteri Sainslah, *degree* pun tiga. Apa ini mengelirukan Dewan?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey saya baca, dengar dulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sampai Yang Berhormat Kinabatangan mengamuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Diam Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, ini adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Sumber dan Petroleum Western Australia, *'the company Mount Weld mine has also come under attack from environmentalist who are worried about the radioactive nature of rare earth. However, Western Australia Resource Minister, Norman Moore said, the concern were misplaced with radioactive levels being no higher than commonly mined mineral sands. The material does not trigger regulatory standards that is considered by the Department of Mines, the Western Australia Radiological Council and the Australian Government, to be low in radiation level to be regulated as a dangerous goods'*.

Ertinya dia katakan, *it does not trigger any law in Australia*, sampai Malaysia ia *trigger*, *I have to put the tengkorak sign. IAEA said, you are out of date, you shouldn't been doing that.* Dia datang kepada menteri, saya boleh maklumkan kepada Dewan, untuk mengubah itu sesuai dengan cadangan laporan IAEA yang telah kita edarkan. Akan tetapi saya katakan, *no we maintain because this is not for Lynas but this is for Malaysia as a whole and masa depan kita. So, saya tidak benarkan sebagai Menteri untuk even adjust to international standard, this is a standard in Malaysia, higher than anybody else. Why now? Because we care to the public and the safety of everyone. [Tepuk]*

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dah habis Yang Berhormat?

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri bercakap berkenaan dengan *the lanthanide ore*. Yang Berhormat Menteri tidak bercakap tentang radioaktif *waste* yang tidak diterima balik oleh Australia. Yang ini Menteri tidak cakap, kenapa Menteri tidak bercakap berkenaan dengan hal ini? Bukan sekali tetapi tiga kali Menteri Norman Moore mengatakan mereka tidak terima radioaktif *waste* balik ke Australia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan ya.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kita tahu jumlah *becquerel* itu di dalam *lanthanide* itu pun hanya kurang kira-kira lima *becquerel* sahaja. Bila ia diproses pun, *waste* itu ada tiga jenis. Satu adalah gipsum, satu adalah *fertilizer* dan satu yang 1/3 mengandungi torium, *to the level of five becquerel*. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, bahawa ini *naturally occurring level*. *If we were to close this, I mean, if we were to look at it, even the quarry, even the pond of the steel making factories actually the same level.*

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, bukan lima, 6.2.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan, peraturan mesyuarat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* jangan lari...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: *...Technologically enhanced normal occurring radioactive material. [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Dalam dokumen Lynas sendiri mengatakan ianya *technorm*, bukan lagi *norm*. Yang Berhormat sendiri jangan *mislead* Dewan dan Yang Berhormat Menteri bukan *fertilizer*, bukan gipsum, ia ada *scientific* namanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ramai yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *I know, I know.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi laluan? *[Dewan riuh]*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Minta laluan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Siapa dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Apa masalah? Menteri bagi laluan, apa masalah Yang Berhormat Ampang? Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang isu yang, dengan izin, *frightening people*, saya hendak ambil ungkapan ini. Ini dibuat oleh seorang pakar nuklear, pakar radiasi, *'mereka menakutkan orang ramai mengatakan bahawa Lynas ini loji nuklear sedangkan ia hanya memproses bahan tabii atau nadir bumi daripada Mount Weld yang lebih rendah daripada kalau kita lombong bijih lebih rendah dari segi radiasinya'*, pertama.

Saya ungkapkan satu lagi *quote* daripada Profesor Dr. Ahmad Termizi Ramli, Pakar Keselamatan Radiologi dan Kesihatan. *'Isu ini tiada kaitan dengan bahaya sinaran aras, bahaya sinaran terlalu rendah, setara dengan alam sekitar, setara dengan yang sedia*

ada di alam sekitar. Kalau mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada di negara ini pun yang juga memenuhi standard piawai antarabangsa'.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan tidak boleh bangun, dia tengah mencelah Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu lagi apa yang mereka akan buat untuk menakutkan penduduk-penduduk di Lynas ini. Terima kasih.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Hulu Selangor cakap fasal radiasi, tidak habis-habis cakap fasal radiasi. Kita cakap fasal lain pun, dia cakap fasal radiasi, ini tidak fahamkah Yang Berhormat? *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Cukuplah, cukuplah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, sudah lama Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, tunggu dulu saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Just* untuk *the record and scientific facts*. Pekatan *lanthanide* mengandungi kandungan torium sebanyak 0.16% ataupun bersamaan dengan 5.71 *becquerel* per gram.

■ 1150

Okey, apabila ia diproses *residue water leach purification* ini dia punya pemilihan *is 0.66%* bersamaan dengan 5.87, *just marginally higher than what it can. So promptly from statistic, from facts of science and* kesihatan semua, ini tidak ada yang meragukan untuk Asian Rare Earth, ia *monoxide*, dia 33 *times higher* dari segi *raw material*. Hasilnya 66 *times higher than this and that is why we are focusing on* Perak dan bagaimana menyelesaikan apa-apa sahaja *residue* yang telah terlepas pada waktu itu. Ini kerana Akta 304 *came in on* 1984, pada masa itu kilang sudah mula sudah 1982. *So* saya rasa *we must look at the fact, we are concern*, sama bimbang dengan setiap Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat daripada Kuantan. *We will make sure the standard they are use not only is according to the law* tetapi *according to the world standard and we open our case. You* hendak cadangkan apa-apa lagi hendak buat jangan sahaja main politik *we are ready to face you. Hendak lawan saya I will face it.*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya ramai lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey Menteri terima kasih. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kepong saya punya *turlnah* Yang Berhormat Kepong. Boleh? Silakan duduk Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey terima kasih Menteri. Saya mahu beralih daripada Lynas inilah sebab ini cuma satu mainan politik oleh Yang Berhormat Kuantan dan juga rakan-rakan daripada PKR yang semuanya menjadi pengikut kuda tunggangan Isarellah, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dahulu pun Yang Berhormat PKR sekarang macam mana?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau cara Lynas ini digembar-gemburkan dan diperbesar-besarkan bagaikan sudah ditetapkan tarikh di mana Lynas *will be the nuclear explosion*. Saya hendak tanya dengan Menteri,

adakah Lynas satu hari ini akan jadi seperti Chernobyl ataupun Bhopal di Bombay? Ataupun adakah ia sebahaya, adakah Lynas ini sebahaya dengan kematian pekerja-pekerja yang berlaku di *First Solar Factory* di Kulim Hi-Tech, di mana pekerja di dalam *gas chamber* yang selalu berulang-alik ke *gas chamber* dia pengsan dalam kawasan kilang. Kemudian dua hari kemudian dia pun meninggal dunia.

Adakah ini sebahaya? *Is it as bad as or as dangerous as, dengan izin as dangerous as the Kulim Hi-Tech First Solar Factory where a few workers have died. Is Lynas going to be like that? Because* Menteri dengan izin Menteri, cara Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Kuantan dan rakan-rakan sebelah sini, cara mereka mengatakan saya takut mahu duduk di Malaysia sudah. Takut satu hari akan ada letupan nuklear di Kuantan. Saya juga mahu Menteri pastikan bahawa Kuantan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Selamat balik ke Kuantan. Pastikan bila Kuantan balik, Ahli Parlimen Kuantan balik ke Kuantan tidak ada radiasi dan dia boleh tidur di rumah dengan nyenyak sekali.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menteri sedikit sahaja tambahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *I request you because* Yang Berhormat Kuantan cara dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit sahaja tambahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cara Yang Berhormat Kuantan bawa ini di khalayak ramai bagaikan kalau saya pergi ke Kuantan esok *I will be affected by radiation and then I will collapse and died.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *I hope* Menteri hujah, Menteri pastikan kami semua selamat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tiadalah, tiada macam itu bah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, Yang Berhormat Menteri boleh sedikit tambahan?

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tiada. Yang Berhormat tiada macam itu. *The whole process only involves cracking used of sulfuric acid.* Kalau ada *pressure component* itu sahaja, lepas itu *dealing with the waste* seperti mana saya katakan tadi. *There are three types, one is neutralization underflow residues, mainly synthetic gypsum and then flue gas sulphurisation residue synthetic different. Then you have this water leach purification. So no, issue rising like Fukushima* begitu semua. Untuk makluman bila saya lawat ke kilang, saya sudah lawat kilang. Kalau Yang Berhormat hendak pergi tengok sekali lagi untuk memantau saya sedia bawa.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menteri bila Menteri balik dari itu kilang ada radiasi di badan Menteri tidak?

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mana ada. Itu *naturally occurring* dengan Parlimen adalah 0.2 yang mereka sudah pun – dan kita sudah *map the whole* daripada Kuantan port itu ke sana *five kilometer, 15 kilometer* semua itu, kita ada map sudah semua untuk *bad down reading.* Supaya bila material datang kalau dia lebih daripada yang *weight around is not.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Menteri. Sedikit, sedikit sahaja.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya habiskan dahulu. *Therefore on this* bila saya melawat itu Tuan Yang di-Pertua *then* kami balik, *then immediately I said, I want an engineering audit because the consultant* yang membantu memang untuk *construction* itu tetapi saya katakan *I want a Malaysian team. So* saya telah *set up the team comprising all the key professional organization engineer to monitor so that they can audit the construction proper.* Selepas itu lagi saya katakan bahawa *purpose of reading* nanti bila kita sudah map semua ini dan bila dia ada material datang nanti *we can compare.* Ada *increase*kah ataupun tidak dan saya ada tubuhkan satu lagi pemantau umum untuk *the reading aspect.* So kita sudah buka dan sudah hantar apa lagi hendak tengok itu, *I think* kalau hendak pun kena buka semua *nothing else to see.* Kita ada open kepada *public* mengenai input-input.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menteri belum habis

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Kinabatangan dahululah, Yang Berhormat Kota Belud *last one.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menteri, Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yes.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menteri *as what you say.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Menteri kata Menteri mahu pergi Kuantan balik. Saya minta Menteri bila pergi balik ke Kuantan jangan seperti apa yang berlaku di Kajang semalam. Saya tidak mahu Menteri kena pukul nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *PKR gangster will always do that.*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Nanti saya bawa MP yang minat sebagai *bodyguard*lah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasional dalam isu ini, isu Lynas ini. Saya kalau Lynas ini pembinaannya boleh membahayakan manusia memang saya bantah. Jadi saya hendak tanya Menteri hati ke hati secara profesional. Mana lebih bahaya perwujudan pembukaan Lynas ini atau mentaliti pembangkang yang menghasut rakyat, yang menghasut rakyat menakut-nakutkan rakyat supaya projek pembangunan negara ini tidak dibenarkan beroperasi ditakutkan oleh pembohongan mereka. Mana lagi bahaya?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh saya Yang Berhormat Kota Belud Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Kota Belud sedikit sahaja. Oh! Okey minta maaf.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya rasa semua kita pun boleh tahulah. Di ucapan saya tadi pun saya katakan ini bukan lagi berasas kepada fakta tetapi berasas kepada pempolitan yang terus di laksana dan itu memang lagi bahaya.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Akan tetapi saya boleh memberi tahu di sini...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Kalau Ahli Parlimen politikkan cukuplah tetapi Yang Berhormat Menteri tambah *that even worse.*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya beritahu di sini bahawa ...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: *At least you should be professional you cakap fasal fakta tetapi you tidak cakap fasal fakta.*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: *The truth programme...*

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: You kata kena cakap fakta, Yang Berhormat Menteri kata kena cakap fakta tetapi Yang Berhormat Menteri sendiri tidak cakap fakta. Yang Berhormat Menteri sendiri cakap politik, Yang Berhormat Menteri you *cannot compare* dengan izin,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan *please.*

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Tidak boleh hendak *compare apple to apple this is apple to orange.*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Bring the fact, counter the fact what the problem. We do professionally.*

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri cakaplah fakta.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Menteri cakap fasal fakta *then you should.*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya so duduk dalam jawatankuasa khas bawa fakta *bring your scientist and bring to Jawatankuasa Pilihan Khas.*

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Akan tetapi belum apa-apa lagi ianya sudah diambil dan buat keputusan. Belum apa-apa lagi Perdana Menteri sudah buat keputusan.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Last one.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada kenyataan yang dibuat oleh rakan-rakan kita di pembangkang iaitu kenyataan kerajaan Western Australia yang mengatakan bahawa sisa-sisa *waste* ini tidak mahu dibawa masuk ke dalam Western Australia. Di Australia ini Yang Berhormat Menteri, ada enam buah negeri. Saya tidak dengar *Northern territory* daripada Queensland, daripada South Australia, Kerajaan South Australia, New South Wales, Victoria, Tasmania dan semuanya yang membuat kenyataan serupa dengan Western Australia. Itu satu, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Kedua, saya difahamkan bahawa dasar untuk menerima masuk *waste* ini adalah dasar di peringkat Kerajaan Persekutuan Australia. Ini yang mana sekarang ini tidak pun membuat lagi kenyataan tentang isu ini, yang ada hanyalah daripada *Western Australian Government*. Ini yang selalu disebut oleh rakan-rakan kita daripada pembangkang.

■ 1200

Jadi soalan saya, kenapa negeri-negeri yang lain itu tidak membuat kenyataan, dan yang keduanya kenapa Kerajaan Persekutuan Australia tidak membuat kenyataan yang serupa kalaulah betul tohmahan daripada pembangkang yang mengatakan *waste* ini langsung tak boleh diterima? Saya juga nak tanya pandangan Yang Berhormat Menteri, apakah dasar *Western Australia* ini adalah satu dasar yang menyeluruh, *is a very general* dasar, prinsipal dengan izin, iaitu tidak membenarkan apa-apa sisa buangan pun masuk ke negeri mereka bukan sahaja dari Lynas tetapi bermacam-macam *waste* yang lebih teruk daripada itu? Jadi mereka ada *blanket* dasar tapi – khususnya saya nak tanya, kenapa negeri-negeri lain itu tidak membuat kenyataan yang serupa? Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Ada kenyataan yang disentuh dalam perbahasan semalam dan saya dengar tadi bahawa ada kenyataan yang baru yang dikeluarkan oleh pihak *Western Australia* itu pun saya belum dapat salinan muktamad apa sebenarnya yang dikatakan.

Mengenai dengan negeri dan Kerajaan Australia, sememangnya setiap negeri ada peraturan-peraturan dan dasar di peringkat nasional di dalam negara tersebut dan seperti biasa di sini, isu alam sekitar adalah *concurrent list* dia. So sememangnya dasar berbeza, kemungkinan daripada segi amalannya dan praktiknya di peringkat negeri-negeri.

Akan tetapi yang penting ini, pihak LPTA telah pun menetapkan sebagai satu daripada syarat lima itu ialah jika mereka tidak dapat memperoleh – oh, dua peringkat. Satu, jika pemprosesan *waste* itu tidak mematuhi kadar jumlah torium seperti yang kita katakan itu rendah daripada itu, mereka hendaklah seperti saya katakan tadi, ditetapkan mencari tempat yang tetap untuk tujuan pemprosesan ataupun penyimpanan sisa, dan kalau tidak, mereka hendaklah membawa sisa-sisa itu keluar dari Australia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Itu adalah syarat di dalam TOL sahaja dan TOL ini diperlukan bukan untuk operasi, untuk *testing* dan supaya kita boleh tengok adakah *radioactive level* di dalam kah atau di luar kah, adakah dia punya pemprosesan itu tepat kepada *engineering spec* yang ditetapkan. Jadi ini yang kita akan buat semua. Tanpa itu, kita capak teori sahaja. Kalau dia tidak mematuhi, saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada LPTA, kita batal. Kita batalkan kalau dia tidak mematuhi apa yang telah kita tetapkan sebagai standard kita di negara kita. So, *really nothing to fear. You can come, you can observe, we can work with you. I can work with* Yang Berhormat Kuantan *hand in hand* pergi tengok mana yang kita ragu. Kita boleh buat bersama demi memberi fakta yang betul kepada masyarakat. *Last one.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang *rare earth* ini penting dan juga negara China membekalkan 90% daripada *rare earth* di dunia ini dan saya nampak di China pun dia hendak kurangkan kerana faktor-faktor yang tertentu. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini dan kepada rakyat jelata terutamanya penduduk di sekitar Gebeng, di Australia, dengan kenyataan kerajaan *Western Australia* dan ada lima negeri lagi di Australia, adakah kilang seumpama ini di Australia? Kalau ada, berapa kilangnya dan mengapa kita hendak hantar benda mentah kepada Gebeng, lima ribu batu nautika? Mengapa kita hantar ke situ? Ini kerana benda yang baik, benda yang sangat disukai oleh seluruh dunia terutama teknologi moden, mengapa tidak ada kilang seumpama ini di Australia? [Tepuk]

Dan di sinilah Yang Berhormat, saya pun suka kepada hakikat dan kenyataan. Saya pun berpandu dan berkisar kepada fakta. Saya berharap di dalam Dewan ini kita dapat fakta yang akan dikemukakan kepada semua ahli di sini supaya kita dapat meneliti, tapi saya hairan mengapa di Australia tidak ada kilang seumpama ini. [Tepuk]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Kepong.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kalau hairan, janganlah lari daripada PSC.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sebenarnya *simple* sahaja. Ini adalah satu *business decision* yang dilaksanakan. [Dewan riuh] Saya jelaskan. Daripada segi *competitive costing* dan seterusnya, *cost* di sini, saya terus terang ya, daripada penilaian MITI dan seterusnya, kos di Malaysia memang *30% only of the cost they were have to face there*. Dia ada lesen juga memproses di situ, mesti *valid, renewed*, dia tak gunakan. Pada masa dia buat keputusan untuk datang ke Malaysia pada tahun 2006, 2007 pada waktu itu, *market* untuk *rare earth very low*. So they were looking for *competitive places to be, and Malaysia is very competitive and that is the reason* – MITI telah memproses permohonan dan mengambil bahagian kepada itu. *Purely cost.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kedua, *strategic nature*. About 95% held by China, and the rest held by the part of the world. I think there is strategic interest that

Malaysia should consider other time when they look at the project MITI when approve to coming to Malaysia. Very plain fact, nothing because of environmental. Dia orang ada dibekalkan lesen, baru renew lagi balik di situ untuk membuat pemprosesan di situ. That's the answer. And then we look at the technicality, we look at the science of it, of course it was before my time, but I believe in technology, you know. With all the commitment I have. Before my time tetapi when we look at it, really the world is laughing at us. That kind of output in term of radiation and we are pushing giving wrong signals to investors, I think Ahli-ahli Yang Berhormat, we must also think of the country in the future. Why I am very sure? Bahawa safety and public health must be, of course I was number one interest as well. But maklumat yang betul, janganlah dipolitikkan, you know. Gunakan itu untuk membangun negara kita bersama.

Saya rasa cukuplah Yang Berhormat, masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri lagi sekali tak cerita habis.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Kuantan dah lama berbincang dengan saya, hari ini sudah berbahas begitu lama. Kita berbincang seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Kenapa mahal di Australia, sebab kena hantar balik sisa ke Mount Weld. Kenapa mahal di Australia, sebab kena buat di tengah padang pasir. Yang Berhormat Menteri tak cerita habis. *You are again misleading the Dewan.* Minta maaf Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey Yang Berhormat, cukuplah. Ada satu perkara lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Menunjukkan isyarat tangan]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ada lagi? Yang Berhormat Kepong ini. Saya pun pernah duduk sana, sembilan tahun saya duduk sana, *but please don't politicize the fact. Fact is fact.*

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, baca tak lesen sepenuhnya yang dapat kepada Ashturn Rare Earth?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Sebanyak 41 komitmen yang diberikan kepada Ashturn Rare Earth.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *this is not the way.*

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri tak cerita habis.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tak. Nanti kita bincang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bacalah dalam PSC, bentang dalam PSC, awak lari.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sila, sila, *last one.*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *Join PSC, bukannya lari.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuantan, malam ini dalam ceramah, *you* boleh ceritalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong ya, yang lain duduk, *please.*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, banyak kacaulah itu. Tak ikut peraturan langsung. *[Dewan riuh]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sama, dua kali lima, lima kali dua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang terakhir. Kalau *competitiveness*, tahap persaingan ini disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput, duduk Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun di belakang, saya minta dia duduk. Yang Berhormat teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Adakah itu negara seperti Indonesia, Vietnam, *Cambodia*, Thailand, mereka tidak *competitive* berbanding dengan Malaysia dan negara-negara yang lain? Saya nak tahu jugalah itu.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dalam *scale competitiveness* bagi negara kita, seperti mana kita sedia maklum, *we rank very higher than* negara-negara semua yang disebut tadi itu. *Some more*, perundangan kita, sistem mahkamah kita lebih dihormati daripada negara-negara yang disebut tadi. Itulah sebabnya *inventors* datang ke mari *and* daripada segi sistem pemprosesan dan seterusnya. *This is what made Malaysia among the top six in Asia* daripada segi indeks *competitiveness*. So Yang Berhormat memang sedia maklum dalam perkara ini, kita mempunyai kelebihan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Our standard is higher than all other countries* yang telah disebutkan tadi.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Boleh Jempol minta penjelasan sikit Yang Berhormat?

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Menteri, boleh?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tunggu, tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

■ 1210

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya hendak betulkan bahawa kilang-kilang solar ini dia tidak jatuh di bawah peraturan-peraturan dari segi jumlah *radiation* dan seterusnya di bawah Akta 304. Kita hanya terlibat kerana mesin-mesin yang mereka gunakan itu, *devices* itu adalah melibatkan *radiation* ataupun radio aktiviti punya mesin dan *measurement to make sure they are flat* atau rata. Itu sahaja dari segi operasinya. Dari segi jumlah *radiation* dalam itu ia sebenarnya begitu rendah sekali dan *mainly none ionizing radiation* di bawah. Jadi itulah pembetulannya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Begitu juga dengan soal.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tunggu, tunggu. Begitu juga dengan soal Petronas dan Shell dan seterusnya okey.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *I want to put on record.*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: *This is mainly for peralatan nuclear gauging bukan kerana soal ada solar di situ.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tadi apa solar punya itu, walaupun saya bangkitkan kematian yang berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu rekodkan saya tidak mahu *First Solar* itu keluar ke negara lain. *I want First Solar to stay put and bring in more investment, more than the RM8 billion that they have invested.*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya difahamkan pihak Kementerian Kesihatan. Kementerian-kementerian yang berkaitan akan teliti aduan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Yes, but I am not requesting them to move out of Kulim. I want them to stay put.*

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya rasa kementerian yang berkenaan telah pun mengambil bahagian. Saya rasa... *[Disampuk]* Ada lagi Yang Berhormat Jempol?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Boleh Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta penjelasan berkaitan dengan kelulusan Kerajaan Australia yang telah meluluskan sebuah kilang memproses nadir bumi yang sama seperti Lynas di Whyalla, Australia Selatan yang dinamakan Kompleks Nadir Bumi Arafura. Jadi maknanya kalau tuduhan yang diberikan tidak ada kelulusan di Australia, ini Kerajaan Australia telah pun meluluskan? Satu kompleks yang sama memproses Nadir Bumi.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, kita tidak payahlah menakut-nakutkan rakyat kerana jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kalau sekiranya dari segi saintifiknya dapat dibuktikan bahawa dengan pembentukan kilang Lynas ini nanti menyebabkan soal keselamatan tidak terjamin, kesihatan rakyat tidak terjamin, soal segala-galanya tidak terjamin, jaminan kerajaan bahawa kilang ini tidak akan diteruskan.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, saya pun tidak faham pembangkang ini. Bila kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Parlimen untuk membawa pembangkang sama dalam jawatankuasa tersebut, dia tidak hendak masuk. Ini kerana di situlah perbincangan secara *detail* dapat dibuat, di situ masa yang panjang. *[Tepuk]* Di situlah pakar-pakar Yang Berhormat itu boleh bentangkan kemudian dinilai oleh pakar-pakar kerajaan. Dari dengan fakta-fakta yang dikemukakan itulah baru rumusan dapat dibuat. Ini perbahasan yang singkat dalam Parlimen hanya hendak mengelirukan rakyat. Hendak mendapat undi dalam pilihan raya. Itu sahaja Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Betul Yang Berhormat Jempol. Saya rasa itu tepat sekali.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tunggu dahulu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Soalan sahaja.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tunggu dahulu. Tepat sekali. Sebenarnya saya hendak datang *exactly* kepada Arafura ini bahawa satu kilang *rare earth* akan beroperasi pada tahun 2013 di Southern Australia. Permohonan telah pun diajukan dan hanya lesen belum dikeluarkan. Jadi ini sekali lagi sebagai mengatakan bahawa di negara Australia dikatakan kenapa di sana dan bukan di sini dan seterusnya terjerat sesama sendiri.

Saya rasa yang penting adalah fakta-fakta yang ada ini hendaklah rasional untuk menelitinya dan jangan menggunakannya untuk sekadar menakut-nakutkan dan akhirnya

we look like fools before the world. Saya katakan terima kasih kepada semua yang terlibat kerana sudah cukup panjang.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya ada soalan sedikit.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kepada yang mengambil bahagian dalam perbincangan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, saya ada soalan.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Lagipun yang lebih *detail* daripada itu akan tingkatan masalah dan Ahli Yang Berhormat lain kita boleh berbincang bersama nanti.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

12.14 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Ledang membangkitkan isu keluasan hutan simpan di Johor. Seperti mana dalam Laporan Ketua Audit Negara 2011, beliau berkata Johor pada hakikatnya berjaya mengekalkan lebih 30% keluasan tanahnya dengan hutan dan fakta ini harus disebarkan secara luas kepada rakyat oleh pihak kerajaan. Suka saya memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memberi keutamaan ke atas usaha-usaha memulihara, pemuliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi dan alam sekitar serta komited ke arah mengekalkan kawasan-kawasan hutan simpan kekal atau *exist care*.

Pada masa ini kawasan berhutan di negeri Johor dianggarkan seluas 570,000 hektar ataupun 30% daripada jumlah keluasan tanah di Johor. Pihak kementerian dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sering kali menyebarkan maklumat mengenai perhutanan melalui program-program kesedaran awam seperti pameran dan juga program perkhemahan yang diadakan sama ada peringkat ibu pejabat atau di peringkat negeri. Pihak kerajaan juga sering kali memaklumkan fakta terkini. Mengenai perhutanan dalam upacara-upacara rasmi seperti sambutan Hari Perhutanan Sedunia yang diadakan pada 21 Mac setiap tahun dan lain-lain sambutan berkaitan perhutanan. Selain itu maklumat perhutanan boleh didapati melalui Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri dan Buku Laporan Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta laman web JPSM.

Yang Berhormat Kuala Krau membangkitkan isu..

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Minta penjelasan sedikit. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin tertinggal lagi isu iaitu di Johor ada keluasan hutan, tadi disebut Johor mempunyai 330,000 hektar hutan simpan. Itu adalah termasuk Taman Negara di Gunung Ledang. Cuma saya ingin tahu bagi Taman Negara, Taman Endau-Rompin seluas 46,000 hektar tidak dimasukkan dalam keseluruhan keluasan hutan simpan Johor sedangkan ia mempunyai mutu yang sama. Saya sebut tempoh hari, original, masih ori lagi sebagaimana hutan simpan di Gunung Ledang.

Jadi saya memohon supaya pihak Kementerian Sumber Asli memeriksa semula Hutan Simpan Endau-Rompin yang pada kami semua adalah sama taraf dengan hutan simpan di Gunung Ledang supaya diiktiraf sebagai sebahagian daripada keluasan hutan simpan seluruh Johor. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, kami akan mengambil perhatian terhadap Yang Berhormat Ledang berkaitan dengan mengkaji semula kawasan-kawasan yang mungkin terlintas daripada jawapan saya sebentar tadi. Yang Berhormat Kuala Krau membangkitkan isu kelulusan peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan di Hutan Lipur Gunung Senyum yang terletak dalam Hutan Simpan Jengka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan yang dibuat dengan Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Pahang didapati bahawa peruntukan sebanyak RM2 juta seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sememangnya telah diluluskan untuk kerja-kerja peningkatan kemudahan pelancongan Hutan Lipur Gunung Senyum semasa Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun kelulusan tersebut dibatalkan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Pahang.

■ 1220

Perkara ini akan diperjelaskan oleh pihak Kementerian Pelancongan Malaysia semasa penggulungan nanti. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mempunyai 28 buah hutan lipur dan sebuah Hutan Taman Negeri yang terletak di dalam Hutan Simpan kekal di negeri Pahang. Penyelenggaraan semua kawasan hutan lipur dilaksanakan oleh JPNP menggunakan peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan peruntukan pembangunan sebanyak RM110,000 pada tahun 2011 dan RM122,000 untuk tahun 2012. Peruntukan yang diluluskan untuk penyelenggaraan semua hutan lipur di Daerah Temerloh adalah RM20,000 bagi tahun 2011 dan jumlah yang sama bagi tahun 2012.

Yang Berhormat Pasir Mas bertanya kenapa berlaku tanah-tanah rizab Melayu bertukar hak milik kepada bukan Melayu seperti mana yang telah berlaku di Kedah dan Kelantan. Beliau juga bertanya jumlah tanah rizab Melayu pada masa sekarang dan berapa jumlah yang belum diganti ekoran pengambilan tanah-tanah ini untuk projek awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin memperjelaskan bahawa pentadbiran tanah rizab Melayu adalah tertakluk kepada Enakmen Tanah Rizab Melayu di negeri masing-masing. Adalah dimaklumkan semua keputusan berhubung tanah rizab Melayu termasuk di negeri Kedah dan Kelantan adakah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri.

Menurut Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, sekiranya tanah rizab Melayu tersebut telah dibatalkan, pihak berkuasa negeri perlu mengganti tanah rizab Melayu tersebut dengan jenis tanah yang sama atau dengan izin, *the same character* dan tidak melebihi kawasan yang dibatalkan. Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri melarang pindah milik dan urus niaga seperti pajakan dan gadaian kepada orang atau badan bukan Melayu. Sekiranya ada mana-mana tanah rizab Melayu telah dipindah milik kepada bukan Melayu maka urusan tersebut adalah tidak sah dan terbatal di sisi undang-undang dan pihak pentadbiran tanah negeri akan mengembalikan tanah rizab Melayu tersebut kepada tuan punya asal.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Mohon laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Mengenai laporan Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:Ya, sila Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih. Saya tertarik juga dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya biasa masa mula-mula Parlimen dahulu bertanya kepada bahagian kajian Parlimen, untuk bertanya mengenai pindah milik tanah rizab banyak mana lagi yang tinggal dan sebagainya. Jawapan yang saya dapat ialah tidak ada rizab-rizab Melayu yang jumlahnya masih kekal. Saya hendak tanya dakwaan-dakwaan yang telah dibuat oleh beberapa orang Yang Berhormat ini, apakah kuasa pusat untuk mendapat maklumat terperinci daripada negeri supaya ianya tidak dipolitikkan. Kalau betul ada maka perlu didedahkan dan apa kuasa pusat sekarang? Maknanya untuk meminta data-data ini daripada negeri untuk dibentangkan di Parlimen ini supaya tidak

timbul dakwaan-dakwaan yang tidak berasas dan saya kira dakwaan-dakwaan yang dibuat di Parlimen ini banyak yang tidak berasas, kedua-dua belah pihak kadang-kadang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jadi, apakah peranan persekutuan dalam hal ini walaupun kuasa tanah adalah di bawah negeri tetapi apakah peranan persekutuan? *Check and balance* itu di mana? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya sekalikan kerana persoalan yang sama.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pertamanya saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan, sememangnya tanah rizab Melayu tidak boleh dipindah milik. Kalau dipindah milik ianya terbatal. Itu dalam undang-undang. Akan tetapi ada tanah rizab Melayu yang digadai kepada syarikat-syarikat bukan bumiputera atau seumpamanya sehingga sampai kepada tempoh 60, 70, dan mungkin 90 tahun. Tinggal lagi dalam syarat ini kononnya tidak boleh dicagarkan kepada bank. Akan tetapi memang digadai kepada syarikat-syarikat tertentu. Ini diakui sendiri oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan contohnya, apabila mereka menjawab apabila ada tuduhan mengenai dengan tanah rizab Melayu bertukar tangan. Jadi, ini bukan soal politik. Ini soal menjaga kepentingan.

Jadi ada pihak pula bila kita bangkitkan perkara ini dia kata politik tetapi mereka ini ada juga membangkitkan perkara-perkara yang juga menjurus kepada kepentingan politik kepada mereka yang berkenaan. Saya orang Melayu, saya hendak pertahankan kepentingan Melayu walaupun ada orang Melayu yang menimbulkan persoalan kononnya ini politik. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Pertamanya, saya ingin menjawab terlebih dahulu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang terdahulu untuk mengemukakan pertanyaan itu ialah berkaitan dengan kuasa persekutuan sama ada Kerajaan Persekutuan ini mempunyai kuasa untuk meminta maklumat-maklumat daripada kerajaan negeri yang ada berhubung kait dengan tanah rizab Melayu. Seperti mana yang saya katakan awal-awal sebentar tadi, kerajaan yang jelas atau kuasa yang jelas berkaitan tanah rizab Melayu ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan yang ada terbabit di sana ialah peruntukan yang termaktub di dalam perlembagaan kita, di mana ia mengatakan yang sebenarnya memberikan garis panduan kepada kerajaan negeri di bawah undang-undang persekutuan ini yang mengatakan kalau sekiranya ada tanah rizab Melayu ditukarkan milik maka secara automatik dari segi undang-undang itu akan terbatal dan sepatutnya itu dipatuhi oleh setiap kerajaan negeri.

Tentang kuasa sama ada kita boleh meminta maklumat-maklumat tertentu, kita boleh minta tetapi tidak ada mekanisme yang terdapat dalam undang-undang memaksa sesebuah negeri itu untuk memberi maklumat kepada kita. So, dalam perkara ini saya sudah menghadiri beberapa mesyuarat dalam Majlis Tanah Negara dan jarang sekali kita membangkitkan tentang kuasa kerajaan negeri, berkaitan dengan *how they deal with* tanah rizab Melayu. *We can ask them*. Kita boleh minta daripada mereka tetapi seperti yang saya katakan tadi *we can't force them to give us* maklumat yang kita hendak daripada mereka. Pertanyaan daripada...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, sedikit lagi. Sebelum Yang Berhormat jawab yang saya tanya tadi, ini tambahan. Saya hendak merujuk kepada pengetahuan Yang Berhormat seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia*, 9 Februari 2012. Yang Berhormat sebut tadi kalau ada tanah rizab Melayu bertukar milik ianya terbatal tetapi ada satu kes berlaku di Kampung Pengkalan Kundur di mana terdapat sekumpulan orang Melayu yang kehilangan tanah mereka, tanah rizab Melayu dan mereka membawa ke mahkamah.

Pada awalnya mahkamah menolak kerana peguam yang dilantik oleh kumpulan yang terlibat ini tidak hadir. Maka mereka telah mengemukakan rayuan di Mahkamah Rayuan melalui firma Ahmad Rusydi and Partner. Akhir sekali Mahkamah Rayuan menerima untuk mendengar semula kes ini.

Jadi, kalau mengambil kira apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi, perkara ini tidak patut pergi ke mahkamah sebab tindakan menukar hak milik ini dengan sendirinya terbatal. Yang berlaku di Pengkalan Kundur, saya minta Yang Berhormat beri perhatian. Walaupun ianya tanggungjawab kerajaan negeri tetapi perkara ini boleh dirujuk dan dibawa kepada Majlis Tanah Negara Jawatankuasa Kabinet untuk melihat perkara-perkara yang sedang berlaku walaupun ianya tanggungjawab kerajaan negeri tetapi mesti dipantau oleh Kerajaan Pusat sebab ada juga tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk kegunaan awam seperti jalan raya, sekolah dan sebagainya. Walaupun tanah itu di bawah kuasa kerajaan negeri.

■ 1230

Saya hendak tahu jumlah tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan Pusat, tanah rizab Melayu ini mesti ada bank data, mesti ada maklumat sebab kita hendak tahu sama ada diganti ataupun tidak. Kalau tidak kita hanya bercakap retorik sahaja. Saya pun tidak mahu retorik. Saya hendak *figure*, saya mahu fakta supaya kita dapat tahu kedudukan sebenarnya tanah rizab Melayu ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya ingin mengatakan di sini bahawa kalau sekiranya ada kes berlaku, di mana sesuatu kes itu dibenarkan, saya tidak tahu siapa yang memberi kebenaran ini tetapi kalau ianya berlaku saya percaya kelakuannya itu ialah melalui cara-cara yang tidak teratur dan kalau sekiranya yang paling baik cara dia itu ialah untuk merujuk ke mahkamah untuk mendapatkan deklarasi daripada mahkamah mengatakan bahawa selaras dengan peruntukan perlembagaan ini ia terbatal. *'It is null avoid, transfer the null avoid'*. Itu cara terbaik dan saya percaya itulah yang diambil oleh mahkamah apabila ia mendengar kes ini yang satu itu berkaitan dengan saya lupa Yang Berhormat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta pandangan Yang Berhormat mengenai dengan gadaian. Gadaian tanah rizab Melayu kepada syarikat-syarikat tertentu. Walaupun ditetapkan syarat bahawa tanah-tanah tersebut tidak boleh dicagar kepada bank tetapi gadaianya sampai berpuluh tahun lamanya. Makna generasi ke generasi baru boleh dapat balik ke pihak yang asal ataupun kepunyaan kerajaan. Jadi saya hendak minta apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini sebab gadaian ini bukan bererti setakat pindah milik ataupun dicagar pada bank tetapi begitu lama masa gadaian itu kepada pihak-pihak tertentu.

Jadi ini juga anehlah maknanya merugikan sebab tindak-tanduk ini jelas menunjukkan pihak yang bertanggungjawab ataupun negeri yang bertanggungjawab tidak ada bermoral dari segi tanggungjawabnya. Untuk memperkasakan tanah rizab Melayu dalam erti kata yang sebenarnya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih dalam perkara ini saya telah diberi kefahaman kalau sekiranya ia digadai *it's leased*. Ia diberi *lease* kepada lain orang maka saya telah difahamkan bahawa itu tidak ada halangan tetapi status tanah itu, status tanah itu *were Malay reserved* juga. Jadi kalau ini berlaku, kalau ia 60 tahun diberi sewa, di *lease* mungkin terpaksa kita menunggu *before it delivered back*. Okey ada juga soalan daripada Yang Berhormat Pasir Mas sebentar tadi berkaitan dengan fakta-fakta, *I'm going to that*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai laporan Yang Berhormat mengenai beberapa kes pindah milik tanah rizab Melayu kepada orang atau badan bukan Melayu, kementerian ini berharap pihak berkuasa negeri berkenaan menyasat dan mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang sedia ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut rekod yang dikemukakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri-negeri yang mempunyai tanah rizab Melayu. Jumlah kawasan tanah rizab Melayu di Semenanjung Malaysia sehingga 31 Disember 2011 ialah 4.362 juta hektar. Manakala *this will answer your question* Yang Berhormat, manakala jumlah tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan dan belum diganti di Semenanjung Malaysia ialah 19,604 hektar.

Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Taiping membangkitkan masalah banjir di kedua-dua kawasan Baling dan Taiping tersebut. Untuk makluman, kementerian saya menyedari akan masalah banjir.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, sedikit sahaja lagi Yang Berhormat. Sedikit lagi. Yang Berhormat kata tadi ada 19,000 hektar yang belum lagi

diganti. Bila tanah ini akan diganti dan apa usaha Kementerian Yang Berhormat untuk menentukan bahawa tanah ini akan diganti dengan segera? Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kerajaan negeri, kerajaan negeri akan bertanggungjawab. Itulah saya cakapkan sebentar tadi ini tanah rizab Melayu ini adalah semata-mata di bawah bidang kuasa setiap kerajaan negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Taiping, kementerian menyedari akan masalah banjir yang berlaku di kedua-dua kawasan tersebut. Buat masa ini memandangkan peruntukan yang terhad, pihak kerajaan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang kritikal. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa prihatin akan masalah banjir di Baling dan Taiping dan sentiasa berusaha untuk menanganinya, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan pada masa hadapan.

Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan masalah banjir di kawasan Kerian. Beliau menyarankan supaya satu kajian yang menyeluruh dibuat untuk menangani isu banjir yang bukan sahaja di Kerian tetapi juga di kawasan-kawasan lain termasuk kawasan Lenggong yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong serta kawasan Selama dan Bagan Serai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM490 juta telah diluluskan untuk program tebatan banjir di lembangan Sungai Kerian yang melibatkan tiga buah negeri iaitu Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Projek ini akan dilaksanakan berdasarkan kajian terperinci yang telah disiapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Kerja-kerja tebatan banjir di lembangan Sungai Kerian tersebut yang merangkumi 23 pakej akan dijalankan secara berperingkat bermula pada tahun 2012. Kerja-kerja tersebut turut melibatkan kawasan Selama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Bagi kawasan lain pihak JPS mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek tebatan banjir dan ia bergantung kepada kelulusan peruntukan yang sewajarnya. Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Ampang membangkitkan tentang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini hujan lebat dan lepas itu banjir berlaku di seluruh Ipoh dan satu di antara sebabnya adalah apa dikatakan *siltation* di Sungai Pari, Sungai Kinta dan sebagainya dan bila kita berjumpa dengan JPS, JPS telah datang ke tempat tersebut dan mengatakan bahawa perlu membuat *deepening of the river*. Adakah ini akan menyelesaikan perkara di sana dan bagaimana kita boleh buat sesuatu yang ada dengan kementerian dengan *department* tersebut supaya banjir-banjir ini tidak berlaku. Ini kerap kali berlaku hingga menyebabkan banyak kehilangan harta benda. Bagaimana ia dapat dielak supaya *once and for all* perkara ini dapat diselesaikan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat, saya tidak mempunyai butir-butir terperinci berkaitan dengan ini tetapi saya akan *check* dan akan memberitahu Yang Berhormat secara bertulis, boleh?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih kepada jawapan tersebut. Boleh juga memberi satu *detail* analisis kerana saya difahamkan satu di antara faktor yang menyebabkan kebanjiran bukan sahaja sungai itu *siltation* dan sebagainya, *upstream*, *over logging* yang menyebabkan dan *no sustainable registration* di *upstream* di mana dikatakan di Puncak Jelapang dan sebagainya. Bolehkah *an holistic approach* dibuat dalam perkara ini supaya satu penyelesaian banjir di Ipoh dapat dihasilkan?

■ 1240

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Sememangnya Ahli Yang Berhormat, pendekatan kita sekarang untuk mengatasi masalah banjir ini ialah melalui cara holistik atau bersepadu. Akan tetapi, ini memerlukan kajian yang secara mendalam. Namun demikian, untuk sementara waktu oleh sebab Yang Berhormat sangka ada *logging* di atas, saya tidak tahu sama ada ini berlaku atau tidak. Kalaulah boleh, Yang Berhormat boleh bantu untuk memberitahu oleh kerana *rivers can become long*. Kita punya *drain* pun juga

boleh jadi tersumbat kalau sekiranya rakyat kita tidak prihatin tentang cara-cara kita, *how* untuk membuang sampah sarap ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kalau ini berlaku, tolonglah Yang Berhormat beritahu kepada mereka jangan berbuat demikian. Kita minta kerjasama.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah berjumpa dengan seorang pakar *civil engineer* dari USA yang katakan bahawa ada satu akta berkaitan yang tidak diimplementasikan oleh kementerian. Akta itu ialah Akta Conservation Act di mana yang saya *check* di Internet telah diluluskan pada tahun 1966. Kalau ia diimplementasikan *to the letter of the word*, perkara-perkara semacam ini tidak akan berlaku. Saya difahamkan ada kekurangan perhatian oleh kementerian dan juga PBT dalam perkara ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: [Bangun]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya harap perhatian yang lebih aktif, sensitif diadakan dalam perkara ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya akan mengambil perhatian. Akan tetapi, tuduhan berkaitan satu akta dibuat kementerian yang bertajuk '*The Conservation Act*' tidak diimplementasikan itu tidak betul. Kita mempunyai undang-undang seperti alam sekeliling semua ini. Peraturan-peraturan yang diwujudkan di bawahnya termasuklah undang-undang yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. *We are very careful*. Kita melaksanakan semua itu. Jadi minta maaflah Ahli Yang Berhormat ini. Mungkin maklumat yang kita dapat ini tidak berapa tepat atau kemungkinan besar kami tidak tahu oleh kerana Ahli Yang Berhormat sendiri tidak membawa ke perhatian kepada pihak tertentu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, apabila sungai kita airnya menjadi warna teh susu. *There is something wrong*. Ini yang dikatakan oleh *engineer* tersebut. Saya rasa *it makes sense because over logging is the cause of it*. Ini saya pernah difahamkan mungkin diketahui oleh Yang Berhormat yang menyatakan bahawa saya patut memberi satu alasan atau yang tetap. *I can't do that. I don't have the resources to do that*. Akan tetapi, kalau satu sungai yang patut air warna putih menjadi kopi susu, *there is something to do that*. Ini *on the face* boleh tengok. Kedua, adakah *retention pond* akan menyelesaikan perkara-perkara banjir ini? Apa pandangan Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Seperti mana saya katakan sebentar tadi Yang Berhormat Ipoh Barat ialah apabila kita membuat satu lembangan *retention pond* ini, ia memerlukan kajian terlebih dahulu. Kita mengambil kira semua fakta. Fakta-fakta yang kita ambil itu ialah pada tahun-tahun yang lepas, apa macam keadaan sungai itu, hujan dan sebagainya. Sememangnya, *I cannot say first word that retention pond* ini boleh menyelesaikan banjir 100%. Sememangnya mungkin walaupun dengan sedaya upaya kita membuat sesuatu untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu, mungkin ada juga masalah yang tidak diduga.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Pohon laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: [Bangun]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Bagi Arau dahulu.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ustaz, ustaz hendak cakap kah? Sekejap ustaz ya, bagi saya cakap. Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berlaku di negara kita ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang soal tanggungjawab. Bukan soal *management, forest management, upstream activities* yang tidak terkawal dan juga soal kuat kuasa undang-undang misalnya. Penebangan balak, saya tidak salahkan kerajaan negeri ataupun kerajaan federal. Penebangan balak misalnya, kita lihat *sand mining activities* misalnya,

perlombongan pasir yang tidak terancang di kawasan hulu yang menyebabkan yang bekalannya sampai di peringkat ini bukan sahaja teh susu, apa pun boleh jadi.

Di sini juga akan menyebabkan berlaku. Ini sumber bekalan air. Saya tidak bercakap dalam konteks banjir tetapi *raw water* ini di bawah NRE, di bawah Jabatan Alam Sekitar. Jadi bermakna kata dalam hal ini, kita kena ada satu undang-undang yang lebih kukuh, yang lebih kuat terutamanya dalam pengurusan hutan kita seperti mana yang diamalkan, seperti mana yang dipraktikkan di negara-negara maju. Jadi saya pohon pihak Yang Berhormat mengambil maklum perkara ini dan supaya kita dapat melaksanakan perkara ini dengan lebih bertanggungjawab, dengan lebih berhemah supaya di masa akan datang kita tidak akan ada masalah kekurangan *raw water* untuk keperluan. Bukan sahaja banjir, ia datang secara fenomena, secara bencana. Akan tetapi yang kita perlukan dalam kehidupan, itu yang harus menjadi perancangan utama dan juga komitmen daripada pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Boleh sekali gus Yang Berhormat Timbalan Menteri, berhubung banjir tadi. Sekurang-kurangnya saya bertemu dengan beberapa pihak terutama sekali dengan JPS. Langkah-langkah yang boleh dilakukan agak lebih cepat iaitu pertama sekali kita mengatasi faktor-faktor yang agak kritikal, yang boleh menyebabkan berlaku banjir. Pertama sekali ialah kerana program-program pembangunan lebih-lebih lagi untuk jalan raya dan sebagainya yang dilihat seolah-olah tidak mengambil kira dengan laluan air atau tempat-tempat yang semula jadi, *nature* untuk air lalu. Maka apabila kawasan-kawasan itu ditimbus untuk pembangunan menyebabkan salah satu tempat yang tidak pernah berlaku banjir, ia akan berlaku banjir. Kedua, apakah pihak kementerian menyedari salah satu sebab utama ialah sungai-sungai yang luas dilalui oleh air dengan senang sekarang menjadi sempit.

Begitu juga sungai-sungai yang dahulunya dalam, sekarang sudah menjadi cangkak. Inilah yang sebenarnya faktor-faktor yang juga dikira penting bagi mengatasi masalah banjir. Jadi persoalan saya, apakah pihak kementerian ingin melihat dengan suatu yang agak lebih serius. Jadi kita dapat memperuntukkan dengan peruntukan yang sewajarnya daripada Tabung Bencana Alam ataupun sebagainya bagi mengatasi masalah ini segera. Sebab JPS mengatakan kalau dua perkara ini kita dapat ambil tindakan cepat, sekurang-kurangnya masalah banjir ini akan dapat diredakan walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih oleh kerana sebilangan banyak yang kedua-dua Ahli Yang Berhormat sentuhkan sebentar tadi itu merupakan cadangan juga. Jadi pertamanya yang ditanya itu berkaitan dengan pengurusan hutan. Kita di sini bukan hanya sahaja mengguna taraf untuk mengurus hutan.

Apa yang kita praktikkan sekarang ini iaitu pengurusan hutan kekal *Sustainable Forest Management*. Maka kita juga sedang merancang berkaitan dengan pengubahsuaian undang-undang kita, undang-undang Akta Perhutanan ini di mana pembalok-pembalok haram ini akan dikenakan penalti yang lebih tinggi dan *we will have to make them seek reliable. Seek reliable means there will be prosecuted on the basis of the strict liability* dan kita harap dengan adanya undang-undang ini kita dapat menguruskan lagi pembalokan kita dan sekali gus memperbaiki keadaan punca air kita ini. Okey, saya akan mengambil kira semua cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling bukan tadi itu? Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■ 1250

Bukit Mertajam pun dilanda masalah banjir. Sudah lama lebih daripada 10 tahun dan juga ada banyak rancangan dikatakan telah dirancang. Jadi saya minta satu *mapping* daripada JPS pada satu bulan yang lalu supaya kita sama-sama lihat di mana masalahnya dan apakah rancangannya dan kita sama-sama berusaha untuk menyelesaikan. Jadi saya hanya minta supaya kementerian memberikan *mapping* kepada masalah banjir ini di Bukit

Mertajam dan di Pulau Pinang dan juga memberikan peruntukan untuk menjalankan semua rancangan tebatan banjir ini. Harap diambil perhatian serta terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya akan mengambil perhatian. Dalam jawapan saya dalam sesi soal jawab terlebih dahulu pun saya telah jawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam itu. Berkaitan dengan *mapping*, kita boleh berjumpa dengan pegawai-pegawai JPS di Bukit Mertajam, minta kerjasama untuk memberitahu *mapping* keadaan banjir di Bukit Mertajam. Peruntukan itu saya tidak boleh jamin sebenarnya oleh kerana ada lagi tempat-tempat yang lebih kritikal yang di mana kita semestinya melaksana membaiki terlebih dahulu. Akan tetapi seperti mana yang saya kata dahulu itu, kami akan berusaha untuk mendapat peruntukan supaya masalah banjir di Bukit Mertajam itu dapat dikurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ada beberapa *pages* lagi..

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Datuk Seri...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Nantilah. Nanti saya. Yang Berhormat Putatan ini pun ada juga di sini. Jadi tungguh... *I finish this one first*. Okey, Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Ampang membangkitkan kejadian banjir kilat yang berlaku di Kuala Lumpur pada 7 Mac 2012. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan projek SMART adalah untuk mengurangkan masalah banjir di pusat bandar raya Kuala Lumpur. Akibat daripada limpahan Sungai Klang iaitu di sepanjang Sungai Klang selepas pertemuan Sungai Klang, Sungai Ampang dan sekitar kawasan Masjid Jamek, Jalan Tun Perak, Jalan Masjid India, Lebuhraya, Lebuhraya Ampang, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Sultan Ismail. Pada kejadian banjir 7 Mac 2012, hujan yang luar biasa sebanyak 227 mm dalam masa tiga jam sahaja telah dicatatkan di stesen Sungai Ampang, Bukit Belacan dalam kawasan tadahan SMART.

Ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat berlaku memandangkan curahan hujan yang luar biasa ini. Selain itu, kejadian banjir di kawasan-kawasan lain di Kuala Lumpur pada hari tersebut juga tidak dapat dielakkan kerana intensiti hujan adalah luar biasa di mana sistem perparitan dalaman tidak berupaya untuk menampung lebih air tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan prihatin mengenai masalah banjir di kawasan Bukit Belacan dan Kampung Bukit Sungai Putih. Sehubungan dengan itu, pihak JPS akan membuat kajian bagi mengenal pasti punca kejadian banjir serta mencadangkan kaedah struktur dan bukan struktur untuk menanganinya. Pada kejadian 7 Mac 2012, sistem penggera yang dipasang di Kampung Lembah Jaya Utara telah berfungsi mengikut reka bentuk. Sistem penggera ini adalah salah satu di antara 436 siren atau penggera yang telah dipasang di seluruh negara untuk memberi amaran awal kepada penduduk di kawasan yang berpotensi berlaku banjir.

Penggera di Kampung Lembah Jaya Utara telah dipasang pada 19 Mac 2011 dan menggunakan reka bentuk dan teknologi terkini. Ini memberi amaran pada tiga peringkat iaitu peringkat waspada, amaran dan bahaya. Jabatan Pengairan dan Saliran akan terus mengkaji kaedah-kaedah lain seperti sistem penggera yang lebih efektif bagi kawasan berbukit bagi mengurangkan risiko banjir di Lembah Jaya. Kerajaan akan membantu dan mendapatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menangani masalah banjir di Kuala Lumpur secara bersepadu.

Yang Berhormat Putatan membangkitkan masalah banjir di Putatan dan menyarankan supaya peruntukan yang secukupnya diberi untuk menanganinya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan Parlimen Putatan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan dua pakej kerja pembaikan saluran terhadap bahagian hilir kawasan Putatan iaitu rancangan tebatan banjir Sungai Petagas, Putatan Sabah, Seri Pandan Fasa 1 dengan peruntukan RM3.2 juta dan rancangan tebatan banjir Sungai Petagas, Putatan Sabah, Jalan Pasir Putih, SMK Putatan dengan peruntukan RM5.3 juta. Kerja bagi kedua-dua pakej ini telah bermula pada bulan Ogos 2011 dan dijangka siap masing-masing pada bulan Ogos dan Disember 2012. Bagi penyelesaian jangka panjang, kajian pelan induk tebatan banjir Sungai Moyong termasuk kampung Ulu Tobongan dalam kawasan Parlimen Putatan telah disiapkan pada 2011. Mulai tahun ini, reka bentuk terperinci sedang dilaksanakan dan peruntukan kerja-kerja fizikal akan dipohon dalam

rolling pelan ketiga Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu 2013-2014 dalam tempoh rancangan. Untuk makluman, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 pula, JPS telah membelanjakan sebanyak RM1.09 juta untuk rancangan tebatan banjir Sungai Putatan dan RM4.65 juta untuk rancangan tebatan banjir Sungai Petagas. Yang Berhormat Putatan juga, nanti kasi habis dahulu...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat Putatan juga membangkitkan masalah pemuliharaan sungai di Putatan. Suka saya maklumkan, isu pencemaran sungai haruslah ditangani oleh semua pihak dan tidak dibebankan kepada kerajaan sahaja. Penduduk-penduduk sekitar sungai sama ada penduduk setinggian mahupun tidak seharusnya memainkan peranan dalam memelihara sungai dan tidak menjadikan sungai sebagai tong sampah. Walaupun pihak kerajaan kerap menjalankan kerja-kerja pembersihan sungai tetap akan menjadi kotor jika rakyat tidak bekerjasama. Pihak kementerian akan terus memantau keadaan tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya bergantung kepada peruntukan yang disediakan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat Langkawi...*[Ketawa]* Okey, okey.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Nombor satu, bagi pihak warga Putatan berterima kasih kepada pihak kementerian kerana memberi perhatian yang begitu jitu kepada kawasan Putatan yang selalunya menghadapi masalah banjir juga masyarakat di Putatan, rakyat di Putatan berterima kasih kepada pihak Menteri oleh sebab turun padang ke kawasan Putatan untuk melihat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tolong minta untuk Beluran Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Beluran pun berterima kasih juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tolong minta...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Oh, tolong minta. Okey. *[Ketawa]* Berterima kasihlah rakyat Putatan, saya mohon bagi pihak rakyat dari Putatan berterima kasih kepada pihak kementerian dan Kerajaan Barisan Nasional kerana sungguh prihatin dengan masalah banjir di Putatan. Menteri, ada saya punya usul Aturan Urusan Mesyuarat hari ini muka surat 15, yang bahawa bukan sahaja di Putatan, kita ini termasuk Beluran. Sungai Beluran juga Sungai Kinabatangan, Sungai Padas seluruh lah Sungai Pensiangan pun ada yang menjadi cetek pada ketika ini oleh kerana sebab-sebab pembangunan di persekitaran. Kita mahu pembangunan, pertanian, pembangunan pertanian, pembalakan dan sebagainya dan ini menyebabkan sungai-sungai kita ini sudah cetek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Dahulu di Beluran ini boleh *navigable* dengan izin.. Sekarang kebanyakan sungai kita tidak *navigable*. Bolehkah pihak kementerian mendesak kepada Kementerian Kewangan untuk memberi peruntukan yang secukupnya mengatasi sungai-sungai termasuklah di Sungai Julau sana yang cetek ini supaya banjir ini agak berkurangan kerana fenomena pemanasan global ini agak mendesak. Boleh tidak menjamin permintaan ini? Termasuk Sungai Beluran. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri jawab petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]

2.33 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila sambung. Panjang lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Lebih kurang satu atau dua isu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin saya ingin menjawab terlebih dahulu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Putatan. Yang Berhormat Putatan sebentar tadi telah membangkitkan kecewaan beberapa sungai di negeri Sabah iaitu Sungai Putatan, Sungai Beluran dan Sungai Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyedari bahawa sungai-sungai ini sudah menjadi cetek dan ada berlainan keadaannya sekarang daripada dahulukala. Ini disebabkan beberapa faktor yang dibuat oleh manusia sendiri. Pertamanya, apabila ia menjadi cetek, sememangnya banjir. Apabila hujan turun lebat, maka banjir berlaku dan ramai orang terlibat yang berada di pinggir-pinggir sungai itu. Maka, apa yang berlaku di sini Tuan Yang di-Pertua ialah kemungkinan besar dan di Sungai Putatan saya juga sendiri mengetahui bahawa ada berlakunya pembalakan. Pembalakan yang *legal* pun ada juga tetapi mungkin tidak mengikut syarat-syarat yang telah dikenakan oleh kerajaan. Ada juga mungkin berlaku pembalakan haram yang sama sekali tidak mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan kepada mereka oleh kerajaan mengakibatkan banyak sisa-sisa kayu masuk dalam sungai. Jadi...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Putatan tiada balak. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, okey. Walaupun Putatan tiada membalak tetapi bagi hulunya, saya terlihat di mana tanah-tanah yang ada di sana itu sedang dibangunkan untuk penanaman kelapa sawit, penanaman getah dan sebagainya. Betul?

Jadi, seperti mana yang saya katakan sebentar tadi, saya juga menyedari hal ini. Saya sedar ini dan kami akan menjalankan satu kajian yang menyeluruh dan selepas itu kami akan mengambil tindakan dan salah seorang daripada Sabah juga, saya akan berusaha dengan sedaya upaya untuk mendapatkan peruntukan supaya keadaan ini dapat diatasi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Langkawi, yang ada berhubung kait dengan masalah kecewaan muara cetek di Langkawi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memperjelaskan bahawa pembinaan jeti adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Laut Malaysia. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia difahamkan jeti yang sedia ada digunakan bukan sahaja sebagai jeti penumpang tetapi ia juga digunakan sebagai jeti pengangkutan barang. Kedalaman air di jeti adalah empat meter hingga lima meter dan ia mencukupi untuk feri-feri yang menggunakan kemudahan tersebut. Sehubungan dengan itu, masalah kelewatan jadual perjalanan feri tidak disebabkan oleh air yang cetek dan berlumpur. Muara sungai yang terhampir dengan Jeti Kuah adalah Sungai Pemark yang terletak dua kilometer dari jeti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Perbahasan Titah Ucapan Diraja 2012 terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam perbahasan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Menteri Pelancongan.

2.38 ptg.

Menteri Pelancongan [Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan semasa Perbahasan Titah Diraja sempena Pembukaan Penggal Kelima Dewan Rakyat. Kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian terhadap semua pandangan, saranan dan teguran yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Jempol, Ahli Yang Berhormat Kapit, Ahli Yang Berhormat Labuan, Ahli Yang Berhormat Kuala Krau, Ahli Yang Berhormat Bukit Katil, Ahli Yang Berhormat Lenggong, Ahli Yang Berhormat Taiping, Ahli Yang Berhormat Parit, Ahli Yang Berhormat Hulu Rejang dan Ahli Yang Berhormat Libaran.

Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah seperti meningkatkan aktiviti promosi pelancongan negara, pembangunan prasarana pelancongan, aduan para pelancong, latihan kepada penggiat industri pelancongan serta pembangunan industri pelancongan di kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya berterima kasih dan bersetuju dengan Yang Berhormat Jempol dan ingin memaklumkan bahawa sememangnya Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia sentiasa meningkatkan dan mempelbagaikan produk pelancongan serta mengadakan aktiviti promosi bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Misalnya, kementerian ini telah memperkenalkan dan menjadikan produk-produk makanan, kesenian lukisan dan kasut Malaysia sebagai produk pelancongan yang baru seperti *Fabulous Food 1Malaysia*, *1Malaysia Contemporary Arts Tourism* dan *Malaysia International Shoe Festival*.

■ 1440

Untuk makluman jenama global pelancongan Malaysia, *Malaysia Truly Asia* akan terus digunakan bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi *Top of The Mind* yang unggul dan dikenali oleh pelancong antarabangsa sebagai negara yang kaya dengan pelbagai budaya, agama, warisan dan produk pelancongan eko. Bagi pasaran domestik Cuti-cuti 1Malaysia digunakan untuk tujuan promosi bagi menggalakkan pelancongan di kalangan rakyat Malaysia ke destinasi dan produk-produk pelancongan di Malaysia seperti Port Dickson, Muzium Diraja Sri Menanti, Pusat Kedai Borong Nilai, Rembau Crystal di Negeri Sembilan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan berterima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Kapit mengenai pembangunan tempat-tempat berpotensi di kawasan Kapit dan akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan pandangan dan sokongan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Taiping, projek kereta kabel di Bukit Maxwell telah pun diswastakan kepada Syarikat Taiping Cable Car Sdn Bhd oleh pihak kerajaan negeri. Kementerian Pelancongan menyokong penuh projek ini.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Kuala Krau mengenai pembangunan pelancongan di Hutan Lipur Gunung Senyum. Ingin saya memaklumkan bahawa projek ini pernah diberikan peruntukan sebanyak RM2 juta pada tahun 2005 iaitu di bawah RMKe-9. Namun demikian, telah ditangguhkan pada tahun 2008 di atas permintaan Kerajaan Negeri Pahang atas sebab keselamatan kerana kawasan tersebut terletak bersebelahan sebuah kuari.

Cadangan Yang Berhormat Parit mengenai pembangunan Pusat Konservasi Hidupan Liar (Tuntung) sememangnya merupakan satu cadangan yang amat baik untuk dijadikan satu produk pelancongan yang menarik. Pusat Konservasi Hidupan Liar (Tuntung) terletak di Kampung Bota Kanan, Daerah Perak Tengah iaitu kira-kira 50 kilometer Bandar Ipoh. Pada tahun 1968 adalah sama dengan majlis yang berlangsung pada tahun 60-an di mana Sultan Perak ketika itu Sultan Muzaffar II melepaskan tuntung ke Sungai Perak. Kita akan promosi konservasi ini dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Lenggong, kementerian ini telah pun memperuntukkan sebanyak RM4.05 juta di bawah RMKe-9 bagi empat projek untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di Lenggong iaitu menaik

taraf infrastruktur, pelancongan rumah rehat, menaik taraf kemudahan Hutan Lipur Kekabu, menaik taraf jeti kawasan hentian Tasik Raban dan projek pembangunan Tasik Raban. Kementerian Pelancongan berasa amat gembira dan mendoakan usaha pembidaan Daerah Lenggong sebagai Lembah Warisan Dunia UNESCO berjaya. Usaha ini akan menjadikan Malaysia satu lagi produk pelancongan bertaraf dunia. Kementerian sentiasa menyokong dan membantu pembangunan infrastruktur dan akan melatih pemandu pelancong Lembah Warisan Lenggong dengan pihak-pihak tertentu.

Bagi membangunkan produk-produk pelancongan di peringkat kampung, penginapan adalah satu faktor utama untuk menarik pelancong sesuatu destinasi. Dukacitanya pihak swasta tidak begitu berminat untuk membina hotel di kawasan kampung-kampung oleh kerana tidak berdaya saing. Oleh itu sejak tiga tahun yang lalu Kementerian pelancongan telah menekankan pembangunan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan *homestay*. Kementerian Pelancongan melaksanakan latihan-latihan kursus atau penilaian terhadap premis-premis *homestay* yang berdaftar dengan kementerian ini setiap tiga tahun bagi menjamin standard kualiti dan keselamatan yang optima. Dengan adanya program *homestay* ini produk-produk pelancongan di kawasan kampung seperti kebudayaan masyarakat kampung, pelancongan agro, ekopelancongan sekitar kampung dapat dibangunkan.

Merujuk kepada saranan Yang Berhormat Hulu Rajang, mengenai pembangunan pelancongan eko di kawasan Empangan Tasik Bakun. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa projek ini yang terletak di bawah *Sarawak Corridor of Renewable Energy* atau SCORE dengan izin telah pun dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai produk ekopelancongan baru bagi Negeri Sarawak. Kementerian Pelancongan akan menjalankan tinjauan dan kajian terhadap aspek kemudahsampaian dan keselamatan empangan Tasik Bakun untuk dibangunkan sebagai tempat tarikan pelancong dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Labuan mengenai pembangunan menyeluruh Pulau Labuan sebagai pusat pelancongan. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bersama dengan Perbadanan Labuan sedang merangka pelan tindakan pelancongan Labuan bagi tempoh masa sehingga tahun 2030. Pelan ini akan memberi fokus kepada enam keutamaan iaitu ekopelancongan, pelancongan pelayaran, acara dan persidangan antarabangsa, pelancongan golf, *homestay*, serta pengezonan pusat hiburan dan membeli belah.

Mengenai kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi menaik taraf lapangan terbang di Labuan sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Bagi memajukan industri pelancongan di Labuan, Kementerian Pelancongan akan membangkitkan perkara ini kepada Kementerian Pengangkutan bagi menambahkan kemudahsampaian ke Labuan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga memang memandang berat kepada kemudahsampaian atau *accessibility* dengan izin, ke destinasi-destinasi tertentu seperti Sabah dan Labuan. Kemudahsampaian adalah penting bagi menentukan kejayaan sesuatu destinasi terutamanya destinasi yang tidak mempunyai laluan masuk darat secara senang seperti dengan izin *land access* seperti Sabah. Oleh itu kementerian ini selalu...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: [Mencari-cari Yang Berhormat Padang Serai]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Hujung sekali.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sini, sini, sini.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Padang Serai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sini. Itulah saya minta tambah lampu sebelah sini. [Ketawa] *Can you see me now?*

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Yes.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, kita melihat bahawa Kerajaan Malaysia mengambil semua langkah untuk mempermudah kemasukan pelancong-pelancong ke negara ini. Pada masa yang sama kita juga tahu bahawa terdapat lebih daripada jutaan orang dari India yang datang ke Malaysia untuk melancong dan pada masa yang sama ramai rakyat Malaysia pula yang pergi ke India untuk melancong. India ada satu dasar Imigresen yang mana beberapa negara tertentu khususnya Jepun, Finland dan beberapa negara yang lain mereka memberikan *visa on arrival* untuk pelancong-pelancong dari negara-negara itu. Akan tetapi untuk rakyat Malaysia yang pergi melancong ke India, mereka tidak dapat *visa on arrival*. Mereka hanya diberi visa melalui permohonan yang mengambil jangka masa beberapa hari dan ini terpaksa dilakukan apabila mereka memohon kepada *high commission* ataupun kedutaan di Malaysia.

Jadi saya harap Kerajaan Malaysia - saya mahu tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mempermudah proses ini dan juga adakah kerajaan merancang untuk mengadakan rundingan dan membawa satu persamaan dengan kerajaan India untuk mendapatkan *visa on arrival* untuk semua rakyat Malaysia yang akan melancong ke India.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya mohon maaf, sebab cermin belakang gelap. Patut Dewan tukar cermin putih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sudah minta lama tambah lampu di sini.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Saya sokong, saya sokong. Tuan Yang di-Pertua, peranan Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia adalah menggalakkan pelancong ke Malaysia, *inbound* dan bukan keluar dari Malaysia. Itu penting.

■ 1450

Itulah peranan Kementerian Pelancongan. Kita menggalakkan masuk ke Malaysia, melancong, belanja. Kita tidak berkaitan dengan *outbound* sebab itu soalan Yang Berhormat berkaitan *outbound* itu adalah sesuatu *foreign policy*. Jadi, saya cadangkan kepada Yang Berhormat bangkitkan perkara ini kepada Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kementerian sentiasa menggalakkan penerbangan terus sama ada melalui syarikat penerbangan nasional atau asing. Contohnya, Syarikat Penerbangan *Asiana Airlines* dan *Korean Airlines* yang mempunyai operasi penerbangan terus dari Seoul ke Kota Kinabalu dengan masing-masing empat kali dan dua kali kekerapan penerbangan seminggu. *Asiana Airlines* juga telah memulakan operasi penerbangan terus ke Seoul dan mereka bawa pelancong dari Rusia sebab dari *Vladivostok* ke Seoul hanya dua jam. Jadi, *Asiana Airlines* bawa pelancong dari *Vladivostok* Rusia ke Seoul dan datang ke Kota Kinabalu.

Sebagai kesimpulannya sebarang tindakan oleh syarikat penerbangan untuk mengurangkan khidmat penerbangan sememangnya akan mempunyai impak negatif terhadap ketibaan pelancong. Oleh yang demikian, kementerian ini sentiasa memantau keadaan penerbangan. Adalah diharapkan, sebarang *rerouting* oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan atau antarabangsa meningkatkan lagi bilangan kekerapan penerbangan ke Malaysia dan bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan industri pelancongan bukan sahaja bergantung kepada pembangunan fizikal tetapi sama penting adalah pengalaman para pelancong secara keseluruhan. Ini adalah kerana sektor pelancongan adalah merupakan sebuah industri perkhidmatan yang menekankan aspek-aspek kebersihan, kualiti perkhidmatan dan keselesaan pada pelancong.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Langkawi bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Langkawi jugalah. Sama juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia bangun Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Oh *sorry*, saya ingat Tuan Yang di-Pertua tanya saya Langkawi. *Sorry*.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan sama ada Kementerian Pelancongan akan berbincang dengan Kementerian Pengangkutan untuk memudahkan aktiviti-aktiviti di Labuan khususnya.

Saya telah bangkitkan perkara ini dalam ceramah saya iaitu masalah di Kuala Perlis dan Kuala Kedah di mana pelancong-pelancong di Malaysia ini yang begitu ramai sekali datang ke Langkawi sehinggakan saya dapat maklumat bulan November sahaja 200,000 orang datang ke Langkawi dan juga Disember 300,000 orang datang ke Langkawi. Jadi, angka ini amat banyak sekali. Apa yang saya katakan ialah saya bangkitkan perkara ini iaitu keperluan pelancong di jeti Kuala Perlis dan Kuala Kedah di mana hari itu saya bilang bas yang ada di Kuala Perlis ialah 62 buah bas. Bas sahaja yang datang cuti-cuti Malaysia dan juga pelancongan ke Langkawi dan juga kereta-kereta penuh.

Apa yang saya katakan di sini adakah Yang Berhormat cadangkan bincangkan dengan Kementerian Pengangkutan dan juga pihak negeri Perlis supaya jeti di Kuala Perlis itu dibesarkan dan diberi keselesaan sedikit. Kadang-kadang itu kita datang pukul 7.00, pukul 10.00 baru hendak naik feri. Datang pukul 10.00, pukul 12.00 baru naik feri. Jadi, ini mencacatkan pelancongan. Itu saya mintalah dari Yang Berhormat Menteri untuk berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri Perlis dan juga pihak Kementerian Pengangkutan untuk mungkin buat sesuatu untuk membolehkan ramai pelancong boleh datang. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf ya.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Hendak bagi peluang sekali Yang Berhormat?

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Okey.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi berkaitan dengan pelancongan, kebersihan. Di kawasan saya baru-baru ini terdapat dua kampung iaitu Kampung Air Masin dan Kampung Kukup Laut di mana baru-baru ini Kerajaan Negeri Johor telah memberi hak milik tanah atas laut kepada kedua-dua kampung ini melibatkan lebih kurang 400 lebih buah keluarga.

Jadi, kawasan kedua-dua kampung ini juga merupakan kawasan pelancongan. Ramai yang datang setiap minggu melawat ke kawasan ini. Saya ingin tahu bolehkah kementerian memberi bantuan terutama memberi geran untuk membolehkan pembinaan loji kumbahan untuk bantu kedua-dua kampung ini. Sekian.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terutama kepada Yang Berhormat Langkawi. Memang kita bersetuju jeti di Kuala Perlis ini adalah sangat mustahak dan kita sudah turun padang beberapa kali untuk kaji jeti itu dan sudah ada pelan untuk membesarkan jeti itu dan memberikan semua *passenger* itu dengan izin ada sesuatu perasaan yang baik. Akan tetapi ada beberapa yang kita tidak setuju. Misalnya mereka hendak *air-cond* jeti itu. Tidak sesuai sebab jeti itu dekat laut. Angin laut banyak, biarlah sejuk dengan angin laut, jangan guna *air-cond*.

Kedua mengenai macam mana kita hendak membincangkan dengan pengangkutan dan pihak tertentu. Terima kasih, kita akan membangkitkan perkara ini di mana kita hendak membawa beberapa isu dengan Kementerian Pengangkutan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Piai. Saya akan hantar pegawai-pegawai, pengarah-pengarah Johor turun ke padang dan kaji kawasan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai untuk ada sesuatu yang tertentu. Terima kasih. Saya akan beritahu Yang Berhormat dan bersama-sama turun padang. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan. Kita sudah sedia maklum bahawa seorang menteri wanita ini yang amat rajin turun padang melihat perkembangan pelancongan bukan sahaja di sebelah Semenanjung tetapi di Sabah saya dengar dan saya melihat perjalanan Menteri sendiri. Terima kasihlah kepada Menteri kerana membantu negeri Sabah sebagai satu destinasi pelancongan yang amat baik terutama sekali dalam bidang *ecotourism* dan *nature tourism*.

Saya ingin minta penjelasan atau pun maklumat jika Menteri ada soal kolaborasi Yang Berhormat dengan kementerian-kementerian yang lain di mana kementerian-kementerian sering menganjurkan *conference* antarabangsa. *Conference* ini selalunya diadakan di bandar raya Kuala Lumpur, itu yang sering dianjurkan. Apa kiranya kalau Yang Berhormat boleh juga memberi pendekatan yang lebih meluas dengan promosi *nature tourism* yang di mana terdapat di negeri Sarawak, kawasan Santubong pun ada Yang Berhormat Menteri. Kawasan Timbalan Yang di-Pertua.

Di Sabah ada juga kepulauan-kepulauan yang mungkin tidak sama dengan kepulauan-kepulauan yang lain. Itulah saya mahu tanya daripada pihak menteri dan keduanya soal kebersihan. Soal kebersihan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Menteri sedar bahawa KKIA ini sebagai pintu kedua terbesar masuk ke negara Malaysia. Jadi, kita mahu juga pelawat-pelawat, pelancong yang masuk melalui pintu-pintu yang kedua itu iaitu *KK International Airport* dengan izin di mana apa yang kita lihat apabila kita masuk ke pintu itu terdapat rumah-rumah yang tidak tersusun, permukaan lautnya tercemar dan sebagainya. Kita faham dan kita berterima kasih kepada kerajaan pusat melalui Kementerian Pelancongan memberi peruntukan sebanyak RM10 juta ketika penggal yang kelapan dahulu diarahkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Mahathir pada ketika itu. Program pelaksanaan untuk menyusun semula rumah-rumah itu sudah pun dilaksanakan.

■ 1500

Jadi yang fasa 2 dan fasa 3 itu bila agaknya Menteri memberi peruntukan yang seterusnya seperti mana yang dijanjikan pihak kerajaan dulu. Itu penyusunan supaya mempercantikkan wajah dan memberi peruntukan secukupnya kepada bandar raya Kota Kinabalu untuk mengubahsuaikan rupa wajah pintu masuk Kota Kinabalu itu. Minta penjelasan sikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada negeri Sabah yang begitu maju menjadi sebuah negeri pelancongan. Pada masa sekarang, memang ada tambah banyak lagi kapal terbang antarabangsa yang ada *direct accessibility* ke KKIA. Untuk KKIA, terima kasih Yang Berhormat membangkitkan isu kebersihan. Nampaknya hari ini ramai golongan muda di sini, selamat datang ke Dewan ini.

Kebersihan negara kita, kebersihan lokasi-lokasi destinasi perlu dipertanggungjawab oleh beberapa sektor awam. Macam mana kita buang sampah, macam mana kita sediakan sampah kita, macam mana kita guna tandas kita dan lain-lain. Apa-apa program kerajaan boleh adakan jikalau sesuatu sikap, sesuatu budaya kebersihan tidak ada penduduk Malaysia kita susah menentukan '1Malaysia Bersih, 1Malaysia Indah'. Jadi sebab itu kita jalankan banyak program dengan pihak pelajar-pelajar di sekolah. Kedua, agensi yang tertentu, misalnya KKIA, yang jagakan KKIA.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Saya habiskan ini dulu, saya habis KKIA itu. Biar saya habiskan KKIA. Ia tidak lupa semua soalan di situ, sabar sikit. Jadi suasana di KKIA itu di bawah agensi. Ketiga, adalah rupa bandar. Saya akan balik kaji perkara ini tetapi pada fahaman saya peruntukan ini tidak datang daripada Kementerian Pelancongan. Boleh jadi sesuatu peruntukan khas untuk Sabah. Okey.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: [Bangun]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dua orang berdiri Yang Berhormat, mana satu? Yang Berhormat Silam atau Yang Berhormat Indera Mahkota?

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Sabah Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mana satu Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Silam atau Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Silam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Silam di belakang. Dua orang.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya turut tertarik sama membincangkan tentang pelancongan ini. Apabila kita lihat masa depan sektor pelancongan ini untuk negara kita di masa akan datang memang sangat baik dan menyerlah terutamanya bagi negeri-negeri di Sabah dan Sarawak terutamanya sebab dari segi kekayaan sumber ekopelancongan yang belum lagi diusahakan secara menyeluruh. Saya melihat apabila kita memajukan industri ekopelancongan ini, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah merasmikan Menara Kayangan Gunung Silam yang terdapat di kawasan saya dan dijemputlah semua Ahli-ahli Parlimen nanti melawat iaitu satu Menara Kayangan yang tertinggi seumpamanya di negara kita ini dan di Parlimen Silam.

Saya mengharapkan adakah pihak kementerian dalam untuk membangunkan ekopelancongan ini membuat suatu *master plan* secara menyeluruh, dijadikannya suatu produk yang akan mendatangkan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada generasi muda sebab barangkali kalau dari segi peluang kolar putih memang agak terhad di masa akan datang. Jadi saya ingin bertanya atau adakah kementerian bercadang di masa akan datang untuk menjadikan suatu industri pelancongan ini sebagai satu karier dengan izin yang diminati oleh generasi muda terutamanya. Kita berharap juga sudah tiba masanya kementerian cuba memikirkan bahawa generasi muda terutamanya golongan muda ini, belia dilatih untuk menjadi pemandu pelancong yang *expert* dengan izin yang faham, mahir dengan negara mereka.

Sebagai contohnya, kalau kita lihat di Kazakhstan dan Uzbekistan. Saya melihat generasi mudanya sehingga mereka belajar dalam bahasa Inggeris, belajar dengan budaya mereka sampai peringkat *master*. Bidang yang mereka ceburi ialah sebagai pemandu pelancong. Jadi ini saya rasa kalau negara tersebut meniru dan berbangga dengan sistem pentadbiran negara kita, *so why not* suatu barangkali hikmah dengan Tuan Yang di-Pertua lawatan baru-baru ini, kita ambil pula balik mungkin budaya ini perlu diterapkan dan kementerian mengambil perhatian sewajarnya supaya difikirkan secara baik dan mungkin penyelidikan yang menyeluruh akan kelebihan-kelebihan sektor pelancongan dan kekuatannya kepada ekonomi negara kita di masa akan datang. Mohon sikit penjelasan, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih kepada Yang Berhormat Silam dan terima kasih sebab Yang Berhormat Silam begitu faham industri pelancongan. Memang Kementerian Pelancongan ada *master plan* pelancongan yang baru tamat sepuluh tahun dahulu, sekarang kita masukkan sesuatu *master plan* baru. *Master plan* Kementerian Pelancongan adalah untuk negara. Jadi kita ini bincang di mana negeri sesuai apa jenis pelancongan. Misalnya Sabah, ekopelancongan.

Kedua, kita juga bincang jenis produk pelancongan. *Shopping*, makanan, *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)*, *events* antarabangsa dan juga pelancongan sukan. Ini *master plan* besar untuk negara kita dan tiap-tiap negeri itu perlu ada *master plan* pelancongan beliau sendiri sebab tiap-tiap negeri ada keunikan mereka. Misalnya Melaka, ia ada UNESCO *heritage*, budaya. Sarawak, Mulu Cave, Sarawak tidak sesuai untuk dari segi UNESCO *heritage*. Jadi setiap negeri perlu ada *master plan* per setiap negeri.

Ketiga, dekat dengan sumber manusia. Memang betul pada masa sekarang industri pelancongan, jumlah tenaga yang bagi kerja dalam industri pelancongan adalah 1.8

juta orang pekerja dalam industri pelancongan, dekat 15% jumlah tenaga Malaysia. Walau bagaimanapun, tenaga ini tidak diambil berat sebagai satu karier profesional sebab pada masa sekarang, belia kita ini memang sains, teknologi tetapi industri pelancongan adalah sesuatu industri perkhidmatan. Kita memang tidak cukup *spa therapist*, kita tidak cukup *caddy boys*, kita tidak cukup jenis-jenis. Jadi sekarang kita memang ada program untuk mengenali dan membangunkan sumber manusia dalam industri pelancongan.

Misalnya, Kementerian Pelancongan akan mula dengan Program *Spa Therapist* dan *Professional Caddy Program* bersama dengan Kementerian Belia. Dari segi sesuatu *master plan* sumber manusia, saya yakin Kementerian Sumber Manusia memang ada satu *master plan* negara kita di mana apa-apa faktor industri perlu ada jenis-jenisnya, berapa jumlah orang. Pemandu pelancong, saya memang bersetuju iaitu di banyak negara pelancongan yang *mature*, pemandu pelancong mereka memang berilmu tinggi, *masters*, PhD dan lain-lain. Saya ingat lagi sepuluh tahun dahulu saya pergi melancong ke Eropah, pemandu pelancong bas kita mempunyai PhD *history*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Jadi ini adalah sesuatu budaya bekerja yang sering kita bangunkan. Pada masa hadapan, pemandu pelancong perlu sangat berilmu, *specialization* dengan izin, kepakaran warisan, eko makanan dan lain-lain. Pada masa sekarang Kementerian Pelancongan sudah luluskan lima buah institusi pelancongan untuk belia kita dapat karier di situ. Sama juga di Sabah, ada sebuah sekolah.

■ 1510

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu isu lain yang saya memang berminat lama untuk tahu daripada Kementerian Pelancongan, kementerian Yang Berhormat. Dari pagi tadi Yang Berhormat sendiri menjawab dan memberitahu dalam Dewan ini bahawa untuk tahun lepas, kementerian Yang Berhormat boleh menjana transaksi melalui aktiviti pelancongan sebanyak RM58.7 bilion. Tadi Yang Berhormat sebut pagi tadi semasa menjawab pertanyaan lisan pagi. Semakan saya memang telah beberapa kali Yang Berhormat membuat pengumuman jumlah, semuanya melebihi RM50 bilion dalam setahun dari segi transaksinya. Akan tetapi yang menjadi minat mendalam saya bukan transaksi, saya hendak tahu berapakah pendapatan yang boleh dijana untuk negara. Bukan transaksi.

Sebab ada contoh negara yang seperti sebagai contoh negara New Zealand. Dia bukan hanya menumpu kepada transaksi keseluruhan yang dihasilkan oleh bidang pelancongan. Akan tetapi dia boleh memberi angka yang agak jelas pendapatan ataupun hasil kepada negara daripada industri pelancongan. Kenapa saya kata begini? Sebab perbelanjaan yang ditumpukan oleh kementerian Yang Berhormat setiap tahun tidak pernah kurang daripada, kalau tidak pun dalam beberapa juta sahaja mencapai RM1 bilion. Tidak pernah gagal selama 10 tahun.

Jadi saya hendak tahu, daripada hasil itu barangkali sudah 10 tahun adalah satu kali kementerian Yang Berhormat, bukan sahaja memberitahu jumlah transaksi keseluruhan. Berapakah nilai hasil yang betul-betul yang didatangkan dipulangkan balik kepada kerajaan terutama Kerajaan Persekutuan? Sebagaimana contoh telah ada satu negara yang memberitahu nilai hasil dia daripada industri pelancongan selain daripada memberitahu transaksi secara keseluruhan. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat dari Indera Mahkota. Dalam resit kita, kita memang ada pecahkan. Misalnya penginapan berapa peratus. Pada 2011 – 30.8%, membeli-belah – 30%, makanan – 16.8%, pengangkutan domestik – 7.5% dan juga *organize fair* dia ikut satu kumpulan – 4.6%, *entertainment* – 3.8%. Dari jumlah itu ada *sale tax*, ada *service tax* itu perlu dapat dari Kementerian Kewangan. Kita memang tidak ada nombor itu sebab ini kita pulang semua kepada Kementerian Kewangan. Boleh bangkit soalan ini kepada Kementerian Kewangan. Saya sendiri pun hendak tahu. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat lagi panjang?

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Cukuplah ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat lagi panjang?

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Sebab itu saya tidak bagi laluan sekarang. Ada sedikit lagi, setengah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mana yang tidak dibangkit jawab ringkas sahaja Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Libaran kerana bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan memahami akan kepentingan dan menekankan aspek kualiti dan kebersihan dalam kemajuan industri pelancongan. Kementerian ini sentiasa prihatin terhadap keadaan prasarana serta mutu perkhidmatan yang disediakan. Baik daripada aspek keselesaan atau aspek kebersihan tempat-tempat pelancongan. Sehubungan itu kementerian ini telah mengambil beberapa inisiatif di peringkat kebangsaan dan negeri. Bagi memastikan kebersihan sentiasa diutamakan dan penyediaan perkhidmatan yang memuaskan di tempat-tempat pelancongan. Termasuk pengendalian pelbagai kursus yang bertema *think tourism, act tourism* khususnya kepada *front liners*.

Kementerian Pelancongan juga telah melancarkan kempen 1Malaysia Bersih, 1Malaysia Indah atau 1Malaysia Green, 1Malaysia Clean pada tahun 2010. Bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai keperluan untuk bersama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan. Tuan Yang di-Pertua, dengan kementerian ini juga mengambil berat terhadap aduan-aduan para pelancong mengenai amalan sesetengah pemandu teksi di negara ini yang tidak beretika. Seperti keengganan menggunakan meter teksi yang menyebabkan berlakunya penipuan tambang teksi yang kita dengar kebelakangan ini. Ini adalah memandangkan bilangan aduan yang diterima oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) terhadap pemandu teksi di Malaysia. Telah mencecah 2,467 aduan pada tahun 2011 sahaja.

Bagi mempergiatkan usaha untuk meningkatkan etika kerja para pemandu teksi. Kementerian ini telah bekerjasama dengan persatuan-persatuan pengusaha-pengusaha teksi dan melancarkan program duta teksi pelancongan pada 15 Mac tahun ini di Lembah Klang yang menjadi tumpuan para pelancong asing. Kementerian Pelancongan pasti dengan pelaksanaan program ini pemandu teksi terlibat akan sedar tentang pentingnya peranan yang dimainkan oleh mereka. Dalam menjaga imej negara dan promosi pelancongan Malaysia yang terdapat di sekitar Lembah Klang khususnya dan negara amnya.

Pada masa yang sama bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan pengetahuan pekerja barisan hadapan ataupun *front liners*. Kementerian telah melalui Program Malaysia Welcomes The World dengan izin telah melaksanakan kursus dan latihan kepada seramai 14,000 *front liners* pada tahun 2011. Ini meliputi para pemandu pelancongan, pemandu kenderaan pelancongan, penyambut tetamu di hotel, lapangan terbang dan tempat-tempat menarik di Malaysia. Kursus ini memberi perkenalan kepada pembudayaan konsep *think tourism, act tourism* yang menekankan kemahiran berkomunikasi, berpengetahuan dan luas tentang produk, aktiviti dan dasar pelancongan negara, berketerampilan kemas serta budi bahasa.

Saya ingin merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Lenggong akan tindakan kementerian ini terhadap aduan dan komen para pelancong untuk disiasat dan dinilai bagi tujuan mempertingkatkan mutu perkhidmatan industri pelancongan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya prihatin terhadap setiap aduan yang diterima. Bagi memastikan segala masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan secepat mungkin dan berkesan. Pada tahun 2011 kementerian ini telah menerima sebanyak 727 aduan daripada pelancong dalam dan luar negara. Daripada jumlah itu Kementerian Pelancongan telah mengeluarkan sebanyak 85 kompaun kepada syarikat-syarikat pengendalian pelancongan dan lapan kompaun kepada pemandu pelancong terlibat yang melakukan kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

Selain itu sebanyak 32 amaran keras juga telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pengendalian pelancongan yang beroperasi tanpa lesen cawangan dan tiga amaran keras dikeluarkan kepada pemandu pelancong. Ini kerana melanggar tata etika pemandu pelancong. Kementerian juga telah mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah terhadap dua syarikat pengendalian pelancongan haram. Kementerian

Pelancongan menerima aduan melalui surat, e-mel dan juga dari akhbar tempatan. Bagi aduan yang dalam bidang kuasa Kementerian Pelancongan ini, kita akan siasat dalam masa 15 hari mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Biro Pengaduan Awam. Semua hasil siasatan dipanjangkan kepada pengadu dan dilaporkan kepada Mesyuarat Pengurusan Aduan Kementerian.

Manakala bagi aduan yang bukan dalam bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan misalnya kebersihan sesuatu tempat, misalnya aduan teksi, kita dipanjangkan kepada kementerian, jabatan, agensi berkaitan untuk tindakan pihak tersebut. Seterusnya mereka akan memberi maklum balas secara terus dan disalin kepada Kementerian Pelancongan untuk maklum. Bagi aduan dan komen negatif yang tersiar di laman media sosial, Kementerian Pelancongan berharap semua pihak dapat membantu dari segi menjawab akan isu dan aduan yang ditimbulkan bagi memberi gambaran situasi yang sebenar. Ini penting bagi menjaga imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini masih berada di tangga ke-9 daripada 10 buah negara teratas yang menerima kunjungan ketibaan pelancong asing di dunia.

■ 1520

Sektor pelancongan juga telah menjana RM1.8 juta pekerjaan iaitu sumbangan sebanyak 15.9% kepada jumlah tenaga Malaysia pada tahun 2010. Ini jelas menunjukkan pentingnya sumbangan industri pelancongan negara kepada pertumbuhan ekonomi. Seterusnya, kementerian ini akan melipatgandakan usaha untuk membangunkan industri pelancongan negara dan yakin dengan kerjasama dan sokongan semua Ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia akan dapat mencapai sasaran kita pada tahun 2020 iaitu menerima 37 juta pelancong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

3.21 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan yang menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab MOA. Seramai 20 Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan isu yang perlu dijawab oleh Kementerian MOA. Sesungguhnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai isu BERNAS. Yang Berhormat Permatang Pauh telah mencadangkan agar BERNAS berkongsi keuntungan dengan petani yang mendapat keuntungan yang minimum. Dalam erti kata lain, Yang Berhormat Permatang Pauh cuba menekankan bahawa syarikat yang kaya, petani yang menderita. Tuan Yang di-Pertua, pada 14 April 1994, Lembaga Padi dan Beras ataupun LPN telah pun diperbadankan dengan penubuhan BERNAS. Pada 18 Januari 1996, perjanjian penswastaaan BERNAS telah ditandatangani antara kerajaan dan BERNAS yang dimiliki Budaya Generasi Malaysia Sdn. Bhd, sebuah konsortium yang mewakili sembilan syarikat dan agensi kerajaan. Di antara sembilan syarikat dan agensi tersebut, empat daripadanya merupakan wakil petani, nelayan dengan peratus pegangan saham sebanyak 39% yang terdiri daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan atau NAFAS sebanyak 11.1%, Syarikat Perniagaan Peladang MADA sebanyak 11.1%, Syarikat Perniagaan Peladang KADA sebanyak 5.5% dan Persatuan Nelayan Kebangsaan ataupun NEKMAT sebanyak 11.1%.

Peratus pegangan saham tersebut telah menurun akibat daripada terbitan saham baru BERNAS dan terbitan saham bon BERNAS sejak penyenaian BERNAS di Bursa Saham Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kedudukan terkini pegangan saham yang mewakili golongan petani kecil adalah berjumlah sebanyak 21.3% di mana ianya dimiliki oleh NEKMAT 3.4%, NAFAS sebanyak 3.4% dan FELDA Global Ventures sebanyak 14.5%. Untuk makluman Yang Berhormat, pegangan FGV adalah merupakan jumlah efektif pegangan saham di dalam BERNAS melalui Tradewinds Malaysia Sdn. Bhd. FGV memiliki sebanyak 20% saham di dalam Tradewinds Malaysia Sdn. Bhd yang merupakan pemegang saham terbesar BERNAS iaitu sebanyak 72.5%.

Selain daripada tanggungjawab yang tak termaktub di bawah perjanjian konsesi, BERNAS turut menjalankan beberapa program yang memberikan manfaat kepada petani. Program Rakan Ladang telah dilancarkan pada tahun 2007 merupakan satu bentuk kerjasama di antara BERNAS dan petani setia yang menjual padi di BERNAS. Seramai 20,000 orang petani telah pun menerima manfaat daripada program Rakan Ladang BERNAS. BERNAS telah membelanjakan kira-kira RM100 juta untuk program Rakan Ladang dan kos pengurusan sebanyak RM15 juta setahun.

Selain itu, BERNAS juga telah terlibat di dalam program NKEA melalui EPP yang kesepuluh, *scaling up and straightening productivity of paddy farming* di kawasan MADA dan juga terlibat dalam EPP 11 untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan-kawasan yang di luar kawasan pengairan seperti di kawasan Batang Lupar, Sarawak dan juga objektif untuk meningkatkan pendapatan petani melalui peningkatan hasil padi dan juga pendapatan petani di sepanjang rantaian nilai industri padi dan beras.

Projek EPP 10 melibatkan kira-kira 24,000 orang petani menjelang tahun 2020 dan juga bermula dengan 5,000 orang petani. Kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh tentang keuntungan RM800 satu tan beras import adalah tidak benar. Perbandingan tidak boleh dibuat di antara harga beras antarabangsa dengan harga yang dijual BERNAS kepada pemborong. Kos air perlu diambil kira termasuk kos pengimportan, kos pengangkutan, insurans, pergudangan dan lain-lain kos. Ramai beranggapan penswastaan BERNAS memberikan pulangan yang lumayan tanpa sebarang risiko. Tindakan ini sama sekali tidak tepat berasaskan kepada beberapa faktor seperti di bawah;

- (i) sejak penswastaan pada tahun 1996 sehingga kini, BERNAS telah mengalami kerugian sebanyak RM36 juta pada tahun 2003 akibat lambakan padi di pasaran dan RM118.5 juta pada tahun 2008 sewaktu krisis bekalan makanan. Kalau kita ingat pada ketika itu harga beras naik tetapi kerajaan telah pun memaksa BERNAS menjual mengikut harga yang lebih murah daripada harga pasaran yang sebenarnya. Sebab itulah BERNAS rugi sebanyak RM118 juta.
- (ii) pada tahun 1998 dan tahun 2002, BERNAS hanya mencatatkan keuntungan sebanyak RM2.6 juta dan juga RM7.4 juta sahaja. Secara purata daripada 1996 sehingga 2011, keuntungan import beras BERNAS ialah RM100 per tan metrik. Ini selari dengan margin keuntungan mengilang dan juga pemborong beras. BERNAS hanya mengimport 30% ke 40% daripada keperluan beras negara.

Daripada segi pemberian subsidi pula, golongan petani merupakan penerima subsidi yang terbesar di mana sejumlah hampir RM2 bilion subsidi disediakan. Pemberian subsidi ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kos petani dan meningkatkan hasil pengeluaran padi di mana pendapatan petani dapat ditingkatkan. Pemberian subsidi dan juga insentif tahunan yang telah disalurkan kepada pesawah-pesawah pada tahun 2010 sahaja, kita telah berbelanja RM1.829 bilion dan tahun 2011 sebanyak RM2.73 bilion.

Daripada kajian yang dibuat, kos pengeluaran yang diberikan subsidi oleh pihak kerajaan kepada petani ialah purata lebih kurang RM2,363 per hektar. Kalau nak banding dengan kos sebenar untuk mengerjakan sawah padi ialah sebanyak RM3,300 per hektar. Ini bermakna, setiap hektar petani-petani mendapat subsidi sebanyak 62% dan daripada harga padi juga telah pun meningkat dan juga hasil padi juga telah pun meningkat. Ini menunjukkan bahawa dakwaan kalau kata petani makin menderita ialah tidak tepat sama sekali. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan berhubung dengan hak monopoli BERNAS mengimport beras. Untuk maklumat Yang Berhormat, BERNAS hanya diberi hak mengimport beras yang boleh ditarik balik berasaskan perkara-perkara berikut; sekiranya kegagalan BERNAS menjalankan obligasi sosial yang ditetapkan; juga sekiranya ia melanggar tata cara dan juga terma perjanjian konsesi.

■ 1530

Dalam masa yang sama kerajaan juga mempunyai hak untuk melantik pengimport dalam situasi-situasi berikut:-

- (i) sekiranya berlaku darurat dalam negara;

- (ii) sekiranya terdapat kekurangan bekalan beras yang serius;
- (iii) jika dapati ketidakstabilan harga beras yang serius; dan
- (iv) jika atas kepentingan awam atau pun kepentingan negara.

Ini bermakna kalau kata BERNAS monopoli ialah kurang tepat. Sebagai contoh apabila kita mewujudkan stok simpanan beras maka kita melantik syarikat lain untuk mengimport stok simpanan beras ini. Tidak diberikan semuanya kepada BERNAS.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Baling agar fungsi BERNAS dinilai semula dan mengkaji kepentingan pesawah supaya mereka jelas dengan hala tuju pasaran hasil padi mereka, kerajaan telah pun meneliti semula fungsi BERNAS semasa menilai penyambungan konsesi penswastaan BERNAS. Pihak kementerian juga sentiasa prihatin terhadap kepentingan petani dengan menyediakan pelbagai insentif dan juga subsidi serta menyediakan saluran pemasaran padi melalui harga minimum terjamin iaitu RM750 per tan.

Yang Berhormat Kota Belud telah pun mencadangkan supaya kawasan jelapang padi di Sabah diwujudkan. Yang Berhormat Putatan pula mencadangkan agar tanah-tanah terbiar dibuka dengan memberikan contoh kepada syarikat-syarikat swasta atau pun koperasi untuk membangunkan kawasan tanah terbiar di Sabah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam perancangan untuk mewujudkan kawasan jelapang padi di Sabah melalui Projek Pembangunan Pertanian Komersial berasaskan padi di Kota Belud bagi memenuhi keperluan pengeluaran padi di Sabah. Objektif projek ini ialah untuk menyusun plot sawah padi mengikut keperluan komersial, memperbaiki kemudahan pengairan dan saliran serta struktur-struktur berkaitan.

Memandangkan kawasan jelapang padi di Sabah tidak mempunyai keperluan sumber air yang mencukupi maka empangan perlu dibina bagi memenuhi kemudahan pengairan yang lengkap. Walau bagaimanapun pembinaan empangan ini telah menerima bantahan daripada sebilangan penduduk dari negeri Sabah dan lebih-lebih lagi apabila Yang Berhormat Ipoh Timur sanggup pergi ke Kota Belud, tidur dengan rakyat, menghasut supaya menolak projek empangan sebagaimana didakwa oleh Yang Berhormat Kota Belud. Oleh itu kerajaan akan hanya meneruskan pembinaan empangan tersebut sekiranya mendapat persetujuan daripada penduduk-penduduk terbabit. Konsep 'Rakyat Didahulukan' akan dilaksanakan sebelum empangan ini kita laksanakan.

Yang Berhormat Taiping telah mencadangkan agar kawasan penanaman padi di Parlimen Parit diiktiraf sebagai kawasan jelapang padi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mempertimbangkan satu kawasan dijadikan kawasan jelapang. Ianya tertakluk keputusan dasar kerajaan dan juga aspek teknikal merangkumi kesesuaian tanah, keperluan infrastruktur dan potensi produktiviti. Dasar Agro Makanan Negara menggariskan penanaman padi adalah ditumpukan dalam kawasan jelapang padi sedia ada. Walau bagaimanapun cadangan memperluaskan kawasan tanaman padi di pinggir kawasan jelapang ataupun kawasan pembangunan pertanian bersepadu iaitu IADA seperti di Parlimen Parit yang terletak berhampiran IADA Seberang Perak akan dipertimbangkan bergantung kepada keputusan kajian mengikut kesesuaian.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan juga Yang Berhormat Bagan Serai telah membangkitkan isu penternakan ikan arowana di kawasan Bukit Merah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga kini seluas 155 hektar kawasan padi telah dibina kolam ternakan arowana. Ternakan arowana digalakkan kerana menghasilkan pendapatan lebih baik serta membuka peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan termasuk petani. Walaupun dengan keadaan tanah yang semakin terhad, kementerian akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi negara. Ingin dimaklumkan jumlah kawasan penanaman padi di Daerah Kerian adalah sebanyak 23,560 hektar.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bagan Serai, Kerajaan Negeri Perak telah pun meluluskan sejumlah 427 hektar sebagai zon ternakan ikan arowana. Sehingga kini hanya 190 hektar sahaja telah dibangunkan untuk ternakan ikan arowana iaitu lebih kurang 0.8% sahaja daripada keseluruhan kawasan tanaman padi di Kerian.

Yang Berhormat Sungai Siput telah membangkitkan isu tanah di Cameron Highlands di mana pengusaha masih belum mendapat TOL. Isu penggunaan tanah di Cameron Highlands oleh sebahagian pengusaha bunga-bunga dan juga sayur-sayuran telah berlarutan sejak tahun 1970-an dan kementerian difahamkan sehingga kini masih belum dapat diselesaikan khususnya tanah-tanah yang berstatus TOL yang tidak

diperbaharui oleh kerajaan negeri. Kementerian bersimpati dengan nasib yang menimpa pengusaha bunga-bunga dan juga sayur-sayuran memandangkan sebahagian besar *sa/le* dikeluarkan, dibekalkan mengikut pasaran tempatan dan juga luar negara bagi bunga-bunga.

Sehubungan dengan itu kementerian telah pun bersedia membantu dan telah pun membawa perkara ini ke pengetahuan Kerajaan Negeri Pahang melalui platform yang sedia ada seperti dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan juga mesyuarat bersama-sama dengan Exco Pertanian di peringkat negeri.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Menteri, kerana ini isu pekebun kecil, pekebun sayur-sayuran. Bukan sahaja di Cameron tetapi di seluruh negara ada ramai orang yang kerjakan tanah itu selama dua atau tiga generasi tetapi sampai sekarang mereka tidak ada geran atas tanah atas itu. Apabila bandar-bandar kita berkembang, perlu ada tempat untuk kawasan industri atau perumahan, mereka diusir begitu sahaja. Ini di seluruh negara di semua negeri-negeri di Malaysia.

Mereka adalah punca sebahagian besar daripada buah-buahan kita dan sayur-sayuran kita. Apakah pelan induk daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk kumpulan yang besar ini? Saya ingat berpuluh-puluh ribu petani kecil – *few generations* mereka di situ tetapi mereka tidak ada geran. *Is there a plan* induk untuk mereka atau apakah cara untuk membangunkan mereka atau kekalkan mereka kerana mereka memainkan peranan yang begitu penting.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya sendiri telah pun berjumpa dua atau tiga kali dengan Persatuan Penanam Sayur. Memang betul seperti Yang Berhormat kata bahawa penanam-penanam sayur ini 60% daripada mereka merupakan setingan. Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa soal tanah ini ialah soal kerajaan negeri. Oleh kerana soal ini adalah soal kerajaan negeri, kita juga faham bahawa tanpa penanam sayur ini maka sudah tentulah kita tidak dapat menghasilkan sayur yang baik di dalam negara kita.

Jadi untuk kita hendak memastikan penanam sayur ini terus mendapat pembelaan, maka bab tanah kita tidak ada kuasa. Akan tetapi bab-bab lain seperti bantu daripada segi masalah eksport, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, saya pergi ke Cameron Highlands hampir pukul tiga pagi baru tidur. Saya berjumpa dengan lebih 50 orang pesawah padi sampai pukul tiga pagi menyelesaikan masalah mereka apabila mereka menghadapi masalah untuk mereka mengeksport bunga dan juga sayur mereka ke Singapura. Saya berjumpa dalam bulan lepas.

Keduanya, saya telah pun umum bahawa penanam-penanam sayur boleh meminjam wang daripada Agrobank dan Agrobank juga telah bersetuju menyediakan peruntukan di mana kita sedia maklum kalau kita hendak pinjam bank *even* Agrobank, kalau lebih daripada RM50,000 mesti ada kolateral, mesti ada *guarantor*. Kita sedar mereka tidak ada tanah. Tanah tidak boleh dijadikan kolateral sebab itu tanah kerajaan. Oleh kerana itu saya telah pun membuat dasar dan meminta Agrobank memberi peluang pinjaman maksimum RM300,000 supaya mereka dapat meminjam kewangan dari Agrobank. Hari ini proses ini sedang pun berjalan. Bukan sahaja bunga tetapi termasuk juga ternakan seperti lembu dan sebagainya.

Ketiganya, kita juga sedar bahawa ada cara untuk mengatasi masalah ini. Oleh sebab itu kerajaan memperkenalkan TKPM iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang kita ada di seluruh negara termasuklah juga ada di negeri Pahang, Perak, semua kita ada. Jadi mana-mana penanam sayur yang kita lihat telah pun lama berkecimpung maka mereka ini diberi peluang untuk mereka meneruskan usaha mereka di TKPM yang berhampiran dengan mereka. Seperti di Perak, ada satu kawasan di Lenggong yang kita baru buka tetapi tengok tanah tidak sesuai. Kita cari di tempat lain.

■ 1540

Di negeri Selangor sebagai contoh kalau Yang Berhormat pergi ke Ulu Yam tanaman sayur itu ialah tanah kerajaan negeri. Bukannya tanah Kerajaan Persekutuan, di Ulu Yam ada lebih kurang 100 ekar merupakan pengeluar sayur yang cukup besar.

Di Selangor juga kita ada buka TKPM di Berjantai Bestari tetapi hendak bagi tahu Yang Berhormat apabila kita adakan dasar TKPM ini dasarnya ialah tanah milik kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan bagi modal untuk membangunkan kawasan tersebut bagi prasarana berjuta kita sudah belanja tiba-tiba Kerajaan Negeri Selangor senang-senang sahaja dia hendak halau semua penanam sayur ini. Tanah di Ulu Yam pun dia hendak jual. Ini saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat. Kerajaan Persekutuan *sincere* hendak tolong rakyat tetapi bila kerajaan PKR memerintah Selangor apa juga yang kita buat semuanya hendak ditolak, hendak dirampas balik apa yang telah kita buat selama ini.

Jadi Yang Berhormat daripada Jerai membangkitkan isu kualiti input pertanian yang dibekalkan kepada petani. Saya ingin menyatakan bahawa untuk memastikan kualiti input pertanian yang dibekalkan berkualiti, kementerian melalui Jabatan Pertanian sentiasa memantau kualiti input seperti baja dan benih padi yang dibekalkan dan pembekal yang membekalkan input yang tidak memenuhi spesifikasi akan dikenakan tindakan seperti denda ataupun pembatalan kontrak dan untuk kontrak yang akan datang ini kementerian tambah satu lagi syarat jika sekiranya input-input ini ditolak oleh petani kerana kekurangan kualiti ataupun dihantar lewat daripada masa yang sepatutnya maka pembekal ini mestilah mengganti duit tunai kepada petani-petani apabila petani-petani ini menolak bekalan input yang dihantar tidak mengikut spesifikasi dan juga tidak dihantar dalam tempoh yang ditentukan.

Ini kita akan laksanakan kerana saya sedar bahawa inilah masalah yang petani hadapi daripada sejak lama dahulu. Jadi kerana itu kita mencari jalan untuk memastikan supaya kontraktor ini bertanggungjawab dengan bekalan-bekalan yang mereka patut hantar kepada petani-petani.

Yang Berhormat Lenggong dan juga Yang Berhormat Arau telah membangkitkan isu berkaitan bil import makanan serta usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian dalam meningkatkan bekalan makanan. Untuk makluman Yang Berhormat, bil import bahan makanan negara terus meningkat kerana permintaan yang tinggi terhadap bahan makanan yang tidak dapat dihasilkan dalam negara kita kerana faktor iklim dan juga kos pengeluaran yang tinggi terutamanya bijirin seperti gandum dan jagung, bahan-bahan makanan ternakan yang cukup banyak kita import daripada luar, bawang merah serta buah-buahan dan juga sayur-sayuran beriklim sederhana. Di bawah Dasar Agro Makanan daripada tahun 2011 hingga tahun 2020 jaminan bekalan makanan dalam negara ataupun *food security* yang mencukupi dan selamat dimakan merupakan objektif utama Dasar Agro Makanan Negara. Melalui Dasar Agro Makanan Negara, sektor agro makanan lebih bersedia menghadapi cabaran dan menangani krisis sekiranya berlaku kerana strategi yang digariskan telah mengambil kira faktor-faktor di peringkat global dan di dalam negara seperti peningkatan harga makanan dan input pertanian, perubahan iklim, pertambahan penduduk serta persaingan dengan industri bio tenaga.

Yang Berhormat Gopeng telah mempersoalkan beberapa perkara mengenai Rural Transformation Centre (RTC). Yang Berhormat Gopeng ada? Tidak ada. Beliau telah bangkitkan mengenai penggunaan Bahasa Inggeris Rural Transformation Centre (RTC) bagi menggantikan TEMAN. Yang Berhormat juga membangkitkan terdapat lot-lot yang masih kosong dan tidak ada aktiviti pemborongan dan juga tidak ada laman web bagi RTC.

Untuk makluman Yang Berhormat, FAMA telah pun menawarkan kepada pemborong-pemborong sedia ada untuk berpindah ke premis TEMAN ataupun RTC. Bagaimana sebahagian besar daripada mereka tidak mahu berpindah kerana sistem yang diperkenalkan oleh FAMA masih belum dapat diterima khususnya sistem pemborongan yang lebih telus sebagaimana amalan di negara maju. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kita hendak bagi peluang kepada penjual sayur, ikan di Pasar Kuala Pari ada 92 di sana tetapi bila TEMAN ini siap dipanggil 92 orang ini setiap kali mesyuarat kita panggil datanglah 60 orang. Bila kita tawarkan sekarang hanya ada 16 orang sahaja yang berminat untuk berniaga. Jadi yang lebihnya tidak berminat. Adakah kita hendak biar sahaja tempat ini kosong?

Jadi patutnya Yang Berhormat Gopeng ini kena pergi kempen supaya orang di Kuala Pari ini datang untuk menggunakan kemudahan yang kita adakan. Ini berbeza dengan TEMAN di Kota Bharu. TEMAN di Kota Bharu di mana pemborong di sana mereka bersedia mentransformasikan sistem pemborongan yang sedia ada kepada sistem pemborongan yang lebih telus dan hari ini saya telah lihat sendiri sudah berebut-rebut

orang hendak berniaga di TEMAN Kota Bharu sampaikan bergaduh tidak cukup tempat kerana pemborong di sana bekerjasama dengan pihak FAMA. Ini tidak seperti di Gopeng.

Bagi meningkatkan aktiviti di RTC Gopeng ini seramai 98 usahawan sedia ada terlibat dalam aktiviti peruncitan yang akan dibangunkan sebagai peruncit dan pemborong dengan kerjasama FAMA dan juga Mydin. Mydin akan terlibat dari segi pembangunan modal insan dengan menyediakan ruang pasaran tambahan di 90 rangkaian Mydin seluruh negara. Ini sesuai dengan konsep pengurusan rantaian bekalan (*supply chain management*) di mana Mydin sebagai peneraju dan peserta ataupun pemborong ataupun peruncit akan menjadi pembekal. Amalan ini telah pun dipraktikkan secara meluas di negara maju.

Usaha-usaha sedang giat dilaksanakan oleh kementerian bagi membolehkan rakyat setempat mendapat faedah dengan pelaksanaan lapan inisiatif melibatkan pelbagai agensi di bawah RTC ini seperti pengeluaran bernilai tinggi dan MOA sebagai penyelarar serta FAMA sebagai agensi pelaksana utama juga menjadikan pusat pemprosesan berasaskan pertanian dan juga pengurusan rantaian bekalan dan MOA sebagai penyelarar serta FAMA sebagai agensi pelaksana utama bermula di peringkat pengukuhan bekalan melalui Program Ladang Kontrak kepada peluasan ruang pasaran seperti pemborongan dan juga peruncitan.

Bagi menarik pengunjung datang ke premis ini kementerian bersama FAMA telah mengambil langkah-langkah bersepadu yang melibatkan semua jabatan dan agensi di bawah MOA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi dan lain-lain kementerian membuka pejabat ataupun premis di sini dan mengadakan karnival jualan serta Program JobsMalaysia dengan pelaksanaan secara berterusan.

Selain daripada itu Lembaga Lebu Raya Malaysia telah bersetuju untuk membuat hentian sebelah (*lay by*) bagi memberi peluang kepada pengguna lebu raya untuk singgah di TEMAN ataupun RTC ini. Mengenai penggunaan singkatan RTC bagi RTC Gopeng, perkara ini bukan sesuatu yang luar biasa apabila orang ramai ataupun pengunjung sudah biasa dengan tempat ini. Perkataan RTC akan menjadi sebutan umum sebagaimana singkatan nama jabatan dan agensi kerajaan seperti FAMA iaitu Federal Agriculture Marketing Authority. Bahasa Melayunya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Patut kena panggil LPPP tetapi orang tidak kenal. Kalau sebut FAMA semua orang kenal. MARDI sebagai contoh, Malaysia Agriculture Research Development Institute atau Institut Penyelidikan dan Pembangunan Malaysia. Kalau panggil IPPM orang pun tidak kenal. FELDA dan sebagainya. Jadi istilah RTC ini tidak sepatutnya menjadi isu.

Sebagai maklumat Yang Berhormat FAMA telah menggunakan teknologi semasa seperti mewujudkan laman sesawang iaitu [www.rtc.my](http://www rtc my) dan juga talian *hotline* 1-800-88-7828. Di RTC ini juga ada kemudahan kiosk informasi pelbagai kementerian yang sedang beroperasi. Saya tidak tahu Yang Berhormat Gopeng kata dia pergi melawat mungkin dia tidak jumpa apa kemudahan yang kita sediakan.

■ 1550

Yang Berhormat Lenggong telah membangkitkan isu mengenai Projek Lenggong Agro Valley. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa tindakan proaktif bagi menyediakan bekalan makanan yang mencukupi untuk keperluan negara. Lenggong Agro Valley adalah satu projek yang dirancang bagi menyediakan bekalan makanan negara yang mencukupi. Projek ini melibatkan tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani dan juga agro pelancongan. Buat masa ini satu *blueprint* sedang disediakan bagi pelaksanaan Lenggong Agro Valley. Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Bukit Sapi adalah salah satu projek yang sedang dilaksanakan.

Isu perikanan dan nelayan. Yang Berhormat Putatan membangkitkan mengapa Malaysia menjadi 10 negara teratas yang menangkap ikan yu. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perikanan Malaysia mendapati bahawa laporan Traffic International tersebut merujuk kepada data rekod daripada Food and Agriculture Organization (FAO) dan juga Pelan Tindakan Kebangsaan bagi ikan yu. Malaysia telah pun melaporkan maklumat dengan telus dalam perangkaan perikanan tahunan mengenai pendaftaran ikan yu seperti yang dipetik dalam kedua-dua laporan tersebut. Walau bagaimanapun, telah banyak

berlaku perubahan dan penambahbaikan yang telah diambil oleh Malaysia dalam tindakan-tindakan pemulihan, pengurusan dan pembangunan sektor perikanan negara semenjak tahun 2006 sehingga sekarang.

Di Malaysia, spesies ikan yu bukanlah spesies sasaran sebenarnya mereka ditangkap bersama dengan spesies-spesies ikan komersial yang lain melalui penggunaan pukut tunda, pukut hanyut dan juga pancing. Pada tahun 2008 hingga 2010, purata pendaratan ikan yu sebenarnya telah pun berkurangan daripada jumlah cuma kira-kira 1.6% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia berbanding jumlah tertinggi kira-kira 2.2% pada tahun 2003 seperti yang dipetik oleh *Traffic International* dalam buku laporannya *The Future of Shark: A Review of Action and Inaction* yang telah dikeluarkan pada Januari tahun 2011. Dalam masa yang sama, kementerian juga telah memperkenalkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi ikan yu.

Yang Berhormat Bakri telah membangkitkan isu mengenai nelayan di Pengerang, Johor yang terjejas akibat projek RAPD. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Perikanan Negeri Johor sedang menjalankan soal-selidik sepanjang tempoh bulan Februari 2012 bagi mendapatkan data terkini jumlah nelayan berlesen dan tidak berlesen di kawasan Pengerang.

Data yang diperolehi meliputi beberapa kampung seperti di Sungai Kapal, Sungai Buntu, Teluk Ampang dan lain-lain. Data tersebut akan digunakan oleh kerajaan sebagai asas untuk mempertimbangkan bayaran *ex gratia* kepada nelayan yang terjejas. Di samping itu Kerajaan Negeri Johor juga bercadang untuk menaik taraf kehidupan nelayan di kawasan berkenaan melalui latihan dan kemahiran semula. Nelayan-nelayan yang berpangkalan di Tanjung Kapal dan Tanjung Ayam, Kampung Sungai Buntu telah pun menerima bayaran daripada syarikat Dialog Pengerang Sdn. Bhd. sebanyak RM30,000 seorang telah diberikan kepada 61 orang nelayan berlesen dan RM15,000 seorang kepada 51 orang nelayan yang ada lesen. Jumlah keseluruhan nelayan yang telah menerima *ex gratia* tersebut adalah seramai 112 orang.

Walaupun bagaimanapun, Yang Berhormat Pengerang telah pun mengemukakan senarai tambahan nelayan kepada pihak syarikat dan masih dalam peringkat perbincangan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang bekerjasama dengan kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk menyediakan kertas cadangan bagi menempatkan semula nelayan-nelayan yang terlibat yang dijangka seramai hampir 650 orang ke tapak baru yang telah pun dikenal pasti di Sungai Suluh. Kos projek tersebut dijangkakan RM80 juta.

Di antara pembinaan yang akan dilaksanakan ialah sebuah kompleks pendaftaran ikan yang meliputi pembinaan jeti, ruang pemasaran, pemecah ombak, pusat pentadbiran, kemudahan bilik sejuk dan juga stor. Persatuan nelayan kawasan Pengerang sedang berbincang dengan Jabatan Perikanan Daerah bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang akan dilakukan di tapak baru yang akan dibina nanti.

Yang Berhormat Taiping telah membangkitkan supaya nelayan air tawar diberikan pengiktirafan yang sama seperti nelayan marin. Untuk makluman Yang Berhormat, semalam pun saya sudah jawab dalam Parlimen ini. Seksyen 38, Akta Perikanan 1985 Jabatan Perikanan Malaysia menyatakan bahawa tanggungjawab ke atas perikanan darat adalah di bawah bidang kuasa pihak kerajaan negeri dan diurus tadbir dengan menggunakan kaedah-kaedah perikanan sungai di negeri masing-masing. Semua negeri di Malaysia mempunyai kaedah-kaedah perikanan sungai kecuali Melaka, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Manakala di Sarawak, urusan perikanan darat dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Sarawak. Oleh yang demikian, pemberian bantuan tidak seharusnya melangkaui ataupun mengurangkan bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai *locus standi* mentadbir perikanan darat di negeri masing-masing.

Sehubungan itu, bagi memastikan pemberian bantuan ataupun elaun kepada nelayan darat dapat dilaksanakan secara teratur, kaedah-kaedah perikanan darat, dasar dan juga prosedur pelesenan perikanan darat perlu diseragamkan. Manakala kaedah-kaedah perikanan darat perlu diwujudkan bagi negeri-negeri yang belum mempunyai kaedah-kaedah tersebut. Oleh yang demikian, bagi membantu mereka-mereka yang menangkap ikan di perairan sungai kerajaan melalui Jabatan Perikanan Negeri telah pun melaksanakan Program Pengayaan Sumber Perikanan melalui pelepasan benih ikan air tawar dan juga udang ke perairan umum sungai termasuk tasik-tasik. Malah pada tahun 2011 sahaja, sebanyak 1.6 juta benih ikan dan juga udang galah telah dilepaskan.

Program pengkayaan sumber ini akan dijalankan secara berterusan bagi melestarikan bekalan ikan sungai. Di samping pelepasan benih ikan tersebut, Jabatan Perikanan juga membangunkan program-program Pengurusan Sumber Perikanan Sungai seperti mengawal bilangan nelayan melalui proses pelesenan, menjalankan aktiviti penguatkuasaan, pembanterasannya penggunaan peralatan yang dilarang seperti racun dan juga penggunaan arus elektrik, membangunkan sistem pengurusan yang melibatkan komoditi, membangunkan kawasan *sanctuary*, perlindungan spesies yang terancam seperti *sanctuary* kelah dan juga temoleh.

Jabatan Perikanan sentiasa memberikan perhatian kepada perkara-perkara demi memajukan nelayan sungai dan seperti mana yang saya maklumkan semalam bahawa di bawah peruntukan perumahan nelayan RM300 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet yang lepas ini juga kita akan memberi peluang kepada nelayan sungai untuk memohon dengan syarat mereka mesti mempunyai lesen sampan dan juga mempunyai kad ahli nelayan. Kementerian juga memang sedang menyediakan *paper* untuk dibawa kepada kabinet supaya nelayan sungai ini juga kalau boleh kita hendak cadang juga diberikan peluang sebagaimana peluang-peluang yang diberikan kepada nelayan-nelayan laut. Akan tetapi, oleh kerana saya kata tadi masalah ada peraturan dari segi kuasa kerajaan negeri dan juga kuasa federal sebab itu kita terpaksa membuat kajian yang lebih mendalam daripada kesan perundangannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun menyenaraikan kawasan Empangan Bakun ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ulu Rejang membangkitkan supaya Tasek Bakun dijadikan pusat pengeluaran ikan air tawar. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyenaraikan kawasan Empangan Bakun sebagai salah satu kawasan yang berpotensi bagi melaksanakan program di bawah NKEA iaitu EPP 4 Sistem Sangkar Bersepadu. Bagaimanapun, pada tahun 2011 sehingga 2012 hanya kajian EIA dan juga penyediaan infrastruktur asas seperti jalan masuk, bekalan elektrik, bekalan air bersih, dan juga jeti pendaratan ikan sahaja dapat dilaksanakan. Aktiviti ternakan hanya dapat dilaksanakan selepas tahun 2015 mengambil kira faktor kesesuaian seperti kualiti air memandangkan empangan ini masih baru dan belum dipenuhi air sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, kajian tapak bagi menentukan lokasi-lokasi yang bersesuaian akan dilaksanakan. Bagi tempoh tersebut, melalui Jabatan Perikanan Laut Sarawak program-program pengembangan bagi melatih produk penduduk-penduduk Sarawak akan diteruskan. Yang Berhormat Bagan Serai telah membangkitkan isu mengenai rancangan mengatasi miskin tegar di kawasan Kerian dan isu pemberian TOL kepada pengusaha-pengusaha udang di Kuala Kurau.

■ 1600

Untuk maklumat Yang Berhormat, sistem yang digunakan adalah sistem pawah di mana peserta yang dipilih terdiri daripada senarai e-Kasih dan tidak produktif seperti OKU, ibu tunggal, golongan veteran dan juga yang uzur diberikan bantuan berbentuk perolehan induk arowana yang ditempatkan dan diuruskan oleh syarikat peneraju yang dilantik oleh kerajaan. Perolehan dibuat oleh kerajaan dan bantuan adalah berbentuk geran. Pendapatan bulanan yang diterima peserta adalah hasil persetujuan antara kerajaan yang mewakili peserta dan syarikat peneraju mengikut perkiraan pendapatan purata setelah menolak kos-kos yang terlibat. Jabatan hanya melaksanakan dua projek seperti ni. Satu di Bukit Merah, Perak dan satu lagi di Hulu Selangor di Selangor. Sehingga akhir bulan Februari 2012, projek masih berjalan dan peserta masih menerima pendapatan bulanan daripada syarikat peneraju.

Selain itu, untuk maklumat Yang Berhormat juga Jabatan Perikanan Malaysia bertanggungjawab untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai manakala isu pemberian lesen penduduk sementara (TOL) kepada pengusaha ternakan udang di Kuala Kurau adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Yang Berhormat Tawau ada membangkitkan isu mengenai sempadan antara Malaysia dan Brunei Darussalam dan beberapa nelayan Malaysia yang telah ditangkap. Pada masa ini isu perikanan yang melibatkan nelayan sedang dibincangkan di peringkat pegawai kanan antara Malaysia dengan Brunei untuk mencari cara penyelesaian terbaik bagi masalah yang dihadapi oleh

nelayan Malaysia. Terdapat beberapa kes tangkapan tahanan oleh pihak berkuasa Brunei yang tidak dilaporkan kepada kerajaan.

Sehubungan dengan itu pihak kerajaan tidak mempunyai data lengkap kes-kes tangkapan. Kes-kes tangkapan yang dilaporkan kepada jabatan ialah pada 10 April tahun 2009, seorang nelayan dipenjara satu malam dan didenda RM600. Pada 1 Februari 2012, dua buah bot didapati bersalah dan dua tekong dipenjara selama enam bulan dan setiap awak-awak dipenjara satu bulan dan dua *vessel*.

Yang Berhormat Padang Terap telah membangkitkan peningkatan harga makanan dengan memfokuskan peningkatan harga ikan kembung di kawasan pedalaman seperti di Jengka dengan harga RM20 per kilo. Beliau bertanyakan adakah berlaku monopoli di peringkat rantaian awal ataupun peningkatan berlaku dari jeti kepada rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, peningkatan harga ikan kembung di kawasan pedalaman berlaku kemungkinan disebabkan oleh rantaian pemasaran yang panjang iaitu daripada nelayan kepada peraih di jeti, pemborong kemudian ke peruncit dan juga pengguna. Rantaian pemasaran yang panjang telah pun menyebabkan harga ikan meningkat kerana margin keuntungan dibangkitkan meningkat. Dalam konteks keadaan Jengka pada kebiasaannya...

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh mencelah. Kalau boleh mencelah.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Bagi habis dahulu, bagi habis sat.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Okey, okey.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Dalam konteks FELDA Jengka, pada kebiasaannya peruncit akan membeli ikan dari pemborong jeti di kompleks perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Kuantan dan dijual kepada pengguna secara terus kepada kedai runcit ataupun mini market di Jengka. Bagi bekalan ikan di Jengka, paling maksimum ia melibatkan tiga *intermediary* iaitu pemborong, pembekal dan juga peruncit. Berdasarkan purata harga ikan kembung di kompleks Lembaga Ikan Malaysia di Kuantan pada minggu kedua bulan Mac sebanyak RM6.50 harga runcit di Jengka sepatutnya tidak boleh melebihi RM9. Jika berlaku lebih sehingga RM20, ini kemungkinan dibuat oleh peruncit-peruncit yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya mengenai harga ikan ini. Saya difahamkan bahawa harga pendaratan ikan selalunya cukup rendah iaitu tidak pernah lebih daripada RM3 hingga RM6 dan kalau ikan yang diimport itu lebih murah lagi. Jadi saya hendak bertanya di sini, mengapa pihak Majuikan (LKIM) tidak mahu mengambil peranan memasarkan terus ikan ini kepada peruncit-peruncit. Ini kerana kalau ini boleh dilakukan, saya rasa harga ikan akan turun dengan banyaknya.

Untuk makluman, hari ini harga ikan adalah cukup menyeksakan. Ikan temenung pun pergi sampai RM9 hingga RM12 atau kadang-kadang naik lebih daripada itu. Jadi saya minta kalau boleh kementerian Yang Berhormat Menteri memastikan bahawa LKIM memainkan peranan secara langsung untuk memasarkan ikan ini kepada pengguna-pengguna ataupun peruncit-peruncit untuk memastikan bahawa peranan orang tengah ini dapat dikurangkan sebanyak mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak kerana prihatin masalah harga ikan di mana keprihatinan Yang Berhormat itu sama seperti mana yang kami sedang bincang di peringkat kementerian. Hanya makluman Yang Berhormat, bukan LKIM sepatutnya memainkan peranan ini. akan tetapi ialah Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) yang mana ada persatuan nelayan negeri dan juga persatuan-persatuan nelayan lain-lain kawasan. Saya telah pun memanggil semua Lembaga Pengarah NEKMAT bulan lepas dan telah pun mengarahkan bahawa NEKMAT melalui persatuan-persatuan nelayan negeri dan juga kawasan, mereka mesti memainkan peranan seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi. Di mana kita tidak nafikan bahawa kadang-kadang NEKMAT ini ia banyak membawa ikan daripada luar negara daripada ikan yang sepatutnya dipasarkan daripada tempatan. Rumah-rumah sejuk, NEKMAT ini pun nampaknya sudah terus sejuk berada.

Jadi oleh sebab itu kita telah pun bagi KPI kepada NEKMAT. Mereka mesti bertindak mengambil tindakan dengan segera supaya mereka terus memainkan peranan seperti asalnya untuk membantu memasarkan ikan supaya harga-harga ikan ini dapat murah. Dan juga kita tahu dia ambil dan saya bersetuju Yang Berhormat, kadang-kadang nelayan ini mereka kecewa juga. Ikan yang sama, dia jual dekat jeti baru RM4. Ikan yang sama itu pergi dekat pasar sudah jadi RM10 sebab ada banyak orang tengah-orang tengah. Akan tetapi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat ini bukan perkara yang mudah untuk kita hendak atasi. Ini kerana sudah ada *cartel*, susah. Ia ada dan kita buat macam ini nanti, ada persatuan-persatuan tertentu pula ia ada kumpulan-kumpulan tertentu. Saya cukup ada pengalaman.

Waktu saya hendak perkenalkan tong biru dahulu Yang Berhormat cukup main seksa. Kita buat macam ini, yang kumpulan-kumpulan yang sentiasa mencari untung ini ia akan cari jalan pula, sabotaj dan sebagainya. Akan tetapi walau bagaimanapun, insya-Allahlah NEKMAT kita akan ambil tindakan. Oleh sebab itu kita telah pun perkenalkan ikan rakyat. Ada beberapa jenis ikan kembung, ikan temenunglah orang Kedah kata. Temenung, ikan pelaling, ikan cencaru. Ini kita panggil ikan rakyat untuk boleh dijual dengan harga agak murah di pasaran.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh sikit?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat di belakang itu.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat bertanya, saya mintalah kita baru 12 buah kementerian dan kementerian yang ke-25, Jabatan Perdana Menteri ada tiga ataupun empat Menteri. jadi kita setengah baru. Malam ini pun kita sampai pukul 10. Hari Khamis, saya cukup yakin kita tidak akan sambung lebih dari pukul 5.30 petang Yang Berhormat. Jadi kalau tidak berjaga-jaga, malam esok sampai pukul 12. Jadi persoal macam-macam. Macam Yang Berhormat baru menyual tadi, bagus soalan itu. Soal tak payah komen. Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan NEKMAT tadi, saya cukup terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Ikan yang sampai di jeti biasanya harga yang disebut tadi RM3, RM4, kemudiannya dimainkan oleh orang tengah dan saya faham tentang masalah yang terpaksa dihadapi oleh pihak kementerian untuk berhadapan dengan masalah ikan yang mahal ini. Cuma saya dapat maklumat, ikan yang kita dapat yang sama, ikan kembung, ikan temenung ini, dapat daripada Sri Lanka, dapat daripada Indonesia, dapat daripada India dengan harga yang lebih murah. Lebih kurang 30 sen sahaja sekilo. Di Indonesia, RM1 sekilo. Jadi saya harap pihak kementerian boleh memainkan peranan yang lebih aktif untuk melihat ikan yang lebih murah sampai kepada rakyat.

Jadi NEKMAT pun difahamkan sekarang ini duduk ambil untung atas subsidi diesel, minyak yang dapat daripada kerajaan. Jadi saya kira ini satu perkara yang perlu diambil perhatian serius oleh pihak kementerian. Saya tengah tunggu jawapan tentang Majuikan. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi, memang kita telah pun seperti saya nyatakan tadi kita sudah panggil NEKMAT untuk mereka membantu atasi masalah berkaitan dengan kenaikan harga ikan. Jadi memang kita tengok pun NEKMAT ini ia lebih untung banyak tetapi untung ambil komisen subsidi minyak. Jadi hari ini kita minta supaya mereka lebih memainkan peranan daripada untuk memastikan kurangkan orang tengah. Mereka yang menyebabkan berlaku kenaikan harga.

■ 1610

Untuk itu, untuk mula ini *insya-Allah* kita akan mulakan di pasar-pasar tani seluruh negara. Untuk memastikan harga-harga ikan rakyat yang dinyatakan tadi akan mengikut harga yang sepatutnya. Kalau orang pasar tani mudah sedikit. Dia ambil daripada jeti, dia terus jual ke pasar tani. Jadi, kita hendak buktikan dan juga kalau kita bercerita tentang ikan

rakyat, Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia pernah dibuka oleh satu syarikat swasta. Dia jual cukup murah kerana ikan ini dia ambil terus daripada jeti. Jadi, ini memang terima kasihlah dan ternyata Yang Berhormat mengambil peranan NEKMAT ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang sangat spesifik berkenaan dengan koperasi nelayan yang berasas kepada aktiviti-aktiviti nelayan. Saya hendak tanya, adakah satu polisi spesifik oleh kementerian Yang Berhormat memberi peruntukan kewangan kepada koperasi yang ditubuhkan berasaskan aktiviti-aktiviti nelayan ini? Saya hendak tahu sebab saya ada lima kes spesifik. Saya berhajat hendak jumpa Yang Berhormat Menteri secara berasingan untuk isu ini tetapi buat permulaan saya hendak tahu adakah polisi kementerian Yang Berhormat memberi peruntukan kepada koperasi yang ditubuhkan berasas kepada aktiviti-aktiviti perikanan? Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, setahu saya tidak ada. Sebab apabila Yang Berhormat sebut sahaja koperasi, itu ialah di bawah kuasa dan juga bidang kuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan di bawah Kementerian Pertanian kita tidak ada bagi kepada koperasi, kalau kita bagi pun kepada Persatuan Peladang dan juga Persatuan Nelayan seperti yang saya sebutkan tadi. Jumpa saya dan jumpa dengan Menteri Hal Ehwal Penggunalah, yang jaga koperasi.

Yang Berhormat, mengenai veterinar – yang akhir sekali, isu veterinar. Yang Berhormat Bakri telah membangkitkan isu berkaitan empat buah kawasan TKPM di Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, semua Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang telah dinyatakan sebelum ini adalah kawasan TKPM yang telah pun diwartakan dan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor. TKPM Ulu Bakri diusahakan oleh 11 orang peserta dengan ternakan sebanyak 267 ekor lembu, 48 ekor kerbau dan 65 ekor kambing termasuk tiga unit kandang ladang satelit yang telah siap dibina. TKPM Kampung Tui diusahakan oleh lapan orang peserta dengan ternakan sebanyak 120 ekor lembu. Walau bagaimanapun, kawasan TKPM Kampung Tui didapati tidak sesuai untuk projek ternakan kerana selalu mengalami masalah banjir. TKPM Kampung Tulang Gajah pula diusahakan oleh empat pengusaha dengan ternakan sebanyak 180 ekor lembu, 140 ekor kambing dan 130 ekor bebiri serta 30 ekor rusa. TKPM Lubuk Bakul diusahakan oleh 21 orang pengusaha termasuk enam orang pengusaha ladang satelit. Jumlah ternakan diusahakan oleh TKPM Lubuk Bakul adalah 797 ekor lembu, 850 ekor kambing dan 35 ekor rusa.

Yang Berhormat Bagan Serai telah pun membangkitkan isu mengenai projek ladang satelit di Gelung Pepuyu, Perak. Untuk makluman Yang Berhormat, ladang satelit Gelung Pepuyu, Perak adalah merupakan salah satu projek ladang satelit yang dibangunkan di bawah program Fidlot Nasional. Projek ladang satelit ini baru siap dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar oleh Jabatan Pengairan dan Saliran pada Januari 2012. Dua usahawan penternakan lembu fidlot telah pun dilantik sebagai pengusaha di ladang satelit tersebut pada awal tahun ini juga. Yang Berhormat Padang Terap bertanya... [Disampuk]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri... Dari Bakri. Tadi awak jawab separuh sahaja. Ada yang *last* sekali awak tidak jawab. Saya ada tanyakan, berapakah peruntukan kerajaan dalam Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) untuk setiap TKPM ini? Empat rancangan ini? Saya hendak tahu berapakah peruntukan kerajaan dan lagi satu soalan, saya hendak tanya Menteri apakah perkembangan krisis pengeksporan sarang burung ke negara China yang telah berlangsung sepanjang satu tahun. Apakah penyelesaian kementerian mengenai isu ini? Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bakri. Kalau tadi saya sebut secara terperinci mengenai bilangan ternakan yang ada tetapi kalau hendak kos ini saya minta notis. Saya akan bagi jawapan bertulislah untuk tahu apa kos setiap satu. Terima kasih Yang Berhormat Bakri kerana membangkitkan mengenai sarang burung walet ini. Kita sedia maklum bahawa sarang burung walet ini sekarang kita menghadapi sedikit masalah dengan negara China kerana ada berlaku penipuan waktu kita eksport dan juga yang lebih kritikal sekali ialah mengenai kandungan nitrat. Jadi, sarang burung walet ini melibatkan dua kementerian. Satu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana Kementerian Pertanian ini kita bertanggungjawab daripada segi untuk rantaian keselamatan daripada segi sarang burung itu. Itu kita ada akta kita sendiri dan untuk itu saya sebagai Menteri Pertanian telah pun pergi ke China berjumpa dengan

Menteri yang menjaga ASIK ini. Di antara kementerian saya dengan kementerian ASIK di China ini, kita telah pun dapat kata persetujuan dan sedang merangka untuk buat protokol. Protokol-protokol yang mesti kita patuhi daripada segi rantaian, daripada segi keselamatan haiwan itu sendiri. Akan tetapi ianya juga melibatkan Kementerian Kesihatan yang mana Kementerian Kesihatan ini akan memberi sijil daripada segi kualiti keselamatan daripada segi makanan yang terletak di bawah Akta Makanan. Oleh itu Menteri Kesihatan, rakan saya sudah dua kali tidak silap saya, dia pergi berjumpa dengan Menteri Kesihatan di China dan juga wakil daripada China telah pun datang ke Malaysia untuk melihat daripada segi kesihatan dan isu yang penting ialah kandungan nitrat itu. Saya dimaklumkan bahawa perkara ini akan diumumkan oleh negara China. Berapa kandungan nitrat yang dibenarkan. Jadi, selagi kita tidak dapat pengumuman rasmi daripada negara China ini, selagi itu kita tidak dapat hendak meneruskan eksport ke China.

Akhir sekali, Yang Berhormat daripada Padang Terap bertanya sama ada betulkah Majuikan Sdn. Bhd. menanggung hutang sebanyak RM60 juta? Untuk makluman Yang Berhormat, pernyataan Yang Berhormat berkenaan hutang RM60 juta, pernyataan ini adalah kurang tepat. Mengikut semakan Jabatan Audit Negara setakat tahun 2010, hutang Majuikan Sdn. Bhd. dengan badan induk iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ialah berjumlah RM35.9 juta sahaja. Sementara itu MMSB atau Majlis Majuikan Sdn. Bhd. telah pun membuat pinjaman sewa beli bangunan kepada Maybank bernilai RM1.5 juta, manakala baki pinjaman semasa bernilai RM1 juta. Walau bagaimanapun MMSB masih menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka seperti biasa. Mengenai perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ampang...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Menteri, berkaitan tentang Maju Ikan sikit, saya minta laluan daripada... Berkaitan dengan jawapan tadi, saya ucap terima kasihlah maklumat yang saya dapat. Saya anggar sahaja lebih kurang RM50-RM60 juta. Saya hendak tanya berkaitan dengan adakah benar ada satu kes mahkamah yang berkaitan dengan Majuikan Sdn. Bhd. ini yang disaman oleh pihak pertama, kalau tidak silap saya plaintiff daripada Taiwan berkaitan dengan *Fish Protech*. Saya juga dapat maklumat inilah yang menyebabkan kerugian kepada MMSB termasuklah janji yang dikeluarkan oleh pihak kementerian sendiri untuk mengendalikan atau menubuhkan beberapa kolam-kolam *Fish Protech* termasuklah di Naka yang dijanjikan dan saya dapat jawapan daripada menteri sendiri akan diberikan insentif kepada rakyat lebih kurang bulan Januari, sampai sekarang belum dapat lagi dan adakah ia juga *incur* kerugian dalam operasi ini? Benarkah pengarah-pengarah daripada Majlis Majuikan ini akan diheret ke mahkamah pada 30 hari bulan akibat daripada kegagalan untuk melaksanakan projek yang dijanjikan oleh pihak kementerian? Yang itu yang berkaitan sedikit dengan Majuikan yang saya tanya berkaitan dengan hutang yang saya sebutkan tadi.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, Majuikan Sdn. Bhd. ini betul Yang Berhormat kata tadi bahawa mereka sedang menerima surat saman mahkamah di mana Majuikan ini ada dua projek yang berbeza. Satu projek yang kata dekat Naka itu, itu projek yang dibuat oleh Majuikan yang projek untuk orang miskin, itu berjalan seperti biasa.

■ 1620

Walaupun bagaimanapun, hasil ikan itu saya difahamkan tidak seperti yang dirancang. Itu isu lain. Itu tidak ada kena mengena dengan kes mahkamah. Akan tetapi yang pergi ke mahkamah ini ialah isu apabila satu syarikat membuat satu perjanjian dengan *Fish Protech*. Dia dengan Majuikan yang kononnya bila syarikat ini dia bela ikan, dia ternak ikan, dibuat oleh *Fish Protech* dan akhirnya adalah *Fish Protech* didakwa tidak menunaikan obligasi-obligasi dalam perjanjian. Jadi memang betul sedang dalam proses pergi ke mahkamah.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan ikan ini, saya...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sebelum itu saya minta tolong sikit, Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya hendak tanya sikit. Adakah benar sebenarnya projek ini sudah diketahui gagal sejak daripada 2006 lagi tapi tetap dikeluarkan oleh pihak kementerian kepada swasta untuk memajukan projek ini daripada persendirian. Saya tengok affidavit yang datang daripada mahkamah. Rekod keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi tidak silap saya yang mana menyatakan dipanggil pakar sebagai saksi bagi pihak Majuikan dan pakar ini menyatakan bahawa memang sudah disedari bahawa

projek *Fish Protech* ini adalah projek yang memang tidak berdaya maju tetapi tetap juga ditawarkan kepada pihak swasta untuk dilaksanakan.

Akhirnya pihak swasta ini menanggung kerugian. Berkait juga dengan *Fish Protech* yang dilaksanakan di Naka dan juga di Tok Bali yang tidak ada hasil menyebabkan kematian yang cukup banyak. Jadi saya minta sedikit.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya Yang Berhormat, sebab kes...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, adakah kes ini dalam mahkamah?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Itu yang saya hendak jawab ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau dalam mahkamah, minta maaf ya Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Kes ini sudah pergi ke mahkamah. Jadi saya ingat saya tidak perlu hendak panjang lebarkan itu. Jadi sub judge. Biar kes ini diselesaikan di mahkamah sebab ia di mahkamah.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sudah selesai, Yang Berhormat Menteri. Cuma diarahkan kepada pihak Majuikan dan juga kementerian untuk membayar kepada pihak daripada Taiwan. Akan tetapi sampai sekarang bayaran belum dikeluarkan. Saya minta supaya dipercepatkan tentang kes inilah supaya ia tidak...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, ia telah pun dapat penghakiman. Dapat penghakiman supaya Majuikan bayar kes itu tetapi pihak Majuikan dia tengok, dia cuba memberikan alasan supaya dia tidak bayar. Jadi kes ini kalau saya tidak silap bila Majuikan tidak bayar, dia buat *execution*lah sekarang ini untuk memastikan Majuikan bayar. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat ia kini bermula dengan *Fish Protech* ini. *Fish Protech* ini juga ialah satu konsultan yang diambil daripada Australia. Akan tetapi bila dia memberi nasihat, dia libatkan – tetapi perjanjian dia buat antara Majuikan tetapi konsultan itu datang daripada Australia. Jadi memang obligasi-obligasi yang sepatutnya tidak dibuat, maka sebab itu dan mahkamah telah pun memberikan penghakiman kepada pihak plaintif. Sekarang sudah pergi mahkamah dan memang pihak Majuikan sedang berunding. Dia berunding macam mana cara hendak menyelesaikan masalah.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum berpindah kepada tajuk yang lain, saya ingin merujuk kepada isu tentang bekalan diesel yang menyebabkan sebahagian daripada nelayan-nelayan membuat demonstrasi di Kuala Kedah ini. Jadi boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan apa isu sebenarnya supaya benda itu diperjelaskan kepada rakyat dan adakah kekurangan diesel itu memang fenomena biasa ataupun atas sebab-sebab tertentu atas manipulasi ataupun penipuan dan sebagainya. Jadi minta penjelasan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya. Minta maaf, mungkin belum sampai ke pengetahuan saya yang kata ada tunjuk perasaan tidak cukup minyak ini. Saya minta maaf. Saya belum sampai. Bila Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Benda itu sudah jadi isu nasional kerana orang – nelayan-nelayan tidak cukup bekalan diesel.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak apa. Saya akan siasatlah. Yang Berhormat jangan susah hati. Kalau ada kes-kes begitu, saya sendiri akan turun untuk jumpa nelayan-nelayan ini. Akan tetapi untuk itu saya minta maaf. Mungkin tidak sampai sebab Yang Berhormat mungkin tidak cakup dalam...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya tidak sempat hendak cakap tetapi isu ini baru semalam.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Itu saya kata. Pasal semalam, jadi saya pun belum dapat lagi isu ini. Tidak apa.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sepatutnya dunia maklumat ini, demonstrasi di Kuala Kedah, lima minit sudah sampai ke pengetahuan Menteri sebab ini isu nasional. Tidak cukup bekalan diesel.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Betul tidak sampai. Yang Berhormat pun baru tahu semalam, bukan?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak apalah. Kalau Yang Berhormat tahu lebih awal...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta tolong selesaikan isu ini. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yalah kita akan selesaikan. Yang Berhormat jangan susah hati. Sepatutnya Yang Berhormat, apabila nelayan itu marah dengan kerajaan, sepatutnya Yang Berhormat lagi seronok. Bila pilihan raya nanti, Yang Berhormat tentulah menang. Jadi kalau saya pergi selesaikan esok, sudah nelayan sokong Barisan Nasional pula. Yang Berhormat kalah pula nanti. Akan tetapi tidak apa. Saya akan selesaikan. Terima kasih banyaklah.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tidak, bukan begitu. Kita hendak selesaikan isu rakyat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yalah saya selesaikan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kita bawa isu ini ke Parlimen. Kita bawa isu ke Parlimen. Wakil yang dipertanggungjawabkan kita bawa ke Parlimen.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasihlah. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tolong selesaikan secepat mungkin.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya, terima kasih. Saya akan selesaikan. Saya akan turun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Timbalan Menteri Pertahanan, apa masalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Okey, saya akan selesaikan. Saya akan pergi ke Kuala Kedah dan saya akan pastikan semua nelayan itu akan sokong Barisan Nasional.

Akhir sekali daripada Ampang ini. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kes ini kes mahkamah. Maka merupakan sub judge kepada saya kalau saya jawab sekarang dan dari peraturan-peraturan mesyuarat. Akan tetapi saya ingat apa juga Yang Berhormat cakap itu, Yang Berhormat tengok balik *Hansard* waktu saya menggulung dalam belanjawan yang lepas. Saya ingat saya terang sudah cukup *detail*lah dalam itu, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang saya bawa Yang Berhormat Menteri adalah untuk menjelaskan kedudukan kewangan NFC dan apakah tindakan-tindakan kementerian untuk membaik pulih keadaan yang telah menjadi satu penyelewengan yang besar di negara kita dan apakah langkah-langkah kementerian untuk *repair the situation*. Jadi kita hendak tahu apakah peranan kementerian ketika itu apabila wang itu diluluskan dan dibelanjakan. Tidakkah kementerian Yang Berhormat bertanggungjawab dalam jawatankuasa itu untuk memastikan bahawa duit ini digunakan dengan cara yang betul dan dengan objektif yang betul.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun dilantik untuk memastikan projek ini diteruskan. Untuk jawapan Yang Berhormat, yang pertama ialah kita telah pun lantik juruaudit bebas. Juruaudit bebas telah pun dilantik dan sekarang ini kita dalam proses yang kedua untuk mungkin kita akan tenderkan balik projek ini untuk diteruskan oleh mana-mana syarikat yang berminat. Itu yang...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tentang status *PricewaterhouseCoopers* punya *report* juga. Akan tetapi tidak ada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Status yang macam mana Yang Berhormat hendak?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kita hendak tahu apa statusnya bila kita lantik PWC, apa *timelinenya*, apa status dan apa *reportnya*. Sampai sekarang kita tidak lihat apa-apa maklum balas daripada audit ini.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya hendak beritahu, daripada laporan audit yang kita dapat, kita akan mengambil tindakan untuk kita hendak meneruskan projek ini dan juga cara kita hendak bermula, kita akan membuat satu cara yang baru untuk kita mempelawa ataupun membuka tender. Mana-mana syarikat yang berminat untuk meneruskan. Laporan audit yang bagaimana, Yang Berhormat? Laporan audit itu adakah menjadi obligasi untuk kita hendak dedahkan kepada Parlimen dan juga saya ingat *select committee* pun tengah berjalan. Biarlah mereka ini buat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, sebelum ini dalam sesi Parlimen yang kita ada perbincangan tentang *escrow account* katalah semua ini dijamin tidak ada masalah. Sekarang pula jadi kes mahkamah. *So* itulah penjelasan yang kita ingin tahu yang banyak akaun-akaun ini. *Escrowkah*, tidak *escrowkah*. Jaminan dan amanah. Apa terjadi dengan mekanisme yang telah dijamin oleh Yang Berhormat Menteri dalam sesi Parlimen yang lalu bahawa tidak mungkin ada penyelewengan. Sekarang sudah terbukti ada penyelewengan. Kita ingin tahu apakah cara yang kita boleh baik pulih perkara ini.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya ingat Yang Berhormat pun tidak jelas dengan apa yang saya terangkan. Yang Berhormat kurang jelas. Apa yang saya cakap dulu adalah akaun. Sekarang saya cakap banklah Yang Berhormat. Sekarang terang dulu ialah dipanggil *Special Loan Account* (SLA) ini. Ini Maybank. Duit daripada kerajaan masuk dalam akaun SLA ini di Maybank. Daripada duit Maybank ini, ini yang kita kontrol. Sebelum duit ini dikeluarkan kepada akaun operasi *National Feedlot* iaitu akaun yang dibuka di SLAMB.

■ 1630

Kita kena ingat SLA yang kita *control*. Apabila dia *claim*, dia kata hendak buat reban, dia kata hendak buat kilang makanan. Jadi kita bayarlah. Dalam *claim-claim* itu dia tidak ada sebut hendak beli kondokah? Tidak ada. Apabila duit itu kita sudah bagi syarikat punya akaun kita sudah tidak ada *control* di sana. Jadi tadi Yang Berhormat kata kenapa saya tidak bantah. Saya hendak bantah macam mana? Kalau dia sudah buat macam *first claim* dia kata dia buat kandang, kita tengok dia buat kandang. Lepas dia *claim* dia beli lembu, kita tengok dia beli lembu ada 8,000 ekor. Jadi kita boleh pantaulah. Jadi kalau duit sudah masuk dalam akaun peribadi dia akaun syarikat, itu urusan syarikat. Oleh sebab itu kalau kita tengok caj yang dia buat pun ialah caj di bawah Akta Syarikat. Ini Yang Berhormat kena faham. Jangan pusing-pusing lagi Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, saya tidak pusing. Saya hanya kata sebelum ini kami dijamin bahawa tidak mungkin penyelewengan ini berlaku kerana *escrow account* pengawalan yang sangat ketat. Sekarang terbukti ada, jadi kita ingin tahu. Saya tidak mahu bincang tentang kes ini. Apakah cara supaya kaedah yang baru supaya perkara ini tidak akan berlaku? Ini kerana kalau kita ikut cara macam ini kalau ahli-ahli masuk *private account*, sudah tidak ada pengawalan. Jadi, kita ingin tahu sama ada kementerian mengambil langkah-langkah yang waspada pada projek yang akan datang.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya sudah kata tadi sebab kerajaan serius. Oleh sebab itu kita lantik juru audit bebas. Kita ada tengok macam mana aliran itu berlaku. Jangan kata *escrow account* itu seperti saya kata tadi, kalau saya tengok yang dia *claim* daripada *escrow account* itu tidak disebut dia hendak beli kondo. Kalau dia kata hendak beli kondo, tidakkan kita hendak bayar. Yang Berhormat kena faham akaun ini. Jadi *escrow account* ini akaun yang kita kawal yang ada tanda tangan daripada Pegawai Kementerian Kewangan. Jadi dia kata dia *claim*, dia kata hendak buatkan *so* kita bagilah. Kemudian apabila sudah masuk akaun dia itu ialah urusan di dalam *company* dia. Saya ingat Yang Berhormat, saya sudah terang dengan panjang lebar benda ini.

Akan tetapi Yang Berhormat masih lagi tidak faham hendak suruh saya pergi *check* akaun dia, itu perkara yang di luar kuasa kita. Itu biarlah SPRM *check*. Saya bagi

contoh, kata kalau Yang Berhormat seorang kontraktor, Yang Berhormat pergi buat jalan. Yang Berhormat kata *claim* buat jalan. Kita bayarlah duit jalan Yang Berhormat *claim*. Akan tetapi kalau jalan itu rosak, tidak ikut *spec*, itu biarlah *consultant*, SPRM pergi siasatlah. Kalau Yang Berhormat tipu *claim*, samalah seperti kes ini. Jadi, oleh sebab itu caj yang dibuat Yang Berhormatlah. Itu di bawah Akta syarikat. Dia hendak beli harta tanpa membuat ke *board* dan sebagainya itu urusan syarikat dia. Yang Berhormat hendak pusing-pusing apa lagi? Sudah jelas apa yang saya cakap.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak pusing, kita tidak pusing saya hanya kata sebelum ini kita diberi jaminan dan *very the determine* kita bahas tidak ada, tidak ada. Maksudnya mekanisme kita sekarang ada masalah, ada ketirisan. *So we just want to find out* cara yang baik untuk *prevent next time* dia berlaku. Itu sahaja.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Okey. Saya sudah terang banyak kali Yang Berhormat. Contoh, apabila dia kata *claim* hendak buat kilang makanan. Apabila kilang makanan kita tanya macam mana? Dia kata kena beli tanah, dia kena buat pelan dan sebagainya. Jadi kalau benda itu tidak, belum buat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mencilah Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: ...Kita hendak bantah macam mana?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya faham. Duit itu telah diluluskan seperti apa yang disebut kandang dan sebagainya. Tidakkah ianya satu skop kerja bagi pihak kementerian untuk juga memantau di lapangan sama ada duit yang dikatakan belanja untuk kandang itu dia buat kandang, duit dia hendak beli lembu itu dia beli lembu dan tidak beli kondo dan tidak beli benda yang lain.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Itu yang saya kata tadi. Saya sudah kata tadi, contoh kata kilang. Dia kata dia hendak buat kilang. *So* apabila kita pergi dia kata kilang dia kata tengah beli tanah. Dia tunjuk dia beli tanah untuk buat kilang. Selagi kilang itu dia tidak buat, kita hendak pantau macam mana? Ini kerana proses yang dia buat itu, apabila kita bayar pergi ke sana, kita akan pantaulah. *Claim* yang pertama kita pantau berapa kali.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Saya faham, bukan Menteri yang bertanggungjawab tentang *claim* ini. Cuma dalam masa empat tahun 2009, 2010, dan 2011, 2012 duit kita sudah lepas kita sudah sampai empat tahun, kita kata kita pantau, tidak nampak bendanya dan kita masih ambil masa hendak buat kandang dan sebagainya. Ketika itu tahun kedua, tahun ketiga mesti sudah tahu sudah, tidak ada kandang, tidak ada lembu mesti sudah tahu. Tahun 2009 dapat duit 2010 kita sains. Yang Berhormat Rembau pula kata betul, cara yang betul untuk *invest*.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya ingat Yang Berhormat balik baca balik laporan audit itu dengan betul. Tahun lepas saya cakap berdasarkan kepada laporan audit, Yang Berhormat baca betul-betul laporan audit, apa laporan audit cakap. Laporan audit tidak mengatakan ada yang menyeleweng, laporan audit kata mengenai lembu. Mengikut unjuran kita sepatutnya lembu itu ada sebanyak 8,000 ekor. Akan tetapi audit kata lembu disembelih ada 5,333 ekor. Audit punya laporan. *So we go on the ground*. Apabila kita pergi *on the ground*, kita tengok lembu yang disembelih dalam tempoh hujung sehingga tahun 2011 ada 8,016 ekor. Lebih daripada unjuran. Oleh sebab itu kita pergi tengok sebab apa tidak disembelih semua?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Apabila kita tidak disembelih semua kerana kapasiti, *abatoir* yang patut dibuat oleh kementerian tidak siap, dia buat *abatoir* dia sendiri. Sepatutnya *abatoir* yang kita buat dia disembelih lembu 350 ekor sehari. Apabila kita tidak buat dia buat *abatoir* dia, dia disembelih 100 ekor sehari. Oleh sebab itu lembu disembelih 5,300 lembu yang betul-betul wujud di dalam kandang mengikut unjuran kita 8,006 ekor. Baca laporan audit itu betul-betul. Saya ingat tidak mahu bahas lagi benda ini. Ini kerana saya bercakap berdasarkan laporan audit. [Disampuk] Benda ini timbul di dalam laporan audit yang mana saya perelaskan yang saya kata tidak betul. Yang Berhormat bagi tahu laporan audit muka surat berapa? Yang kata ada berlaku penyelewengan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Selain daripada laporan audit, Menteri juga harus membandingkan objektif kertas kerja dengan keadaan semasa dan

laporan audit. Itu barulah kerja yg menyeluruh. Ini kalau ambil satu aspek sahaja laporan audit yang menyatakan status keadaan itu tetapi tidak membandingkan objektif dengan wang yang telah dikeluarkan, itu bukan cara yang betul untuk menilai atau memantau sesuatu projek.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat sudah pusing cakap. Tadi Yang Berhormat kata tadi menurut laporan audit, saya kata kita pantau. Jangan kata kita tidak pantau.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Laporan audit yang disebut itu adalah laporan audit bebas yang ketika telah melantik *PricewaterhouseCoopers* untuk menjalankan laporan audit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya mencelah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kita hendak tahu daripada pihak kementerian apakah status dia itu saya hendak tahu?

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat, boleh saya mencelah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya bukan hendak tahu *detail* saya hendak tahu sama ada kementerian *aware or not* sedar tentang adanya audit ini dan apa statusnya dan siapa audit, PwC *responsible* kepada siapa, apa *timelinenya*? Itu sahaja yang saya tanya dalam soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat setahu saya apabila berbahas sekali skala poin kita kemukakan. Apabila kita berbahas umpamanya daripada pembangkang tujuannya adalah untuk supaya kerajaan mengambil tindakan sama ada kementerian ataupun relevan *authorities*.

Dalam soal ini sehinggakan ada jawatankuasa khas diwujudkan yang sekarang pun dalam penyiasatan. Ini maknanya kerajaan telah mengambil tindakan. Kesilapan-kesilapan yang sekarang dibahas dibincang panjang lebar ini sedang disiasat. Jadi kalau nanti ada kelemahan-kelemahan sudah tentu kalau Menteri pun tidak mengaku ada kelemahan akan juga terkeluar. Bukan begitu tujuan dia? Jadi kalau saya biarkan ini berterusan, saya rasa sampai jam 10.00 beginilah ini macam *ping pong "ding dong, ding dong"*. Jadi saya mencelah pun saya kata peraturan mesyuarat tadi tetapi tidak ada yang duduk. Jadi Yang Berhormat Menteri kalau boleh gulung sahaja. Kalau boleh yang lain itu kita tunggu sama-sama apa nanti keputusan penyiasatan daripada jawatankuasa. Boleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya sudah habis gulung pun. Saya sudah kata tadi, saya tidak mahu jawab. Akan tetapi sebab dia bangun saya bagi penjelasan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Sudah tidak ada, sudah gulung.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri sedikit mengenai laporan audit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Menteri sudah duduk.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ini saya hendak buktikan bahawa kementerian tidak melaksanakan tanggungjawab kerana dalam laporan audit contohnya dalam laporan audit, kita kena tanam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kedah, itu sebab kenapa ada jawatankuasa diwujudkan kerana nampak bahawa ada kesilapan-kesilapan yang nanti akan semua kita dapat tahu. Bukankah sekarang jawatankuasa sedang bermesyuarat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Panggil pembangkang untuk masuk berbahas di dalam jawatankuasa, barulah adil Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat, sila.

■ 1640

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kementerian Pertahanan mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat. Dua Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Batu Gajah dan juga Yang Berhormat Sibuti terlibat dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pertahanan dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja iaitu menyentuh dengan khusus Program Latihan Khidmat Negara dan dua lagi Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Kuala Krau dan juga Yang Berhormat Sabak Bernam yang menyentuh isu prasarana Askar Wataniah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang disentuh oleh Yang Berhormat Batu Gajah iaitu ingin mengetahui punca kematian pelatih wira yang bernama mendiang Vinoth a/l Rahman serta status rawatan dan kebersihan kem. Pelatih mendiang Vinoth telah meninggal dunia di Hospital Sungai Siput Perak pada 12 Mac yang lalu kira-kira jam 10 malam. Sebab kematian pelatih masih belum diketahui walaupun bedah siasat sudah dijalankan pada 13 Mac yang lalu.

Pelatih tersebut pernah dirujuk ke Hospital Sungai Siput oleh pentadbiran kem pada 9 Mac kerana didapati mengalami demam panas dan diberi rawatan sebagai pesakit luar di hospital tersebut. Walau bagaimanapun, pelatih sekali lagi dihantar ke hospital yang sama oleh pentadbiran kem dua hari kemudian iaitu pada 11 Mac setelah mendapati mendiang muntah-muntah dan demam yang tinggi. Pelatih telah ditahan di wad dan beliau meninggal dunia pada jam yang saya nyatakan tadi. Oleh demikian, dakwaan yang mengatakan pihak kem tidak prihatin dan tidak memberi rawatan dan keprihatinan awal adalah tidak benar.

Mengenai kesesuaian dan kebersihan kem berkenaan, semua prosedur mengenai kebersihan kemudahan di Kem PLKN Terkok telah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak Pengurusan Pejabat Kesihatan Sungai Siput telah melakukan pemeriksaan menyeluruh ke atas kem berkenaan seperti kebersihan air di asrama, kebersihan asrama, kebersihan rumah masak, dan dewan makan serta persekitaran sebelum pelatih melaporkan diri pada 1 Januari. Malah, pemeriksaan dan juga ujian air kolam bagi latihan air telah dilakukan pada 1 Februari 2012 dan keputusannya ialah kolam tersebut bebas daripada *leptospirosis patogen* iaitu kuman yang menyebabkan *leptospirosis*. Isu kedua Yang Berhormat Sibuti supaya Kem PLKN Sungai Rait dipindah ke kawasan *Rainforest Lambir* kerana...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan berkenaan isu ini. Saya hendak tahu setakat ini, berapa jumlah kematian yang melibatkan pelatih yang sedang menjalani latihan PLKN sebab saya rasa terlalu banyak kematian dan tidak kurang daripada 18 kejadian. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri jawapan yang lebih tepat.

Saya memandang serius kadar kematian ini dan saya hendak tahu sejauh mana penekanan yang ada diberi dalam aspek keselamatan dan kesihatan kepada pelatih-pelatih ini sebab kita membaca dalam laporan *The Star* baru-baru ini juga. Seorang ibu mengadu di Kem Putra Sentosa, Semantan di mana anak dia juga mengadu bahawa demam denggi tetapi rawatan yang sewajarnya tidak diberi. Walaupun ada dihantar untuk rawatan *out patient* tetapi tidak mencukupi sehingga menurut laporan ibunya perlu pergi ke kem membawa anaknya keluar untuk dimasukkan ke hospital swasta. Di hospital swasta menerima rawatan lima hari.

Ini aduan-aduan ibu bapa setiap kali apabila ada kematian berlaku. Sering kali kita membaca ibu bapa mengadu bahawa khasnya kelewatan pemberian rawatan yang sewajarnya kepada pelatih ini. Jadi, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh maklumkan dan menjelaskan situasi sebenar kejadian sedemikian.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Saya sangat tabik dan hormatlah dengan Yang Berhormat Batu Gajah sebab Yang Berhormat masih ingat statistik itu, 18 orang tetapi Yang Berhormat terlupa hendak masukkan mendiang Vinoth. Sebenarnya, 19 kesemuanya. Yang Berhormat kata 18 itu betul.

Kalau ikut – mungkin Yang Berhormat pun tahu secara purata kadar kematian di luar PLKN sebenarnya lebih tinggi daripada kematian di PLKN. Maknanya, kalau hendak selamat lebih selamat masuk PLKN. Akan tetapi, kita tidak boleh *control* Tuan Yang di-

Pertua malaikat mautlah. Semua sekali kita boleh kawal. Kadar kebersihan, kita ada peraturan-peraturan, kita bekerjasama dengan NIOSH. Dari sudut keselamatan dan kesihatan di tempatan kerja, kita wujudkan ISO di kem-kem supaya memenuhi semua kriteria ini. Cuma satu sahajalah kita tidak boleh kawal malaikat maut. Tidak boleh kawal. Jadi mengenai Yang Berhormat Sibuti tadi supaya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum itu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kurang bersetujulah dengan jawapan sedemikian dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kadang-kadang kita juga mengambil kira persekitaran, pemakanan, bentuk latihan, *you know* rawatan, suasana kebersihan juga. Kalau ada diambil langkah awal mungkin tidak seramai statistik sehingga 19 orang pelatih yang mati. Jadi, saya harap jawapan lebih bersikap tanggungjawab agar ibu bapa yang selalu Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan sambutan hebat, mereka boleh tenang apabila menghantar anak mereka menjalani PLKN.

Satu perkara saya juga ingin mengambil kesempatan. Sering kali saya melihat apabila cuti hari minggu, ibu bapa boleh melawat anak mereka di kem-kem. Mereka membawa banyak air, air mineral, air minuman. Saya terharu melihat situasi apakah kekurangan air bersih di dalam kem-kem tersebut sehingga mengakibatkan ibu bapa bawa kotak milo, *maggi mee you know*. Paling asas adalah air minuman. Saya juga haraplah pihak kementerian juga mengambil perhatian berkenaan dengan arahan-arahan yang diberi kepada kem-kem biar ada konsistennya sebab sebelum ini saya ada terima panggilan Tuan Yang di-Pertua di mana ada ibu bapa menghubungi saya dia kata "Sebelum ini dibenarkan membawa air mineral dan juga makanan-makanan kering tetapi sekarang tidak boleh. Akan tetapi kem yang lain saya hubungi dibenarkan". Jadi, ada ketidakkonsistensian dalam menyampaikan maklumat berkenaan peraturan-peraturan kem.

Akhirnya, saya pohon agar kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri meminta agar kem-kem komandan mendedahkan nombor *hand phone* mereka dalam laman-laman web kalau boleh kerana sering kali kami sebagai Ahli Parlimen apabila menerima panggilan daripada ibu bapa yang anak mereka berada di kem untuk mendapatkan pengesahan sesuatu maklumat atau perkembangan terkini ekor dari pada membaca khabar-khabar dalam surat khabar...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: [Bangun]

■ 1650

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kami mengalami kesulitan menghubungi kem-kem. Sebab dia ada bagi nombor telefon kem tetapi kem pejabat kadang-kadang hari minggu tidak ada orang jawab, lewat malam tidak ada orang jawab. Jadi harap boleh diambil, pertimbangkan cadangan ini.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Satu cadangan yang baik.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Soalan berkenaan dengan kematian.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya ambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon soalan kematian, mohon penjelasan.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya hendak teruskan dulu sebab Yang Berhormat tidak tanya, saya teruskan dulu.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Sebab kematian ini penting saya rasa Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: *This is my floor*, duduklah dulu. Saya satu kelas masa jadi bomoh dulu. [Ketawa]

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yalah, bagi peluang sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Patutlah Yang Berhormat Gopeng mendesak, fasal satu kelas dulu.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya rasa yang penting soal kematian ini, kematian dalam kem.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Sibuti supaya kem ini dipindahkan ke kawasan yang baru kerana dakwaannya sering dilanda banjir dan bau busuk di ladang khinzir. Perkara ini saya dah arahkan supaya pegawai melihat tetapi secara latar belakangnya, Kem Sungai Rait ini adalah kem jenis lama, mula beroperasi tahun 2005 dan ia menggunakan *standard operating procedure* dengan izin 2005 di mana pihak kesihatan pun meluluskan. Jauh di antara ladang khinzir dan kem ini 1km tetapi bawah standard yang baru, ia mesti lebih daripada 10km. Jadi semua kem ini kita lanjutkan untuk setahun, kemudian kita akan *review* balik dan ia perlu memenuhi aspek 2007.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kematian ini, memang saya tahu walaupun dari segi *proportion* kematian semasa latihan PLKN ini tidak begitu tinggi kalau dibandingkan dengan luar tetapi yang penting sekali adalah sebab-sebab kematian itu seperti leptospirosis, denggi dan sebagainya merupakan kematian-kematian yang boleh dielakkan kerana ini merupakan jangkitan penyakit dan memang kalau leptospirosis ini berlaku, ini bermakna keadaan penjagaan kesihatan dalam kem PLKN itu tidak sempurna. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ambil perhatian dalam hal ini. Sekian.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Betullah itu, betul dia memang pakar Tuan Yang di-Pertua sebab yang paling penting kita dah ambil semua langkah-langkah untuk mengelakkan *preventable death* tetapi seperti saya nyatakan tadi, selepas mengambil semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan yang dicadangkan oleh jawatankuasa seperti sebelum pelajar masuk, kita kena *test* air kolam itu mesti bebas daripada leptospirosis patogen, itu pun telah dibuat. Akan tetapi seperti saya katakan tadi, kita tidak boleh hendak kawal malaikat maut, itu yang jadi masalah itu tetapi prosedur itu mesti kita patuhi. Ada kem-kem yang kita tutup kerana ia tidak mematuhi unsur-unsur keselamatan dan kebersihan.

Ahli Yang Berhormat Kuala Krau ingin bertanya mengenai Kem Askar Wataniah di Parlimen Kuala Krau dan juga Yang Berhormat Sabak Bernam bertanyakan tentang lapang sasaran untuk Askar Wataniah. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa *priority* markas tentera darat adalah untuk memastikan program *Army Care* iaitu Projek Revilitasi Kem-kem Tentera Darat yang sedia ada, ada 104 kem yang perlu kita naik taraf dan tiap-tiap kem ini harganya lingkungan RM40 juta ke RM50 juta dan kita akan buat melalui kaedah transformasi. Walau bagaimanapun, kita juga prihatin tentang keperluan Askar Wataniah di bahagian atau kawasan Kuala Krau di mana penempatan Askar Wataniah ini paling dekat sekali adalah di Rejimen 505 Askar Wataniah di Kem Susur Tembeling Jerantut. Jadi kalau hendak buat latihan, orang Kuala Krau boleh pergi ke lokasi tersebut yang kira-kira 30km sahaja dari situ.

Begitu juga saranan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam supaya ada lapang sasaran. Untuk buat lapang sasaran khusus untuk Askar Wataniah sahaja adalah tidak ekonomik. Jadi buat masa ini lapang sasaran di Kem Bukit Jugra Banting boleh digunakan oleh Rejimen Askar Wataniah 502 di Sabak Bernam yang jauhnya tidak lebih daripada 50km. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh?

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Dah habis dah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Belum.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kerja Raya.

4.56 ptg.

Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Bagi pihak kementerian ini, saya sememangnya amat mengalu-alukan sebarang pandangan, cadangan dan teguran yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat itu. Untuk memudahkan kefahaman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan membahagikan jawapan-jawapan saya kepada empat isu utama iaitu hal ehwal Jalan Persekutuan, prestasi pelaksanaan projek, prestasi penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan hal ehwal lebuhraya bertol. Manakala isu-isu yang dibangkitkan selain daripada perkara-perkara tersebut akan disentuh dan dijawab sebaik yang mungkin sebentar nanti.

Hal ehwal Jalan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu berkaitan permohonan projek sama ada cadangan pembinaan projek jalan baru atau menaik taraf jalan sedia ada di kawasan mereka. Cadangan projek-projek ini sememangnya saya akui tidak semuanya termasuk dalam senarai *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh di bawah Kementerian ini. Antaranya Ahli Yang Berhormat Gelang Patah, cadangan projek menaik taraf Jalan Pontian dari Skudai ke Kangkar Pulai. Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam, projek naik taraf Jalan Persekutuan 5 dari Pekan Sabak Bernam ke Jambatan Sungai Bernam. Ahli Yang Berhormat Kota Raja, cadangan projek menaik taraf Bulatan Jalan Kebun Klang. Ahli Yang Berhormat Kota Bharu, projek membina dan menaik taraf Jalan Persekutuan dari Kota Bharu ke Kuala Krai. Ahli Yang Berhormat Kuala Krai, cadangan projek menaik taraf Jalan Persekutuan dari Persimpangan Jengka ke Pusat Bandar Jengka.

Di samping itu, Ahli Yang Berhormat dari Tawau telah mencadangkan pembinaan projek jalan pintas Tawau dan jalan pesisiran pantai Tawau, Sabah. Ahli Yang Berhormat dari Ranau mencadangkan projek menaik taraf Jalan Ranau – Tambunan. Ahli Yang Berhormat Kinabatangan dan Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu, cadangan projek menaik taraf jalan dari Kota Kinabalu ke Sandakan. Ahli Yang Berhormat Sri Aman, Sarikei, Limbang, Lawas dan Batang Sadong masing-masing telah membangkitkan cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo di kawasan mereka. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, semua cadangan projek-projek yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sememangnya telah dicatat dan diambil perhatian oleh Kementerian ini. Di sini suka saya maklumkan bahawa cadangan projek yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian ini akan disenaraikan sebagai antara projek-projek yang dipohon untuk kelulusan dari agensi pusat dalam *rolling plan* ketiga Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk dipertimbangkan sewajarnya.

Di samping itu, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu berkaitan projek dalam peringkat pelaksanaan seperti Ahli Yang Berhormat dari Marang membangkitkan mengenai isu projek menaik taraf Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang – Kuala Berang dan Ahli Yang Berhormat dari Indera Mahkota mengenai status kemajuan projek menaik taraf jalan dari Persimpangan Bunga Cengkih ke persimpangan LPT Sungai Lembing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Marang, pada masa kini laluan jalan dari Simpang Pulai ke Kuala Betis Gua Musang sepanjang lebih kurang 155km telah siap dibina kecuali pakej 9 naik taraf jalan dari Kuala Betis ke Gua Musang.

■ 1700

Walau bagaimanapun bagi laluan dari Gua Musang ke Kuala Berang masih terdapat dua pakej yang sedang dalam peringkat pembinaan dan tiga pakej lagi dalam peringkat perancangan. Manakala mengenai isu projek menaik taraf jalan dari Persimpangan Bunga Cengkih ke Persimpangan LPT Sungai Lembing yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Indera Mahkota. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut sememangnya mengalami kelewatan. Oleh itu langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan kemajuan pelaksanaan projek ini sedang giat diambil oleh Jabatan Kerja Raya. Untuk memastikan bahawa projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang sewajarnya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini saya tidak bangkitkan langsung pada sesi ini. Tahun lepas saya sebut fasal benda ini tetapi tidak apalah ada jawapan. Cuma saya katakan nostalgia saya sebab tiap-tiap kali saya balik ke kawasan, saya lalu ke situ. Sehingga kepada dua hari lepas, keadaannya langsung tidak berubah daripada tahun lepas saya bangkitkan sampai sekarang. Jadi, saya bersetujulah kalau Yang Berhormat Menteri mengatakan ada kelewatan. Sebenarnya bukan kelewatan, langsung terbengkalai Yang Berhormat, langsung tidak ada *progress*. Kalau Yang Berhormat ada masa tolonglah pergi sebab ada tambahan isu dia.

Baru ini dalam dua bulan lepas, masa musim tengkujuh, hendak ditambah dengan ada satu tanah runtuh, ada *landslide*, dengan izin, di situ. Menambah terukkan lagi

keadaan jajaran yang disebut tadi. Saya rasa Yang Berhormat Menteri ada prihatin dalam isu ini, cuma saya rasa agak bersimpati jugalah kerana benda ini berlaku dan Yang Berhormat menjadi mangsa. Terima kasih.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. *Insyallah* jika ada sedikit kelapangan masa dalam masa terdekat saya akan maklum kepada Yang Berhormat. Saya tidak ada masalah untuk melihat sendiri kerana maklumat yang saya terima, terdapat kelewatan berpunca daripada pengalihan *utilities* yang berada dalam kawasan itu yang menyebabkan kontraktor tertangguh. Pada hari ini saya dimaklumkan ia telah bermula semula tetapi jika Yang Berhormat katakan tidak ada aktiviti yang berlaku di bawah. Saya akan *insya-Allah* mencari masa yang sesuai untuk turun untuk melihat sendiri tempat itu. Terima kasih.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat yang telah sedia maklum, tumpuan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini ialah untuk meningkatkan tahap *accessibility* rangkaian jalan raya. Khususnya di kawasan luar bandar melalui Bidang Keberhasilan Utama (NKRA). Walaupun begitu, di bawah Kementerian Kerja Raya keutamaan tetap akan diberikan untuk melaksanakan projek jalan raya baru dan menaik taraf jalan sedia ada. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini Kementerian Kerja Raya setakat ini telah diperuntukkan sebanyak RM6.4 bilion. Untuk melaksanakan sebanyak 175 projek pembangunan meliputi pembinaan jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada, bangunan-bangunan kerajaan dan kuarters kakitangan.

Untuk maklumat Ahli-Ahli Dewan, pelaksanaan projek-projek baru ini akan dibuat berdasarkan kepada cadangan atau syor dokumen Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan (HNDP)*. Di samping itu keutamaan turut akan diberikan kepada projek-projek yang diluluskan dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Juga telah diumumkan sebelum ini seperti projek menaik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo dari Miri ke Kota Kinabalu, Projek Lebuhraya Pantai Timur fasa 2 negeri Terengganu dan cadangan pembinaan Jalan Persekutuan *central spine* Semenanjung Malaysia. Terdapat juga projek-projek yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu terletak di luar bidang kuasa kementerian ini. Antaranya ialah projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW) untuk penyelarasan pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, ICU, Jabatan Perdana Menteri dan projek di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Di samping itu Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu telah mencadangkan projek membina jalan laluan balak. Projek ini sebenarnya lebih praktikal jika dilaksanakan melalui Program Jiwa Murni di bawah Kementerian Pertahanan. Sehubungan itu kementerian telah mengambil perhatian dan mengemukakan cadangan projek-projek itu kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak telah membangkitkan isu berkaitan kualiti Jalan Persekutuan di kedua-dua negeri tersebut. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kerajaan sememangnya amat komited dan memberikan keutamaan tinggi untuk meningkatkan rangkaian sistem jalan raya di Sabah dan Sarawak. Khususnya di sepanjang Jalan Persekutuan Pan Borneo dan Jalan Persekutuan yang menghubungkan bandar-bandar utama di negeri-negeri tersebut.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan sebelum ini, perancangan untuk membina dan menaik taraf Jalan Persekutuan di seluruh negara. Adalah berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP). Menerusi hasil kajian tersebut kerajaan telah mengenal pasti rancangan dan keperluan untuk menaikkan taraf Jalan-jalan Persekutuan utama sepanjang 2,325 kilometer di Sabah dan Sarawak. Melibatkan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM16 bilion iaitu RM9 bilion untuk Sarawak dan RM7 bilion untuk Sabah. Berikutan daripada kemampuan kewangan kerajaan yang terhad, projek ini perlu dilaksanakan secara berperingkat dalam setiap rancangan Malaysia lima tahun iaitu sehingga tahun 2025.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini tumpuan kerajaan ialah untuk melaksanakan projek naik taraf jalan Pan Borneo dari Miri ke Kota Kinabalu sepanjang 325 kilometer. Dengan anggaran kos sebanyak RM423 juta ini dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini dan siap pada tahun 2015. Di samping itu kerajaan juga telah meluluskan peruntukan-peruntukan khas sebanyak RM100 juta pada tahun ini untuk melaksanakan projek-projek kecil berimpak tinggi bernilai antara RM200 ribu hingga RM2 juta. Antara skop projek kecil ini ialah cadangan pembinaan lorong-lorong memotong, membaik pulih cerun dan kawasan mudah banjir serta menaik taraf lokasi

sering berlaku kemalangan ataupun *blackspots*, dengan izin. Pelaksanaan projek ini akan dimulakan dalam tempoh terdekat dan dijangka siap selewat-lewatnya pada akhir tahun 2012.

Hal ehwal prestasi pelaksanaan projek. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memaklumkan mengenai status kemajuan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Ini kerana beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai isu berkaitan kelewatan pelaksanaan projek atau projek sakit yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Oleh itu saya akan menjelaskan secara ringkas mengenai perkara ini. Untuk makluman Dewan ini, sehingga akhir tahun iaitu 31 Disember 2011, Jabatan Kerja Raya telah menerima peruntukan sebanyak RM10.13 bilion bagi melaksanakan 1,191 projek sambungan Rancangan Malaysia Kesembilan dan 1,967 projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Daripada jumlah keseluruhan 3,128 projek tersebut, 2,306 atau 74 projek telah pun disiapkan dan diserahkan kepada agensi pelanggan. Manakala bakinya 26% masih sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Mengenai bilangan 'projek sakit', sehingga 1 Mac 2012 hanya terdapat 97 projek ataupun 3% sahaja dikategorikan sebagai 'projek sakit'. 'Projek sakit' bermaksud pelaksanaan fizikal telah terlewat dua bulan atau kurang daripada 20% daripada jadual pelaksanaan asal. Antara punca-punca 'projek sakit' ialah disebabkan oleh masalah pengurusan dalaman kontraktor, masalah bekalan bahan binaan, masalah tapak dan lain-lain masalah seperti perubahan skop kerja dan juga masalah utiliti dan cuaca.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini Jabatan Kerja Raya telah mengambil beberapa langkah dan tindakan proaktif. Antaranya ialah dengan meminta kontraktor menyediakan pelan pemulihan kerja serta menambah bilangan pekerja dan jentera dan meningkatkan masa bekerja mereka. Di samping itu tempoh lanjutan masa EOT juga telah diperketatkan di mana sebarang permohonan EOT perlu dirujuk kepada pegawai penguasa projek. Sama ada di peringkat JKR negeri atau Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur. Jika kontraktor gagal mendapat EOT dan projek tidak siap dalam tempoh kontrak, JKR akan mengenakan denda ganti rugi tertentu (LAD) kepada mereka. Jika tiada kemajuan walaupun setelah beberapa surat amaran dikeluarkan pihak JKR akan menamatkan kontrak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Dewan, dari 1 Januari 2011 hingga 29 Februari 2012 sebanyak 31 projek yang dilaksanakan di bawah pengawasan JKR telah ditamatkan kontrak. Bagi memastikan projek yang ditamatkan ini tidak terbengkalai, JKR telah selesai menawarkan tender 14 projek yang ditamatkan itu kepada kontraktor penyiap yang baru. Manakala bakinya sebanyak 17 projek lagi sedang dalam proses tender semula.

Hal ehwal prestasi penyelenggaraan jalan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan secara ringkas...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan.

■ 1710

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ini mengenai dengan projek jalan raya yang sakit. Setakat ini, di kawasan saya ada dua jalan raya yang sedang sakit, boleh dikatakan sakit tenat. Pertama, ada juga saya sentuh perkara ini dan minta penjelasan daripada kementerian dalam persidangan hujung tahun lepas tapi malangnya tidak ada jawapan yang saya terima. Mengenai dengan jalan raya yang dari Ranau pergi ke Kota Marudu dan projek ini masih dilaksanakan pada tahun lepas iaitu di kawasan Ranau dari Kampung Terawas ke Kampung Keturuntungun Manggis, kemudian pergi ke sebelah Kota Marudu. Projek ini telah di *abandon* ataupun ditinggalkan oleh syarikat yang melaksanakan projek itu. Projek itu dilaksanakan oleh Jutaya Sdn Bhd. Pada awal bulan November tahun lepas, projek ini sudah ditinggalkan dan sehingga sekarang belum lagi balik untuk menyambung kerja-kerja itu.

Kedua, jalan raya sama juga bersambungan dengan satu lagi projek yang dilaksanakan oleh Perwira Sdn. Bhd. Ini pun pada penghujung tahun bulan Disember kerja-kerja telah diberhentikan dan sehingga sekarang belum lagi ada kerja-kerja yang baru. Keadaan jalan raya itu sudah begitu teruk sekali. Banyak kolam-kolam yang sudah terjadi di atas itu. Sini sana jalan yang tidak kena *maintain* lagi kerana tidak ada kerja-kerja yang

dilakukan oleh syarikat yang melaksanakan projek itu dan begitu teruk sekali sehinggakan rungutan orang-orang kampung - sudah begitu teruklah. Orang kampung sudah marah dengan keadaan jalan raya itu.

Jadi saya ingin meminta penjelasan yang sebenarnya mengenai dengan status projek ini. Adakah syarikat itu masih lagi terus untuk melaksanakan projek itu ataupun sudah terus berhenti dengan kerja-kerja yang sudah dimulakan. Sebenarnya, Perwira ini dia punya kerja saya tidak tahu berapa peratusan tapi mungkin dalam lebih 50% ke begitu. Jutaya ini pun banyak sudah kerja dilakukan tetapi tiba-tiba keadaan sekarang ini yang langsung tidak ada lagi. Saya tidak tahu sama ada kontraktor itu balik lagi untuk menyambung kerja itu ataupun tidak. Mohon penjelasan, terima kasih.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Ranau. Pertama, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa mana-mana projek yang mengalami isu terbengkalai, kelewatan dan sebagainya menyukarkan banyak pihak dan lebih daripada itu kadang-kadang menimbulkan ketidakselesaan seperti kawasan takungan air dan sebagainya. Masa lawatan saya ke Sabah, saya pernah dimaklumkan soalan yang pertama tadi cuma pada hari ini saya tak ada *detail*nya. Saya harap Yang Berhormat boleh jumpa saya petang esok dan saya akan minta pegawai saya sediakan laporan terperinci untuk saya maklumkan kepada Yang Berhormat daripada segi keadaan semasa dan perancangannya supaya dapat Yang Berhormat bagi penjelasan yang sebenarnya kepada masyarakat di kawasan Ranau. Itu saya boleh lakukan. Terima kasih Yang Berhormat

Prestasi penyelenggaraan jalan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan secara ringkas mengenai isu penyelenggaraan jalan persekutuan memandangkan ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara tersebut. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah menawarkan kontrak penyelenggaraan jalan persekutuan di Semenanjung kepada tiga syarikat konsesi utama. Kontrak konsesi untuk tempoh 15 tahun ini iaitu daripada 2001 hingga 2016 telah dibahagikan mengikut zon iaitu kepada Belati Wangsa Sdn. Bhd, tengah dan timur kepada Roadcare dan selatan kepada Selia Senggara Sdn. Bhd. Manakala di Sabah dan Sarawak, konsesi penswastan telah diberikan untuk tempoh 15 tahun bermula daripada tahun 2003 dan akan tamat pada tahun 2018.

Kontrak itu dibahagikan mengikut zon iaitu kawasan barat Sabah kepada Lintasan Resources Sdn. Bhd dan timur kepada Gammerlite Sdn. Bhd. Di Sarawak pula, konsesi penyelenggaraan jalan dibahagikan kepada tiga syarikat iaitu PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd, HCM Engineering Sdn. Bhd dan Endaya Construction Sdn. Bhd.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Ya, silakan.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan dari Menteri mengenai membaiki jalan persekutuan di Tawau kerana konsesi Gammerlite itu pernah mengeluarkan sebab-sebab mereka tidak boleh membaiki jalan kerana sudah dua setengah tahun mereka tidak dapat apa-apa peruntukan untuk membaiki jalan itu. Saya minta penjelasan tentang perkara ini. Sekian.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sekali Menteri, sekali.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Menteri. Menteri sebut Belati Wangsa tadi, saya tengok Belati Wangsa ini syarikat yang dapat konsesi ini kadang dia juga sub kepada orang lain. Jadi isunya saya tengok kadang-kadang bila dia datang *repair* khususnya jalan di kawasan utara khususnya kawasan Sungai Petani itu, saya tengok benda apparatus yang dia bawa itu nampaknya macam tak yakin kita. Dia *repair* jalan tapi dalam sebulan dua jalan rosak balik dan saya tengok *road shoulder*, saya tak tahu *responsibility* siapa, tanggungjawab siapa, rumput rampai yang tumbuh tidak *diclearkan*. Jadi bila hujan, jalan itu menjadi sungai *because* air tak boleh lari ke longkang sebab rumput terlalu panjang. Dulu JKR buat kerja itu tapi sekarang adakah itu *job spec* Belati Wangsa ataupun JKR yang kena buat kerja itu. Terima kasih YB.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, saya akan jawab sekejap lagi ya. Yang Berhormat Tawau, untuk pengetahuan bahawa syarikat-syarikat konsesi ini mereka mendapat peruntukan tahunan untuk kerja-kerja yang akan saya sebutkan, jenis-

jenis kerja yang mereka lakukan. Cuma kerja-kerja lain daripada itu merupakan kerja-kerja tambahan yang merupakan penyelenggaraan secara berkala yang lazimnya kementerian bagi peruntukan. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, pada tahun ini iaitu baru-baru ini saya telah ke Sabah dan kita bagi lebih kurang RM100 juta untuk Sabah dan Sarawak untuk baik pulih jalan-jalan terutamanya jalan yang berada dalam Pan Borneo. Ini yang kita lakukan termasuk kawasan Tawau dan sebagainya.

Saya nak jawab soalan Yang Berhormat Sungai Petani. Antara skop konsesi penswastaan ini ialah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin berkala dan kecemasan di sepanjang jalan persekutuan. Berdasarkan kepada perjanjian konsesi, syarikat konsesi bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin iaitu kerja-kerja menampal lubang jalan, *pothole*, meratakan bahu jalan, memotong rumput, selalunya sebulan sekali, mencuci perabot jalan, mencuci pembedung dan jambatan, mencuci longkang dan pemeriksaan berjadual di sepanjang jalan lazimnya kadang-kadang sebulan sekali dan sebagainya mengikut cuaca, kalau takut pembedung tersumbat dan sebagainya. Berhubung dengan kadang-kadang kita lihat orang lain yang buat, saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat, kadang-kadang dalam kawasan-kawasan itu ada kontraktor-kontraktor kecil, dia minta bantuan nak jadi pemotong rumput ataupun dia nak buat kerja-kerja cuci perabot-perabot dan sebagainya. Saya percaya niat syarikat-syarikat konsesi itu mungkin ingin membantu.

Namun demikian, akhirnya kualiti yang dibuat oleh usahawan-usahawan kecil ini yang diberi peluang oleh syarikat konsesi ini adalah dipertanggungjawabkan ke atas syarikat konsesi. Sekiranya ia tidak memenuhi kualiti yang sepatutnya, maka tindakan akan diambil. Sebab itu dalam tiap-tiap tahun, lazimnya syarikat-syarikat konsesi ini pun dia tak dapat sepenuhnya tuntutan mereka kerana tak *confirm* dengan apa yang sepatutnya mereka lakukan kerana walaupun dia bagi kepada orang lain, daripada segi kualiti adalah tanggungjawab mereka. Terima kasih.

■ 1720

Bayaran kerja-kerja rutin ini dibuat pada setiap bulan mengikut kadar harga yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi manakala untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala seperti penurapan jalan dan kerja-kerja kecemasan seperti halangan jalan akibat tanah runtuh dan sebagainya, pelaksanaan kerja tertakluk kepada arahan kerja yang dikeluarkan oleh JKR.

Keseluruhan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi ini perlu memenuhi piawaian prestasi yang telah dipersetujui oleh kerajaan dan syarikat konsesi sebagaimana termaktub di dalam Perjanjian Konsesi. Sehubungan itu jika terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, JKR akan mengeluarkan amaran dalam bentuk laporan ketidakpatuhan atau pun *Non-conformance Report (NCR)* dan potongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan. Bagi tahun 2011 sahaja sebanyak 1,869 NCR telah pun dikeluarkan kepada syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan melibatkan jumlah pemotongan bayaran kadar harga sebanyak RM477,000.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan pada tahun ini telah memutuskan supaya kerja-kerja penyelenggaraan bagi jalan-jalan Persekutuan yang baru di Semenanjung ditawarkan secara tender terbuka kepada syarikat-syarikat kontraktor lain yang berminat untuk mengambil bahagian. Ini melibatkan jalan-jalan Persekutuan baru dan sambungan yang telah disiapkan tetapi belum diserahkan kepada syarikat konsesi dan juga jalan yang berstatus jalan negeri sebelum ini tetapi baru diwartakan sebagai jalan persekutuan di Semenanjung dan juga di Sarawak.

Manakala jalan persekutuan yang telah sedia diselenggarakan akan terus diserahkan kepada syarikat-syarikat konsesi sebelum tahun 2012 dan akan terus dikekalkan sebagai syarikat konsesi berkenaan sehingga tamat tempoh konsesi mereka. Memandangkan dasar ini baru sahaja diumumkan oleh kerajaan, Kementerian Kerja Raya pada masa kini masih sedang meneliti isu-isu yang berbangkit berhubung pelaksanaan dasar tersebut termasuk senarai jalan-jalan yang terlibat dan analisa kos faedah kepada kerajaan.

Hal ehwal jalan raya bertol. Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telah menunjukkan minat dan membangkitkan mengenai isu cadangan projek

penswastaaan lebuhraya yang telah diluluskan secara prinsip tetapi masih belum dimuktamadkan seperti Lebuhraya Pantai Barat (WCE), Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX), Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH) dan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKA). Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, perjanjian konsesi projek lebuhraya-lebuhraya di atas masih belum ditandatangani walaupun kelulusan secara prinsip...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Menteri, Silam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan.

Saya ingin bertanya tentang projek lebuhraya yang kita nampak di Semenanjung memang sudah lama diperkenalkan. Pertanyaan saya di sini ialah saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian dari segi kita melihat rupa bumi keadaan negeri Sabah yang besar dan bila kita lihat keadaan jalan raya yang sekarang ini yang menghubungkan Pantai Barat dan Pantai Timur terutamanya daripada Kota Kinabalu ke Pantai Timur negeri Sabah sampai ke Tawau dan Kalabakan, tiadakah rancangan atau pun cadangan pihak kementerian untuk membuat sesuatu kajian?

Sudah tiba masanya untuk kerajaan bagi memikirkan atau memperkenalkan kajian membina lebuhraya atau jalan raya yang lebih baik standardnya dengan memperkenalkan jalan yang menggunakan tol. Ini sebab saya dapati saya pernah membuat pertanyaan rambang dengan masyarakat saya di kawasan Parlimen Silam dan sebenarnya rakyat Sabah tidak kisah dan berkira sangat kalau ianya perlu ataupun jalan itu adalah untuk kebaikan dan keselesaan masyarakat setempat, mereka pun tidak kisah kalau dikenakan bayaran.

Akan tetapi biarlah ia bersesuaian jika difikirkan sebab saya melihat, saya selalu juga sekali sekala dari Parlimen Silam ke Kota Kinabalu mengambil masa lebih kurang enam jam setengah kalau perjalanan dengan bas. Keadaan memang kita tahu dan terima kasih kepada pihak kementerian kerana mengambil inisiatif untuk memperbaiki jalan-jalan di luar bandar terutama di negeri Sabah yang menghubungkan Kota Kinabalu dan Pantai Timur.

Namun saya nampak ini suatu pembaziran kalau dari segi bajet yang diberikan. *Why not this time around?* Sudah tiba masanya untuk kita memikirkan juga secara *board* dengan tindakan yang lebih agresif dan berani untuk kesejahteraan rakyat di negeri Sabah itu memikirkan untuk sistem kajian jalan raya yang secara menyeluruh untuk keselesaan rakyat negeri Sabah. Kalau dari segi tambang kapal terbang daripada Lahad Datu ke Kota Kinabalu, pergi dan balik sudah RM520 Yang Berhormat Menteri. Jadi saya rasa ini satu tindakan yang perlu diambil kajian secara mendalam oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Kementerian Kerja Raya negeri Sabah untuk kebaikan bersama. Ini sesuai dengan keadaan negara kita sendiri yang akan menuju ke negara maju. Terima kasih kerana memberi ruang.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Silam yang melihat keperluan diadakan lebuhraya bertol di Sabah. Sebagaimana Yang Berhormat ketahui bahawa lazimnya untuk membina lebuhraya bertol ini dari segi *financial modelnya* mesti ada, mesti ada trafik yang mencukupi. Secara umum kebanyakan laluan-laluan Yang Berhormat sebutkan tadi jumlah trafiknya masih lagi agak rendah. Oleh sebab itu belum ada pihak yang mengutarakan cadangan untuk membina lebuhraya bertol di Sabah dan saya pun belum menerima sebarang sokongan daripada Kerajaan Negeri Sabah berhubung perkara ini.

Sebagai contoh saya beritahu pembinaan jalan daripada Sepalut, Kalabakan. Jalan itu hanya 145 kilometer lebih kurang dan jalan ini kos pembinaannya adalah lebih kurang RM920 juta. Satu jumlah yang begitu besar dan jumlah trafik yang menggunakan jalan itu pada hari ini hanya lebih kurang tidak sampai 250 kenderaan satu hari. Kalau sudah siap pun nanti saya yakin tidak sampai 2,000 kenderaan sehari. *Economic modelnya* tidak ada tetapi kerana tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan Sabah, membangunkan Sarawak walau pun kita perlu belanja sebanyak itu kita buat. *[Tepuk]* Tidak masuk akal kita belanja RM920 juta untuk kenderaan lalu 250. Itu *traffic survey* yang saya dapat bagi jalan Sepalut- Kalabakan tetapi kerana tanggungjawab kita tidak mahu Sabah dan Sarawak tertinggal, kita terus bina prasarana di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju sangat dengan apa Yang Berhormat Silam sebut tadi sebab kalau kita lihat di Sarawak, kalau hendak pergi dari Kuching ke Miri akan mengambil masa sehari pakai bas, 12 jam. Jadi dalam keadaan itu *Pan Borneo Highway* pun sudah agak teruk. Jadi kalau kerajaan atau kementerian dapat mencadangkan supaya tol dibina untuk *highway* sebab trafik itu memang cukup. Hanya satu jalan dua lorong. Kita hendak bina empat lorong kalau hendak mengikut apa yang ada di Semenanjung. Terima kasih.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih atas cadangan itu boleh diterima oleh masyarakat Sabah, kementerian akan meneliti secara terperinci berhubung dengan cadangan itu mengenai lebuhraya bertol itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Boleh?

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Ya, silakan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya cuma respons kepada Yang Berhormat Menteri. Minta penjelasan ya. Setakat yang saya tahu dalam unjuran pembinaan dan pembangunan tidak ada negara di dunia yang membuat perencanaan pembangunan jalan atau kemudahan asas berdasarkan semata-mata pulangan *financial model* yang disebutkan.

Benar kalau penswastaan, ya tetapi pembangunan kalau itu diambil kira tidak ada pembangunan sama sekali di kawasan pedalaman atau luar bandar. Dalam kes Sabah dan Sarawak, dia terikat kepada dua perkara. Pertama kerana hasilnya itu terlalu tinggi maka pulangan ke negeri-negeri itu harus berpatutan.

Keduanya, kerana sudah lama ketinggalan terutama kawasan luar bandar atau desa dan pedalaman. Mungkin itu bukan maksud Yang Berhormat Menteri kalau kita lihat dalam konteksnya tetapi saya ingat harus dijelaskan. Tidak tepat untuk dibahaskan soal pembangunan jalan hanya dari sudut *financial model* yang beliau bicarakan.

■ 1730

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu yang saya katakan. Kalau kerajaan ini bengong...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: *[Bangun]*

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor:Kerajaan Barisan Nasional ini bengong, kita tidak buat jalan di Sabah dan Sarawak sebab *financial model* dia tidak ada. Akan tetapi kita buat kerana tanggungjawab...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Kita untuk...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Duduk dahulu. Sebab kita perlu yakin perlunya akses jalan sebab itu kita buat salah satu NKRA jalan-jalan luar bandar kita bangunkan dan sebagainya termasuk jalan-jalan tadi walaupun trafiknya agak rendah. Ini yang kita lakukan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Kita tidak ambil kira *financial model* untuk pembangunan kawasan Sabah dan Sarawak. Kalau penswastaan belum boleh dilakukan tetapi kalau ada permintaan kita akan ambil kira perkara-perkara ini. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa ini? Minta penjelasan.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat Bandar Kuching duduk. Untuk makluman Ahli Dewan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Eh! Apa ini? Sabah dan Sarawak.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Selepas ini, selepas ini. Untuk makluman Dewan yang mulia...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Isu Sarawak.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Perjanjian konsesi projek lebuhraya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sekejaplah.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Sekejap, nanti saya bagi. Sekejap saya bagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Tenggara apa? Ngiau, ngiau apa?

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini perjanjian konsesi projek lebuhraya-lebuhraya di atas masih belum ditandatangani walaupun kelulusan secara prinsip telah diberikan oleh kerajaan. Ini kerana kelulusan tersebut tertakluk kepada perundingan terperinci mengenai aspek teknikal dan kewangan antara kerajaan dan syarikat pembida konsesi. Di samping itu, syarikat pembida konsesi juga perlu memenuhi *condition precedent* dengan izin seperti *financial close*, perjanjian memegang saham dan bancia pandangan awam. Isu-isu ini perlu diselesaikan dan diberi keutamaan terlebih dahulu sebelum perjanjian konsesi boleh ditandatangani.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Pada masa kini...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Sekejap, sekejap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan. Pasa jalan raya di Sarawak.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Duduk sekejap saya bagi, sekejap, sekejap. Selepas ini.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Orang kata sekejap, sekejaplah!

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Hendak saya bagi ke tidak bagi Yang Berhormat Bandar Kuching? Kalau hendak saya bagi sekejap saya bagi. *Let me finish first. Then I'll...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *But you are going to another issue.*

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Sekejap, belum. Pada masa kini cadangan projek-projek ini sedang dalam peringkat penilaian Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta di bawah kendalian Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih panjang mengenai cadangan projek penswastan itu memandangkan ia melibatkan perkara dasar dan ia akan diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan semasa giliran penggulungan peringkat Jabatan Perdana Menteri kelak. Ini termasuklah juga isu-isu dasar berkaitan dengan cadangan pengambilalihan Lebuhraya Maju Express (MEX) oleh pihak ketiga dan cadangan kadar tol EDL Johor Bahru dan sebagainya. Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata ada permintaan Kerajaan Barisan Nasional akan buat pertimbangan untuk menaik taraf jalan Trans Borneo Highway. *Point* pertama yang saya ingin sebutkan adalah di Sarawak tidak ada *highway*. Trans Borneo itu *trans road* sahaja. *Single carriageway*. Apa yang kita hendak adalah *dual carriageway* sepanjang yang menghubungkan semua bandar besar di Sarawak.

Keduanya, permintaan sudah dibuat. Kita sentiasa – 20 tahun lalu kita ada buat permintaan untuk membina *dual carriageway* di Sarawak tetapi 20 tahun selepas itu masih tidak ada. *Point* ketiga adalah sekarang kerajaan tidak ada apa-apa cadangan untuk membina *dual carriageway* di Sarawak. Apa yang dicadangkan hanya *overtaking lane* sahaja di sepanjang Pan Borneo Highway. Soalan saya, kenapa Sarawak sentiasa dianaktirikan oleh Barisan Nasional? Walaupun kita menyumbang banyak dana melalui wang minyak, wang gas daripada Sarawak. Kenapa sehingga hari ini, 50 tahun selepas kemerdekaan kita masih tidak ada satu *highway* di Sarawak.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan?

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Pertamanya Pan Borneo ini memang semua orang panggil Pan Borneo Highway. Dia dua *lane* kah, tetapi memang namanya dipanggil Pan Borneo Highway. Memang dipanggil, memang dipanggil. Itu *you* panggil apa? Bukan saya panggil. Memang dipanggil Pan Borneo Highway. Bukan saya panggil.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Akan tetapi Yang Berhormat, Yang Berhormat setuju...

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat faham tidak? *You* duduk, *you* duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan *highway*. Yang Berhormat ini bukan *highway*.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: *You* duduk, *you* duduk. *This is my floor now*. *You* duduk, *you* duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I know, I know*. Ini bukan *highway*.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: *You* duduk, *you* duduk. Yang Berhormat mungkin tidak faham sejarah. Dia memang panggil Pan Borneo Highway. *You sit down, sit down*, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Don't point at people like that*.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: *You* duduk, *you* duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Don't point at people like that*. *Address the chair*.

Seorang Ahli: Duduklah!

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: *You* duduk dahulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Silakan. Ini bukan *highway*.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: *You* duduk. Masalahnya bukan saya bagi. Memang dipanggil Pan Borneo Highway. Bukan saya yang panggil. Memang dipanggil Pan Borneo Highway, satu.

Kedua, dari segi keperluan jalan dua hala. Dari semasa ke semasa apabila kita tengok laluan-laluan yang perlu, apabila sudah trafik *volumenya* cukup minta buat *dual carriageway*. Banyak juga jalan di Kuching yang federal punya yang ada *dual carriageway* walaupun bukan daripada satu pekan ke satu pekan. Maknanya apabila kita hendak buat jalan *dual carriageway* dan sebagainya kita bukan buat suka-suka. Kita tengok berapa trafik dan sebagainya. Ada keperluan kita buat. Kalau jalan itu mula-mula *single carriageway*, perlu lorong memotong kita buat lorong memotong dahulu. Ini yang kita buat. Kita uruskan kewangan kita sebaik yang mungkin. Bukan hendak serbu-serbu. Ini saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat tidak betul. Kalau menuduh kita tidak buat apa-apa. Kita buat mengikut keperluan-keperluan kita tingkatkan, tingkatkan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [*Bangun*]

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh saya menjawab?

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Cukup, cukup. Yang Berhormat hendak jawab saya duduk terus. Kalau Yang Berhormat hendak jawab saya duduk terus.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh saya menjawab? Boleh saya menjawab? [*Dewan riuh*] Ini bukan *highway*.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Kalau Yang Berhormat hendak jawab saya bagi pihak kerajaan saya duduk terus.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Walaupun nama dia adalah *highway* tetapi bukan *highway*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tunggu dahulu, tunggu dahulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Setujukah Yang Berhormat ini bukan *highway*?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tunggu dahulu. Mana boleh jawab. Peraturan mana ini?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini satu *trans road* sahaja!

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini jalan pekan.

Tuan Wong Ho Leng [Sibu]: [Bangun]

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Duduk, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dari standardnya di Semenanjung ini jalan pekan sahaja.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Memang orang panggil Pan Borneo Highway. Duduklah. Okey, Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat dari Serdang...

Tuan Wong Ho Leng [Sibu]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Duduk. Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah membangkitkan mengenai isu berkaitan pemansuhan 50% kutipan tol di Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga). Untuk makluman Dewan, kerajaan sememangnya telah berunding dan berbincang sebaik mungkin dengan pengendali konsesi berkenaan untuk mencari kaedah penyelesaian terbaik bagi meringankan beban pengguna di lebuhraya itu. Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju supaya kutipan tol di laluan Kuala Lumpur Plaza Tol Batu 9 dan laluan ke Kajang Plaza Tol Batu 11 dimansuhkan mulai 2 Mac 2012.

Di samping itu, persetujuan juga telah dicapai supaya tiada kenaikan tol di lebuhraya berkenaan untuk tempoh tiga tahun bermula tahun 2012 hingga tahun 2014 bagi laluan plaza tol yang masih beroperasi. Berikutan itu sebagai balasan kerajaan antara lain akan membayar pampasan tunai sebanyak RM120.55 juta kepada Syarikat Grand Saga dan memberi lanjutan tempoh masa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan isu kelewatan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 negeri Terengganu dan mengapa terdapat syarikat kontraktor yang telah ditamatkan kontrak untuk pakej LPT2...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *Sorry*, Yang Berhormat Menteri sini Yang Berhormat Serdang.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *Sorry*. Saya hendak tanya tentang Lebuhraya Cheras-Kajang *highway* itu sama ada kita akan melanjutkan konsesi itu lagi. Berapa tahun?

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Di samping itu persetujuan juga telah dicapai supaya tiada kenaikan di lebuhraya berkenaan untuk tempoh tiga tahun bermula daripada 2012 hingga tahun 2014 bagi laluan plaza tol yang masih beroperasi. Berikutan itu, sebagai balasan kerajaan antara lain akan membayar pampasan tunai sebanyak RM120.55 juta kepada Syarikat Grand Saga dan juga memberi lanjutan masa sebanyak 15 tahun lagi kepada syarikat konsesi iaitu sehingga tahun 2045.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan isu kelewatan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) negeri Terengganu dan mengapa terdapat syarikat kontraktor yang telah ditamatkan untuk pakej LPT2 sebelum itu telah dipilih semula oleh JKR untuk melaksanakan pakej untuk tender semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 Mac tahun 2012 kemajuan fizikal keseluruhan projek LPT2 ialah 80%. Projek ini mengalami kelewatan disebabkan terdapat 10 pakej di bawah pengawasan JKR terpaksa di tender semula setelah kontraktor asal menarik diri berikutan kesan dari kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2007 dan 2008. Pada masa ini, kontraktor penyiap telah dilantik untuk meneruskan pakej-pakej yang ditender semula itu kecuali pakej empat dan tujuh di mana untuk kedua-dua pakej tersebut akan dilantik selewat-lewatnya pertengahan tahun ini dan projek dijangka siap dalam tempoh 24 bulan kemudian. Berdasarkan penjadualan semula keseluruhan LPT2 dijangkakan siap dibuka sepenuhnya seawal-awalnya pada awal tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kontraktor LPT2 yang ditamatkan sebelum ini tetapi kemudian berjaya memperolehi semula kontrak baru untuk melaksanakan pakej yang ditenderkan semula. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penamatan pakej 9 dan pakej 10, pakej kontrak tersebut dibuat secara persetujuan bersama (*mutual consent*). Ini kerana penamatan tersebut berpunca daripada harga kontrak bagi projek tersebut tidak lagi kompetitif berikutan krisis harga bahan binaan dunia yang naik mendadak pada tahun 2007 dan 2008.

■ 1740

Oleh itu kerajaan tidak menyenaraihitamkan syarikat itu dan menamatkan kontrak mereka menerusi kaedah yang biasa sebaliknya ia dibuat menerusi kaedah persetujuan bersama. Ini bermakna syarikat berkenaan tidak akan disenaraihitamkan dan wang jaminan bank mereka tidak dirampas seperti mana amalan biasa dalam kaedah *termination of contract*. Untuk berlaku adil, kontraktor yang telah ditamatkan secara persetujuan bersama itu dibenarkan mengambil bahagian dalam tender baru bagi pakej-pakej LPT yang ditamatkan itu.

Ini kerana mereka telah sedia maklum mengetahui isu dan masalah berkaitan pelaksanaan pakej-pakej dalam projek LPT 2. Pemilihan tender bagi pakej-pakej yang ditender semula itu dibuat atas dasar merit dan keupayaan sebenar kontraktor yang mengemukakan tender. Berikutan itu terdapat dua kontraktor yang ditamatkan kontrak sebelum ini telah berjaya dipilih semula dan memperolehi kontrak baru bagi melaksanakan Pakej LPT 2 iaitu Pakej 1A dan Pakej 8. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan bidaan yang terbaik daripada aspek teknikal dan kewangan yang dikemukakan kepada kerajaan berbanding syarikat-syarikat lain yang turut mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baling pula telah membangkitkan isu mengenai keselamatan pengguna di lebuhraya utara selatan khususnya untuk mengurangkan kejadian kemalangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat faktor kecuaiannya manusia seperti memandu terlalu laju, mengantuk semasa memandu dan hilang kawalan semasa memandu telah dikenal pasti sebagai punca utama kemalangan lebuhraya PLUS. Walaupun begitu, kerajaan amat memandang serius dan berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan di lebuhraya ini. Ini dilaksanakan menerusi adaptasi, aplikasi dan teknologi semasa seperti penggunaan turapan, *microspacing* bagi mengurangkan tekanan gelinciran di lokasi tertentu di lebuhraya PLUS.

Di samping itu, kerajaan dengan kerjasama PLUS berhad juga telah mengenal pasti beberapa kawasan lokasi laluan lebuhraya yang sering berlaku kemalangan *blackspot* di mana usaha-usaha penambahbaikan dari aspek kejuruteraan jalan telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat. Untuk tempoh jangka panjang, kerajaan juga secara prinsipnya telah bersetuju dengan cadangan untuk membina lorong keempat di lebuhraya PLUS iaitu antara Shah Alam ke Rawang dan Jalan Duta NKVE sepanjang 35 kilometer. Pada masa ini proses reka bentuk terperinci dan pengambil alih tanah sedang giat dijalankan. Projek ini dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun. Cadangan pembinaan lorong tambahan ini akan membantu menangani kesesakan jalan khususnya di sekitar Lembah Kelang dan memberi keselesaan kepada pengguna dan sekali gus dapat mengurangkan kemalangan.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang teknikal jalan. Bila kita melalui di antara Semanggol dengan Juru saya dapati daripada Juru ke Semanggol, lebuhraya PLUS ini mempunyai jalan yang banyak gelombang, bergelombang. Saya pernah mengadu kepada Yang Berhormat

Sungai Siput dahulu semasa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tetapi saya lihat sampai sekarang jalan itu masih lagi bergelombang. Saya kata dekat dia kalau naik *slow* macam naik unta dan kalau naik laju macam naik kuda. Dia kata *absorber* masalah. Saya rasa ini memang betul kalau Yang Berhormat Menteri naik sendiri kenderaan melalui lebuhraya tersebut boleh merasai gelombang yang begitu teruk di antara Juru ke Semanggol. Terima kasih.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa keadaan tanah kita yang berbeza-beza. Kalau yang di belah Johor pun tanahnya banyak tanah gambut sebab itu tanah itu dalam kes ini belah utara di antara Juru dan juga ke Semanggol dan saya akan minta supaya PLUS akan lihat semula. Sebagai contoh di Johor apa yang PLUS lakukan mereka gunakan konkrit dan separuh *highway* itu mereka terpaksa *pile* supaya jalan itu jadi rata. Saya akan minta supaya PLUS pastikan dia tingkatkan kualiti jalan di sebelah antara Juru dan Semanggol ini kerana kita sedia maklum tanah kita yang berbeza-beza daripada satu kawasan ke satu kawasan.

Lain-lain isu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Sri Aman telah membangkitkan isu mengenai cadangan projek pembinaan hospital baru di Sri Aman, Sarawak. Suka saya maklumkan di Dewan ini bahawa tender fasa 1 iaitu kerja-kerja tanah untuk cadangan pembinaan hospital berkenaan telah diiklankan pada 22 Mac 2012 yang lalu. Pelaksanaan fasa 1 itu dijangka dapat dimulakan pada bulan Jun 2012 dan siap dalam tempoh tiga bulan. Sehubungan itu, pelaksanaan fasa 2 iaitu kerja-kerja fizikal untuk pembinaan hospital untuk kapasiti 108 unit katil itu akan dimulakan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh 24 bulan.

Akhir sekali Ahli Yang Berhormat daripada Pokok Sena telah membangkitkan dakwaan kononnya saya telah campur tangan dalam Lembaga Perolehan Tender JKR untuk projek cadangan pembaikan cerun dan kerja-kerja luar di Maktab Rendah Sains MARA Bentong, Pahang sehingga menyebabkan projek itu terpaksa ditangguhkan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat tender untuk projek yang berkenaan telah diiklankan pada 1 Disember 2011 dan ditutup pada 29 Disember 2011. Lembaga Tender JKR telah bersidang pada 8 Mac 2012 dan bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan nama kontraktor yang berjaya kepada Kementerian Kewangan. Laporan Lembaga Tender JKR itu telah pun dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan pada 12 Mac 2012. Sehingga kini JKR masih lagi sedang menunggu pengesahan daripada agensi pusat.

Oleh itu dakwaan kononnya saya telah campur tangan menyebabkan tender itu ditangguhkan adalah tidak benar sama sekali tambahan pula untuk keputusan muktamad untuk menentukan pemilihan kontraktor yang berjaya adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Peranan JKR sebagai agensi teknikal utama kerajaan adalah untuk mencadangkan nilai bidaan tender yang terbaik kepada kerajaan berdasarkan kepada aspek teknikal dan kewangan sahaja.

Penutup, Tuan Yang di-Pertua setakat inilah sahaja penjelasan-penjelasan yang saya dapat berikan...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Penjelasan..

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: ... mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih pada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang dibahaskan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab pada kali ini akan mengambil catatan untuk tindakan susulan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan, minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, ada isu yang dibangkitkan dalam perbahasan belum dijawab.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya, saya ada menyebut tentang lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah habiskah? Terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Belum lagi dia bagi. Lebuhraya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat? Okey, sila.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya ada sebut lebuh raya Kinrara–Damansara dan juga lebuh raya Shah Alam–Damansara. Adakah dua-dua hal ini akan dijelaskan oleh Kementerian, Jabatan Perdana Menteri?

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Dimaklumkan bahawa dia masih belum diputuskan oleh UKAS dan *insya-Allah* bila Menteri menjawab dia akan memberi penerangan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Boleh saya tanya? Itu mengenai monopoli yang dilakukan oleh CMS Kuari atas pembekalan bakul ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Sila.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan perkara-perkara yang terletak di dalam bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sepanjang perbahasan Titah Diraja tahun 2012 Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Kedua Belas Dewan Rakyat 2012 kali ini.

Keprihatinan dan ketelitian terhadap perkara-perkara yang membabitkan kesejahteraan hidup dan kebajikan para warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya sangatlah dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan kadar faedah 6.5% yang dikenakan kepada pembeli tanah dalam skim pembiayaan khas penjualan rumah PPRM 10 dan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dikatakan adalah terlalu tinggi. Yang Berhormat juga turut mencadangkan agar dikenakan kadar faedah hanya 2% sahaja kepada pembeli tersebut.

Selain itu turut dibangkitkan mengenai penggunaan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak RM1.5 bilion untuk program penjualan rumah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, penjelasan dan jawapan secara terperinci sebenarnya telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam jawapan lisan beliau di dalam Dewan yang mulia ini kepada tiga Yang Berhormat yang bertanya iaitu Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Lembah Pantai sendiri dalam isu yang dibangkitkan ini pada 14 Mac baru-baru ini. Pada saya Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan segala-galanya kepada Yang Berhormat Lembah Pantai tempoh hari.

Kerajaan melancarkan skim pembiayaan khas penjualan rumah PPRM 10 dan penjualan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 28 Januari 2012 setelah program penjualan perumahan yang sama pada 2009 kurang mendapat sambutan ekoran kegagalan bakal pembeli yang menyewa rumah PPRM 10 dan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.

■ 1750

Justeru, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan telah merangka satu skim baru yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Khas (SPK) yang kemudiannya telah dimajukan kepada beberapa institusi lain termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Setelah meneliti Skim Pembiayaan Khas ini, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan KWSP bersetuju untuk menyediakan dana sebanyak RM1.5 bilion dengan kadar keuntungan sebanyak 5.5% setahun kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan.

Manakala pembeli akan membayar kadar keuntungan 6.5% ke atas setiap pinjaman bagi membiayai pembelian rumah mereka. Justeru itu, memang terdapat 100%

perbezaan iaitu bagi tujuan untuk menampung kos yang dikenakan oleh institusi kewangan sebagai caj pengutipan bayaran balik pembiayaan. Dalam masa yang sama juga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan KWSP telah mensyaratkan supaya pengutipan bayaran balik ini adalah melalui institusi kewangan yang kukuh yang telah dipersetujui oleh mereka sendiri.

Suka saya menjelaskan sekali lagi kepada Yang Berhormat Lembah Pantai, Skim Pembiayaan Khas ini adalah bersifat pilihan iaitu ia merupakan satu opsyen kepada penyewa PPRM 10 dan Perumahan Awam Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Selain daripada terus kekal menyewa, mereka boleh membiayainya secara tunai ataupun mendapatkan pinjaman daripada bank dan institusi kewangan jika ingin memiliki aset yang berharga ini. Tambahan pula Skim Pembiayaan Khas ini hanya ditawarkan kepada mereka yang layak dan mempunyai rekod pembayaran yang baik sahaja. Bagi yang tidak layak sama ada atas dasar pendapatan yang rendah ataupun mempunyai tunggakan yang besar, mereka boleh terus menyewa dengan kadar RM124 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh penggunaan dana RM1.5 bilion ini adalah untuk tujuan pembinaan unit-unit PPR yang baru pula. Memang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menggunakan hasil jualan tersebut untuk membina perumahan kos rendah yang baru dan akan menyelenggarakan perumahan sedia ada yang lain bagi memastikan kehidupan golongan yang berpendapatan rendah yang ramai juga berasal dari setinggan di Kuala Lumpur ini mempunyai tempat tinggal yang selesa dan unit-unit rumah sewa mereka akan berada dalam keadaan yang memuaskan pada setiap masa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga telah membangkitkan tentang kaedah pemberian tender kerja menaik taraf dan pelebaran jalan di Jalan Pantai Permai, Pantai Dalam iaitu di kawasan Yang Berhormat sendiri.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Celahan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum pergi ke soalan tender, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin merujuk atau mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat khusus tentang isu mereka yang telah dikenal pasti sebagai layak membeli unit-unit PPR ini. Ada dimaklumkan bahawa sekiranya mereka tidak bayar ataupun wujudnya tunggakan selama tiga bulan, maka mereka akan dihalau dan DBKL menerusi Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan akan mengambil alih unit tersebut.

Jadi, apakah perancangan kerana mereka ini dikenal pasti sebagai golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap secara bulanan. Gaji RM1,000 ke bawah dan memang kalau ada lebih kurang 10% yang tertunggak bayarannya seperti yang dijangka oleh Yang Berhormat Menteri, apakah yang akan terjadi kepada mereka. Ini kerana mereka mengikut kenyataan umum akan hilang hak peninggalan di unit-unit tersebut. Saya mohon penjelasan di sini, terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, saya pun. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu kes yang saya telah rujuk beberapa minggu yang lalu di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberikan kerjasama kepada saya bahawa tempat itu adalah sebenarnya di Brickfields. Bersebelahan dengan Restoran Kortumalai di mana restoran itu telah mengunci kawasan yang dikhaskan sebagai tempat pemerhatian kawasan Little India di Brickfields. Setelah saya campur tangan dalam hal ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga saya percaya campur tangan dan memastikan telah pun membenarkan tempat itu dibuka balik. Akan tetapi apa yang berlaku, saya ke sana semalam untuk makan burger. Akan tetapi saya lihat tempat itu masih dikunci.

Saya diberitahu oleh penjaja-penjaja bahawa pemilik restoran itu mengatakan beliau tidak kisah dan dia mengunci harta benda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dibina khas untuk rakyat jelata untuk melihat keindahan yang telah diwujudkan dengan perancangan rapi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan rakan-rakan daripada kementerian. Jadi, saya mahu tanya, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri dan rakan-rakan terhadap pemilik restoran ini yang menggunakan hak milik rakyat awam sebagai hak milik dia sendiri itu. Saya mahu apakah tindakan yang akan diambil selepas beliau kembali sekali lagi ingkar dan melakukan satu jenayah dalam kes ini.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, sehingga hari ini

sejumlah 44,146 unit perumahan awam dan PPRM 10 telah ditamatkan untuk dijual. Jumlah unit yang ditawarkan sehingga hari ini adalah sebanyak 37,133 dan berminat untuk membeli seramai 25,142 orang. Kekal menyewa, borang tidak dikembalikan sehingga hari ini adalah 11,991 dan layak dengan syarat adalah yang mana ada tunggakan adalah sebanyak 787 unit. Seperti mana saya sebut sebentar tadi, di mana penduduk masih ada opsyen di mana mereka boleh terus menyewa, kekal menyewa dan mereka boleh membiayai secara tunai ataupun mendapatkan pinjaman bank lain.

Ini bererti mereka tetap boleh menyewa rumah tersebut dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai mereka akan dihalau sama sekali tidak benar. Kementerian di bawah Kerajaan Barisan Nasional berpegang kuat kepada tema "Rakyat Didahulukan", maka saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat. Tiada mana-mana penduduk PPR ataupun PPA akan dihalau daripada tempat kediaman mereka. Ini jaminan saya kepada Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Boleh saya minta penjelasan pendek sikit, berbalik kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mereka tidak dihalau tetapi DBKL masih akan melunaskan bayaran kerana di sini jaminan bayaran kembali pinjaman KWSP, khususnya RM300 juta yang telah diluluskan itu akan tetap terbayar selepas tiga bulan tunggakan yang diakibatkan oleh mana-mana pemilik yang mahu beli, dia tidak dapat lunaskan.

Kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit mengelirukan di sini. Kalau DBKL ataupun kalau kementerian boleh jamin mereka tidak akan dihalau tetapi milik unit itu milik siapa? Unit itu tiga bulan dengan tunggakan tentunya akan diambil alih oleh kementerian kerana bayaran kepada EPF itu berlangsung. Jadi, saya fikir di sini tidak ada penjelasan. Siapa yang hendak tinggal di rumah itu kalau rumah itu akan diambil alih untuk dijual kepada orang lain yang boleh membayarnya? Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu jelaskan bab ini. Ini kerana bila sudah - *when you enter into an agreement*, dengan izin, sudah masuk dalam perjanjian khusus dengan Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan, tiga bulan tidak boleh bayar, tentunya akan ada akibat. Jadi, saya fikir di sini tidak cukup dengan jaminan.

Kena bagi tahu mekanisme apakah sebenarnya yang akan berlaku kepada mereka-mereka ini. Ini kerana jangan lupa kalau digunakan 6.5% mereka membayar RM236 sebulan untuk 25 tahun, saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri kata RM82 sahaja, wajib dikurangkan dan dijelaskan apa yang akan diperlakukan terhadap mereka yang mungkin alami membayar pinjaman untuk pembelian perumahan ini. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita akan meminjam sebanyak RM1.5 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tetapi akan diterima sebagai dalam ansuran RM300 juta pada tahun pertama dan mereka yang tidak membeli, mereka masih boleh meneruskan sebagai penyewa. Mereka yang beli dan tidak layak, setelah membeli di mana bererti mereka menjadi pemilik unit rumah dan tidak mampu dibayar, maka tanggungjawab kementerian dan institusi kewangan untuk menarik balik rumah itu. Sebab pinjaman dibuat melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

■ 1800

Akan tetapi mereka yang masih menyewa meneruskan sebagai penyewa, tidak ada masalah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memastikan penyenggaraan diteruskan. So, maka sekiranya apabila Yang Berhormat sebut mengenai golongan miskin yang tidak mampu dan masih menyewa, kita masih ada kaedah-kaedah lain melalui kementerian-kementerian khususnya daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk membantu sewa rumah kepada mereka yang kurang berpendapatan – yang mereka terletak dalam golongan miskin.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Okey, saya minta tentang yang ditarik balik pinjaman. Maksudnya yang sudah beli kerana yang dibeli ini – yang membeli ini pun bukannya orang kaya. Yang membeli ini pun daripada golongan yang dapat gaji RM1,000 ke bawah sebulan. Mereka ini Yang Berhormat sebut akan ditarik balik unit kalau tidak dapat bayar selama tiga bulan berturut-turut. Apakah yang akan jadi pada nasib mereka? Saya tidak minta tanya tentang yang menyewa, hanya mereka yang membeli.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebab itu saya kata daripada awal kita telah keluarkan surat tawaran dan kementerian dan juga institusi kewangan mengkaji sama ada mereka layak, mampu bayar atau tidak. Pinjaman akan dibuat setelah dikenal pasti bahawa mereka adalah golongan yang mampu bayar. So maka soalan yang tidak mereka tidak bayar tidak timbul buat masa ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta jalan sedikit. Terima kasih Timbalan Menteri dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri bahawa kementerian sentiasa berpegang kepada slogan ataupun prinsip rakyat didahulukan. Yang pertama saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak bahawa ada masalah banyak dalam kementerian Yang Berhormat Menteri di mana seperti itu di bawah DBKL ini.

Di mana DBKL telah mengeluarkan satu kes di Wangsa Maju, itu yang saya sudah maklumkan kepada kementerian di iaitu Jalan Genting Klang terlibat dengan Festival Mall. DBKL telah meluluskan satu pelan untuk jalan akses dan juga pemaju telah memberi pampasan kepada DBKL lebih kurang RM5 - RM6 juta untuk membaik pulih kan keadaan kawasan tasik di sebelah Festival Mall ini. DBKL telah mengeluarkan notis daripada tahun 2010, 2011 dan baru-baru ini pada bulan Mac, notis itu sudah tamat untuk mengambil tindakan untuk roboh satu *used car dealer* ini, di mana *used car dealer* ini adalah *squatter* yang mereka tidak ada hak mereka duduk di tanah kerajaan. Sampai hari ini DBKL tidak boleh ambil tindakan. Ini menunjukkan kemungkinan DBKL ini ada terlibat dalam rasuah kah. Tidak berani hendak ambil tindakan. Buat apa keluar notis-notis ini sia-sia sahaja. Ataupun hendak keluar notis, dapat rasuah tutup kes pula.

Beri penjelasan kes ini dan kedua, saya telah maklum kepada pegawai DBKL tadi baru ini mengenai dengan tong sampah. Itu tidak apa, mereka akan uruskan. Akan tetapi yang ini khasnya kenapakah tidak ambil tindakan, sama ada kementerian ataupun pegawai DBKL terlibat dalam kes rasuah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya harus jawab terhadap perbincangan titah diraja tahun 2012 yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan tetapi Yang Berhormat Wangsa Maju mungkin tidak sedar peraturan ataupun mungkin keluar daripada matlamat sebenar. Walau bagaimanapun, sebagai kementerian yang bertanggungjawab, saya akan pastikan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini perkara ini Yang Berhormat Menteri sudah beberapa kali saya tanya dalam sesi yang lepas.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat saya harus menjawab atas perbincangan bukan isu-isu tambahan yang dibangkitkan. Ini saya ingin menjimatkan waktu Dewan ini tetapi sebagai kementerian yang bertanggungjawab, saya akan pastikan Yang Berhormat terima jawapan secara bertulis, jangan risau. Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jawapan kepada soalan saya tadi.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya akan jawab Yang Berhormat, tidak termasuk dalam perbincangan tetapi saya masih akan jawab sebab *Little India* di bawah skop saya, maka saya tetap akan jawab, jangan risau. Akan tetapi saya beri penghormatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan biar saya selesaikan jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan isu-isu dalam perbincangan dan sebelum saya mengakhiri ucapan perbincangan saya, saya akan tetap jawab fasal gerai makan. Jangan risau.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya harap saya tidak menunjukan soalan seperti Yang Berhormat Wangsa Maju ataupun Yang Berhormat Lembah Pantai dan saya harapkan satu jawapan yang baiklah.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Oleh sebab itu Yang Berhormat saya kata saya akan jawab, saya tidak cakup, saya kata saya bagi secara bertulis.

Seorang Ahli: Tidak faham kah?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat daripada Lembah Pantai juga telah membangkitkan tentang kaedah pemberian tender kerja menaik taraf dan pelebaran jalan di Jalan Pantai Permai, Pantai Dalam iaitu kawasan Yang Berhormat sendiri. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Lembah Pantai projek menaik taraf dan pelebaran sebahagian Jalan Pantai Permai di Pantai Dalam telah ditawarkan kepada kontraktor bumiputera Tetuan Tropika Kejora Sdn Bhd melalui proses tawaran terbuka. Sebanyak 75 syarikat mengambil bahagian dalam tawaran terbuka ini dan pemilihan adalah berasaskan penilaian status kewangan syarikat, pengalaman berkaitan, peralatan atau jentera yang mencukupi serta perbandingan dengan harga anggaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Justeru itu tiada unsur pilih kasih atau pemberian tender secara terus dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai turut membangkitkan persoalan mengenai sumber data yang diperoleh bagi menyatakan bahawa tiada miskin tegar khususnya di Kuala Lumpur sebagaimana yang dimaklumkan oleh kementerian pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan bandar pada 23 Disember 2010 bahawa tidak ada lagi miskin khususnya di Kuala Lumpur adalah berdasarkan data yang dikunci – *lock figure* dengan izin pada akhir tahun 2009. Berdasarkan *lock figure* itu bilangan miskin tegar sudah tidak ada lagi. Namun kemiskinan adalah isu yang dinamik oleh itu kerajaan sentiasa merancang projek dan bantuan untuk membantu rakyat miskin dan berpendapatan rendah agar mereka dapat mengubah kehidupan dan terkeluar daripada kepungan kemiskinan. Kerajaan tidak mahu rakyat miskin berterusan dalam ekonomi berpendapatan rendah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua Kuala Lumpur merupakan sebuah ibu kota dengan pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan, maka masa ke semasa ada juga warga penduduk Malaysia yang berhijrah daripada kawasan dalaman ke ibu kota walaupun ada masanya kita mengumumkan bahawa kita telah mengatasi masalah golongan miskin tetapi sebab penghijrahan, sering kali kita menghadapi masalah ini di mana ada juga bertambah. Itu satu masalah yang kita hadapi di Kuala Lumpur.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, tambahan...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Boleh.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: ...Atau hendak teruskan jawab dahulu kah? Ada lagi? Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangkitkan tentang isu tender ini kerana ada banyak faks yang dihantar kepada saya menyatakan dalam pilihan walaupun tender terbuka, ada nombor 54 yang datang ke depan dan sebagainya. Saya mula-mula hendak merancang ke SPRM tetapi bila menyelidiki kuasa datuk bandar jelas di bawah klausa 4 yang saya sebut dalam ucapan saya – klausa 4, Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah sekalipun. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat untuk memberitahu pada saya dan Dewan ini, adakah kalau benar kita mempunyai kes yang menunjukkan bahawa tawaran yang paling tinggi juga diangkat tetapi secara dalam undang-undang, tidak ada kesalahan yang dilakukan kerana klausa 4 ini memberi kuasa kepada Datuk Bandar untuk membuat pilihan tanpa mengikut *ranking* tawaran. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut mengenai tender, kebiasaannya kita tidak semestinya memilih mereka yang teratas ataupun terendah. Kita harus meneliti, mengambil kira pengalaman, kedudukan kewangan dan pengalaman mereka sama ada mereka mampu menjalankan tugas ataupun tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka.

Yang kedua, bukan datuk bandar sendiri buat keputusan, ada satu jawatankuasa yang akan mengkaji perkara-perkara ini sama ada dari segi kedudukan kewangan, dari segi teknikal, dari segi pengalaman dan akhirnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan bantuan-bantuan dari jabatan-jabatan akan membuat keputusan. Maka dari segi pilih kasih ataupun memilih mereka yang tidak layak, tidak timbul.

■ 1810

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang telah membangkitkan isu mengenai projek Taman Dusun Bandar yang didakwa tanah tersebut

terbiar dan tidak mengeluarkan sebarang hasil serta kekurangan tenaga pakar pertanian bagi mengusahakannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, mulai Julai 2011 penyelenggaraan dan kerja-kerja menaik taraf Taman Dusun dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membaik pulih kualiti tanah dan melaksanakan pembajaan tanah yang lebih sistematik di keseluruhan tanah Taman Dusun tersebut. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mendapatkan bekalan pokok buah-buahan daripada dusun-dusun dan tapak semaian di sekitar negeri Selangor dan Johor dan setakat ini telah menambah sejumlah 291 batang pokok buah-buahan dari pelbagai spesies tempatan.

Di samping itu, 124 batang pokok buah-buahan sedang dipindahkan daripada tapak projek di Jalan Davis sekitar Taman Dusun tersebut, dijangkakan pokok-pokok yang ditanam ini akan berbuah dalam tempoh 12 bulan hingga 18 bulan akan datang. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terus menambah koleksi pokok-pokok dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, untuk tujuan penyelenggaraan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menempatkan satu pasukan kakitangan yang terdiri daripada pegawai-pegawai pertanian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pekerja-pekerja awam. Oleh itu dakwaan mengatakan kawasan Taman Dusun Bandar tersebut terbiar adalah sama sekali tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang turut mempersoalkan mengenai kedudukan pasar Bukit Bintang yang diancam dengan tindakan untuk merobohkan bagi pembangunan tapak Projek Kuala Lumpur *International Finance Street* oleh 1Malaysia MDB.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan apakah ...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Saravanan a/l Murugan: ...Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan apakah perancangan bagi proses pemindahan pasar tersebut dan apakah kedudukan pelan yang dikemukakan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti sebidang tanah bersebelahan dengan tapak projek 1MDB untuk pembinaan kompleks pasar bagi menempatkan kesemua penjaja yang terlibat dengan projek ini. Kelulusan perancangan telah pun dikeluarkan dan pihak 1MDB akan memulakan projek ini dalam tahun ini seterusnya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengaturkan sesi penerangan dengan semua penjaja yang terlibat dari semasa ke semasa yang sesuai dan pemindahan cuma akan berlaku selepas kompleks pasar baru ini disiapkan nanti.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, gerai-gerai yang akan dibina dalam kawasan ini kerana melibatkan mereka yang telah pun ada di situ sebelum ini, tidak bolehkah kementerian merancang satu sistem di mana semua gerai ini mereka boleh duduk di situ dan berniaga di situ dengan percuma tanpa membayar apa-apa sewa sebab tanah yang diambil untuk membuat gerai-gerai ini adalah tanah yang dulunya diteroka oleh mereka dan mereka duduk.

Oleh kerana mereka meneroka tanah itu, tanah itu mendapat satu nilai yang tinggi. Jadi sekarang tanah itu bukan sahaja digunakan untuk gerai-gerai itu tetapi untuk pembangunan lain juga. Jadi bolehkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mereka satu sistem di mana semua gerai ini boleh duduk di situ dengan percuma. *Create* satu pembangunan lestari di dalam projek itu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sendiri bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tetapi buat masa ini, caj-caj Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih murah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat akan diambil kira dan kita...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: ...Kita akan kaji kedudukan-kedudukan ekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan keperluan semasa. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang juga telah mendakwa bahawa masalah sampah sarap masih belum dapat diselesaikan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur walaupun

Kuala Lumpur mahu dijadikan antara bandar raya yang bersih dan indah. Yang Berhormat turut menyatakan bahawa hasil tinjauan mendapati bahawa masih terdapat lorong-lorong belakang kedai dan jalan-jalan kecil pusat-pusat penjaja dan taman-taman yang masih kotor. Manakala bilangan pekerja pembersihan juga adalah kurang mencukupi.

Yang Berhormat turut mendakwa bahawa mengenai kos kutipan sampah jauh lebih mahal berbanding dengan kos kutipan sampah di negeri Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pada masa ini pihak kementerian berusaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya *livable* ataupun bandar raya berdaya huni menjelang tahun 2020 dengan menempatkan Bandaraya Kuala Lumpur di ranking ke-20. Pada masa ini, mengikut penerangan *livable city* ataupun bandar berdaya huni, indeks Malaysia berada di tangga yang ke-78 dan masih di hadapan berbanding dengan bandar raya negara-negara lain seperti Bangkok, Shanghai dan Manila kecuali Bandaraya Singapura.

Secara umumnya, pandangan pengunjung ataupun pelawat daripada negara asing, Kuala Lumpur adalah antara negara yang bersih, mempunyai pembangunan terkawal dan kemudahan perniagaan terbaik termasuk kemudahan pengangkutan.

Selain itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang mengatasi masalah kebersihan dengan mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh secara berterusan bersama dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Alam Flora Sdn. Bhd. Bagi kos perkhidmatan kutipan sampah pula, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membayar kepada Alam Flora sebanyak RM7.80 sebuah rumah sebulan dan RM12.50 bagi rumah kedai setiap bulan dan bukan sebanyak RM14 seperti yang dinyatakan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, penarafan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang baik ini telah menjadikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dipilih sebagai pihak berkuasa tempatan terbaik di kalangan pihak berkuasa tempatan lain di Malaysia pada tahun 2011. Sejak dari tahun 2008 hingga 2010, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dinamakan sebagai pihak berkuasa tempatan terbaik dan juga pada tahun 2011, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dianugerahkan Anugerah Inovasi PBT terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Ampang membangkitkan isu yang sama iaitu mengenai kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur yang berlaku pada 7 Mac 2012 mengakibatkan kerosakan harta benda dan kesesakan lalu lintas yang teruk. Apakah keberkesanan projek tebatan banjir, projek mengorek sungai, parit dan longkang yang dimaklumkan sebelum ini semakin kurang memberangsangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir kilat yang berlaku pada 7 Mac 2012 adalah disebabkan oleh hujan lebat yang amat luar biasa terutama di kawasan tadahan Sungai Ampang dan hulu kawasan tadahan Sungai Klang. Beberapa stesen hujan telah mencatatkan bacaan hujan melebihi 100 *return period* seperti Stesen Sungai Ampang dan Bukit Belacan sebanyak 239 milimeter. Stesen Sungai Ampang di Kampung Melayu Ampang sebanyak 200 milimeter.

Hujan lebat mengakibatkan paras air di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Ampang meningkat dan mengaktifkan operasi kawalan banjir SMART. Lencongan air Sungai Klang ke dalam kolam Berembang dimaklumkan pada pukul 7.30 malam dan kadar aliran maksimum mencecah 470 meter dan pada jam 9.00 malam berbanding dengan kapasiti SMART sebanyak 280 milimeter sahaja. Kelebihan kadar air ini menyebabkan limpahan air Sungai Klang di kawasan hilir menyebabkan banjir kilat di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur bersebelahan dengan Sungai Klang. Untuk makluman, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah menyiapkan sembilan projek tebatan banjir pada tahun 2011, tiga projek akan disiapkan pada tahun ini dan empat projek lagi akan disiapkan pada tahun 2013. Manakala kerja-kerja mengorek sungai, longkang dan parit sentiasa dibuat secara berjadual.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Selatan membangkitkan tentang isu pertukaran nama Bukit Gasing kepada Bukit Kerinchi dan dalam masa yang sama juga wujudnya dua nama berbeza iaitu satu lokasi yang sama. Yang Berhormat juga turut mendakwa bahawa pembangunan di lereng-lereng bukit tersebut menyebabkan kejadian tanah runtuh berulang kali dan ini mendatangkan kerisauan kepada penduduk sekitarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan, penukaran nama-nama tempat, jalan dan bangunan di Wilayah Persekutuan terletak dalam bidang kuasa kelulusan Jawatankuasa Nama-nama Geografi

Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Permohonan pertukaran nama bagi Bukit Gasing ini boleh dilaksanakan jika Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar merasakan nama tersebut tidak lagi sesuai. Namun begitu cadangan tersebut akan diteliti oleh jawatankuasa berdasarkan justifikasi-justifikasi yang disediakan sebelum keputusan dibuat selanjutnya.

■ 1820

Berhubung pembangunan 70 banglo di Bukit Kerinchi kelulusan telah diberikan sejak tahun 1970-an semasa pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di mana hak milik persendirian telah dikeluarkan pada tahun 1997.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit penjelasan. Kebetulan saya tinggal dekat kawasan Bukit Gasing, di Jalan Gasing. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tanya sedikit, memandangkan perkara ini akan diusulkan di peringkat Jawatankuasa untuk diganti daripada Bukit Gasing kepada Bukit Kerinchi, saya rasa itu satu perkara yang saya tidak bersetuju sebenarnya dan saya mohon agar ianya tidak dicadangkan.

Kedua ialah kalau hendak dicadangkan saya rasa antara perkara yang hilang di kawasan ialah Kampung Abdullah Hukum yang sekarang akan jadi KL Eco City, Kampung Kerinchi yang sekarang mungkin akan menjadi Bangsar South. Jadi itu yang sebenarnya kalau alasan-alasan yang saya rasa mungkin wajar iaitu mempertahankan sejarah kerana Kerinchi merujuk kepada satu kelompok orang Kerinchi pada sejarahnya. Abdullah Hukum mungkin satu tokoh yang membuka kampung tersebut dan lain-lain lagi. Saya rasa perkara begini saya rasa tidak perlu dicadangkan sekiranya tidak ada alasan yang kuat. Saya rasa yang perlu ialah kembalikan Kampung Abdullah Hukum dan juga Kampung Kerinchi, pohon penjelasan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Tambah lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Berkenaan dengan nama yang akan ditukar cadangan untuk tukar daripada Bukit Gasing ke Bukit Kerinchi. Saya rasa ini tidak masuk akal. Satu bukit ada dua nama. Di Selangor nama Bukit Gasing, di Kuala Lumpur nama berlainan. So, kita tidak setuju tentang cadangan untuk tukar nama ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri kekalkan nama Bukit Gasing kerana nama ini sudah terima semua rakyat penduduk di Petaling Jaya dan juga Kuala Lumpur.

Satu lagi tentang pembangunan di Bukit Gasing di mana tempoh hari dua minggu yang lalu, ada satu insiden tanah runtuh yang berlaku di kawasan tapak tanah yang ada laporan luas di media. Apakah kaedah dan juga pemantauan dari DBKL untuk memastikan penduduk yang tinggal di Bukit Gasing ini, mereka punya harta dan nyawa terjamin. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan ahli-ahli Yang Berhormat. Akan tetapi, kita harus terima di sesebuah negara yang sedang membangun kita tidak boleh lari daripada perubahan. Akan tetapi, kami sama-sama mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan sejarah negara kita seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat, Kampung Kerinchi yang menggambarkan suku kaum itu memang tanggungjawab kita untuk mempertahankan. Akan tetapi, dari Kuala Lumpur ke arah negara yang bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020, kita harus menerima perubahan. Kalau sebelum ini Jalan Sekular telah ditukar nama kepada Jalan Pekeliling dan hari ini telah menjadi Jalan Tun Razak. Sama juga jalan di ibu-ibu kota. Maka perubahan itu kita tidak boleh lari. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan prihatin kami sentiasa mendengar maklum balas daripada rakyat. Tanggungjawab sebagai kerajaan prihatin kita akan tetap mendengar tanggungjawab rakyat ataupun rintihan rakyat sebelum buat keputusan. Buat masa ini cuma di peringkat cadangan sahaja. Kita akan berbincang dengan *stakeholders* penduduk warga kota...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, cadangan itu serius...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sekiranya perubahan ini perlu dan selaras dengan pembangunan, maka kita akan terima. Sekiranya ada bantahan daripada rakyat

dan kita rasa tidak sesuai dan rakyat tidak setuju kita akan pastikan kita akan kekalkan nama yang sedia ada.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kedua, Kuala Lumpur ke arah ibu kota bertaraf antarabangsa. Kita harus membezakan sempadan Selangor dan Wilayah Persekutuan di mana sentiasa mengelirukan rakyat di mana kedua-dua di Selangor dan di Wilayah masih dikenali sebagai Bukit Gasing. Ini mungkin akan mengelirukan rakyat. Walau bagaimanapun, masih dalam peringkat cadangan sahaja. Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin saya menarik perhatian. Memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri satu pandangan bahawa kita menuju ke arah negara maju, mungkin nama KL Eco City yang dipilih selain daripada Kampung Abdullah Hukum. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ke Singapura, dia kalau nama dia kandang lembu, nama dia kandang lembu sampai sekarang tetapi yang bagusnyalah kualiti servis dia pengisian dia, bukan nama. Ini wujud di Singapura. Ada kandang lembu, kandang lembu juga. Akan tetapi, yang bagusnyalah bangunannya, teknologinya, yang menggambarkan *first world* tetapi kemajuan. Saya rasa itu yang dimaksudkan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Akan tetapi, saya rasa memandangkan semalam ada kaitan oleh Timbalan Menteri, Malaysia adalah antara yang ada Akta Warisan 2005. Itu saya rasa satu perjuangan yang boleh dibanggakan. Jadi saya rasa untuk konsisten dengan perjuangan warisan dan lain-lain lagi, saya rasa perkara ini perlu dipastikan tidak menggadaikan warisan kita yang wujud secara usaha-usaha generasi yang lama. Ini kerana KL Eco City ini saya rasa dari segi jiwa dia akan mengamalkan jiwa Kuala Lumpur ini satu yang kosong. Pada pandangan saya kalau Abdullah Hukum, Kampung Kerinchi tetapi teknologinya, prasarananya, kecanggihannya saya rasa itu boleh dibanggakan oleh warga Malaysia dan warga Kuala Lumpur. Mohon saya rasa itu pertimbangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga ada satu cadangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta Kementerian jangan ikut apa yang sedang dilakukan oleh Selangor, di Bukit Gasing. Di sebelah Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan ini, pastikan mereka mengikut undang-undang dan jangan seperti di Bukit Gasing. Apabila naik di Jalan Bukit Gasing itu, kita akan melihat bahawa rumah-rumah dibina di atas tiang-tiang yang besar. *The support system given* dengan izin adalah tiang-tiang di lereng bukit di mana Yang Berhormat Permatang Pauh dan penasihat ekonomi Selangor semua mengatakan itu selamat. Pada hal, kuil yang berada di atas sekali di Bukit Gasing *sitting on the hill* dengan izin mereka katakan tidak selamat dan saya telah ke kuil itu beberapa hari yang lalu.

Saya tidak mahu Kerajaan Wilayah Persekutuan ikut macam itu. Saya pergi, saya melihat ada satu notis di kuil itu yang mengatakan mereka mahu Jawatankuasa Kuil itu sendiri merobohkan kuil itu. Saya harap aktiviti seperti ini yang tidak sihat di antara kaum-kaum di negara ini tidak berlaku di Wilayah Persekutuan. Ini nasihat saya...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Di Selangor pentadbir tanah Daerah Petaling menandatangani surat itu meminta kuil yang terbesar di negara ini dan di antara yang paling lama juga pentadbir tanah Petaling meminta Jawatankuasa Kuil itu merobohkan kuil itu sendiri. Ini *style* baru yang dibawa oleh Pakatan Rakyat. Kita kena ucap syabas kepada mereka yang memperjuangkan dan saya percaya PJ pun...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya bagi penjelasan sedikit. Boleh? Ini Selangor saya jawab. Kawasan saya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya belum habis lagi PJ.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak boleh. Dewan Undangan Negeri Selangor boleh jawab, sini tidak boleh. Sini saya akan jawab.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Parlimen saya, biar saya jawab.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya belum habis lagi.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Projek-projek itu diluluskan oleh Barisan Nasional yang lalu, bukan kita.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya hendak bagi tahu. Okey, saya akan bagi ini, saya jawab yang ini.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Projek itu – Saya hendak beritahu Dewan ini kerana melibatkan kementerian yang mengendalikan paling hampir dengan kerajaan Selangor. Ini bersempadan dengan ini. Saya tidak mahu arus ini melimpah ke dalam Lembah Pantai. Semasa Barisan Nasional mentadbir, mereka tidak pernah dalam 80 tahun tokong kuil itu dikeluarkan satu surat supaya mereka merobohkan sendiri. Surat itu saya rakamkan menggunakan telefon bimbit [*Sambil menunjukkan telefon bimbitnya*] ditandatangani pada tahun ini di mana Kerajaan Pakatan Rakyat adalah Kerajaan Negeri Selangor hari ini pada tahun ini. Jadi saya hormati rakan bijaksana Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mahu mempertahankan berkobar-kobar mempertahankan perobohan satu kuil ini. Saya harap pergi ke Bukit Gasing dan pertahankan kuil itu dan nasihatlah kepada kuda tunggangan Israel itu yang siapa itu? Oh! Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada. Nasihatkan kuda tunggangan Israel itu supaya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini sudah lebih daripada...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ini sudah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya harap Tuan Yang di-Pertua arahkan ini ditarik balik.

■ 1830

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tolonglah Yang Berhormat Menteri...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dia seorang gila sudah, kami tidak mahu gila Tuan Yang di-Pertua, tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai tahu kan peraturan mesyuarat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey, okey, terima kasih. Jadi, saya harap Ahli-ahli Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Harapan itu telah disampaikan beberapa kali.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah, sudah. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sedar, Yang Berhormat Menteri tahu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri sudah faham kah?

Tuan Yang di-Pertua: Dia faham dari tadi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey, okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Padang Serai saya tidak mahu komen apa-apa mengenai Kerajaan Negeri Selangor

tetapi saya cuma harap rakyat akan buat keputusan yang sewajarnya apabila sampai masa nanti tidak lama lagi.

Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih atas pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat. Saya bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional akan pastikan bukan sahaja usaha-usaha generasi yang lepas tetapi usaha-usaha ataupun masa depan generasi akan datang juga tidak akan digadai di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Itu jaminan kami kepada Ahli Yang Berhormat. Yang mana kita boleh kekalkan untuk memastikan sejarah kita terus dikekalkan, kita akan teruskan. Jangan risau.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Walau bagaimanapun, kita tetap akan minta pandangan daripada orang awam. Bukan susah kalau ada pemimpin di sebelah sini, kena minta pandangan dan cadangan untuk menamakan kucing. Apatah lagi untuk menamakan bandar-bandar di Wilayah Persekutuan. Memang tidak ada masalah. Untuk kucing pun kita berikan keutamaan. So, untuk menamakan tempat memang tidak ada masalah. Jangan risau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Batu pula telah menyentuh tentang isu perumahan bagi peralihan rumah kos rendah kepada Kampung Railway tanpa pemberitahuan kepada penduduknya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, terlebih dahulu saya cuma ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu yang telah bekerjasama dengan saya untuk memastikan penduduk di setinggan Kampung Railway untuk mendapatkan tempat kediaman mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Batu, projek rumah kos rendah akan dibangunkan di atas tanah lot PT 201 bagi tujuan menempatkan 83 keluarga Setinggan Kampung Railway. Pembangunan ini akan dilaksanakan oleh pemaju YTL Sdn. Bhd. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam proses memindahkan setinggan di atas tapak projek tersebut lot PT201 dan dijangka keseluruhan setinggan dapat dipindahkan selewat-lewatnya pada hujung April 2012.

Pada masa yang sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah meluluskan perintah pembangunan untuk rumah kos rendah tersebut pada 26 Julai 2011. Pemaju kini dalam proses mendapatkan kelulusan pelan pembangunan dan dijangka kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan pada suku ketiga tahun 2012. Oleh itu, kenyataan mengatakan 200 unit yang akan diagihkan melalui parti-parti politik adalah sama sekali tidak benar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dengar dengan teliti tadi. Yang Berhormat Menteri sebut pada hujung April 2012. Maksudnya hanya beberapa minggu daripada sekarang. So, keseluruhannya 81 keluarga. Saya ingin tahu bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat angka, jumlah keluarga penduduk Kampung Railway yang ada sekarang hanya 80 lebih padahal sehingga sekarang kita tidak dapat satu banciaan yang secara objektif sama ada oleh pemaju atau oleh DBKL yang boleh yang secara telus yang saya sendiri dan juga pihak orang-orang kampung tahu siapa yang akan ditawarkan. Itu satu perkara yang saya anggap kalau kekeliruan itu tidak diselesaikan, perkara ini tidak akan kita jelas.

Saya juga ingin tahu kelebihan 200 rumah ini, yang telah dibina? Unit-unit ini akan diagihkan kepada siapa dan melalui cara mana, saluran mana? Kalau bukan melalui parti-parti politik, okey tetapi kita ingin tahu yang 200 ini melalui cara apa? Katakanlah kerana yang dibanci oleh DBKL pun sudah lama. Dahulu mungkin 80, sekarang mungkin sudah sampai 120. Apakah akan terjadi dengan kelebihan itu? Adakah kerana mereka sudah lama menunggu dan sudah menubuhkan keluarga baru dan itulah sebabnya mereka tidak akan dapat rumah? Adakah ini adil untuk mereka yang telah menunggu secara lama.

Akhir sekali saya juga ingin dapatkan satu penjelasan sungguhpun dalam ucapan saya tidak sempat sebutkan. Penduduk-penduduk sekarang menghadapi kes mahkamah dan mereka juga menerima surat pengusiran supaya mereka kosongkan tapak di bawah Ordinan Darurat. Saya ingin tahu kenapa Undang-undang Darurat yang kita telah mansuhkan di Parlimen ini masih dikuatkuasakan? Saya sedar proses itu belum habis tetapi kenapa kita masih gunakan ini kepada penduduk-penduduk yang sebenarnya ada hak untuk mendapatkan perumahan? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Batu. Kebetulan isu Kampung Railway, penduduk di sana telah meminta pihak pemaju untuk membina rumah kos rendah untuk penduduk walaupun sejak tahun 1986 pihak pemaju tidak bersetuju untuk membina rumah kos rendah dalam pembangunan Projek Sentul Raya di bawah pemaju YTL.

Saya bersama-sama penduduk telah mula berbincang dengan pihak pemaju sejak tahun 2009 dan saya sendiri telah mengetuai perbincangan ini bersama pihak YTL dan akhirnya satu penyelesaian telah dibuat di mana YTL telah bersetuju untuk membina rumah kos rendah. Rumah kos rendah, nilai pasaran RM200,000 akan dijual kepada penduduk YTL dengan nilai RM45,000 sahaja. Bukan begitu senang untuk mendapatkan sebuah rumah tiga bilik di dalam kawasan pembangunan Sentul Raya dengan kos RM45,000 tetapi akhirnya saya berjaya.

Saya *personally* berjaya berbincang dengan YTL supaya memastikan mereka yang merupakan penduduk Kampung Railway sejak berpuluh-puluh tahun mendapat pulangan ini. Maka hari ini penduduk Kampung Railway akan menerima rumah kos rendah yang bernilai RM200,000 dengan harga RM45,000 sahaja. Dari segi penyiapan pada permulaan saya telah berbincang dengan persatuan penduduk atau pun *Housing Action Committee* untuk sampaikan senarai jumlah rumah yang terdapat dalam kawasan itu di mana saya telah menerima 197 permohonan yang menyatakan mereka adalah penduduk Kampung Sentul Railway.

Seterusnya YTL telah menjalankan bancian dan memaklumkan kepada saya cuma ada 101 unit rumah sahaja di Kampung Railway. Kali ketiga saya telah meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjalankan bancian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memaklumkan kepada saya terdapat 67 rumah sahaja. Kali keempat saya mengetuai kumpulan bancian bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan saya telah melawat hampir semua rumah, setiap rumah. Perkara ini telah dikeluarkan dalam surat khabar dan saya secara peribadi telah melawat setiap rumah dan mencatat bancian dan cuma terdapat 83 rumah sahaja yang menghuni di sana. Ini tidak termasuk 25 unit rumah yang telah dipindahkan 20 tahun sebelum ini ke Rumah Panjang Jinjang.

Maka, saya telah minta pihak YTL supaya memasukkan 25 rumah ini yang dipindahkan awal-awal lagi dalam golongan ini. Maka, 100 lebih akan mendapat rumah ini, YTL apabila disiapkan. Dalam tempoh penyiapan, *the interim period* saya mohon kepada penduduk supaya berpindah ke kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya memberi laluan kepada pihak YTL menyiapkan pembinaan pembangunan rumah kos rendah dengan kadar yang segera. Itu keadaan sebenar Yang Berhormat.

Kedua mengenai 200 unit ini akan diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membuat keputusan munasabah. Mengambil kira keperluan dan kelayakan warga kota dan akan dijual kepada warga kota yang layak. Kaedah yang mana yang akan kita buat apabila kita menerima 200 unit. Sekian terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dedahkan dan juga pameran senarai yang 80 lebih dan juga 25 ini secepat mungkin supaya penduduk-penduduk tahu siapa sebenarnya yang mempunyai hak. Ini satu. Kedua ialah bila S&P akan ditandatangani supaya mereka tahu hak mereka akan terjamin dengan tandatangan S&P ini.

■ 1840

Datuk Saravanan a/l Murugan: Seperti saya sebut tadi Yang Berhormat, bancian telah pun dibuat empat kali. Maka, tidak ada masalah untuk memberi senarai, mempamerkan senarai, pagi esok juga tidak ada masalah, memang senarai sudah ada. Cuma masalah kita baru-baru ini ada sekumpulan kecil dihasut oleh pihak-pihak tertentu telah pergi ke mahkamah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur meminta kawasan ini diwartakan sebagai kawasan warisan India. Itu baru-baru ini telah berlaku tetapi dari segi memberi senarai 83 orang yang layak untuk rumah dan juga 20 lebih orang yang pindah hampir 20 tahun dahulu sebelum ini ke Rumah Panjang Jinjang, saya akan beri kepada Yang Berhormat pagi esok, tiada masalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya agak kita jangan tidak beri gambaran yang benar. Sebenarnya yang tadi saya sebut,

kalau penduduk tidak dibawa ke mahkamah dengan Undang-undang Darurat ini, tidak wujud isu mereka pergi ke mahkamah. Sekarang mereka terpaksa mempertahankan diri...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengeluarkan sebarang notis darurat tetapi saya akan semak dengan pemaju.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya tetapi pemaju keluarkan dan ini menyebabkan rasa kecemasan di kalangan penduduk. Kalau boleh Menteri nasihatkan supaya kita jangan bazir masa, jangan bazir wang di dalam mahkamah kerana penduduk ini dibebankan dengan kos *legal* yang tidak sepatutnya. Kalau pada April kita hendak selesaikan, kenapa kita susahkan mereka bawa ke mahkamah. Nasihatkan pemaju supaya tarik balik semua kes ini. Bolehkah?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun keluarkan notis di bawah darurat oleh pemaju bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar tetapi sebagai kementerian, tanggungjawab dan prihatin kami akan pastikan, kita akan bincang dengan pihak pemaju supaya satu penyelesaian secara berhemah untuk memudahkan warga kota.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri gulungan saya, saya ingin juga menjawab kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Serai di mana mengenai gerai di bawah DBKL yang telah berkunci di bahagian atas. Ini salah satu langkah-langkah untuk mengelak daripada mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab kerana menggunakan kawasan itu sebagai kawasan lepak dan juga kawasan untuk minum arak pada waktu malam selepas waktu perniagaan. Jadi, langkah-langkah telah diambil untuk memastikan tempat-tempat ini tidak disalahgunakan. Dari segi memberi peluang kepada mana-mana pihak untuk berniaga di sana, kita belum sampai ke peringkat itu lagi. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengkaji dari semasa ke semasa sama ada tempat itu boleh diberi untuk mana-mana pihak untuk berniaga atau tidak.

Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberi pandangan dan cadangan dalam perbahasan demi kebaikan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan juga rakyat jelata. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6.43 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang telah dikemukakan kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang membahaskan Titah Diraja dalam sesi perbahasan Dewan Rakyat pada kali ini. Terdapat seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang telah sudi berkongsi pandangan mengenai Kementerian Belia dan Sukan iaitu Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Parit.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Yang pertama, Yang Berhormat Batang Sadong menyatakan bahawa tiada kemudahan infrastruktur sukan untuk masyarakat di Parlimen Batang Sadong kecuali gelanggang futsal. Oleh yang demikian, dipohon supaya dapat dibina kompleks sukan komuniti bagi melahirkan anak-anak dan belia yang berkemahiran tinggi dalam bidang sukan. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kerana pengiktirafan, inisiatif pembinaan gelanggang futsal ini dan sokongan berterusan akan bakal meningkatkan lagi usaha kementerian untuk menyediakan kemudahan infrastruktur sukan kepada rakyat di kawasan-kawasan Parlimen. Sebagai permulaan, gelanggang futsal yang melibatkan kos pembinaan yang lebih rendah berbanding kompleks sukan komuniti di mana gelanggang futsal hanya sekitar RM150 ribu berbanding pembinaan kompleks sukan komuniti yang dianggarkan melebihi RM3 juta sebuah boleh menghadkan pembinaan kemudahan infrastruktur sukan di kawasan-kawasan Parlimen.

Keputusan pembatalan ini telah dibuat pada tahun 2007 memandangkan gelanggang futsal adalah lebih murah dan memberikan lebih kesan kepada rakyat terutamanya para belia.

Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Hulu Selangor menyatakan tentang perkara yang sama iaitu berkaitan pembangunan belia, tentang apakah gerakan bersepadu dalam memperkasakan golongan belia. Apakah yang telah dibuat dalam menggubal satu-satu untuk melatih belia dalam merencana masa depan dan juga bertanya tentang adakah perbezaan mengikut persekitaran kemudahan bilangan kumpulan sasar yang dianjurkan sama ada di bandar dan luar bandar seperti yang ditimbulkan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menyediakan pelan perancangan jangka panjang bermula dari tahun 2010 hingga 2015 bagi menentukan hala tuju pembangunan belia negara yang bersepadu dan menyeluruh ke arah merealisasikan Wawasan 2020 dan Misi Nasional.

Pelan ini digubal bagi mengambil kira isu-isu dan cabaran semasa yang sedang dan akan dihadapi oleh golongan belia. Antara teras strategik yang disenaraikan ialah pemerkasaan pembangunan belia dan gerakan belia. Tanggungjawab terhadap pembangunan belia sebenarnya bukan sahaja terletak di bawah satu kementerian tetapi ia juga melibatkan tanggungjawab semua daripada kepimpinan masyarakat, ketua keluarga, kerajaan negeri, badan-badan korporat, agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan kerana ia adalah termasuk dalam peranan dan agenda pembangunan belia dalam negara kita.

Yang Berhormat daripada Jerai ada membangkitkan tentang Kementerian Belia dan Sukan telah bercadang untuk mengadakan dua ribu program bersama bakal-bakal calon daripada Barisan Nasional dengan peruntukan sebanyak RM1,500 setiap satu program. Kementerian Belia dan Sukan, suka saya nyatakan tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai dakwaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerai. Bukan sahaja dua ribu program tetapi kita pun belum tahu siapa bakal calon Barisan Nasional. Jadi, sudah tentu kita tidak dapat untuk mengadakan program seperti yang diutarakan. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat Jerai dapat maklumat ini tetapi ia ada lebih kurang sama macam yang dibuat oleh Yang Berhormat Pokok Sena sewaktu sidang akhbar dipanggil 24hb. sebelum Dewan bermula yang juga mendakwa Kementerian Belia dan Sukan ada menaja sebanyak RM30 juta untuk membiayai program-program ceramah Yang Berhormat Hassan Ali. Kalau ini ada persamaan, boleh saya nyatakan bahawa kita tidak ada mempunyai perancangan tersebut dan dakwaan itu sama sekali tidak benar.

Namun begitu, kita ada menyediakan satu program yang dipanggil Sembang Santai di antara lain untuk mendapat maklumat di samping mendekati para belia supaya kita dapat lebih mengenali para belia dan kehendak mereka. Namun begitu, setiap satu program yang RM1,500 ini, Sembang Santai ini hanya dapat kita adakan sebanyak 150 buah program sahaja yang melibatkan semua para belia kita tidak kira latar belakang politik, kaum, agama dan bangsa.

Yang Berhormat Lipis memohon kementerian menyemai nilai-nilai kesukarelawan kepada anak-anak muda bagi menerajui kepimpinan masa hadapan. Saya sangat mengalu-alukan perkara ini dan sememangnya menjadi penekanan bukan sahaja kepada Kementerian Belia tetapi kepada semua kementerian di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kementerian Belia dan Sukan telah pun melaksanakan beberapa program yang bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawan di kalangan belia, di antaranya adalah Skuad Muda RELA, *Crime Awareness Team*, *MyCops and i-Volunteer*. Kita mengharapkan ada banyak lagi badan-badan sukarelawan belia dapat kita pandu dan kita bentuk bagi mencapai apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Lipis.

Yang Berhormat dari Lenggong menyatakan tentang apakah mekanisme yang digunakan bagi memastikan golongan belia dapat menggunakan dan menguasai peluang yang ada dalam bidang kemahiran.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Petang-petang mengantuk, boleh tanya sikit?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Boleh.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Saya juga bersetuju banyak program yang dirancang untuk tujuan meningkatkan kesukarelaan apa semua. Saya rasa ini perkara yang semua orang bersetuju. Cuma begini, saya hendak tanya pandangan kebelakangan ini dan kebetulan pula Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan berasal daripada negeri Terengganu, kebetulan. Saya hendak ambil satu insiden yang berlaku di negeri Terengganu atas semangat untuk meningkatkan kesukarelaan. Baru-baru ini ada 512 orang remaja di Kuala Terengganu yang ditangkap secara besar-besaran kerana terlibat dalam aktiviti lumba haram. Seramai 200 daripada dia orang ini bukan sahaja terlibat baru hendak cuba pun. Maknanya kadar peningkatan dalam percubaan minat untuk menceburi terlibat dalam bidang-bidang macam ini agak tinggi.

Jadi atas semangat merangka untuk meningkatkan kesukarelaan, untuk memperbaiki pembangunan belia ini apa pandangan kementerian Yang Berhormat? Saya rasa ini adalah pukulan yang agak berat juga pada Yang Berhormat Menteri kerana di negeri dia yang dia jadi Menteri Belia berlaku perkara macam ini dan tiap-tiap minggu ada peningkatan. Ini boleh disahkan oleh Menteri Dalam Negeri kerana pasukan polis PDRM terlibat sama dalam menangani perkara ini. Memang ada sentiasa peningkatan daripada minggu ke minggu memang ada jumlah itu. Ini dilaporkan oleh media, televisyen dan sebagainya dan saya rasa ini ada cabaran besar sedikit.

Jadi macam mana agaknya hendak melihat ada satu pakej barukah barangkali, mereka ini tertinggalkah ataupun tidak dimasukkan dalam tumpuan kelompok yang akan jadi sasarankah atau bagaimana? Saya pun kurang tahu sebab saya rasa saya juga berasal daripada kawasan itu saya sendiri pun tidak tahu kenapa wujudnya kumpulan begitu besar ini yang tertangkap sahaja. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya rasa dalam menangani perkara yang dibangkitkan itu tidak ada jalan penyelesaian. Kita ada beberapa cara untuk memberi penerangan. Satu, untuk kita berhadapan dengan realiti. Kedua, kita boleh bersifat defensif. Ketiga kita boleh bersifat *ignorant*. Defensif itu maksudnya kalau orang tanya kenapa ada belia yang rosak 500 orang. Saya pergi satu program 2,000, sejuta orang yang bagus itu defensif. Akan tetapi itu bukan jawapan saya. Makna boleh buat, seramai 500 ini bukan masalah tetapi ramai yang baik.

Pada saya realitinya masalah yang berlaku ini adalah apabila kita tidak mengisi masa. Pemikiran mereka dimasukkan dengan perkara-perkara yang begitu banyak kita tahu hari ini, cabaran. Ataupun kita bawa dia ke arah yang memang tidak betul. Ini yang menjadi kekangan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Saya percaya Yang Berhormat Indera Mahkota bila membangkitkan perkara tersebut benar-benar ingin melihat satu suasana yang sangat baik. Kita kena terima kalau kita buat sesuatu program besar bila orang ramai-ramai balik tempat mesti kotor. Tidak ada satu pun nilai budaya yang baik untuk membersihkan tetapi boleh berlaku di negara Jepun. Ini kerana dia ada satu semangat bahawa saya orang yang bersih.

Jadi maknanya apa yang sedang kita cuba laksanakan adalah sentiasa mengisi di dalam kepala anak muda kita, bahawa mereka perlu melakukan perkara yang baik. Sebagai contoh anak muda sering dilabelkan dengan vandalisme. Di Muar umpamanya saya membuat program anak muda berhenti tepi jalan untuk cat bangunan-bangunan awam yang tidak pun dijaga. Bangunan awam itu bukan *signboard* JKR itu, *signage* taman yang ada dua tiang sahaja tetapi orang yang duduk di situ pun tidak hendak buat. Makna kita bawa anak muda mari kita naik motor sama-sama kita berhenti cat dua tiang tidak sampai setengah jam pun. Dia tidak perasan bahawa itu budaya yang baik. Itu yang perlu kita terapkan.

Oleh sebab itu seramai 510 ini kita pandang serius walaupun jumlahnya sangat kecil tetapi dia mencerminkan. Akan tetapi caranya bagaimana? Bawa anak muda yang lebih ramai untuk menunjukkan kepada yang seramai 500 ini bahawa mereka buat satu perkara yang tidak betul. Mendidik ini sebenarnya mengambil proses yang sangat lama. Membina tidak boleh berlaku semalaman, runtuh boleh berlaku dengan serta-merta. Jadi pada saya apa yang boleh saya sebut bila melibatkan secara spesifik mat rempit ataupun mereka yang terlibat dalam kesalahan lalu lintas. Kerjasama di antara Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengangkutan iaitu JPJ agensinya dan Kementerian Dalam Negeri iaitu polis. Perlulah dijalankan secara serentak dalam menghukum, mengambil tindakan.

Akan tetapi daripada Kementerian Belia dan Sukan kita akan sentiasa menganjurkan program-program yang bersifat positif supaya anak muda dapat mengetengahkan potensi dan kreativiti. Ini kerana kita tahu 12.6 juta adalah satu jumlah yang besar dan dalam kelompok-kelompok kecil anak muda akan tetap berlaku perkara tersebut yang saya mengambil tanggungjawab bersama dengan Yang Berhormat Indera Mahkota untuk kita laksanakan satu penambahbaikan supaya perkara itu dapat kita kurangkan. Saya percaya tidak dapat kita hapuskan sepenuhnya tetapi usaha bersama daripada semua peringkat ia akan dapat kita tangani secara sedikit demi sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota.

Yang Berhormat Lenggong bertanya tentang mekanisme. Seperti yang saya nyatakan tadi pada tahun 2012 dianggarkan lebih 11,000 orang belia telah ditawarkan tempat untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran di 20 buah IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara) di seluruh negara. Itu hampir 100% ruang yang ada di 20 IKBN yang kita seliakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lepasan IKBN ini sebenarnya sentiasa mendapat minat dalam segi pasaran kerja. Ini kerana kajian yang kita buat pada tahun lepas 2,853 orang lepasan, 1,290 orang ataupun 45% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam hingga dua belas bulan. Sebanyak 24% sedang mencari pekerjaan dan sebanyak 31% menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Maknanya daripada Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 mereka menyambung iaitu sebanyak 31%. Makna ada sebanyak 24% sahaja pelatih kita di IKBN yang masih mencari pekerjaan ketika hendak tamat pengajian. Maknanya dari segi peluang yang kita sediakan di IKBN itu yang secara terus berada di bawah kementerian boleh saya katakan mencapai tahap yang paling baik. Ini kerana tuntutan majikan kepada hasil keluaran IKBN adalah tinggi. Yang Berhormat Hulu Selangor...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat sekejap.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Saya ingat kalau Yang Berhormat Indera Mahkota tolong masuk kampung keluar kampung, kempen orang untuk masuk IKBN ramai orang masuk IKBN. Akan tetapi dia ceramah bab lain untuk pengaruh orang muda Yang Berhormat. Yang Berhormat kita ada banyak saingan institusi kemahiran dan sekarang pun universiti 1Malaysia pun banyak dibuat oleh pelbagai institusi lain. Maknanya saingannya banyak tetapi nampaknya saya hendak dapat maklumat daripada kementerian. Dengan begitu banyak pusat-pusat latihan kalau dibandingkan dengan institusi lain, bagaimana sambutan minat generasi muda ke institusi yang dimiliki oleh kementerian untuk orang muda. Kalau kurang minat bagaimana kaedah yang hendak dibuat? Hendak minta kawan-kawan tolong ceramahkah dan sebagainya.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya setuju tetapi jawapan saya. Memang dahulu kita *under enrollment*, ada tempat kosong, dahulu-dahulu. Akan tetapi memang kita tidak sempat Yang Berhormat Indera Mahkota tolong ceramah pun tempat sekarang memang penuh. Pada saya ruang yang ada itu ataupun peruntukan yang disediakan itu digunakan secara penuh dan minatnya memang sangat tinggi. Walaupun terdapat saingan di tempat lain kita tidak ada masalah untuk mendapatkan penglibatan belia. Cuma saya setuju kalau ada mereka yang tidak diisi masa lapang boleh kita masukkan ke IKBN ini. Ini kerana tempoh pengajian dan pembiayaan itu pada saya sangat baik dan mereka akan mendapat pekerjaan akhirnya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya rasa idea itu agak baik. Kita tidak ada masalah untuk bersetuju kerana isu pokoknya ialah mungkin ada sebahagian daripada kelompok belia ataupun orang muda yang tertinggal barangkali. Saya yakin kementerian Yang Berhormat tidak mampu hendak buat semua, memang perlukan bantuan. Kalau hendak perlukan bantuan saya, saya sanggup. Cuma begini saya hendak tanya ada tidak rancangan ataupun cadangan kementerian Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat sendiri ataupun Menteri Yang Berhormat, kalau boleh gunakanlah kepakaran, ramai pemimpin belia ada bekas-bekas Presiden Majlis Belia Malaysia. Dalam Dewan ini sahaja berapa orang termasuk Yang Berhormat Lenggong yang baru bercakap ini.

Tidak akanlah tidak ada idea yang baik daripada seorang bekas presiden duduk berapa belas tahun jadi presiden. Tidak akanlah tidak nampak perkara ini. Ini soalan pula pergi tanya pada Timbalan Menteri Belia. Itu tidak kena. Jadi jangan kita guna *position* kita ini untuk bebankan Kementerian Belia dan Sukan. Sepatutnya datanglah dengan idea yang

bernas. Saya tidak percaya kalau bekas-bekas pemimpin termasuk, terutamanya Presiden Majlis Belia Malaysia yang jaga 35 pertubuhan yang besar di bawahnya, dia tidak tahu hala tuju.

■ 1900

Saya dengar dulu semasa saya juga dalam pergerakan tersebut, kita ada pelan 20 tahun pembangunan belia. Selama 20 tahun maknanya sampai tahun 2020, sudah apa jadi dengan itu? Tak tahulah masa Yang Berhormat Lenggong jadi presiden itu dia sudah buang pelan 20 tahun itu, *wallahualam*, saya tidak tahu. Saya tidak juga mengatakan begitu cuma saya harap peranan bekas-bekas pemimpin ini diguna pakai ataupun diambil sebab saya yakin ada banyak perkara yang tidak sempat dibuat semasa kedudukan mereka atau kedudukan seseorang pemimpin itu semasa jangka memegang kedudukan jawatan tersebut tidak mampu untuk dilaksanakan. Sekarang perlu tampil dan kementerian juga tidak perlu bimbang untuk menggunakan tenaga mereka, buah fikiran mereka untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik, betul? Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sekejap, sekejap. Saya setuju itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Setuju duduklah.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Pengalaman pemimpin belia boleh digunakan, pengalaman bagaimana pemimpin belia bergaduh dalam pertubuhan pun boleh digunakan. Itu sebahagian daripada proses nak mendidik generasi muda hari ini. Cuba Yang Berhormat, sebab tadi Yang Berhormat sebut tanggungjawab tak boleh letak kepada Kementerian Belia sahaja di samping dengan menyebut ramai pakar lain. Kita ada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia sebab masalah generasi muda rempitkah yang disebut oleh rakan kita Yang Berhormat Indera Mahkota tadi hendak letakkan bebanan 100% kepada Kementerian Belia tidak adil, ibu bapa juga bertanggungjawab, masyarakat juga bertanggungjawab.

Jadi apakah kalau kita hendak cadangkan dalam Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia itu difokuskan kepada isu-isu ini untuk dibincangkan secara serius bagaimana hendak tangani isu ini. Ini isunya, bagaimana langkah penyelesaiannya? Kalau penyelesaiannya ialah dengan cara kita buka dengan lebih meluas peluang untuk masuk ke IKBN, itu kaedah dia. Kalau dengan cara hendak jemput pemimpin belia macam Bekas Bendahari UPMS ini bolehlah tetapi jangan ikut contoh waktu dia bergaduh dalam UPMS sudahlah. Terima kasih.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Sekali, sekali. Sekali dengan Sungai Petani ini boleh?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya, okey. Boleh.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Saya baru-baru ini bertemu dengan sekumpulan anak-anak muda yang datang dari Mesir kebetulan semasa bertemu itu satu kumpulan anak-anak muda sedang rempit, saya ingat dalam 200 orang ke 300 orang. Jadi soalan saya ini, Arab itu terkejutlah. Dia kata di Mesir tidak nampak seperti inilah tetapi di Malaysia hebat sebab dia duduk ini dia tidur atas motor ini dalam keadaan lampu dia padam. Dia bawa motor, dia tidur, lampu dia padam, mereka *race*. Saya kata hebatlah puak ini. Cumanya saya hendak tanya menteri ini, negeri lain ada tidak orang tidur atas motor seperti ini? Saya tidak tahu, mungkin menteri sudah berjalan. Kalaulah ada orang tidur dan *race* atas motor ini, kenapa mereka buat macam ini? Ada tidak jawapan ataupun kaedah-kaedah lain yang negeri-negeri lain buat? Itu soalan saya, terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Di Lenggong tidak ada, di Sungai Petani sahaja ada itu.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Saya jawab yang ini dululah. Dia bila cerita mengenai rempit ini, negeri lain susah hendak ada kebanyakannya. Nombor satu, negeri-negeri lain ini sejuk. Cuba bawak motor laju-laju dalam keadaan sejuk, keras. Jadi dia tidak ada masalah, kalau kita cerita pun dia tidak faham. Oleh sebab itu ada negeri kalau kita cerita kawasan luar bandarkah kawasan apakah dia tidak faham sebab negara dia negara maju dan sebagainya. Faktor cuaca juga menyumbang, banyak faktor menyumbang. Jadi kalau kita tanya dekat Amerika, motor besar-besar. Motor kecil tak ada dan motor besar ini dia tak merempit sebab kebanyakan motor kecil tak boleh jual dekat sana sebab dia sejuk. Bila musim sejuk nak bawa motor tak boleh, kita berjalan kena tiup angin pun sejuk. Kalau

naik motor saya rasa tak ada orang berani buat sebab cuaca tetapi masalah-masalah ini ada di tempat-tempat lain yang sama macam kita, kena tengok yang sama macam kita.

Kalau kita tengok di setengah-setengah negara, saya pun pergi berbual. Dia rasa pelik benda ini sebab di Australia, musim panas pun tak ada sebab jalan dia kecil. Jalan-jalan yang dia buat itu kecil kecuali di lebuhraya. Kita masalahnya jalan di depan Parlimen ini waktu kerja penuh kereta, cuba malam pukul dua, tiga pagi. Punya elok *laps* itu untuk mat rempit buat dia punya *stunt*. Di tempat-tempat lain tak ada jalan-jalan di bandar yang besar ataupun struktur batu jalannya taklah secantik jalan kita. Itu satu perkara lagi dan ada juga perkara, ini tidaklah dibuat secara kajian, ini pemandangan bila ditanya oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Ada satu lagi budaya di Malaysia ini kita budaya 24 jam, boleh keluar bebas 24 jam. Kalau kita tahan pun sebab dia kata nak pergi makan.

Kalau kita pergi negara lain, dia tak ada *curfew* tetapi tengah malam ini kalau keluar agak pelik sebab tidak ada aktiviti yang berlangsung waktu malam. Jadi tidaklah bebas anak muda berjalan daripada satu ke tempat lain dan mudah dipantau oleh pihak penguatkuasaan. Tengah malam bila berjalan di tempat-tempat tertentu dia rasa pelik sebab dia nak ke mana tetapi di Malaysia ini susah sebab kedai makan 24 jam. Kalau kita pergi di Jepun, dia siapkan tempat untuk yang 24 jam punya bukan satu negara, kita satu negara. Jadi ini antara perkara yang berbeza yang perlu kita tangani. Yang penting masalah itu tetap berlaku dan kita akan cuba atasilah tetapi mengenai apa yang dibangkitkan oleh dua Yang Berhormat iaitu dari Lenggong dan Indera Mahkota, suka saya nyatakan yang dia tanya tadi itu sebab zaman dia memang ada kosong IKBN ini.

Jadi dia tahu ketika itu sebab itu dia tanya saya untuk mungkin libatkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberitahu. Kekhawatiran saya, kalau kita buat dengan lebih besar lagi, tempat yang ada sebenarnya sudah penuh setiap tahun kerana pemahaman para belia kepada kemahiran ini sudah tinggi dan dia tahu ada peluang untuk dia melanjutkan pengajian apabila tidak dapat memasuki institusi lain bersama dengan Kementerian Belia. Jadi kalau nak beritahu, ambil kesempatan, tak ada masalah tetapi pada saya, sambutan itu sangat baik kerana kita dapat memenuhi semua kuota yang diberikan kepada 20 IKBN yang disediakan. Akan tetapi Yang Berhormat, daripada segi belia ini, kalau boleh janganlah kita terlalu berpolitik sepanjang masa sehingga susah dan kita mengiaknya.

Saya ambil contoh, Yang Berhormat ada pengalaman, saya ada pengalaman. Ada satu dialog dia tanya saya, minta maaf, tidak ada niat untuk mengenakan sesiapa. Dia tanya "*Datuk, saya hendak tanya. Saya hendak buat satu program*". Dia pelajar dari Unisel. "*Program saya untuk program anak di satu sekolah. Program Anak Angkat 1Malaysia*". Program itu tidak dibenarkan oleh pihak universiti dan dia tanya saya apa patut dia buat. Saya ada beberapa pilihan. Kalau saya kata buat demonstrasi dekat universiti itu, pergilah marah dekat pentadbiran, pun boleh tetapi saya kata tidak, tulis surat. Dapatkan apakah sebab projek itu tidak dibenarkan secara bertulis, secara hitam putih supaya kita mengajar mereka untuk menggunakan akal fikiran dan dia buat demikian. Saya hendak tengok benarkah program itu tidak dianjurkan hanya kerana perkataan 1Malaysia. Ini kerana dia sebut secara verbal, minta dia tulis hitam putih.

Makna kita ada pilihan untuk mencorakkan para belia kita seperti mana yang kita mahukan dan pilihan ini boleh kita buat dengan penuh tanggungjawab dan tanggungjawab itu terserah dengan tindakan yang kita ambil dan pada saya ia secara berterusan dan terima kasih kepada dua-dua Yang Berhormat. Kita teruskan berbincang tentang belia sebab Yang Berhormat dulu pun pemimpin-pemimpin di kalangan belia yang pada saya telah banyak menyumbang kepada apa yang berlaku pada hari ini, yang baik-baiklah maksudnya. Salah faham susah.

Yang Berhormat Hulu Selangor mencadangkan supaya dapat menyalurkan peruntukan yang cukup kepada pertubuhan belia bagi menganjurkan program-program yang berfaedah supaya dapat mengurangkan penglibatan belia dalam gejala sosial. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan aktiviti kepada pertubuhan belia masih sama seperti dahulu yang dipertimbangkan mengikut kesesuaian dan peruntukan semasa dan bolehlah dibuat secara mengisi borang PB1 kerana e-Bantuan kita hentikan buat masa ini, buat seketika.

Walau bagaimanapun, kementerian sangat menggalakkan agar pertubuhan-pertubuhan belia dapat mencari dana daripada sumber lain sesuai dengan satu program melalui pendekatan *blue ocean strategy* dengan izin, agar pertubuhan belia boleh berdikari

dan kreatif tanpa bergantung kepada hanya bantuan daripada kerajaan. Kedua, Yang Berhormat Hulu Selangor juga menyatakan sama ada disediakan dana khas untuk menaja pertubuhan belia untuk mengikuti konvensyen atau latihan belia yang diadakan di luar negara. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak menyediakan dana khusus seperti mana yang dinyatakan. Walau bagaimanapun kita ada menyediakan dana program yang di bawah Kementerian Belia dan Sukan di peringkat antarabangsa seperti Program Pertukaran Belia Antarabangsa dan Kapal Belia Asia. Yang Berhormat dari Jerai bertanya tentang Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebelum Yang Berhormat pindah kepada topik yang lain. Saya cuma hendak menyatakan permintaan. Saya pernah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Belia berkenaan dengan peruntukan ataupun dana khas tadi. Bersempena dengan itu beliau menyebut dan minta saya sebenarnya untuk sampaikan dalam Dewan, dalam perbahasan di peringkat Kementerian Belia kerana beliau merasakan sangat tidak bersetuju dengan dana yang terpaksa diambil daripada Kementerian Belia untuk tujuan-tujuan yang langsung tidak ada kena mengena dan sudah tentu tidak mendatangkan hasil kepada pembangunan belia.

■ 1910

Sebagai contoh, beliau amat keras menyebut tentang penggunaan dana yang disumbangkan untuk Program *Monsoon Cup* yang berjumlah RM20 juta setahun. Jumlah itu telah pun meningkat kepada lebih RM60 juta yang saya rasa walaupun beliau tidak menyebut tetapi apa yang hendak dimaksudkan ialah RM60 juta itu sekali hanyut dengan hanyutnya ombak. Serupa tidak ada. Tidak ada sebarang faedah terutama kepada pembangunan belialah secara eksklusifnya dan jumlah ini dilihat akan meningkat, samalah meningkatnya beban kementerian Yang Berhormat untuk dipaksa menggunakan untuk melangsungkan program ini. Jadi mengambil kesempatan ini, saya meminta supaya perkara ini bukan sahaja diberhentikan tetapi diisytiharkan sebagai satu program yang kalau boleh tidak ada kena mengena dengan kementerian Yang Berhormat. Ini kerana faedahnya tidak ada dan peruntukan yang begitu besar harus dipotong, dibuang dan kalau boleh disalurkan kepada tujuan Yang Berhormat kata tadi, dana belia atau dana pembangunan belia yang tidak cukup.

Saya minta Yang Berhormat Lenggong sebagai bekas Presiden Majlis Belia sepatutnya sokonglah benda ini bukan? Saya harap beliau yang membangkitkan perkara ini tetapi tidak mengapalah. Saya faham dia tidak berani ataupun tidak bolehlah nampaknya [*Ketawa*]. Jadi saya tolong sampaikan hasrat ini supaya direkodkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sendiri berhasrat untuk tidak membazirkan wang begitu banyak untuk tujuan kerana hendak mengikuti program yang disokong oleh pihak tertentu untuk rasa kata kebanggaan kita kerana program yang dikatakan berprestij antarabangsa tetapi tidak ada hasil dan membebankan Kementerian Belia dan Sukan serta Kerajaan Malaysia. Saya hendak tanya ulasan itu. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Tidak selesai lagi dengan Yang Berhormat Lenggong ya. Yang Berhormat Lenggong dia tidak bangkit sebab saya rasa dia pun tahu peruntukan itu tidaklah terus kepada Kementerian Belia dan Sukan. Akan tetapi, kita sebagai kementerian yang mengendalikan serupa macam Sukan Formula 1 yang baru berakhir. Ia juga melibatkan Kementerian Belia dan Sukan dari segi *sporting activities* tetapi *Monsoon Cup*, *Le Tour de Langkawi* peringkat awalnya menggunakan sebuah syarikat untuk mengendalikan tetapi sebab kita ada apa yang dipanggil perjanjian maka kita kena teruskan cuma kali ini dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Dana itu datang daripada punca yang sama iaitu Kementerian Kewangan tetapi pada saya Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini, bukan bertujuan untuk bercanggah. Saya percaya waktu berbual, beliau pun Yang Berhormat daripada Terengganu menyatakan pandangan dari segi keberkesanan program tetapi kalau beliau menjawab soalan yang sama di sini, dia pun akan menyatakan bahawa kita di kementerian akan cuba sebaik mungkin untuk mengurangkan perbelanjaan dan dalam masa yang sama kalau kurang di situ pun belum tentu dapat disalurkan kepada Persatuan Belia.

Ini kerana duit itu bukan di bawah kementerian yang boleh kita guna ikut kita kerana yang meluluskan bajet perbelanjaan ini adalah Dewan juga. Tidak ada pun kita kata boleh RM10 juta - RM5 juta kepada *Monsoon Cup* supaya jangan buat program itu, pulang balik kepada kita. Tidak. Memang Persatuan Belia hanya dapat lebih kurang RM25 juta

atau RM26 juta termasuk emolumen kepada bahagian tersebut. Maknanya jumlah yang boleh diberi kepada Persatuan Belia adalah yang itu. Kalau kita dapat buat penjimatan atau batalkan mana-mana program pun, duit itu tidaklah dapat kita alihkan kepada Pertubuhan Belia. Sepatutnya Yang Berhormat cadang, dalam Dewan ini waktu bajet nanti jangan setuju RM15 juta untuk Persatuan Belia. Cakap RM150 juta. Jadi senang kita boleh belanja ikut yang diluluskan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, saya hendak beri cadangan. Walaupun kita tidak boleh batalkan program tersebut, ambil wang tersebut bagi kepada Persatuan Belia. Akan tetapi, apakah kalau kita rangka aktiviti dan program sampingan sewaktu program itu berjalan dengan melibatkan orang muda supaya program itu tidak hanya ditonton tetapi dilibatkan orang muda sama ada dalam perniagaan kecilnya ataupun program latihan dibuat waktu itu. Sudah tentu suatu hari nanti kita sendiri mampu untuk mengendalikan. Orang muda Malaysia sendiri mampu untuk menjadi pelayarnya dan kita sendiri mampu untuk mengorak langkah lebih jauh daripada itu. Kena ada program seumpama ini. Kalau tidak nanti hanya laksanakan program seumpama itu, panggil orang luar dan tidak ada satu pun perancangan lebih jauh ke hadapan. Tidak dapat wang tidak mengapa tetapi kemahiran itu. Dengan cara melibatkan itu saya ingat yang penting orang muda terlibat dalam program ini dan tidak hanya menjadi penonton.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Nanti ya. Saya jawab ini dahulu. Cadangan itu memang ada. Saya rasa mungkin dalam penganjuran akan datang, Yang Berhormat turun memang dapat. Kita buat karnival sempena itu dan keseluruhan yang hadir itu memang anak muda sebab kali ini sudah beberapa siri ini memang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Maknanya kita dapat berjimat daripada membayar kepada satu agensi lain, kita buat sendiri. Apabila kita buat seluruh jabatan belia-belia akan terlibat. Kalau Yang Berhormat tengok seperti di sambutan Hari Belia, begitulah yang berlaku walaupun penganjuran mengenai *Monsoon Cup*. *Monsoon Cup* lagi?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak beri cadangan tadi. Terima kasih. Saya berminat untuk katakan – ada banyak prosedur yang perlu kita lalui. Saya tidak nafikan. Maknanya tidaklah semudah itu untuk mengalih peruntukan daripada satu sub-kepala perbelanjaan kepada sub-kepala yang lain. Cuma atas dasar mengalih kerana hajat itu ataupun idea itu datang daripada Yang Berhormat Menteri yang menjaga kementerian dia sendiri.

Saya mengatakan saya cuma menyatakan hasrat beliau. Memang sebenarnya beliau suruh minta saya sebut di dalam Dewan ini. Perkara yang baik. Katanya yang membazir kepada wang negara patut kita sokong bersama-sama untuk kita tengok kaedah penyelesaiannya. Akan tetapi, berkenaan dengan kerumitan untuk mengalih ataupun menyalurkan semula. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu ingat, bagaimana perbelanjaan promosi Rakan Muda dahulu. Perbelanjaan keseluruhan saya masih ingat RM95.3 juta telah diluluskan oleh Dewan ini pada satu masa tetapi peranan itu dimainkan oleh Majlis Belia Malaysia secara berterusan, rundingan dan sebagainya yang memberi tekanan termasuk memberikan fakta kejayaan ataupun keburukan kepada kos yang terlalu tinggi itu akhirnya dia turunkan kepada RM35 juta sahaja. Baki ataupun potongan daripada jumlah itu telah disalurkan kepada tujuan-tujuan sebagaimana yang dibangkitkan oleh pihak Majlis Belia Malaysia pada ketika itu.

Kita ada rekod bagaimana satu peruntukan itu boleh dipotong dan disalurkan semula atas tujuan yang sama, menyentuh mengenai kementerian yang sama. Sebagai menyokong fakta itu sebenarnya dalam Buku Belanjawan kita ini banyak terdapat perbelanjaan-perbelanjaan, peruntukan-peruntukan yang kita mansuhkan dan kita salurkan semula pada perbelanjaan yang lain. Kaedahnya ada dinyatakan di dalam ini. Saya rasa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bersetuju dengan kaedah itu. Kalau segera boleh dilaksanakan saya menyokong kaedah itu. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Saya rasa maksud yang dibangkitkan itu jelas. Tidak perlu saya komen panjang-panjang sebab dalam perbahasan pun tidak dibangkitkan. Saya boleh Tuan Yang di-Pertua untuk ulas tetapi rasa maksudnya mudah. Yang ini tidak bagus, duit itu patut buat yang lebih bagus, apa perlu dibuat dan saya rasa tugas saya di sini adalah untuk menjawab perkara yang dibangkitkan. Yang itu saya rasa kita boleh ambil pandangan tentang baik atau tidak terutama apa yang dinyatakan tadi Yang Berhormat

Menteri saya sendiri minta dia bangkitkan. Itu saya kena semak dengan dialah ya. Mungkin maksud dia bangkit di mana saya tidak tahu atau pun bangkit jangan sebut nama dia bukan ataupun tidak berlaku. Saya tidak hendak komen yang itu.

Akan tetapi pada saya, maksudnya jelas. Disebutkan tentang *Monsoon Cup* dikatakan tidak memberikan hasil, saya boleh beri banyak hasil ataupun banyak penjimatan yang telah kita buat daripada yang sebelumnya dari segi perbelanjaan tetapi hasilnya masih sama. Mungkin Yang Berhormat Menteri bermaksud boleh ditambah baik kerana penganjuran itu juga dibuat bersama dengan kerajaan negeri di mana Yang Berhormat Menteri saya sendiri berasal. Itu yang menjadikan perbualan itu timbul. Akan tetapi pada saya buat masa ini, perbelanjaan yang diberi digunakan sebaik mungkin. Namun begitu, pandangan itu boleh kita bawa dalam sesi apabila kita cerita pasal duit. Yang bahas ini tidak ada duit. Jadi kalau kita cakap pun tidak ke mana tetapi maksudnya pada saya jelas dan semua faham.

Yang Berhormat Jerai bertanya tentang Jawatankuasa Kabinet. Saya rasa saya sudah jawab dengan panjang semalam. Perkaranya perkara yang sama.

■ 1920

Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Sabak Bernam bertanyakan tentang perkara yang berkaitan dengan Parlimen Belia Malaysia. Bilakah akan dilaksanakan, sangat baik dan perlu disegerakan kerana belia boleh bersuara dengan lebih matang dan mencadangkan perkara-perkara baru kepada kerajaan bila mereka bersidang nanti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persidangan pertama Parlimen Belia Malaysia dijadualkan dilaksanakan pada tahun 2013. Parlimen Belia berperanan sebagai platform kepada belia untuk menyuarakan idea dan pandangan dengan mengambil contoh Parlimen Belia yang sudah pun digunakan di kebanyakan negara maju seperti Australia, United Kingdom, New Zealand dan negara-negara Eropah yang lain.

Sehingga kini sebanyak tiga siri bengkel telah diadakan melibatkan organisasi belia, badan-badan korporat, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pihak Parlimen Malaysia sendiri. Bengkel ini telah membincangkan mengenai kriteria Ahli Parlimen Belia, kategori umur, mekanisme pelaksanaan dan pemilihan ahli. Bengkel ini juga telah menubuhkan tiga buah teknikal *working group* untuk menjalankan fungsi-fungsinya. Bagi kelancaran persidangan Parlimen Belia, kementerian akan mengadakan persidangan percubaan Parlimen Belia Malaysia pada tahun ini sebagai dengan izin *learning curve* agar penambahbaikan pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia dapat dilakukan sebelum persidangan sebenar dilaksanakan pada tahun hadapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Belia lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, belia, belia.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Hendak bertanding Parlimen Belia?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya nak tanya tentang Parlimen Belia ini. Adakah belia itu masuk Parlimen Belia mereka adalah dari DAP, dari UMNO, dari PKR dan sebagainya. Adakah mereka dibahagikan mengikut parti politik atau mereka datang ke satu kem untuk main-main sahaja? [*Ketawa*]

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Dua-dua pun tidak Yang Berhormat. Kita tidak pernah main-main dalam kerja dan kita tidak pernah fikir fasal politik sepanjang masa. Ia akan mengambil satu aspirasi di mana yang penting kita hendak menyediakan satu platform kepada belia untuk menyuarakan dengan cara yang lebih tersusun dan bertanggungjawab. Kita ada 22 kawasan dan dia akan ikut 22 kerusi tetapi mereka hendaklah terdiri daripada yang berusia 18 hingga 30 dan mereka hendaklah mengemukakan hasrat dengan menulis esei. Itu sebagai permulaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Esei?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Eseilah Yang Berhormat. Kalau tidak hendak pilih macam mana? Dia tulis esei tentang negara, tentang apa perjuangan dan dia mesti mendapat sekurang-kurangnya 50 sokongan belia pencadang di tempat dia. Kita tidak ada lagi keputusan sama ada secara mengundi atau tidak tetapi kita buat ikut kawasan Parlimen. Kalau dia hendak mewakili Parlimen Seputeh, dia mesti dapat 50 orang

mencadangkan dia dan dia hendaklah menulis satu esei dan alamat dia mesti di Seputeh dan dia kena hantar ke kementerian secara *online* atau secara manual bagi kawasan-kawasan yang jauh untuk dipertimbangkan oleh satu jawatankuasa.

Sudah tentu jawatankuasa menimbangkan mereka yang paling baik dan yang hendak memohon ini perlu mendapat pengesahan daripada sebuah persatuan yang berdaftar dengan kementerian. Maknanya mereka ini kenal juga pemimpin belia dan pemimpin belia tahu dia dan dia tidak ada sekatan kepada mereka yang berminat kecuali dia muflis, dia bukan rakyat negara kita ataupun dia tidak berusia dalam lingkungan tersebut. Jadi mereka ini masih lagi dalam proses untuk menghantar. Saya difahamkan kementerian telah menerima sebanyak 190 permohonan. Saya tidak sempat ikut Parlimen mana yang masih kosong. Kalau katakan Seputeh, saya tidak tahu Seputeh sudah ada pemohon atau tidak tapi senarai nama pemohon ini sudah kita terima sebanyak 190 orang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagi laman web!

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Laman web kementerianlah. ...gov...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: ...dan MBM, Majlis Belia Malaysia punya *website*.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi dan tidak betul Yang Berhormat Seputeh. Sebenarnya terbuka sesiapa pun boleh mohon untuk menganggotai Parlimen Belia. Saya difahamkan permohonan sudah keluar dan memang anak muda mohon pun. Cuma saya hendak tanya macam mana kaedah pemilihan itu dibuat sebenarnya?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Pemilihan akan dibuat oleh pihak kementerian dan kita akan lantik satu panel yang melibatkan MBM juga selepas kita menerima semua sekali. Ada kekhawatiran yang mohon itu semua satu kaum ataupun yang mohon itu semua satu gender sebab dia memohon mewakili katakan mungkin ada 10 orang daripada satu kaum tapi semua daripada satu kawasan Parlimen pun jadi masalah juga. Jadi kita belum dapat buat satu audit tentang permohonan ini. Namun begitu jawatankuasa akan melihat kepada perkara yang saya nyatakan tadi tentang penglibatan aktiviti dia di kawasan itu, sejauh mana dia tahu kawasan dia, dapatkah dia sokongan daripada 50 orang muda di kawasan dia dan daripada borang permohonan itu kalau Ahli Yang Berhormat sempat baca siapa yang mengisi itu sangat mudah untuk kita mengetahui kelayakan.

Manakala kalau ada 10 orang yang layak, saya pasti jawatankuasa akan pilih yang terbaik daripada 10 orang yang layak bagi setiap satu kerusi Parlimen kita. Kita hendak pastikan semua kerusi Parlimen dan saya sendiri ingin berkongsi kawasan sejauh pedalaman juga kita terima permohonan untuk menjadi Parlimen Belia kawasan dia. Maknanya tidak ada soal tentang mereka tidak tahu. Mungkin kita tidak tahu sebab kita tidak terlibat dalam proses itu tetapi Majlis Belia Malaysia perlu saya nyatakan telah bertungkus-lumus untuk mendekati para belia di peringkat akar umbi di semua kawasan Parlimen untuk menawarkan diri sebagai Ahli Parlimen Belia. Saya hendak beralih ke bahagian sukan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tanya lagi?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya sekarang hendak tanya pilihan raya akan datang kalau ada mahasiswa-mahasiswi hendak kempen untuk saya adakah mereka akan ditahan, diambil tindakan oleh pihak universitakah?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Keluar tajuk itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak keluar kerana ini kita bincang Parlimen Belia. Parlimen Belia. Kerana tiap-tiap pilihan raya kecil kita tengok memang ada pelajar universiti dan kolej kerana membantu sebelah sini lepas itu mereka diambil tindakan oleh pihak universiti. Jadi adakah ini diulangi dalam pilihan raya akan datang?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Nampak sangat sudah ada mahasiswa bersama yang sudah dilatih oleh pihak Yang Berhormat. Akan tetapi malangnya saya tidak boleh jawab bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana Akta Universiti dan Kolej Universiti

berada di bawah bidang kuasa dia. Yang Berhormat tanya saya di luar. Sebagai Naib Ketua Pemuda nanti saya bagi jawapan saya tentang pandangan tersebut.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai menyentuh tentang isu rasuah bola sepak yang melanda negara yang melibatkan jurulatih dan para pemain. Adakah ini merupakan punca belia tidak berminat terhadap bola sepak. Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengakui bahawa rasuah bola sepak perlu dibendung segera kerana gejala ini mampu meruntuhkan keseluruhan struktur bola sepak negara dalam usaha membanteras gejala rasuah dan untuk pengetahuan soalan rasuah bola sepak esok nombor satu. Saya mungkin akan ulang balik ini. Tidak payah jawab sekarang ya? Saya jawab besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, soalan nombor satu besok.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya, besok. Saya rasa saya jawab besoklah ya sebab Yang Berhormat Jerai pun tidak ada di sini. Besok saya jawab. Besok boleh tanya lagi. Kalau tidak panjang ini.

Kemudian Yang Berhormat Jerai juga menyatakan tentang keputusan kerajaan yang melibatkan penyertaan pemain import yang satu ketika membenarkan dan seterusnya melarang dan terkini membenarkan kembali. Ia sedikit-sebanyak merugikan kerajaan. Adakah salah satu punca disebabkan kurangnya penajaan? Untuk pengetahuan Yang Berhormat Jerai, berkenaan dengan larangan mahupun kebenaran penyertaan pemain import dalam Liga Bola Sepak Malaysia ia sebenarnya ditentukan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) tanpa campur tangan pihak kerajaan. Walau bagaimanapun FAM sebagai badan rasmi dalam membangunkan sukan bola sepak negara sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti liga tempatan yang diharapkan sekali gus akan meningkatkan lagi kualiti pemain bola sepak dalam negara kita.

Penglibatan pemain-pemain import dalam liga tempatan sememangnya diakui mampu meningkatkan kualiti liga tempatan tersebut tetapi ada ketikanya kebergantungan sepenuhnya kepada tenaga asing akan menyekat usaha untuk mengetengahkan bakat pemain-pemain tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FAM terpaksa melakukan tindakan kawalan seperti yang berlaku pada tahun 1999 hingga 2001 dan sekali lagi pada tahun 2009 hingga 2011. Manakala keputusan untuk membenarkan kembali pengambilan pemain import dengan syarat yang lebih ketat diharap dapat memberi impak positif ke arah pembangunan bola sepak negara. Para pemain tempatan juga dapat bersaing secara positif serta mempelajari profesionalisme yang dibawa oleh pemain-pemain import berkenaan.

Yang Berhormat daripada Parit menyatakan tentang temasya Sukan Olimpik 2012 dan sandaran yang diberikan kepada pemain badminton negara nombor satu Datuk Lee Chong Wei. Beliau bertanyakan apakah perhatian KBS dan MSN dalam sukan lain yang layak ke Road to London 2012 dengan izin seperti renang, terjun, menembak dan basikal. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, walaupun sandaran negara untuk memenangi pingat emas di Sukan Olimpik 2012 ini diletakkan kepada sukan badminton namun sukan-sukan lain seperti berbasikal, memanah, akuatik terjun dan menembak telah diserapkan ke dalam program ini yang juga mempunyai kemampuan dan peluang untuk memenangi pingat berdasarkan prestasi semasa.

■ 1930

Sehingga ke hari ini, seramai 15 orang atlet dari 4 jenis sukan telah pun layak secara merit ke Sukan Olimpik London 2012 iaitu acara memanah empat orang, akuatik terjun lapan orang, menembak seorang dan berbasikal lebuhraya dua orang. Bilangan tersebut masih belum mengambil kira sukan badminton dan sukan berbasikal trek yang masih lagi dalam proses kelayakan dan dijangka akan diumumkan pada April dan Mei 2012 nanti.

Manakala atlet-atlet kini sedang menjalani latihan yang lebih intensif seperti berbasikal di Melbourne, acara terjun di Republik Rakyat China, memanah di Korea Selatan serta mewujudkan suasana pertandingan simulasi bagi beberapa jenis sukan seperti badminton dan memanah agar para atlet kita berlatih dalam suasana pertandingan yang mereka sertai nanti.

Yang Berhormat Parit juga ada menyatakan tentang sukan menembak serta sukan-sukan lain yang berpotensi untuk perlu diberi tumpuan oleh KBS dan MSN dan bertanya adakah bantuan dari segi kewangan dan peralatan diberikan kepada persatuan-persatuan menembak di peringkat negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan sejak tahun 2004 telah membuat keputusan agar penumpuan diberikan kepada 19 jenis sukan teras bagi membolehkan negara mencapai kejayaan lebih cemerlang di peringkat antarabangsa dan sukan menembak adalah salah satu daripada yang telah disenaraikan di bawah 19 jenis sukan teras tersebut. Majlis Sukan Negara telah melaksanakan program pelapis sukan menembak di peringkat kebangsaan dan negeri melalui penubuhan pusat-pusat latihan khusus. Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri dan Persatuan Menembak Kelab Negeri telah menubuhkan 11 pusat latihan dan melibatkan seramai 19 orang jurulatih dan 299 orang atlet yang menjalani latihan secara sepenuh masa.

Pihak kementerian melalui Majlis Sukan Negara juga ada mengatakan peruntukan khusus dalam program menembak atlet di peringkat negeri di mana bantuan-bantuan ini telah disalurkan terus kepada pihak Majlis Sukan Negeri yang melibatkan bantuan gaji, elaun jurulatih, bantuan penyertaan pertandingan, bantuan membekalkan peluru dan jaket aksesori, bantuan program binaan bagi pelaksanaan kem bakat dan klinik sukan serta bantuan membaik pulih dan menaik taraf lapang sasaran.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat itu adalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ketika membahaskan. Cumanya kebetulan Yang Berhormat Pokok Sena pun ada di sini, saya ingin mengambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan beberapa perkara yang dibangkitkan seperti yang disebut semasa sidang akhbar yang dibuat kerana tajaan RM30 juta kepada Datuk Hasan Ali tidak langsung timbul.

Dakwaan juga menyatakan bahawa RM50 juta sambutan Hari Belia 2012. Perlu saya perjelaskan Yang Berhormat, kita hanya menyediakan sama seperti tahun lepas RM1.5 juta kerana program-program lain atau dana-dana lain biasanya datang daripada penajaan. Saya boleh baca dengan lengkap berapa yang kita terima daripada penajaan, berapa yang kita terima secara tunai, berapa yang kita terima secara aktiviti dan perkara itu langsung tidak bertepatan.

Saya faham minat dan ingin menjaga supaya kita tidak salah membelanjakan tetapi mendakwa satu syarikat mendapat 17 kontrak di IKBN pun tidak betul. Syarikat berkenaan hanya dapat satu, itu pun bukan membekal makanan tetapi membersihkan. Jadi, perkara-perkara ini boleh saya sebutkan satu persatu macam K-Pop walaupun diberikan secara percuma Yang Berhormat, jumlah jangan kita pertikaikanlah. Yang Berhormat sebut kurang, kita bayar lebih RM1.2 juta. K-Pop percuma tetapi yang bayar bukan kementerian, yang bayar sebuah syarikat yang membawa masuk kerana dia tahu di situ ada banyak anak muda. Kita boleh mengadakan bayaran tetapi hendak menyediakan tempat untuk menjual tiket, kita rasa baik kita beri sebagai percuma sebab bukan kita bayar. Ia dibayar oleh sebuah syarikat bersama dengan Majlis Belia yang ada dan malahan pentas persembahan konsert K-Pop itu dapat kita gunakan untuk majlis perasmian.

Sebab itu sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat ucapan majlis perasmian *sound systemnya* itu sistem konsert K-Pop yang mana kita dapat menjimatkan perbelanjaan pentas sewaktu Hari Belia tetapi kita masih mengalu-alukan untuk Yang Berhormat turut serta dalam aktiviti yang kita anjurkan pada tahun ini, Hari Belia 15hb. Sambutan Jutaan Belia akan diadakan pada 23 hingga 27, kalau hendak cerita memang panjang. Nanti saya jumpa Yang Berhormat, kita bincang secara baik. Perkara itu tidak langsung satu pun berlaku. Cuma saya hendak *put on record*, dengan izin, di Dewan ini bahawa mungkin niat Yang Berhormat Pokok Sena untuk memastikan tidak ada salah laku. Saya beri jaminan memang tidak ada salah laku tetapi perkara itu adalah perkara yang tidak tepat dan malahan tidak pun seperti yang kita nyatakan. Saya anggap perkara ini boleh kita terima sebagai selesai kalau tidak saya kena jawab sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Sumber Manusia.

7.35 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 14 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang menyentuh 14 isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan gaji minimum yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Simpang Renggam, ingin dijelaskan bahawa kerajaan telah pun menimbang dan bersetuju dengan kadar dan liputan gaji minimum sebagaimana yang di syor oleh Majlis Perundingan Gaji Negara. Kadar dan liputan gaji minimum akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Mei 2012 ini bersempena dengan sambutan Hari Pekerja.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Majlis juga telah mula membahaskan penetapan gaji kadar dan liputan gaji minimum sebaik ditubuhkan pada 28 September 2011. Dalam tempoh lima bulan itu, Majlis telah mengadakan lima mesyuarat dan lebih daripada 10 siri perbincangan peringkat jawatankuasa teknikal. Perbincangan secara mendalam dan teliti telah diadakan berteraskan kepada prinsip *tripatisme* iaitu melibatkan tiga pihak, majikan, kerajaan dan pekerja. Syor yang dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara kepada kerajaan adalah atas persetujuan bersama antara pihak pekerja dan pihak majikan secara konsensus.

Tuan Yang di-Pertua, hala tuju dasar pelaburan di Malaysia kini lebih menumpukan kepada pelaburan berintensif modal dan teknologi tinggi dan mengurangkan pelaburan berintensif buruh. Pelaburan berintensif buruh bukan lagi satu langkah strategik bagi Malaysia kerana negara-negara lain seperti Vietnam, Laos, Kemboja dan Indonesia mempunyai kelebihan dari segi kos buruh yang lebih rendah berbanding Malaysia. Malaysia perlu mengikut jejak langkah negara maju seperti Singapura, Korea Selatan dan Taiwan yang mana masih berjaya menarik pelaburan asing walaupun kos buruh mereka tiga atau empat kali ganda daripada kos buruh di Malaysia. Negara-negara tersebut mempunyai kelebihan dari segi teknologi, produktiviti dan kemahiran tinggi di kalangan tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Dunia juga berasaskan kepada kajian dan pengalaman-pengalaman di negara-negara lain mendapati bahawa sekiranya kadar gaji minimum ditetapkan di bawah paras tertentu sebulan, kesan ke atas kemasukan pelaburan adalah sangat minimum kecuali pelaburan yang berintensif buruh. Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Kuala Langat mengenai pandangan Malaysian Employers Federation (MEF), Kementerian Sumber Manusia telah menyelidik kenyataan tersebut yang menyatakan sekiranya gaji minimum ditetapkan antara RM800.00 hingga RM1,000.00, kira-kira 200,000 majikan kecil-kecilan akan gulung tikar yang mana boleh menyebabkan kira-kira 4 juta orang akan kehilangan pekerjaan. Kenyataan tersebut adalah tidak berasaskan kepada perangkaan atau kajian empirikal.

■ 1940

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Kuala Langat mengenai pekerja asing, untuk makluman Dewan yang mulia sehingga 31 Disember 2012, statistik pekerja asing yang bekerja di Malaysia dengan menggunakan pas lawatan sementara adalah berjumlah 1,573,061 orang. Pada masa ini keperluan tenaga terhadap pengambilan pekerja asing adalah untuk mengisi kekosongan pekerjaan yang tidak dapat dipenuhi oleh rakyat tempatan dan ini bererti kebergantungan kepada pekerja asing adalah bersifat sementara.

Dalam perkara ini bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan menggalakkan pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor seperti perladangan, perkilangan dan pembinaan kerajaan telah merangka beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang. Di antaranya seperti mengadakan mekanisme meningkatkan levi dijadikan sebagai strategi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing oleh majikan dan pihak industri. Peningkatan kadar levi dilaksanakan secara berperingkat supaya tidak menjejaskan operasi industri dan ekonomi negara.

Bagi sektor perladangan dan perkilangan, penggunaan teknologi automasi dan mekanisasi adalah digalakkan seperti mesin cantas untuk menuai kelapa sawit, alat

pembungkusan secara mekanikal dan struktur jaring kalis serangga untuk aktiviti pembungkusan buah. Selain daripada itu bagi sektor perkhidmatan, penggunaan mesin bagi mengganti tenaga manusia untuk kerja-kerja seperti mencuci pinggan mangkuk di restoran, mengadakan sistem layan diri di restoran dan pam minyak dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Dalam sektor pembinaan pula, penggunaan teknologi terkini berasaskan kepada *industrial building system* digalakkan. Selain daripada itu digalakkan juga supaya industri-industri pembuatan dan perkilangan diletakkan di kawasan-kawasan yang ramai bekalan tenaga kerja seperti di kawasan-kawasan luar bandar. Itu adalah di antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Kementerian berharap langkah-langkah ini dapat mengurangkan bukan hanya kebergantungan majikan tetapi dapat meningkatkan lagi peluang-peluang kepada masyarakat tempatan untuk mengisi pekerjaan-pekerjaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada soalan daripada Yang Berhormat Lawas mengenai dengan pekebun kecil di Sarawak. Esok ada satu soalan mengenai perkara yang sama. Saya mohon untuk menjawabnya pada pagi esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih. Seterusnya mengenai dengan pembantu rumah. Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Putatan ada membangkitkan beberapa isu. Antaranya cadangan supaya *Program Home Managers* diadakan oleh pihak kementerian. Untuk makluman bersama saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat telah pernah mengadakan kursus asas pengurusan kediaman daripada tahun 2008 hingga tahun 2010 yang melibatkan pengisian untuk memberi latihan bagi tenaga pengasuh dan pendidik kanak-kanak, penjagaan warga emas dan orang kurang upaya dan juga pengurusan kediaman. Sebilangan 1,199 orang telah dilatih yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM2.7 juta selama 14 hari dan kita dapati setelah tamat kursus tidak ada penempatan dapat dibuat kerana tidak ada majikan tempatan yang mahu mengambil mereka.

Walau bagaimanapun, di dalam keadaan dan suasana semasa Kementerian Sumber Manusia akan mengembleng tenaga dengan kementerian-kementerian yang berkaitan supaya kita melihat semula akan potensi dan juga alternatif yang boleh kita usahakan untuk menggunakan tenaga tempatan untuk kerja-kerja yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita dapati bahawa kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah bersedia melaksanakan protokol Memorandum Persefahaman Mengenai Penggajian Pembantu Rumah Antara Malaysia dan Indonesia yang telah dipersetujui pada 30 Mei 2011. Malah susulan daripada mesyuarat tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bersama telah diadakan pada 31 Mei bagi memperincikan mekanisme pelaksanaan. Kita dapati hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa *Technical Joint Task Force* telah diwujudkan untuk memperincikan dan menyelesaikan masalah-masalah pelaksanaan. Sehingga kini kita dapati bahawa empat Mesyuarat *Joint Task Force* ini telah diadakan di Malaysia, dua di Indonesia dan kedua-dua jawatankuasa di Malaysia dan Indonesia telah bermesyuarat tiga kali dan yang terakhir pada 15 Mac yang lalu. Kaedah ini akan terus digunakan untuk mendukung perjanjian bersama yang telah kita persetujui antara dua negara.

Seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat juga bertanya mengenai dengan pengangguran di Malaysia dan untuk makluman...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sebelum itu Yang Berhormat, boleh saya tanya. Mengenai *minimum wage* ini, adakah ia juga pembantu rumah itu akan dibayar *minimum wage*? Kalau tidak, kenapa tidak?

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman bersama, di dalam perjanjian bersama yang telah ditandatangani mengenai dengan soal bayaran kepada pembantu rumah kedua-dua pihak telah bersetuju ia ditetapkan mengikut kadar pasaran.

Yang Berhormat Ipoh Barat telah bertanya mengenai dengan kadar pengangguran di Malaysia dan saya ingin memaklumkan bahawa kadar pengangguran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan yang terkini iaitu pada 31 Januari 2012 adalah 3% iaitu lebih

kurang 385,600 orang daripada 12.25 juta tenaga buruh yang ada. Data ini adalah berdasarkan penyiasatan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap bulan. Mengikut kadar pengangguran, 3% ini adalah dianggap rendah yang mana kadar pengangguran yang kurang daripada 4% dikira sebagai guna tenaga penuh. Ini adalah mengikut definisi pertubuhan buruh antarabangsa. Tiada negara di dunia ini yang kadar penganggurannya sifar dan hampir tiada negara yang kadar penganggurannya kurang daripada 1%.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar pengangguran di Malaysia jauh lebih baik berbanding dengan negara-negara maju yang mana kadar pengangguran di setengah-setengah negara mencapai angka dua digit seperti di Sepanyol sebanyak 18.2%, di Ireland sebanyak 13.3%, di Hungary sebanyak 10.8% dan di negara-negara maju lain kebanyakannya melebihi kadar 4% adalah seperti di Perancis sebanyak 9%, Amerika Syarikat 8.3%, United Kingdom sebanyak 7.7%, Jerman sebanyak 5.8% dan Jepun sebanyak 4.6%. Malaysia yang terkini adalah 3%.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kepada statistik-statistik yang diberi yang saya percaya ramai di antara penduduk negara ini tidak percaya kepada statistik tersebut.

■ 1950

Itu adalah yang saya telah huraikan pada perbahasan ketika saya berbahas. Di antara perkara yang perlu diambil kira oleh kementerian dan saya telah *debate* mengenai perkara ini banyak kali. Apakah asas? *When it say 3%* macam mana yang Yang di-Pertuan Agong telah mengatakan angka yang samakah? Beza dan Yang Berhormat Timbalan Menteri setiap kali memberi angka yang beza. Itu okey. Dari dasarnya tidak apa. Saya hendak tanya dari mana asasnya? Kita dari *Statistic Department*, kita ada *department* dengan Kementerian Sumber Manusia. Adakah mereka telah mendapat angka-angka ini *because we do not believe. That is the real unemployment figure* dalam negara ini. *Jobs market* dan sebagainya telah diberi satu alasan di mana mereka juga memberi anggaran di mana pengangguran di negara ini. Itu nombor satu.

Nombor dua, saya ada tanya mengenai perkara ini. *In all around the world*, bila ada *full employment*, Yang Berhormat Timbalan Menteri? *We respect to you.*

Seorang Ahli: Malaysia.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Malaysia *fantastical*. *The most fantastic country in the world.* Bila ada *full employment*, semestinya *there are unemployment benefit* dan sebagainya. Kenapa negara ini tidak memberi sedemikian. Itu nombor satu. Nombor dua.

Seorang Ahli: Tiga, tiga.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Nombor dua, saya hendak tanya. Perangkaan *unemployment* tertinggi dengan masyarakat India. *I braze this matter.* Kerap kali dan ini dikatakan lebih dari 10%, Orang Asli 50%. *There is no way*, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan asas 3%. *If you* mengatakan 3%, *it is fantastic and unbelievable figure, unbelievable. No way in the world*, orang percaya bahawa kita ada 3%. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri, asasnya dan penelitian yang telah dibuat, mungkin kerana kita ada terlampau mungkin dua juta atau tiga juta orang pekerja di negara ini dan itu bukan asasnya. *To say Statistic Department.* Ini kali pertama *ten years ago*, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun tidak ingat asas yang lain. Lima tahun dulu asas yang lain. Tiga bulan dulu asas yang lain. Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan asasnya adalah *Statistic Department. What is your department doing about it? Where do you get the figures? Why don't you get the figures by yourself? Why don't you register the people? What have you done?*

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar dengan teliti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Dia tidak mahu bersetuju dan dia tidak

menerima angka ini dan saya rasa tidak ada apa yang saya boleh buat dan kecuali Yang Berhormat ingin mencabar data ini, saya rasa eloklah cabar Jabatan Perangkaan kerana...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, kita tidak boleh lari dari asasnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *When you say Statistic Department*, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh beritahu *you cannot be somebody here*. *Just reading* katakan *Statistic Department* bagi ini dan *you* mesti terima.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita tidak akan terima. Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti beritahu alasannya *Statistic Department* benar kerana dia ada perangkaan, dia ada buat sedemikian *and you know* berapa orang penganggur yang register. Berapa? Tidak ada. Banyak. Ada peguam yang menganggur. *Do you register with your department? No! Why?*

Dato' Maznah binti Mazlan: Okey, Yang Berhormat. *I get you*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ada *intendent* untuk Parlimen yang belum lagi. Speaker juga. Yang hendak jadi Speaker belum menganggur lagi.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat sudah beritahu apa pandangan Yang Berhormat dan sekarang saya ingin menjawab dan kalau kita berterusan begini, tidak ada sudahnya.

Pertama, kalau Yang Berhormat menyangsikan angka yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan yang mana ia adalah sebahagian daripada pasukan di dalam kerajaan yang mana Kementerian Sumber Manusia berdasarkan kepada *census* yang kita buat berkala sedangkan Jabatan Statistik membuatnya tiap-tiap bulan dan *sampling* yang dibuatkan, yang digunakan oleh Jabatan Statistik adalah berasaskan kepada standard antarabangsa yang diterima oleh ILO sendiri. Kalau Yang Berhormat tidak mahu menerimanya, maka saya tidak ada apa yang dapat saya katakan dan saya juga ingin...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, *let me finish*. *When I finish...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat!

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Asasnya. Asasnya *Statistic Department is not enough*. Apa asasnya? *Where they get? How did they do? How do you explain that?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Don't use ILO to cover up*.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, saya rasa...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menteri sendiri ada kata *statistic cannot be believe*. *I ensure the statement*. Yang Berhormat Menteri sendiri dulu ada pernah. Yang Berhormat Menteri kata – bukan Menteri Kementerian Sumber Manusia tetapi ada Menteri yang lain kata *“statistic of the government cannot be trusted. They not necessarily true”*. Macam mana? Angka ini.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, Yang Berhormat. *If I may*, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya boleh mempertahankan data yang dikemukakan oleh Jabatan Statistik dan saya juga ingin menyarankan supaya Yang Berhormat sendiri meneliti cara dan kaedah kerana Jabatan Statistik adalah jabatan yang secara rasminya bertanggungjawab dalam mengeluarkan angka pengangguran di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia tidak bersendirian dan angka yang saya sebutkan tadi adalah angka di mana kita tergolong di dalam 107 buah negara yang menggunakan indeks pengangguran dan saya ingin memaklumkan bahawa 85% daripada 107 buah negara ini berada di paras melebihi 4% dan 15 buah negara di bawah 4% dan Malaysia tergolong di dalam di bawah 4% tersebut.

Yang Berhormat, saya tidak mahu hari ini kerana banyak lagi yang perlu saya jawab untuk berdebat cara dan kaedah kerana itu bukan kepakaran saya. Akan tetapi saya ingin mencadangkan bahawa Yang Berhormat menghubungi Jabatan Statistik dan kita boleh bersama-sama untuk kita menilai supaya kita dapat memuaskan hati Yang Berhormat bagaimana sama ada kaedah tersebut boleh diterima atau tidak.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk pergi kepada perkara yang seterusnya...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu pencelahan. Mohon pencelahan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, saya tidak mahu membenarkan. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya mohon pencelahan untuk mendapatkan kepastian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Senator mesti mahu jawablah. Mari ke Dewan kita gunakan *angka, you must answer*.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, saya ingin meneruskan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Libaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat. Selepas ini bangun lagi.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang mana Yang Berhormat Libaran ada bertanya mengenai dengan peluang pekerjaan di Sabah yang mana terdapat industri minyak dan gas asli dan memohon supaya pekerja-pekerja tempatan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah mengambil usaha memastikan pekerja tempatan tidak terpinggir di dalam pelaksanaan projek minyak dan gas asli di negeri Sabah. Kita dapati bahawa Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan projek dan pada 21 Oktober 2011, Jabatan Tenaga Kerja telah membuat lawatan tapak dan memantau pelaksanaan dan pengambilan pekerja di *Sabah Oil and Gas Terminal*, Kimanis, Sabah dan pada 19 Mac 2012, satu mesyuarat dengan pengurusan projek Kimanis telah diadakan dan turut dihadiri oleh Jabatan Imigresen Sabah dan telah meminta semua perjawatan di dalam syarikat termasuk kerja-kerja subkontrak diberi kepada orang tempatan.

Hasil daripada perjumpaan yang diadakan, pihak pengurusan projek telah menghantar laporan guna tenaga dan didapati bahawa sehingga kini, dari jumlah 3,429 orang pekerja dalam syarikat minyak tersebut, seramai 1,217 orang ataupun 35.5% adalah dari Sabah. Kita dapati juga 81 orang dari Sarawak, 144 orang daripada Semenanjung dan semua dari Malaysia dalam 42.1% dan Jabatan Tenaga Kerja Sabah akan terus berusaha memantau dan memastikan bahawa bilangan ini terus meningkat.

■ 2000

Begitu juga dengan latihan-latihan kemahiran yang diperlukan untuk belia-belia tempatan akan dibantu untuk diikuti oleh mereka. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat juga ada bertanya mengenai dengan Tabung Pemberhentian Kerja yang mana kita dapati PERKESO bersama Pertubuhan Buruh Antarabangsa sedang menjalankan satu kajian kemungkinan mewujudkan Skim Pemberhentian Pekerjaan bagi faedah pekerja yang kehilangan pekerjaan. Kajian sedang dijalankan secara pendekatan *tripartisme* dengan kerjasama Malaysian Employers Federation (MEF) dan juga Kesatuan Sekerja melalui MTUC dan sehingga ini pihak MEF telah mengadakan tiga mesyuarat di kalangan ahli-ahlinya.

MTUC akan mengadakan mesyuaratnya pada bulan April ini. Pendirian kedua-dua pihak ini akan dibawa ke satu mesyuarat pada bulan Mei melibatkan Kementerian Sumber Manusia, wakil daripada ILO dan juga dua pihak yang mewakili kerajaan dan majikan untuk sama-sama mendapat kesefahaman mengenai model dan mekanisme yang sesuai untuk melaksanakan skim tersebut. Sehubungan dengan ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM52 juta sebagai dana permulaan Skim Pemberhentian Pekerjaan tersebut. Skim ini hanya dapat digerakkan sebaik sahaja pihak majikan dan pekerja bersetuju mengenai model dan mekanisme jangka panjang untuk melaksanakannya.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti mana yang diumumkan oleh beberapa tahun yang lalu oleh Menteri Sumber Manusia tentang implementasi untuk Renti Kerja Sentara tabung ini seperti mana yang telah untuk dibincangkan dalam beberapa sesi yang lalu, isu Renti Kerja Sentara telah pun diutarakan oleh beberapa pihak sebelum ini termasuk MTUC dan negara Thailand telah pun melaksanakan Renti Kerja Sentara ini dan berjalan dengan begitu baik sehinggakan mendapat beberapa perkara yang berkesan di atas Renti Kerja Sentara ini. Saya berperanan begini. Kalau sekiranya Renti Kerja Sentara ini dibawa dalam rundingan MEF dan MTUC kesannya dalam keputusan tidak dapat diselesaikan.

Ini kerana MEF telah pun membantah di peringkat awal lagi. Apabila mana cadangan MTUC pada tahun sekitar awal tahun 2000 ketika itu yang dipelopori oleh Senator di waktu itu Zainal Rampak memperjelaskan bahawa wujudnya Renti Kerja Sentara itu atas kedua-dua pihak mesti bersetuju. Bermula daripada episod perbincangan itu sampai ke hari tidak dapat kata sepakat. Saya tidak percaya yang perkara ini boleh dilaksanakan. Cuma yang saya hendak sarankan ialah kalau kedua-dua pihak tidak dapat kata sepakat, kementerian harus daftar dengan satu opsyen seperti mana yang dibuat oleh negara-negara luar untuk memastikan Renti Kerja Sentara dapat dilaksanakan. Seperti mana yang berlaku dalam kes Nico contohnya, Diwamar contohnya yang melibatkan ribuan pekerja yang terbabas yang tidak dapat pampasan, majikan lari malam dan tidak dapat menampung pembayaran termasuk dalam memberikan Renti Kerja Sentara dalam seksyen 60(J) yang sepatutnya diberikan hak itu kepada mereka.

Mohon kementerian serius dalam soal pastikan yang kedua-dua tidak bersetuju pun kementerian kena datang dengan opsyennya sendiri untuk mendapat membela nasib pekerja dalam Renti Kerja Sentara yang dalam keadaan mereka telah buang kerja. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan tersebut dan memanglah bahawa Kementerian Sumber Manusia menggunakan pendekatan melibatkan pihak berkepentingan iaitu majikan dan pekerja di dalam hal yang berkaitan dengan hal ehwal mereka. Peranan kerajaan adalah untuk menjadi orang tengah, menjadi fasilitator dan di dalam apa keadaan pun akhirnya kementerian akan membuat satu pendirian, satu keputusan yang mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak dan sebelum sesuatu itu dilaksanakan. Saya berkeyakinan melalui pengalaman kementerian dalam banyak hal di mana melalui *tripartisme* akhirnya kita mendapat *consensus* kerana kedua-

dua pihak biasanya akan cuba berkompromi dan melihat kepentingan untuk melaksanakan sesuatu itu demi kepentingan pekerja dan majikan di negara ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nombor satu, mengenai *retrenchment fund*. Ini bukan satu perkara yang *new*, perkara yang lama. Saya ingat lebih kurang kalau tidak silap saya lebih kurang 12 tahun dulu. Saya ingat lagi lima tahun dahulu saya ada bawa satu *motion* di Parlimen *emergency motion* untuk membahaskan mengenai *retrenchment fund* di mana cadangan MTUC membayar RM0.50 sen untuk setiap pekerja dan untuk setiap majikan membayar RM0.50 sen pekerja supaya memulakan satu *retrenchment fund*.

Pada masa itu, Perdana Menteri adalah Tun. Dr. Mahathir sekarang. Pada masa itu dia *object*. Akan tetapi, yang mustahak adalah ini. Yang Berhormat sebelum ini telah mengatakan bahawa kita perlu ambil tindakan dan kita dengar daripada semua pihak *we are neutral party*. Yang Berhormat kementerian *cannot be a neutral party* kerana *bargaining position* pihak-pihak yang berkenaan adalah sangat berbeza. Untuk pekerja adalah lain. Kita perlu membuat sesuatu untuk menolong mereka dengan segera. *We can do bailout billion and billions of ringgit*, kenapa kepada pekerja kita *hesitance* dan apabila kita telah saya dengar lebih kurang *about nine months ago* di mana kementerian telah mengatakan RM50 juta telah diagihkan untuk menolong *retrenchment*. Sehingga ini, *there was also* kita semua Ahli Parlimen dipelawa datang ke Putrajaya. *We all went* untuk diskusi tersebut. Sehingga sekarang lebih dari setahun kenapa *you are dragging your feet on this issue?*

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat suka membuat ungkapan, tuduhan yang pelbagai lagi yang begitu menyakitkan hati. Akan tetapi saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Sumber Manusia adalah sangat bertanggungjawab dan sebelum sesuatu itu dilaksanakan kita mesti memastikan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Pekerja menyakitkan saya. Sebab itu saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Saya tidak bagi izin Yang Berhormat untuk bercakap, Yang Berhormat tidak boleh bercakap. *This is my floor*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, *you don't have to tell me when to stand, when to stand my friend. Listen, you are a senator, you listen. You are here*, kalau Tuan Yang di-Pertua kata saya tidak boleh, saya kena duduk, saya terpaksa. *You don't tell me. Can be a floor...*

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi *floor*, dia tidak boleh bercakap. Tolong minta dia duduk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *It doesn't mean.... It doesn't belong to you. You unelected, it doesn't belong to you.*

Dato' Maznah binti Mazlan: *You jangan buli.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: *You are rude...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You listen, you listen.*

Dato' Maznah binti Mazlan: *I think you have a problem with yourself and the world. So, don't let me go on my kementerian okey.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Ketawa] Apa problem?*

Dato' Maznah binti Mazlan: *Now you sit down. [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: *Now you sit down, you duduk.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: / tidak akan duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *I have seen so many people like you all. I don't have to bother you, I don't care about you.*

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, tengok bahasa dia, saya tidak pasti apa masalah dia.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *It doesn't matter. You tidak perlu bagi tahu saya...*

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Senator level sahaja, tidak payah dia mengarahkan, Speaker yang mengarahkan. Tolonglah, tolonglah bagi atur cara pada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *If the Speaker says, I will listen. Yang Berhormat I think in this matter we may disagree, you may be angry. Because I'm also under a lot of pressure.*

Dato' Shamsul Anuar Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat commonlah lawan perempuan.

Dato' Maznah binti Mazlan: *I'm not angry, you are the one that are angry.*

Dato' Shamsul Anuar Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Barat, lawan perempuan lecehlah Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *I'm not angry at all.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Timbalan Menteri tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *I'm just doing my work, there is a lot of pekerja-pekerja...*

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, *can I proceed?* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan bahawa Kementerian Sumber Manusia perlu mengkaji antara salah satu perkaranya ialah mengenai dengan skim ini yang perlu ditanggung bersama oleh majikan dan pekerja. Oleh itu, kadar sumbangan dan seterusnya perlulah mendapat persetujuan kedua-dua pihak. Kedua, kerajaan meluluskan RM52 juta sebagai dana permulaan dan kita perlu meneliti bagaimana tabung ini perlu berterusan sehingga seterusnya.

■ 2010

Kita tidak mahu jika kita tidak ada satu pendekatan yang baik bahawa RM52 juta ini nanti habis dan kita tidak dapat meneruskan skim ini. Oleh itu, saya yakin bahawa semangat *tripartisme* yang didukung oleh kementerian dan juga yang didukung oleh pihak majikan dan pekerja dapat mencari satu persetujuan yang akan memberi faedah *win-win*, dengan izin, kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Langat yang mana Yang Berhormat Kuala Langat bertanya mengenai tentang pekerja-pekerja di MAS. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Langat, pihak

Kementerian Sumber Manusia telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak MAS dan didapati bahawa pemberhentian pekerja yang dibuat pada masa ini hanya melibatkan pekerja asing selaras dengan prinsip *foreign workers first out*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dia beri laluan itu Tuan Yang di-Pertua. Dia diam itu, dia beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, maklumat yang saya terima ketika berlakunya pembuangan kerja dalam Dawama, saya telah memaklumkan kepada beberapa teman-teman dalam Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi hari ini saya ingin mengumumkan dalam Dewan yang mulia ini, maklumat yang saya terima daripada pengumuman pengurusan MAS, bila habis PRU 13 seramai 11,200 pekerja MAS akan dipecat. Ini adalah pengumuman umum yang dibuat pengurusan AirAsia yang masuk dalam pentadbiran bersama dengan MAS.

Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian supaya bersiap sedia, kawal selia dan saya percaya perkara ini akan berlaku. Naluri kecil saya mengatakan ianya berlaku kerana diumumkan oleh orang yang berkuasa penuh dalam penerbangan yang digabungkan MAS dengan AirAsia. Saya pohon pekerja asing itu memang menjadi satu asas utama untuk kita menyelamatkan keadaan. Akan tetapi yang saya risaukan ialah pekerja tempatan yang mewakili rakyat negara ini 11,200 orang. Harap kementerian mengawal selia supaya ini tidak mungkin boleh berlaku. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Kita mendengar berita tersebut tetapi Kementerian Sumber Manusia sebelum mengambil satu-satu tindakan dan langkah, kita ada prosedur-prosedur tertentu. Sehingga ini memang kita tidak ada mendapat sebarang maklumat mengenai dengan pemberhentian pekerja di MAS.

Mengikut peraturan-peraturan garis panduan pengurusan pemberhentian pekerja, MAS perlu memberi notis 30 hari sebelum tindakan pemberhentian dilaksanakan. Saya yakin bahawa bukan sahaja Yang Berhormat Kuala Langat yang memandang berat tentang kebajikan dan nasib pekerja MAS, Kementerian Sumber Manusia sentiasa memantau. Kita sudah tentu akan mengadakan tindakan-tindakan sepatutnya sekiranya perkara ini berlaku. Saya yakin bahawa apa Yang Berhormat dengar itu adalah satu berita angin yang setakat ini belum lagi sampai ke telinga kami.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Okey Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta pencelahan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon supaya kalau sekiranya berlakunya keadaan itu di bawah peruntukan undang-undang seksyen 59, Akta Perusahaan 1967 diambil tindakan sekeras-kerasnya kepada majikan yang melanggar tatatertib dan budaya majikan yang efisien dan yang berperikemanusiaan supaya menteri, kementerian menggunakan, saya ulang sekali lagi seksyen 59, Akta Perusahaan 1967. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan langkah-langkah mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada. Seterusnya, saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Labuan dan Yang Berhormat Tebrau di mana dalam mencapai taraf negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kerajaan berusaha untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi di dalam pelbagai bidang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kerajaan sedang berusaha. Bukan hanya Kementerian Sumber Manusia tetapi kementerian-kementerian lain yang berkaitan untuk mengurus perdana dan memperkasakan bidang kemahiran teknikal dan vokasional untuk menambahkan bilangan tenaga kerja berkemahiran di negara ini untuk memenuhi keperluan negara melalui Model Baru Ekonomi di mana menjelang tahun 2020 akan wujud 3.3 juta pekerjaan baru.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Maznah binti Mazlan: Pandangan-pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mengenai dengan *character building* dan lain-lain kualiti yang perlu ada selain daripada kemahiran teknikal. Untuk makluman bersama, pada masa ini boleh dikatakan sebahagian besar daripada institusi-institusi kemahiran teknikal dan vokasional sudah pun melaksanakan program-program seperti *character and attitude building* contohnya, juga kursus-kursus berkaitan dengan komunikasi, pengurusan projek dan kerja dan lain-lain kemahiran termasuk juga kursus Bahasa Inggeris seperti ada disebut oleh Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Silakan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jangan marah saya macam marah Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih. Ini soalan yang agak umum tetapi saya hendak mengambil kira pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri beberapa hari yang lepas, kalau tidak silap saya minggu lepas. Beliau berkata 70% pekerjaan di Malaysia ini masih lagi belum wujud untuk jangka masa akan datang.

Maknanya, sektor pekerjaan ini yang akan diteruskan atau berterusan sifatnya nanti cuma dalam 30% sekarang. Maknanya, 70% jenis pekerjaan ini tidak akan wujud lagi di masa akan datang. Itu kata beliau. Saya pun tidak berapa faham. Maknanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri atau kementerian Yang Berhormatlah sepatutnya tahu berkenaan dengan maksud itu. Saya hendak tanya, apakah tujuan membangkitkan perkara itu dan sudah tentu saya hendak tahu sedikit persediaan kementerian Yang Berhormat sebab setakat ini tidak ada langsung nampaknya penjelasan, penerangan, rancangan, masa hadapan kementerian Yang Berhormat dalam bentuk kata 70% jenis pekerjaan itu tidak akan wujud lagi di masa akan datang. So, saya tidak tahu. Boleh beritahu sedikit, terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya perlu melihat kenyataan Perdana Menteri itu dalam konteks keseluruhannya kerana saya tidak maklum mengenai dengan kenyataan tersebut. Akan tetapi yang jelas bahawa menjelang tahun 2020, kita menuju untuk menjadi negara maju dan negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, kita juga sedang berusaha untuk meningkatkan taraf tenaga kerja kita ini supaya menjadi tenaga kerja berkemahiran tinggi. Salah satu ukurannya adalah di mana kita pada masa ini sedang mengarusperdanakan Sijil Kemahiran Malaysia di lima tahap dan ini termasuklah isu-isu standard, kualiti, juga perkara berkaitan dengan pengiktirafan, pensijilan, juga perkara-perkara berkaitan dengan pembelajaran, latihan, pendekatan-pendekatan yang digunakan dan juga kualiti-kualiti tenaga pengajar dan lain-lain. Semua sedang dilihat secara menyeluruh.

Penggemblengan tenaga kementerian-kementerian termasuk Kementerian Sumber Manusia dan lain-lainnya adalah ke arah untuk mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi supaya menjelang tahun 2020 kita dapat sekurang-kurangnya dalam 50% yang berkemahiran tinggi. Ini sejajar dengan hasrat kita untuk menjadi negara maju yang berteraskan kepada sains, teknologi dan juga kita ingin menjadi negara berpendapatan tinggi. Tadi saya ada sebut bahawa kita juga akan berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan tenaga berkemahiran tinggi inilah salah satu kaedahnya untuk kita sampai ke objektif tersebut.

■ 2020

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendengar dengan tekun jawapan Timbalan Menteri berkenaan dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja asing ini. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dimaklumkan ada negara-negara jiran kita yang juga menghadapi masalah untuk mendapatkan *local workers* ini tetapi mereka mempunyai jangka pendek dan jangka panjang untuk bagaimana

menyelesaikan masalah ini agar pergantungan kepada tenaga luar ini dapat diselesaikan. Sebagai contoh dan saya tahu kementerian juga ada isu itu, penyelesaian kepada itu.

Cuma saya hendak dapat apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dilihat di kumpulan pertama itu maknanya kumpulan pertama, *expatriate* yang masuk ke negara kita yang profesional, ada *masters*, ada PhD dan yang *expert*. Keduanya kumpulan B yang teknikal, *administration* dan yang ketiga ini ialah buruh kasar. Apa yang berlaku di Malaysia ini kerana terlalu mudah untuk mendapat buruh kasar, *employer-employer* tidak mahu mengambil pendekatan untuk bagaimana menyelesaikan masalah tenaga buruh. Jadi sebab itu kerana *pressure* pun tidak kuat, jadi kementerian juga membuka ruang seluas-luasnya untuk buruh-buruh kasar masuk. Akhirnya kita akan bergantung dari masa ke semasa.

Saya bagi contoh, *security guard*, di tempat saya baru-baru ini *security guard* dapat gaji RM650, anak lapan orang, kerana tidak cukup pendapatan, tujuh daripada anaknya terpaksa berhenti sekolah. Berbanding dengan kita ambil *security guard* contohnya daripada negara luar, Nepal contohnya. Dia duduk dalam satu rumah, Yang Berhormat Arau, satu rumah sampai sebelas orang. Jadi kosnya untuk hidup amat sikit. Mana mungkin orang Malaysia boleh duduk tujuh orang dalam satu rumah, sebelas orang dalam satu rumah.

Oleh yang demikian, orang-orang luar sanggup bekerja kerana yang pertama dia rasa levi yang dikenakan tidak mahal. Jadi majikannya tidak tekan dia. Jadi dia bayarlah levi sebanyak itu tetapi kalau kita kerajaan mengatakan untuk kumpulan ini sama ada kumpulan B atau C itu, levi tahun pertama banyak ini tetapi untuk tahun kedua, tahun ketiga, tahun keempat, kita adakan *increment* untuk levi. Jadi ini memberikan *pressure* kepada *employer* untuk memikirkan opsyen-opsyen yang ada. Saya rasa ini harus difikirkan secara serius kerana kalau tidak kita akan selama-lamanya bergantung. Walaupun kita kata ada program-program untuk menyelesaikan masalah ini tetapi selagi kita tidak juga memberikan opsyen dan tekanan kepada *employer-employer*, saya rasa masalah ini tidak akan selesai.

Keduanya, kalau-kalau kita takut, sekarang ini pun orang Indonesia pun tidak mahu datang jadi amah kita kerana dia boleh dapat pendapatan yang agak selesa di Indonesia. Kita takut di negara jiran seperti Indonesia atau Cambodia yang ekonominya naik, dia mungkin akan dapat *double digit growth*, dia tidak akan datang ke Malaysia. *Then* waktu itu kita akan terperangkap kerana kita juga tidak bersedia untuk menyelesaikan masalah tenaga buruh di peringkat C tadi. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, itu satu tajuk yang begitu panjang lebar mengenai pekerja asing sedangkan saya sedang menjawab soalan berkenaan tenaga berkemahiran untuk negara tetapi saya boleh jawab mungkin dengan ringkas. Tenaga *expatriate* ini ada syarat-syarat dan had-hadnya, yang ini ditentukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan ia ada kaitan dengan jumlah pelaburan, sektor dan lain-lainnya. Kita juga ada program pemindahan teknologi untuk rakyat dan pekerja di negara ini dan saya rasa ini tidak begitu bermasalah. Bermasalah adalah di peringkat buruh kasar yang mana kita tahu bahawa masalah penawaran gaji yang rendah ini adalah salah satu faktor, itu sebab kita akan wujudkan gaji minimum.

Kedua, kita dapati kebanyakan kerja yang diisi oleh pekerja asing ini adalah berkisar dengan kerja-kerja kasar yang mana rakyat Malaysia sudah sampai satu tahap yang mana ramai tidak berminat untuk melaksanakan kerja tersebut dalam keadaan-keadaan yang tidak kondusif. Jadi itu sebabnya melalui latihan kemahiran yang sedang dibuat untuk kita memperkasakan bidang kemahiran teknikal vokasional ini, bahkan kita sedang berkempen supaya SPM mereka yang keluar daripada Sijil Peperiksaan Malaysia akan melihat bidang kemahiran teknikal dan vokasional ini sebagai pilihan pertama, bukan pilihan kedua. Kita sedang, seperti saya katakan tadi, sedang menaiktarafkan semua aspek bidang ini supaya diminati dan mereka dapat satu tahap kemahiran tinggi yang mana akan meningkatkan kepercayaan industri kepada kebolehan dan kebolehpekerjaan mereka. Dalam masa yang sama dengan adanya kemahiran tinggi ini, mereka akan dapat gaji yang tinggi juga. Saya percaya seperti Yang Berhormat kata tadi, memang kita ada langkah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang dalam mengatasi masalah pekerja asing ini.

Oleh itu, memperkasakan bidang kemahiran ini adalah salah satu kaedahnya di mana kita dapat berubah daripada label intensif iaitu pekerja yang bergantung pada tenaga kerja murah dan rendah kepada tenaga yang berkemahiran tinggi.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Silam bangun.

Dato' Maznah binti Mazlan: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan. Tentang sumber manusia ini, kita dapati memang kementerian berusaha secara bersungguh-sungguh dan setiap tahun saya nampak pameran atau masuk ke sekolah-sekolah untuk membuat sesuatu memperkenalkan dan apa kesesuaian bidang-bidang yang perlu diceburi oleh setiap pelajar terutamanya lepasan SPM dan STPM. Saya melihat ini seolah-olah kita hanya menjual produk kementerian itu. Saya dapati juga bagaimana kementerian ini melantik syarikat-syarikat tertentu untuk membuat kursus, latihan yang kesemuanya dilakukan, dilaksanakan dengan cara jangka masa pendek dan lebih banyak bertumpu hanya memenuhi permohonan syarikat-syarikat yang mahu mendapat dana daripada kementerian.

Jadi soalan yang saya ingin tanya kepada kementerian, adakah di masa akan datang untuk kementerian memikirkan supaya *instead of* dengan izin, kita memperkenalkan kursus jangka pendek ini secara meluas dan kita cuba terutamanya ketika pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM ketika menunggu keputusan contohnya, perlu mereka ini diberi latihan secara kerja bersangkutan dengan kilang-kilang ataupun industri yang boleh memberikan kemahiran kepada setiap pelajar tersebut. Ini secara tidak langsung akan lebih baik sebab pelajar ataupun di kalangan belia itu akan dapat latihan yang sewajarnya sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita melihat beberapa negara jiran kita terutamanya, jangankan negara jiran kita, sebenarnya di UK ataupun di Jerman sudah lama mereka memperkenalkan skim latihan yang menyebabkan sehingga boleh katakan setengah daripada pekerja-pekerja yang bekerja di industri di negara Jerman itu datang daripada latihan yang diberikan oleh syarikat-syarikat terkenal di negara tersebut.

Jadi saya berharap supaya kementerian membuat sesuatu tindakan atau dasar baru yang boleh memastikan macam syarikat Toyota, UMW, Proton dan sebagainya memberi ruang dan mengambil generasi muda kita untuk dilatih dengan kemahiran-kemahiran yang disesuaikan dengan peluang-peluang pekerjaan semasa. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Memang benar Yang Berhormat, kita dapati bahawa Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia mengadakan karnival kerja sepanjang tahun dan juga mengadakan pendaftaran pekerja melalui portal elektronik *Jobs Malaysia*. Melalui kaedah ini sahaja pada tahun lalu, kita dapat mengisi kekosongan pekerjaan sebanyak 170,000 lebih kurang yang mana lebih 53,000 adalah graduan.

■ 2030

Jadi ini usaha-usaha yang dibuat secara berterusan. Mengenai dengan pandangan Yang Berhormat Silam mengenai latihan-latihan yang kita sebut sebagai *apprenticeship*. Ini yang mana selepas mereka sekolah mereka boleh memilih sama ada untuk belajar di institusi latihan kemahiran sepenuh masa. Kita ada satu lagi kaedah Yang Berhormat Silam sebutkan tadi yang kita panggil sistem latihan *dual national*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini yang mana 30% sahaja mereka pelajari teori di dalam bilik darjah, 70% kita letakkan mereka dengan industri. Pada tahun lalu Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan *road show* dengan izin di seluruh negara. Di mana kita bertemu dengan *industries* dan memberi penerangan dan meminta mereka memberi kerjasama untuk menawarkan tempat untuk pelatih-pelatih. Selepas mereka menjalani latihan teori 30% di pusat latihan ini dan 70% mereka akan diberi elaun sebagai *apprentice* dengan meletakkan mereka dengan industri-industri berkenaan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat laluan sedikit. Yang Berhormat Arau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada di dalam perancangan ataupun tidak di pihak kementerian iaitu berhubung dengan *talent acceleration* dengan izin dalam *in service*, seperti mana yang kita hasrat kerajaan untuk kita mencapai satu tahap yang membanggakan dan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi misalnya. Dalam kita membuat pengisian kesiapsiagaan kita untuk menghadapi kebangkitan *sleeping dragon* negara-negara ASEAN sekarang ini. Ini yang mana sekarang mereka mungkin tidak perlu lagi untuk berhijrah atau migrasi ke negara kita dalam mencari pekerjaan.

Jadi hal ini misalnya sekarang ini keputusan SPM telah diumumkan. Kita lihat ada di kalangan pelajar-pelajar yang mendapat empat atau tiga kredit. Saya difahamkan ada beberapa universiti telah mengadakan program khas untuk melihat mereka ke arah melibatkan dalam pembinaan *skill*. Bagi menyediakan mereka satu *skill* yang membolehkan mereka terlibat dalam perkhidmatan. Jadi di sini saya faham ILP di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kita mahu dari semasa ke semasa adakah kerajaan bercadang untuk menghantar pensyarah-pensyarah untuk mendapat lebih maklumat. *Become eligible person* dengan izin Tuan Yang di-Pertua di universiti ternama, *top universities worldwide*. Sekurang-kurangnya di sini kita sentiasa seimbang dari segi perkembangan teknologi dengan kehendak dan keperluan negara dalam usaha kita untuk mencapai negara maju di masa yang akan datang. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: [Bangun]

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya mendengar dengan teliti yang bagaimana kita perlu berusaha seperti cadangan Yang Berhormat itu. Seperti saya sebutkan tadi di dalam hendak memperkasakan bidang kemahiran tinggi ini melalui latihan kemahiran teknikal dan vokasional. Kita melihat semua aspek untuk meningkatkan kualitinya baik daripada standard kualiti, pensijilan, pengiktirafan, latihan, pembelajaran dan termasuklah juga kualiti jurulatih dan tenaga pengajar itu sendiri. Memang dalam perancangan kita adalah untuk kita melatih bukan sahaja melatih dengan kemahiran baru, teknologi baru, naik taraf kemahiran yang sedia ada dan berbagai-bagai kaedah lagi. Ini kerana kita tahu bahawa tenaga pengajar dan jurulatih ini adalah salah satu daripada faktor yang sangat penting di dalam menjana tenaga berkemahiran tinggi.

Memang di bawah Kementerian Sumber Manusia kita ada Institut Latihan Perindustrian, ADTECH dan juga *Japanese Malaysian Technical Institute*. Ada sebanyak 27 buah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pusat-pusat latihan kemahiran bawah kerajaan yang diiktirafkan pada masa ini termasuk di bawah kementerian-kementerian lain. Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Luar Bandar dan lain-lainnya pada masa ini terdapat 355 buah. Pusat latihan swasta yang ditauliahkan terdapat dalam 647 buah. Semua bersama-sama akan melaksanakan pendekatan-pendekatan yang boleh memperkasakan bidang ini dan dapat menjamin wujudnya tenaga berkemahiran tinggi untuk negara di masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat lagi panjang Yang Berhormat?

Dato' Maznah binti Mazlan: Ada banyak lagi isu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kalau kita *entertain* semua *question* yang tidak dibangkit dalam perbahasan itu Yang Berhormat satu malam pun tidak boleh habis cerita ini.

Dato' Maznah binti Mazlan: Saya rasa begitu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jadi Yang Berhormat gunakan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua tolong minta jangan ganggu saya dengan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jangan minta saya Yang Berhormat. Yang Berhormat yang bagi.

Dato' Maznah binti Mazlan: Okey Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Seterusnya saya ingin menyentuh...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *Sorry* Timbalan Menteri. Saya hendak tanya sedikit tentang pekerjaan OKU. Boleh tidak?

Dato' Maznah binti Mazlan: Tidak boleh Yang Berhormat tidak ada dalam soalan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya saya ingin menjawab soalan berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh, minta maaf ya Yang Berhormat iaitu mengenai dengan masyarakat India yang ditanya oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin memaklumkan bahawa mengenai *special implementation task force* untuk masyarakat India. *Task force* ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia dan dibantu oleh seorang penyelarar dan dua orang pegawai sepenuh masa serta lima orang pegawai sambilan yang mengendalikan semua projek dan program di bawah program ini.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab terus kepada Jabatan Perdana Menteri. Terdapat tiga program utama di bawah jawatankuasa ini iaitu yang dipanggil sebagai *Program MySkill, MyCareer* dan *MyDaftar*. Melalui Program *MySkill* yang dilancarkan oleh *special implementation taskforce* ini ataupun saya panggil ringkas SITF. Kita dapati lebih ramai remaja India telah diterima masuk untuk latihan kemahiran. Kita dapati bahawa lapan karnival *MySkill* khusus untuk masyarakat India telah diadakan sepanjang 2011. Seramai 16,700 orang telah mengunjungi karnival tersebut dan 2,590 orang belia telah mendaftar untuk kursus-kursus kemahiran. Daripada 2,590 ini 2,265 sudah ditawarkan tempat dan 239 telah melaporkan diri setakat ini.

Kemudian kita dapati Program SITF yang kedua Program *MyCareer*. Ia merujuk kepada peluang-peluang untuk masyarakat India yang minat bekerja di bidang swasta dan kerajaan. Kita dapati sepanjang tahun 2012 sehingga hari ini karnival kerja telah diadakan empat kali di empat lokasi dan pengunjungnya adalah dalam 10,000 dan 5,000 telah mendaftar untuk pekerjaan di dalam sistem *JobsMalaysia*. Usaha-usaha sedang dibuat untuk menempatkan mereka. Selain daripada itu Kempen *MyDaftar* iaitu satu kempen untuk memastikan bahawa masyarakat India yang layak mendapat pengenalan diri, telah dijalankan selama lapan hari bermula 19 Februari 2011 sehingga 26 Februari 2011.

Kita dapati 80 Pejabat Pendaftaran Negara di seluruh negara telah membuka kaunter khas untuk menerima kes ini. Kita dapati sejumlah 14,385 orang telah direkodkan hadir dan setakat ini kita dapati 9,529 permohonan sahaja yang diterima lengkap dan teratur. Majlis penyerahan dokumen pengenalan diri telah dibuat yang melibatkan 5,593 permohonan, 4,023 untuk kewarganegaraan dan 1,570 untuk mereka yang daftar lewat kelahiran, daftar lewat kad pengenalan dan juga sijil-sijil kelahiran dan perkahwinan.

■ 2040

Ini adalah program-program yang dibuat di bawah *special implementation task force* tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada lagi soalan-soalan lain yang tidak sempat saya jawab...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Saya akan buat secara bertulis dan sekiranya ada lagi maklumat lain yang diperlukan, boleh berhubung terus dengan Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu sahaja? Tuan Yang di-Pertua, itu sebab *number one we got all the miss focus here. Number one, The Speaker* memberi arahan *finish as fast as possible, number one. Nombor dua, the Minister must come and reply.* Ini adalah *special implementation of Indian matters and we have UMNO Deputy Minister replying. We got nothing against them* tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkenaan satu isu berkaitan dengan masyarakat India yang *special implementation force. Where is the Minister? Why is he scared to come? He must be here to reply. Nothing shout of that! The whole country is waiting for that.*

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menjawab kerana saya perlu memaklumkan Yang Berhormat Menteri saya berada di luar negara.

Penerbangannya petang ini, itu sebab dia tidak ada di sini. Kedua, *I take offence* apabila *you* kata saya sebagai orang UMNO tidak boleh menjawab soalan tentang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan. *No, no* tidak boleh jawab, bukan Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Saya rasa Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya bukan kata Yang Berhormat tidak boleh jawab, Yang Berhormat layak untuk jawab tetapi saya telah beritahu bahawa ini adalah berkenaan dengan masyarakat India. *Something very special*. Kenapa Yang Berhormat, kenapa dengan Orang Asli tidak ada *special implementation force*, kepada orang Melayu, kepada orang Cina, Dusun, kepada Kadazan, Iban, *why we don't have? Because* orang India hendak undi mereka.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh terima.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You want to buy them over. So, we want to hear the Minister explaining*. Bukan kita cakap Yang Berhormat tidak layak *but that is very important. I am very hurt by what the Speaker has ordered*. Saya rasa ini adalah satu peluang di mana *no purpose of us coming, no debate on policies*. [Dewan riuh]

Yang Berhormat, *this is the time when Ministers* yang akan datang di sini untuk menjawab *on policy matter. From day one*, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri *on Education* tidak datang *then we had the Prime Minister. We had nothing against the Prime Minister but we want Minister to come on policy matters*. Ini adalah perkara yang mustahak yang berkenaan dengan polisi. *Who are the best people? Minister. What is more important than be in Parliament?* Kalau kita boleh, kalau kita Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh mari, kenapa Menteri tidak boleh datang?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak ikut peraturanlah itu Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Kita sudah dengar. Sudah Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Kita ada dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, mungkin lain kalilah Menteri menjawab Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, Menteri saya dalam penerbangan atas urusan rasmi ke luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya ada dengar Yang Berhormat. Saya ada dengar juga Yang Berhormat. Penjelasan itu saya sudah dengar Yang Berhormat. Tidak mengapalah, tidak mengapa. Menteri sudah kata dia sudah habis menjawab. Terima kasih.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat. Terima kasih, terima kasih. Kita ada lapan kementerian lagi Yang Berhormat ya dan lapan kementerian ini salah satu daripada kementerian ini iaitu Kementerian Perdana Menteri mempunyai kurang-kurang empat ataupun tiga menteri yang akan menjawab. Maknanya kita ada sekurang-kurangnya sebelas orang menteri lagi yang akan menjawab.

Jadi itulah sebabnya saya daripada awal tadi saya sudah bagi tahu soalan yang tidak dibangkitkan jangan dijawab tetapi soalan yang dibangkitkan, minta tolong jawab sedapat yang boleh tetapi dalam peraturan jelas kalau menteri hendak jawab, dia boleh jawab. Akan tetapi kalau menteri kata hendak jawab cara lain, dia boleh juga jawab cara lain Yang Berhormat dan satu lagi, saya mendengar hujah-hujah dalam Dewan. Kalau menteri mengatakan ini, tidakkan kalau kita tidak bersetuju dengan menteri itu kita *insist that* kita punya jawapan itu yang betul. Jadi dia tidak macam itu Yang Berhormat, dalam Dewan ini menteri bagi penjelasan. Itu pendirian dan kedudukan kementerian dan kerajaan dijawab. Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

8.44 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah turut serta dalam memberikan pandangan, teguran serta mengutarakan isu-isu yang berkait rapat dengan kementerian. Izinkan saya memberi maklum balas kepada isu yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Rantau Panjang berkaitan senario peningkatan harga barang keperluan yang berlaku di dalam pasaran semasa. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, senario kenaikan harga barang berlaku atau dialami bukan hanya di Malaysia sahaja malah ianya turut berlaku di negara-negara lain di dunia. Namun, apa yang membezakan ialah bagaimana kerajaan sesebuah negara tersebut menangani isu ini untuk menjaga dan menjamin kesejahteraan rakyat mereka.

Atas dasar keprihatinan, harga barang keperluan harian seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan beras banyak bergantung kepada situasi harga komoditi tersebut di pasaran dunia. Manakala bagi harga barang makanan lain seperti sayur-sayuran dan haiwan ternakan banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti cuaca, bekalan makanan, permintaan dan penawaran serta kos pengangkutan yang terlibat di sepanjang saluran pengedaran. Di atas keprihatinan kerajaan terhadap rakyat, maka kerajaan telah memperuntukkan sejumlah belanjawan berbentuk subsidi bagi mengekalkan harga barang keperluan asas dan bagi mengurangkan bebanan rakyat. Kerajaan dalam belanjawan yang lalu telah memperuntukkan hampir RM18 bilion untuk tujuan subsidi ke atas barang-barang keperluan rakyat.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Kedai Rakyat 1Malaysia dan juga produk Koop 1Malaysia bagi memberi alternatif kepada rakyat untuk memilih produk murah tanpa jenama dan kerajaan juga telah memperkenalkan Menu Rakyat 1Malaysia bagi menawarkan pakej makanan murah iaitu RM2 bagi makanan pagi, sarapan pagi dan RM4 bagi makan tengah hari.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulung]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Parit Sulung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan apa yang Berhormat nyatakan tadi mengenai Kedai Rakyat 1Malaysia. Cumanya soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah bilakah Kedai Rakyat 1Malaysia ini akan diperluaskan ke peringkat daerah-daerah bagi memudahkan masyarakat terutamanya di luar bandar dapat sama-sama menikmati harga murah barangan Kedai Rakyat 1Malaysia ini. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulung. Saya ingin maklumkan kepada Dewan, terdapat tiga model Kedai Rakyat 1Malaysia. Pertamaanya Kedai Rakyat 1Malaysia yang ada pada hari ini, terdapat 32 buah telah pun disiapkan dan telah pun dilaksanakan. Model kedua adalah kedai runcit biasa yang menjual produk Kedai Rakyat 1Malaysia dan yang ketiga adalah Kedai Rakyat 1Malaysia ini dibuka kepada orang ramai untuk diuruskan. Jadi, di kawasan-kawasan luar bandar misalnya kita menggalakkan supaya mereka menggunakan model kedua iaitu kedai runcit yang ada membeli produk kedai rakyat supaya boleh dijual di dalam kedai mereka kerana seperti kita tahu, Kedai Rakyat 1Malaysia mempunyai 250 jenis produk.

Di kawasan luar bandar mungkin tidak memerlukan begitu banyak produk-produknya dan untuk modal bagi Kedai Rakyat 1Malaysia misalnya untuk membeli produk sahaja, peniaga memerlukan di antara RM200,000 hingga RM500,000. Itu pun untuk kedai yang bersaiz paling kecil. Jadi bagi memperluaskan kalau hendak diperluaskan ke Parit Sulung dan daerah-daerah lain, kita dalam proses untuk membukanya di bandar-bandar lain daripada yang sudah ada pada hari ini tetapi lebih cepat kalau saya cadangkan supaya membeli produk dan dijual di dalam kedai runcit yang sedia ada.

■ 2050

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Sedikit Yang Berhormat. Kedai Rakyat 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang kita difahamkan bahawa Kedai Rakyat 1Malaysia untuk Sabah, Sarawak dan juga Labuan akan diwujudkan pada tahun 2013. Jadi, bagi kami terutamanya di Wilayah Persekutuan Labuan yang mana barang yang paling mahal di Malaysia

walaupun kedudukannya sebagai *duty free island* tetapi malangnya barangan harian cukup mahal di Labuan. Jadi, seperti mana kita bincangkan dahulu Yang Berhormat Menteri telah pun berjanji untuk mendatangkan Kedai Rakyat 1Malaysia ke Labuan pada tahun 2012.

Kami betul-betul mengharapkan Yang Berhormat Menteri agar benda ini dapat direalisasikan disebabkan rakyat terlalu marah, kadang-kadang yang dia hentam kita, wakil rakyat, kenapa barang di Labuan terlalu mahal berbanding dengan di Sabah dan Sarawak. Apatah lagi berbanding dengan Semenanjung. Yang murah cuma kereta yang kita tidak makan dan juga alkohol serta rokok. Coklat *alhamdulillah* kita boleh makan tetapi yang lain-lain itu semuanya mahal.

Kita memohon agar ianya dapat dimulakan di Labuan sebelum diagihkan ke tempat lain kerana di Semenanjung sudah menikmati Kedai Rakyat 1Malaysia sedangkan kita di Sabah, Sarawak dan Labuan masih menunggu-nunggu apakah Kedai Rakyat 1Malaysia ini akan wujud di Sabah, Sarawak dan Labuan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kedai Rakyat 1Malaysia akan diwujudkan di Sabah dan Sarawak paling lewatnya pada bulan Jun ini.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labuan, memang diakui bahawa harga barang di Labuan lebih tinggi daripada di Semenanjung malah daripada Sabah, daripada KK sekali pun. Ini kerana kos *transportation* untuk membawa produk ke Labuan itu lebih tinggi. Lebih tinggi juga berbanding dengan Sabah. Dari segi realitinya kita kena menghadapi kenyataan yang sebenar. Kapal pembawa barang tidak membawa *direct* ke Labuan. Mereka ke Kota Kinabalu dahulu kerana *volume*, dengan izin. *Volume* untuk membawa produk ke Labuan terlalu kecil. Jadi dari segi peniaga sendiri mereka tidak membawa terus. Jadi, kapal yang bawa barang dari Semenanjung akan *unload* barang di Kota Kinabalu, dengan izin, dan *load* kembali ke dalam kapal yang lebih kecil untuk dibawa ke Labuan. Jadi, itu sebenarnya yang menyebabkan – kerana ada *double handling charges*, dengan izin. Itu yang menyebabkan harga barang di Labuan lebih tinggi daripada di Semenanjung.

Begitu juga di Sabah dan Sarawak misalnya. Kita menggalakkan pembinaan kilang dan sebagainya untuk mengeluarkan produk dan sebagainya tetapi kerana *volume* terlampau kecil jadi pengilang-pengilang tidak membuka. Bagi mereka lebih baik mereka membeli daripada Semenanjung dan membawa ke Sabah dan Sarawak daripada mereka *invest*, dengan izin, untuk membuka kilang dan sebagainya mengeluarkan produk. Jadi, ini sebenarnya yang berlaku di Labuan.

Kita amat memahami dan bersimpati dengan rakan-rakan kita di Labuan dan sebagainya. Walau bagaimanapun kepada Yang Berhormat, kita sekarang telah pun membuka *distribution centre* bagi pihak produk Koop 1Malaysia. Produk Koop 1Malaysia ini sama sahaja dengan produk Kedai Rakyat 1Malaysia. Bezanya produk Koop 1Malaysia semuanya dari segi *production*, dengan izin, dan sebagainya, dari segi penghantaran, semuanya dilakukan oleh koperasi. Jadi, ia dapat dikurangkan.

Untuk makluman, harga barang Koop 1Malaysia ini harganya sama sahaja di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Jadi, ini merupakan satu perkara baru yang baru kita perkenalkan bulan lepas. Kalau kita selama ini mengatakan ada beza harga, sekarang kita boleh samakan harga. 1Malaysia satu harga, kita dah samakan. Jadi *insya-Allah*, daripada KK kita sudah buka satu *distribution centre* di KK dan boleh kita akan cuba hantar ke Labuan dalam waktu yang terdekat ini.

Yang Berhormat Kepong, Labuan? Barang apa lagi? Kepong harga murah, banyak barang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang nampaknya Yang Berhormat begitu yakin diri. Kalau di Kedai 1Malaysia di Semenanjung mengapa kita hendak jadi Koop 1Malaysia di Labuan serta Sabah dan Sarawak? Mengapa ada perbezaan? Kalau harga tidak berbeza, nama berbeza, apa masalahnya? [Ketawa] Bagaimana? Tunggu sekejap. Penjelasan.

Ini kerana keadaan di Labuan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Labuan tadi, tidak serupa. Di Sabah pun tidak serupa dan di Sarawak pun sama. Tuan Yang di-

Pertua pun boleh memberitahu keadaan tidak serupa. Bagaimana kita mendapat harga yang sama? Adakah subsidi yang lebih diberi kepada Labuan, Sarawak dan Sabah?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sebenarnya ini dua produk yang berbeza Yang Berhormat. KR1M ini dikeluarkan oleh pihak lain dan nama produknya Kedai Rakyat 1Malaysia. Koop 1Malaysia ini produk baru, produk lain tetapi dikeluarkan oleh koperasi. Seperti yang kita tahu koperasi bukan sebuah syarikat yang mengambil keuntungan dan sebagainya. Jadi, sebab itulah kita dapat menyamakan harga itu.

Keduanya, produk-produk di Sarawak dan Sabah kita ambil daripada IKS produk di Sabah dan Sarawak. Jadi, kita bungkus produk di Sabah. Kalau di Sabah kita bungkus produk di Sabah dan kalau di Sarawak bungkus di Sarawak dan kita namakan sebagai produk Koop 1Malaysia. Jadi, koperasi yang mengeluarkan dan pembungkusan telah kita lakukan di situ. Jadi, itu yang menyebabkan kita boleh mengawal harga dan sebagainya.

Seterusnya adalah isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang mengenai harga yang tinggi di kawasan Belaga dan mengenai pewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia. Jawapannya saya kira samalah dengan Yang Berhormat Labuan iaitu dari segi Sarawak ini kita akan buka pada bulan Jun, Kedai Rakyat 1Malaysia ini. *Insyallah* kita akan cuba perluaskan tetapi untuk sementara waktu ini kita edarkan produk Koop 1Malaysia.

Yang Berhormat Limbang pun memohon untuk membuka Kedai Rakyat 1Malaysia. Saya kira jawapan ini pun sama iaitu kita akan edarkan peringkat awal ini adalah produk Koop 1Malaysia kerana kita sudah pun membuka *distribution centre* di Sarawak. Selain daripada DC di Kuching, Koop 1Malaysia mempunyai DC di Bintulu dan juga di Miri. Kita sudah ada. Jadi, dengan adanya DC di situ lebih mudah kita hendak edarkan di kawasan-kawasan yang berhampiran.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu di mana-mana pun ada kedai runcit tradisional. Bolehkah kita buat kedai runcit ini juga menjadi konsep seperti Kedai Rakyat 1Malaysia supaya mereka dibekalkan dengan barang-barang yang lebih murah. Ini kerana sekiranya kerajaan membuka Kedai Rakyat 1Malaysia di mana-mana, bukankah ini akan menjejaskan perniagaan kedai-kedai tradisional ini. Mungkin mereka akan menutup kedai atau gulung tikar kerana Kerajaan Malaysia Barisan Nasional. Terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Ini berhubung dengan soal kemampuan untuk mengekalkan harga yang sama.

■ 2100

Dijelaskan tadi ini tercapai oleh kerana ia dilakukan melalui Ko-op ataupun koperasi. Akan tetapi saya nampak bahawa walaupun digunakan koperasi persoalan yang dijelaskan lebih awal lagi iaitu tentang persoalan *double handling* itu masih tidak diatasi kecuali kiranya koperasi itu sendiri jual dengan harga yang rugi. Saya tidak nampak macam mana masalah logistik yang memerlukan *double handling* itu dapat diatasi dan harga itu boleh dikekalkan sama. Kalau boleh dijelaskan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tentang *double handling* tadi berlaku di Labuan. Jadi di Labuan itu saya masih tidak boleh memberi janji bahawa harganya sama. Memang itu dari segi praktikal. Cuma yang saya sebut tadi di Sabah dan Sarawak dan Labuan ini bukan di Sabah. Ia *another* pulau. Ia di bawah Wilayah Persekutuan. Jadi kalau di Sabah dan Sarawak memang kita boleh kekalkan tetapi berlaku *double handling* ini di Labuan dan di Labuan ini kita memang belum cuba lagi. Jadi saya tidak boleh memberi janji yang harganya sama. Walau bagaimanapun yang boleh kita beri janji harganya boleh kurang daripada harga barang-barang lain yang sudah ada di pulau itu. Soal berapa dan sebagainya kita belum masuk ke Labuan. Tentang KR1M tadi...

Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Pencelahan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sekejap, saya sambung. KR1M tadi memang kedai-kedai biasa digalakkan seperti saya sebut tadi untuk mengelakkan persaingan antara kedai runcit biasa dengan Kedai Rakyat 1Malaysia. Kedai runcit biasa itu digalakkan untuk menjual produk-produk KR1M di dalam kedai mereka. Jadi kita

galakkan. Jadi kalau mereka sendiri menjual produk KR1M tentu tidak ada persaingan lagi antara kedai mereka dengan kedai KR1M tadi. Jadi kita galakkan.

Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, masih isu kenaikan harga barang yang sedang kita bahaskan sekarang. Saya ingat satu ketika dahulu isu kenaikan harga barang ini peranan yang dimainkan oleh kementerian ialah dia semacam ada laporan analisa harga. Saya pernah terbaca yang di kenal pasti sejumlah item. Kemudian akan teliti item ini merujuk tiga kategori iaitu pengekalan harga, penurunan harga ataupun peningkatan harga barangan dan ia boleh menjadi satu panduan dan petunjuk setakat mana trend kenaikan harga barang ini berlaku dan ia sangat memberi manfaat kepada pengguna terutama dalam pendidikan pengguna membeli barang perlu pada harga yang dipandukan berasas kepada laporan itu. Itu satu peranan yang sangat penting.

Saya ingin tahu apakah peranan itu dikekalkan. Kalau diteruskan sampai sekarang itu bagus. Cuma hebahan atau makluman kepada khalayak itu tidak begitu dirasai. Ini adalah elemen dalam kawalan kita. Kalau kenaikan harga itu berpunca daripada faktor pemanasan global, kerana kita mengimport beras daripada negara pengeluar itu kita faham. Itu di luar kawalan ataupun kerana belanja membeli barang keperluan makanan kita lebih tinggi daripada eksport barangan kita menjadikan defisit. Itu faktor dalam kawalan juga tapi fungsi asas kementerian ini dalam mengatasi soal ini selain daripada kerehah peniaga yang mengambil peluang, selain daripada mendidik pengguna yang bijak satu komponen yang saya sebutkan tadi adalah aspek peranan kementerian dalam memberikan panduan berasaskan kepada trend harga semasa. Apakah perkara itu diteruskan dan setakat mana usaha mengembang atau memaklumkan kepada khalayak.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang peranan itu masih lagi kita jalankan. Setiap hari pegawai pemantau harga kementerian akan melaporkan dan kita akan membuat analisa dan setiap bulan indeks harga pengguna dan perbandingan harga akan dibentangkan di dalam Kabinet. Misalnya pada bulan Februari, perbandingan antara harga bulan Januari dan Februari misalnya kita bentangkan terdapat 25 barang yang mengalami penurunan harga, 12 barangan yang berlaku kenaikan harga dan yang selebihnya tidak ada perubahan. Memang perkara itu ada.

Cuma bezanya dahulu setiap bulan kita membuat pengumuman mengenai indeks harga pengguna dan sebagainya. Jadi apabila ada pengumuman memang akan keluar tapi dalam negara kita ini saya lihat berita itu bukan satu berita yang sensasi. Jadi kadang-kadang keluarnya agak kecil. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat saya berterima kasih kepada pandangan tersebut. *Insya-Allah* dalam bulan akan datang ini saya percaya elok kita buat seperti iklan dan sebagainya untuk kita keluarkan indeks harga pengguna dan juga perbandingan harga setiap bulan, trend dan sebagainya. *Insya-Allah* kita akan keluarkan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang kita telah berbelanja sebanyak RM18 bilion untuk subsidi keperluan barang-barang makanan. Mutakhir ini harga minyak telah pun melampaui harga USD135 satu tong yang boleh menyebabkan harga komoditi dan lain-lain barang keperluan yang kita import akan juga naik. Jadi maknanya kerajaan bukan sahaja terpaksa menanggung bebanan subsidi yang bertambah tetapi kemungkinan sampai satu masa nanti kerajaan terpaksa menaikkan harga barang-barang kalau kita hendak tengok defisit kita tidak akan berkembang.

Apa yang terjadi pada ketika ini Yang Berhormat Menteri, pada pilihan raya PRU-12 yang lalu banyak daripada kekalahan kita disebabkan oleh pembohongan yang dilakukan oleh parti pembangkang yang menuduh bahawa kenaikan harga barang ini disebabkan oleh kerajaan yang mengatakan BN – 'barang naik'. [Ketawa]

Ha, inilah barang memang naik pun. Akan tetapi dia tidak dapat terima hakikat kerana dia gunakan isu ini sebagai satu perkara yang boleh membohongi kepada rakyat bahawa seolah-olah kerajaan kita tidak peka. Apa yang saya hendak gambarkan di sini Yang Berhormat Menteri sekarang banyak barang keperluan kita, barang makanan kita yang lebih murah daripada negara-negara lain seperti negara-negara macam Thailand, Singapura yang diseludup keluar kerana daripada orang yang tidak bertanggungjawab ini. Selain daripada tindakan untuk memastikan supaya tidak ada penyeludupan sekarang kita

hendak kalau boleh Yang Berhormat Menteri melalui kementerian memberikan maklumat kepada kerajaan.

Kalau tidak selama itulah rakyat akan dibohongi oleh parti-parti pembangkang yang merayau tiap-tiap kampung pada malam dia kata kenaikan harga barang disebabkan oleh kerajaan bahkan dia tidak berterima kasih. Malaysia di antara negara bukan sahaja yang memberikan subsidi yang cukup tinggi tetapi yang boleh menyediakan barang-barang keperluan makanan yang termurah sekali di rantau ini.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Ada tidak orang yang merayau di sini?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ada.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Ada ya?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Banyak ada. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, dalam perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua. Kalau merujuk kepada jumlah yang diluluskan oleh Parlimen saya rasa tidak ada sesiapa pun yang boleh menafikan keseluruhan yang disebut sebanyak RM33.2 bilion keseluruhan dan daripada jumlah itu RM17.01 bilion untuk tiga item yang Yang Berhormat sebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sebut RON95, diesel dengan LPG. Itu yang jelas disebut walaupun saya ingat hendak kemudiannya sedikit soalan ini, bila ada berkenaan subsidi saya rasa elok saya kemukakan sekali.

Soal kenaikan subsidi atas tiga barangan tadi termasuk harga minyak ini tujuannya Tuan Yang di-Pertua kita boleh elakkan daripada kita dituduh membawakan fakta yang tidak benar, satu. Yang kedua, memberikan kesempatan kepada pihak kementerian untuk memberi penjelasan sebab perkara ini ditimbulkan oleh kementerian sendiri dan tidak ada penerangan yang lengkap menjelaskan kedudukan ini. Kedudukan apa? Kedudukannya ialah kalau RM17 bilion itu disebut sebagai tiga item dan termasuk juga pemberian bantuan wang yang telah pun digunakan sebanyak RM2 bilion secara logiknya jumlah RM17 bilion untuk subsidi tiga barangan tadi telah pun berkurang kepada RM15 bilion.

■ 2110

Jadi perkara ini mendesak secara logiknya untuk harga minyak atau tiga item ini dinaikkan kerana subsidi telah dikurangkan sebanyak RM2 bilion. Hari ini Yang Berhormat Menteri sendiri telah membuat pengumuman subsidi ditambah 10 sen satu liter untuk RON95, hari ini disiarkan oleh *The Star*. Kalau tambahan 10 sen satu liter ini bermakna kementerian Yang Berhormat terpaksa meminta tambahan paling tidak RM900 juta untuk menampung subsidi ini. Paling tidak, jadi hendak mari daripada mana RM3 bilion yang terkurang ini untuk mengekalkan subsidi sekurang-kurangnya tiga item. Saya tidak hendak sebut barang-barang lain-lain yang dia kata barang naik, barang naik, tidak. Tetapi spesifiknya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya ingat kita sudah sebut kepada benda yang baru. Kalau tidak kita akan debat benda yang baru Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini di dalam perbahasan saya. Jadi sebab itu saya ambil peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Akan tetapi pengumumannya hari ini, bagaimana debatnya Yang Berhormat sebut semalam.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya kata berkenaan dengan penarikan subsidi. Jumlah subsidi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kalau saya buat debat dengan Yang Berhormat tidak habis kita malam ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, saya...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya cuma hendak simpulkan bagaimana hendak terangkan RM3 bilion yang dicabut daripada kepala 20500 dalam B.11 itu untuk tampung kenaikan harga itu. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, yang pertamanya, andaian. Saya rasa itu andaian yang cabut RM2 bilion untuk BR1M seperti yang saya difahamkanlah. BR1M tidak termasuk di dalam subsidi minyak dan sebagainya. Subsidi yang RM17 bilion..

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membuat pengumuman Yang Berhormat. Perdana Menteri buat pengumuman.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ini bukan daripada subsidi kementerian ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya rujuk kepada perkara B.11 di bawah 20500 - Subsidi Gas Cecair, LPG, Diesel, Petrol dan Bantuan Tunai. Ini disebut di jawapan Perdana Menteri. Sebanyak RM17 bilion dan RM2 bilion termasuk dalam bantuan ini. Ini dijawab oleh Perdana Menteri. Dijawab Perdana Menteri kalau tidak, saya tidak, saya tidak akan *quote* perkara ini kalau saya sendiri tidak mendengar dan *Hansard* boleh membuktikan. Perdana Menteri menjelaskan BR1M dicabut daripada kepala 20500 dalam B.11.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Di dalam *Hansard*, di dalam *Hansard*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, di dalam *Hansard*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Di dalam *Hansard* saya kena *check* dululah. Saya kena *check Hansard* dulu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ramai Ahli Parlimen yang berada di dalam Dewan sebab itu saya berminat untuk bertanya perkara ini. [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya akan *check* dahulu. Kalau di dalam *Hansard* saya kena *check*, sebab setahu saya apa yang kita terima subsidi kita adalah untuk membayar dari subsidi bahan-bahan petroleum dan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, Yang Berhormat saya beritahu soalan itu soalan pertama, hari pertama semasa soalan dikemukakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya *check* dahululah, saya tidak ada di Parlimen waktu itu saya akan *check*, saya akan *check*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi tidak ada penjelasan setakat ini.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, saya fikir ini mengelirukan, mengelirukan. Saya fikir Yang Berhormat Menteri membentangkan berkenaan hal kepenggunaan kita sebut apa yang terjadi pada ketika ini jangan sebut perkara yang lain. Ini sudah mengelirukan ini. Sebenarnya peruntukan itu peruntukan mengurus.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup dihadapkan ke Jawatankuasa Kebebasan dan Hak sekiranya saya buat kenyataan mengelirukan Dewan. Kita boleh semak *Hansard* dan saya masih ingat. Saya menawarkan diri, saya boleh dan saya sanggup dihadapkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sekiranya saya mengelirukan Dewan atas jawapan itu. [*Tepuk*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, kita akan *check*. Kita *check*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Indera Mahkota duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey kita akan *check*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat Menteri kalau tidak ada jawapan, kalau jawapan itu tidak daripada berlandaskan apa fakta-fakta yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, saya nasihatkan Yang Berhormat Menteri jangan jawab.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sebab itu saya kata saya akan *check*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Oleh sebab Yang Berhormat, *check* dahulu, kalau ada jawapan yang sebenar berdasarkan landasan-landasan jawapan yang betul baru boleh jawab Yang Berhormat. Kalau tidak Yang Berhormat boleh dikatakan apa yang disebut tadi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya boleh dirujuk sekiranya saya mengelirukan Dewan. Tidak apa.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya akan *check* dan saya hendak maklumkan kepada Dewan banyak belanjawan yang kita luluskan yang tidak mencukupi. Kita tidak mencukupi. Oleh sebab itulah kita belanjawan tambahan. Kita akan ada belanjawan tambahan. Misalnya gula. Gula yang telah pun diluluskan. Di dalam bajet subsidi gula tidak mencukupi kerana gula meningkat harganya. Walau bagaimanapun kita kekalkan harga gula. Jadi bermaknanya perlu ada tambahan subsidi dan kita akan masukkan dalam bajet tambahan untuk meminta tambahan subsidi tersebut.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sebentar Yang Berhormat. Begitu juga dengan minyak dengan RON95. Tadi saya umumkan mungkin ada yang terkeliru. Naik 10 sen itu bermaknanya pada bulan Februari kita memberi subsidi sebanyak 93 sen bagi minyak RON95. Bulan ini kita naik lagi menjadi RM1.03 naik 10 sen lagi itu sahaja. Subsidi tidak mencukupi. Bermakna kita akan dapat tambahan lagi kerana di dalam soal subsidi setiap empat bulan kita akan *review* balik. Bermakna kalau ada tidak cukup bajet kita untuk subsidi kita akan minta di dalam bajet tambahan.

Jadi Yang Berhormat Indera Mahkota oleh sebab Yang Berhormat membangkitkan sesuatu yang saya tidak pasti tentang *Hansard* itu, saya akan bagi jawapan kepada Yang Berhormat selepas saya *check Hansard* tadi. Tidak apa, *it's okay*. Saya hendak pergi, saya hendak beralih kepada yang lain.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terakhir.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kita hendak beralih tidak apa, *it's okay*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak jawab apa, saya terpaksa kerana Yang Berhormat Jasin mengatakan, malam-malam kita keluar untuk beri perkara yang tidak benar. Saya tidak sebut perkara lain, ini berkenaan subsidi sahaja, subsidi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak apa, tidak apa. Mana boleh. mana boleh Yang Berhormat Indera Mahkota menjawab dia tanya saya. Jadi biar saya yang menjawab bukan Indera Mahkota menjawab. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tetapi adakah tidak penerangan daripada Yang Berhormat Menteri sekarang berkenaan dengan kenaikan 10 sen dan juga yang dicabut daripada peruntukan itu. Saya rasa perkara ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Perkara yang cabut ini saya sudah kata kita akan *check*. Tuan Yang di-Pertua pun sudah sebut, saya pun tidak berani menjawab sesuatu yang saya tidak baca di dalam *Hansard* dan sebagainya. Ya. Okey.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okeylah terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada satu perkara lagi yang dibangkitkan ialah kewujudan *hypermarket* yang telah menjejaskan kedai runcit kecil dan juga projek transformasi ataupun TUKAR. Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar. Untuk makluman Yang Berhormat, satu kajian iaitu kajian impak *hypermarket* ke atas sektor perdagangan dalam negeri yang telah dilaksanakan pada tahun 2005 jelas menunjukkan bahawa tiada kaitan secara langsung penutupan kedai-kedai runcit tempatan dengan kehadiran *hypermarket* di kawasan mereka.

Bagi projek TUKAR pula ianya dilaksanakan bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran peruncitan yang kompetitif. Pihak *hypermarket* tempatan dan asing turut terlibat secara langsung secara konsultan secara *corporate social responsibility*, dengan izin bagi pelaksanaan projek TUKAR. *Hypermarket* tempatan dan asing ini berperanan bagi membantu peruncit-peruncit tradisional yang sedia ada melalui khidmat nasihat pemodenan peruncitan, penyediaan *panogram*, latihan peruncitan dan sebagainya.

Justeru kewujudan *hypermarket* lebih dilihat membawa manfaat kepada peruncit berbanding dakwaan bahawa ianya adalah sebab kegagalan peruncit untuk kekal berdaya saing di dalam pasaran. Lebih-lebih lagi di dalam pembinaan *hypermarket*, pihak

kementerian mempunyai jawatankuasa yang khusus untuk mengkaji setiap permohonan bagi *hypermarket* asing untuk membina *hypermarket*. Beberapa perkara yang diberi perhatian ialah termasuklah jumlah penduduk dan juga kawasan-kawasan di sekitar *hypermarket* tersebut. Akhir sekali ialah berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka mengenai aktiviti *multilevel marketing* oleh *mobile wallets*. Untuk makluman, *mobile wallets* telah pun dibatalkan pendaftarannya pada tahun 2008 bila didapati ada sedikit keraguan dari segi pelan pemasaran mereka dan sebagainya. Jadi saya kira itu sahajalah.

■ 2120

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mengenai perkara *get-rich-quick scheme* itu iaitu permit Skim Bestino.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bestino?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, Bestino di mana RM430 juta telah dilabur dengan kepercayaan bahawa dividen-dividen yang tertentu tetapi tidak dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bila bangkitkan itu?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Baru-baru ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, siapa yang bangkitkan dalam ucapan?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya, saya, saya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya rasa dalam *Hansard* tidak ada. Saya tidak boleh bagi jawapan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh kalau perkara baru, saya akan bagi jawapan kepada Yang Berhormatlah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey, boleh, boleh, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya akan bagi jawapan. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan pandangan dan cadangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

9.21 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pengangkutan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Bharu membangkitkan isu berhubung cadangan binaan pelabuhan laut di pesisir pantai negeri Kelantan kerana lokasinya yang strategik. Untuk makluman, terdapat dua buah pelabuhan kecil sedia ada di negeri Kelantan iaitu di Kuala Besar dan Tok Bali. Kementerian Pengangkutan pernah menerima satu cadangan untuk membina sebuah pelabuhan baru di Tok Bali, Kelantan pada tahun 2008 di mana pihak syarikat telah diminta mengemukakan cadangan dan justifikasi terperinci. Beberapa mesyuarat dengan syarikat Unit Kerjasama Awam Swasta dan Unit Perancang Ekonomi negeri Kelantan telah diadakan pada tahun 2009 dan tahun 2011 di mana syarikat telah diminta untuk mengemukakan cadangan dan justifikasi penuh serta kajian kemungkinan yang telah dilaksanakan kerana terdapat perubahan skop dari cadangan asal.

Kajian kemungkinan tersebut yang terkini telah diterima pada 23 Mac 2012 dan sedang diteliti oleh Kementerian Pengangkutan. Dalam hubungan ini, pembinaan dan pembangunan sesebuah pelabuhan turut bergantung kepada perdagangan dan kegiatan ekonomi sesuatu kawasan di samping keadaan fizikal dan persekitaran sesebuah lokasi. Untuk memastikan sesebuah pelabuhan itu berdaya maju ataupun *viable* ia perlulah

mempunyai kegiatan ekonomi *interland* yang boleh menyokong kerancangan pembangunan dan kemajuan sesebuah pelabuhan.

Yang Berhormat Sekijang memohon penjelasan kenapa pelabuhan darat ataupun Inland Port dengan izin Segamat tidak lagi beroperasi dan bilakah ia dijangka akan beroperasi semula?

Untuk makluman Segamat Inland Port (SIP) telah memulakan operasi pada bulan Mei tahun 1999. Walau bagaimanapun, Segamat Inland Port ini telah memberhentikan operasinya pada November 2006 disebabkan pembangunan industri di sekitar SIP tidak berkembang seperti mana yang dirancang. Pada masa kini, Lembaga Pelabuhan Klang sedang mengkaji semula untuk menghidupkan operasi Segamat Inland Port susulan permintaan dari pekilang-pekilang dan persatuan perdagangan dari daerah Segamat dan persekitarannya. Kementerian ini mengalu-alukan cadangan dari mana-mana pihak yang berminat untuk mengendalikan SIP dan boleh menghantar kertas cadangan kepada Kementerian Pengangkutan atau Lembaga Pelabuhan Klang.

Yang Berhormat Langkawi memohon penjelasan berkaitan isu penumpang di jeti Langkawi seperti tempat duduk dan kawasan ruang menunggu yang kurang memuaskan. Untuk makluman, kerja-kerja menaik taraf di Terminal Feri Kuala Perlis sedang dilaksanakan dan dijadualkan siap pada Oktober 2012. Antara kemudahan yang sedang dinaiktarafkan adalah bangunan terminal serta kemudahan seperti kerusi penumpang, kaunter tiket dan tandas awam. Manakala bagi terminal feri penumpang Kuala Kedah pula, Jabatan Laut Malaysia akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi membaiki kemudahan asas di terminal tersebut dalam tahun 2012.

Yang Berhormat Langkawi juga turut mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan pembinaan feri di luar kawasan pantai iaitu lebih kurang dua batu atau tiga batu keluar agar ia tidak dibelenggu oleh masalah lumpur dan air surut dan menjadi punca kelewatan jadual perjalanan feri.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, terminal feri di Kuah, Langkawi tidak menghadapi sebarang masalah pemendapan lumpur. Pada masa ini, kajian Pelan Pembangunan Strategik negeri Perlis termasuk *facility* Terminal Maritim Kuala Perlis sedang dijalankan oleh pihak berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (North Corridor Implementation Agency) bagi mengkaji cadangan untuk mendirikan sebuah terminal feri yang baru yang jaraknya lebih kurang 5.2 kilometer di luar pantai Kuala Perlis. Kajian ini dijangka akan siap pada April 2012.

Bagi Kuala Kedah, Unit Perancang Ekonomi sedang menyelaras dengan NCIA dan Jabatan Laut Malaysia bagi menjalankan kajian yang serupa. Yang Berhormat Bukit Mertajam ada meminta penjelasan berkaitan pengerukan dan pendalaman saluran pelabuhan Pulau Pinang kepada 14 meter bagi membolehkan kapal besar belayar.

Untuk makluman, pengerukan pelabuhan Pulau Pinang akan dilaksanakan oleh syarikat yang akan mengambil alih pelabuhan tersebut sebagaimana digariskan dalam syarat-syarat penswastan. Yang Berhormat Bukit Mertajam juga turut meminta penjelasan berkaitan penswastan Pelabuhan Pulau Pinang yang dikatakan diberi kepada Syarikat Tan Sri Syed Mokhtar di mana syarikat Tan Sri Syed Mokhtar telah memiliki tiga lagi pelabuhan di Malaysia iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Melaka.

Untuk makluman, penswastan Pelabuhan Pulau Pinang telah dibuat melalui tender terhad. Pembida yang berjaya adalah syarikat yang berpengalaman, berkepakaran, berdaya maju dan mempunyai *cash flow* dengan izin yang kukuh bagi menjamin pembangunan dan kemajuan Pelabuhan Pulau Pinang. Untuk makluman, Pelabuhan Melaka telah diswastakan kepada Syarikat Pengendali Pelabuhan Gabungan Sdn. Bhd. sejak tahun 1992 selama 21 tahun dan akan tamat pada 2 November 2013.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Yang Berhormat, penjelasan sedikit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak bantah untuk menswastakan pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang kerana saya rasa mungkin dia berikan kepada syarikat yang lebih berkesan. Akan tetapi, mengapa ia hanya melalui tender terhad sahaja? Mengapa tidak tender terbuka dan adakah benar bahawa ia memang diberikan kepada Syarikat Tan Sri Syed Mokhtar kerana sekiranya ia diberikan kepada Tan Sri Syed Mokhtar, adakah ia akan

menimbulkan masalah monopoli? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan?

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Sedikit Yang Berhormat kalau boleh. Labuan, Labuan.

Tuan Jelaing anak Mersat: Oh! Okey.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan mengenai sistem pengerukan (*dredging*) ini di semua pelabuhan di Malaysia. Seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, Pulau Pinang telah memohon untuk di *dredging*, kita dalamkan sebanyak 14 meter. Seperti mana saya difahamkan, pelaksanaan *dredging* pelabuhan di seluruh Malaysia dilaksanakan oleh sebuah Syarikat Inai Kiara yang mana konsesinya selama 15 tahun. Apakah konsesi untuk Inai Kiara bahawa Sandakan semua pelabuhan di seluruh Malaysia masih berlaku dan kalau masih berlaku bilakah waktunya akan berakhir konsesi yang selama 15 tahun yang di *award* kepada Inai Kiara. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sambung sedikit ya. Tadi disebut tentang Pelabuhan Melaka tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■ 2130

Pelabuhan Tanjung Beruas di Melaka telah pun diswastakan sekian lama dan pelabuhan ini semakin tertinggal dan tidak diurus dengan begitu baik. Adakah pihak kementerian akan bercadang untuk menamatkan penswastaan ini kepada sebuah syarikat yang sebenarnya tidak menguruskan pelabuhan ini dengan cara yang satu pelabuhan yang boleh menguntungkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah meminta penjelasan minta jawapan tadi.

Bagi Yang Berhormat Bukit Mertajam, terlebih dahulu soalan yang pertama tadi berkaitan dengan mengapa tender ini tidak buat *open tender*. Ini telah diputuskan di satu peringkat perbincangan, jadi saya tidak boleh jawab di sini.

Yang kedua, berkaitan dengan monopoli. Saya sudah jawab tadi. Ini belum tentu lagi akan diberi *award* kepada syarikat Tan Sri Syed Mokhtar. Saya tidak ada sebut yang ini akan diberi ataupun sedang dipertimbangkan dan sebagainya, Yang Berhormat. Jadi, belum tentu lagi sama ada soalan monopoli ini timbul atau tidak.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih. Akan tetapi kita memang sudah tahu ada berapa syarikat yang tender sahaja. Ini kerana *close tender*, tender terhad. Jadi, ini saya rasa bertentangan dengan polisi Kerajaan Barisan Nasional – Transformasi yang dikatakan yang hendak melalui tender terbuka tetapi ini adalah tender terhad. Saya juga difahamkan bahawa hanya ada dua atau tiga buah syarikat sahaja dan syarikat kepada Tan Sri Syed Mokhtar itu memberikan *bid* yang menarik. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah syarikat yang memasuki tender dalam tender terhad ini? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan awal tadi, saya tidak boleh memberitahu sebab tidak ada maklumat bagi siapa yang akan diberi tender ini. *Committee* ini memang wujud untuk memilih *company-company* ataupun syarikat-syarikat yang buat *bidding* pada ini, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Berapa buah syarikat yang tender?

Tuan Jelaing anak Mersat: Saya tidak diberitahu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, bolehkah saya dapat jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, soalannya satu sahaja, Yang Berhormat. Soalannya, berapa syarikat yang mengambil bahagian dalam tender?

Tuan Jelaing anak Mersat: Saya tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat tidak ada jawapan, beritahu tidak ada jawapanlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang senang pun tidak ada. Ini maklumat sulitkah?

Tuan Jelaing anak Mersat: Dalam perbahasan tidak ada sentuh dan tidak ada minta maklumat ini. Saya tidak ada maklumat yang diberi dan kalau perlu nanti saya akan beri jawapan secara bertulis. Okey?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan beri jawapan bertulis.

Tuan Jelaing anak Mersat: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak maklumkan memang ini sudah...

Tuan Jelaing anak Mersat: Hendak jawab dua lagi. Nanti saya lupa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini sekarang dalam proses, Tuan Yang di-Pertua. Dia hanya *process to draft the agreement*. Memang pun keputusan telah dibuat. Saya maklumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Jelaing anak Mersat: Ini luar daripada pengetahuan saya. Saya tidak tahu macam mana Yang Berhormat Bukit Mertajam tahu, Tuan Yang di-Pertua. Dia yang cadangkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ramai orang dalam industri sudah tahulah.

Tuan Jelaing anak Mersat: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk dulu Yang Berhormat.

Kedua-dua pihaklah. Semalam ada Tuan Yang di-Pertua memberi penjelasan. Saya bersetuju dengan penjelasan. Peraturan Mesyuarat 36(12) itu *diapply* kepada kedua-dua pihak. Bukan sahaja kepada menteri tetapi kesemua pihak. Jadi, saya ingat jangan tegaskan jawapan yang mungkin kita sendiri tidak pasti, Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang saya pasti tidak ada maklumat dari saya.

Yang Berhormat Labuan, soalan tadi? Berkaitan dengan?

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Berkaitan dengan *dredging* di mana saya difahamkan memang sudah ada bahawa semua projek ataupun pembuatan pengerukan atau *dredging* di semua pelabuhan di Malaysia telah pun di *award* kepada Inai Kiara selama 15 tahun. Jadi, apakah perkara ini masih berlaku? Kalau berlaku, bilakah kontrak Inai Kiara ataupun konsesi ini berakhir kerana kalau 15 tahun, semua pelabuhan di seluruh Malaysia dilaksanakan oleh cuma sebuah *company*. Jadi, *company-company* yang kecil ini tidak boleh cari makan lagilah di pelabuhan. Jadi, kita harapkan biarlah kalau kita bagi konsesi itu, tiga tahun atau lima tahunlah. Sekurang-kurangnya *after five years* orang lain juga boleh *bidding* untuk buat *dredging* di mana-mana pelabuhan di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Konsesi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi akan berakhir ada tahun 2023. Lama.

Yang Berhormat Jasin? Soalan tadi berkaitan dengan?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Pelabuhan Tanjung Beruas, Melaka. Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi tentang pelabuhan di Melaka. Tanjung Beruas.

Tuan Jelaing anak Mersat: Apa yang?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Penswastaannya itu hanya dipegang oleh sebuah syarikat yang tidak mengendalikannya dengan baik.

Tuan Jelaing anak Mersat: Kita akan bawa ini kepada perhatian kementerian dan Yang Berhormat Menteri akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sejak yang saya tahu bahawa syarikat yang tender itu, satu-satunya termasuklah *dredging work* yang dibuat oleh syarikatnya hanya ada satu iaitu syarikat Tan Sri Syed Mokhtar. Yang saya hendak tahu, pun tidak apa. Yang saya hanya khuatir bahawa ada unsur monopoli ini, nanti ia tidak mengikut syarat-syarat ataupun mengikut *agreement* di mana dia mesti buat *dredging*, *because dredging work* ini harganya ialah lebih kurang RM400 juta. Bilakah dia? Adakah di dalam *agreement* itu, bilakah dia patut buat kerana kami di Pulau Pinang khuatir nanti kalau dia sabotaj, dia tidak mahu buat *dredging*, nanti pelabuhan ini akan menjadi *feeder port* dan bukan *semi hub*. Ia akan menjejaskan ekonomi Pulau Pinang dan seluruh *Northern Malaysia* dan kalau ekonomi di *Northern Malaysia* terjejas, tentulah ekonomi Malaysia juga akan ada kesan.

Jadi, hendak tahu bilakah *dredging work* ini akan dilaksanakan? Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahulah.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang ini saya sedikit tahu bahawa *dredging* ini akan dibuat tetapi ia masih tertakluk kepada *agreement* di antara syarikat yang akan diberi tender ini nanti dengan pihak yang berkuasa. Itu sikat saya tahu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Maksudnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu bilakah ataupun *agreement* ini masih dalam proses. Adakah ia belum siap lagi kerana saya dengar – ini bukan rahsia kerana apa yang telah dibuat, tentu orang lain akan tahu. Begitu ramai orang dalam industri ini dan mereka khuatir kerana dengarnya bahawa syarikat yang mendapat tender itu memang sudah masuk ke syarikat pelabuhan untuk memberi arahan dan *instruction* dan sebagainya.

Jadi, saya kalau boleh – sekiranya boleh, saya suka mendapatkan satu *agreement* kalau boleh supaya kita juga melindungi kepentingan *Northern Malaysia* supaya kita tahu bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini tidak memihak sahaja kepada konsesi ataupun syarikat yang mendapat tender ini dan tidak peduli kepada kepentingan-kepentingan penduduk-penduduk di *northern region* dan juga orang-orang di dalam industri. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini nampak banyak tuduhan, ini. Yang Kerajaan Barisan Nasional akan memboikot perdagangan di *northern area*. Ini tidak betul. Tidak betul.

■ 2140

Kita tidak ada niat itu, kementerian tidak ada niat itu Yang Berhormat. *Let me go on with rest of the answers*, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, saya harap tidak ada niat itu. Saya memang harap-harap tidak ada niat itu. Akan tetapi sekiranya tidak telus dan tender bukan terbuka, tender terhad sahaja kita khuatir, mereka *players* di dalam industri. Mereka pun khuatir kerana pada waktu sekarang 40% kargo *go directly to the destinations*. Namun kalau *dredging* tidak dibuat nanti dia menjadi satu *feeder port*, dia *go backwards*. Jadi saya suka dapat satu jaminan dari Kerajaan Barisan Nasional kalau bukan dari Yang Berhormat...

Tuan Jelaing anak Mersat: Dari Barisan Nasional.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Supaya akan telus dalam penswastan ini dan juga tender ini jangan seperti tender *North-South Highway* dan banyak lagi *concession* ataupun banyak lagi projek mega yang dia memberi kepentingan kepada syarikat konsesi dan bukan kepentingan rakyat. Saya hanya hendak satu jaminan bahawa kepentingan bahawa rakyat dan juga industri ini akan diutamakan dan bukan syarikat tender itu, terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam kita akan bagi tahu apa yang perlu diberitahu kepada seluruh rakyat Malaysia apabila syarikat konsesi ini akan menjalankan tugas dan *agreement* semua siap dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya *go on*.

Yang Berhormat Tawau meminta penjelasan mengenai jawapan bertulis kepada soalan bertulis nombor 482 sesi Parlimen Oktober 2011, yang lalu yang berkaitan dengan

perangkaan jumlah kenderaan di Tawau. Untuk makluman, perangkaan bilangan kenderaan yang diberikan di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan kepada bilangan pendaftaran kenderaan yang dilakukan di sesuatu daerah. Sebuah kenderaan yang didaftarkan di sesuatu daerah tidak semestinya terhad untuk digunakan di daerah tersebut sahaja. Justeru itu tidak timbul isu bahawa kesesakan lalu lintas yang berlaku di sesuatu bandar atau kawasan disebabkan oleh kenderaan yang berdaftar di sesuatu daerah tersebut atau kemasukan kenderaan haram. Untuk makluman, sesebuah kenderaan boleh digunakan di atas jalan raya hanya apabila kenderaan tersebut mempunyai cukai jalan yang sah dan mematuhi peruntukan undang-undang yang sedia ada termasuk *roadworthiness* dengan izin. Bagi cadangan Yang Berhormat Tawau agar disediakan subsidi pengangkutan di Sabah, untuk makluman sektor pengangkutan telah diberikan pelbagai subsidi seperti petrol RON95 dan diesel. Selain itu untuk makluman Yang Berhormat kadar cukai jalan Sabah adalah lebih rendah berbanding Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Tawau turut bertanya mengenai jumlah denda kesalahan lalu lintas yang telah dikutip setiap negeri khususnya di Sabah dan Sarawak oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan setiap tahun bagi lima tahun yang lalu dan bagaimanakah Kementerian menggunakan kutipan tersebut dalam dua tahun yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan, jumlah bayaran kompaun dan denda bagi kesalahan lalu lintas yang dikutip oleh JPJ bagi tempoh lima tahun di Sabah adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Kutipan
2007	RM3,500,841
2008	RM3,654,425
2009	RM5,899,240
2010	RM6,856,373
2011	RM6,376,746

Maklumat kutipan bagi negeri Sarawak dan Semenanjung Malaysia akan dikemukakan kepada Yang Berhormat secara bertulis sebab itu panjang sangat. Kita bagi angka-angka secara bertulis. Untuk makluman, kutipan bayaran tersebut akan disalurkan kepada Kumpulan Wang Disatukan ataupun *consolidated fund* dengan izin yang dikawal selia oleh Kementerian Kewangan.

Isu kemalangan jalan raya ini, beberapa Ahli Yang Berhormat turut telah membangkitkan isu berkaitan kemalangan jalan raya. Yang Berhormat Tangga Batu mengatakan kadar kemalangan jalan raya yang tinggi pada tahun 2005 telah mencadangkan supaya sistem kejuruteraan digunakan untuk tujuan mengawal kelajuan khususnya bagi kenderaan-kenderaan pengangkutan awam. Contohnya SCADA ataupun dengan izin *Supervisory Control and Data Acquisition*. Untuk makluman pemantauan sebegini telah diperkenalkan semenjak tahun 2008 di mana kerajaan melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), pada waktu itu telah mensyaratkan penggunaan alat merekod kelajuan seperti *Global Positioning System* terhadap permohonan baru dan ganti bas. Dengan menggunakan GPS pihak pengurusan syarikat bas boleh memantau kelajuan dan perjalanan pemandunya selaras dengan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran ataupun dengan izin *Safety Health and Environment Code of Practice*.

Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Lenggong menyentuh berkaitan aspek pendidikan dan penguatkuasaan yang perlu ditekankan bagi mendisiplinkan pemandu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aspek penguatkuasaan dan pendidikan sentiasa dititikberatkan oleh kerajaan dalam usaha untuk memastikan pengguna jalan raya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan sekali gus mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Automated Enforcement System ataupun AES adalah merupakan inisiatif kerajaan dalam melaksanakan penguatkuasaan yang berterusan yang mana akan dapat meningkatkan *perception of being caught* ataupun POBC dengan izin daripada 20% hingga

40% kepada 90%. Selain itu aspek pendidikan keselamatan jalan raya turut diutamakan melalui strategi-strategi seperti berikut yang menyasarkan pelajar sekolah dan masyarakat umum:-

- (i) didikan keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah;
- (ii) program sokongan bagi menyokong pelaksanaan PKJR; dan
- (iii) advokasi dan kempen melalui media.

Kerajaan telah melaksanakan program pendidikan keselamatan jalan raya di semua sekolah rendah secara berperingkat mulai tahun 2007. Program ini diajar sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Malaysia dan sejak tahun 2010 semua murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6 telah diberi pendedahan PKJR di seluruh Malaysia. PKJR ini akan diperluaskan ke sekolah menengah bagi Tingkatan 1 mulai pertengahan tahun 2011 dan akan dilanjutkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 2 dan 3 pada tahun 2013 sebagai susulan kurikulum yang telah dilaksanakan di sekolah rendah.

Yang Berhormat Kinabatangan turut menyarankan sekolah-sekolah memandu menerapkan unsur-unsur pemanduan secara berhemah. Usaha untuk memupuk tingkah laku pemanduan selamat boleh dibuat melalui penambahbaikan kurikulum pemanduan dari semasa ke semasa. Aspek-aspek yang diberi fokus dalam penambahbaikan kurikulum pemanduan semasa adalah kepada pencapaian hasil pembelajaran ataupun dengan izin *learning outcomes* dalam bidang pengetahuan, kemahiran dan sifat yang diperlukan untuk mewujudkan pemanduan yang kompeten dan persekitaran jalan raya yang lebih selamat. Penggubalan semula kurikulum latihan memandu baru dibuat selaras dengan perkembangan drastik dalam industri pemotoran dan rangkaian sistem jalan raya serta ragam pemandu yang semakin kompleks. Pelaksanaan kurikulum baru pengajaran memandu ini dijangka akan bermula akhir 2012 ini.

Yang Berhormat Ampang mencadangkan agar adakan satu insentif dan kelonggaran daripada kerajaan untuk golongan *entrepreneur* wanita di negara yang berminat untuk membuka sekolah institut memandu.

■ 2150

Kerajaan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Ampang berhubung kelonggaran syarat yang diberikan kepada golongan wanita untuk membuka sekolah atau pun institut memandu. Walau bagaimanapun, dasar penubuhan institusi memandu pada masa ini tidak menetapkan hanya golongan tertentu sahaja dibenarkan mengusahakan sesebuah sekolah atau pun institut memandu.

Kerajaan sentiasa memberikan peluang kepada mana-mana pihak termasuklah *entrepreneur* wanita yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan untuk menjalankan perniagaan berkaitan latihan pemanduan. Mengikut laporan status semasa, Institut memandu di Malaysia yang diterbitkan oleh MIROS pada tahun 2011 sebanyak 62% kakitangan pentadbiran dan 16% tenaga pengajar di institut memandu adalah merupakan golongan wanita. Yang Berhormat Arau meminta penjelasan...

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan.

Tuan Jelaing anak Mersat: Ya.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang sikap pemandu tadi. Kalau kita memandu melalui lebuhraya kenderaan perdagangan biasanya dia ada SMS dan juga *hotline* yang kita boleh *report* tentang kesalahan yang dilakukan oleh pemandu tersebut.

Jadi, dengan adanya AES ini adakah kita kata SMS dan *hotline number* itu masih lagi digunakan sebagai salah satu cara untuk mendidik pemandu kenderaan perdagangan? Ini kerana macam bas misalnya kita lihat kalau kita bawa 110, dia boleh memotong kita lagi di atas lebuhraya. Itu satu hal.

Keduanya tentang latihan memandu ini saya rasa perlu salah satu daripada teknik memandu di dalam masa hujan, masa yang kita kata jalan yang basah. Ini juga mungkin perlu dimasukkan dalam kurikulum pendidikan untuk melatih pemandu ini. Saya rasa

banyak berlaku kemalangan di waktu hujan atau pun jalan yang basah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Kementerian akan mengambil nota, mengambil maklum ke atas cadangan Yang Berhormat. Apabila dimulakan sistem AES ini nanti kita akan tengok macam mana ianya boleh dapat *support* atau pun sokongan daripada sistem yang ada pada kita sekarang ini.

Yang Berhormat Arau meminta penjelasan berkaitan pencapaian yang telah dicapai hasil daripada pelancaran AES. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah berjaya memuktamadkan perjanjian konsesi pelaksanaan AES dan telah menandatangani perjanjian tersebut dengan kedua-dua kontraktor pelaksana pada 9 Disember 2011 yang lepas. Buat masa ini pelaksanaannya masih di peringkat fasa reka bentuk atau pun *design stage* dengan izin dan dijangka akan beroperasi secara berperingkat mulai bulan September tahun 2012.

Yang Berhormat Pokok Sena meminta penjelasan berkaitan kontrak AES yang diberikan kepada Beta Tegap dan kemudiannya kontrak tersebut diberikan kepada Redflex. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini tiada syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dan teknologi untuk melaksanakan AES melainkan syarikat luar. Beta Tegap merupakan salah sebuah daripada dua syarikat yang telah berjaya dalam tender Projek AES yang telah mendapatkan kerjasama Redflex untuk membawa masuk teknologi yang bersesuaian. Redflex juga merupakan syarikat pembekal kamera AES.

Yang Berhormat Pokok Sena turut meminta penjelasan mengapa kerajaan masih menggunakan teknologi AES sedangkan pelaksanaannya telah dibatalkan di negara-negara seperti New Mexico, Texas, Florida, Michigan, Northlander dan juga di Georgia, California, Alaska, dan New Jersey.

Pelaksanaan AES adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan mendidik pengguna jalan raya agar mematuhi peraturan lalu lintas. Di negara maju, sistem AES telah lama dilaksanakan dan telah berjaya mencapai objektif untuk mendidik pengguna agar mematuhi peraturan lalu lintas. Pelaksanaan AES telah menyebabkan peratusan kesalahan menurun atau pun dengan izin di *care rate* kecuali kesalahan yang dilakukan oleh pesalah berulang iaitu dengan izin *habitual offender* yang mana kadarnya hanyalah antara 9% sehingga 12% sahaja.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pokok Sena juga berkaitan fungsi kamera *speed trap* yang sebelum ini dimaklumkan bahawa JPJ telah memasang kamera tersebut melebihi 1,000 unit. Untuk maklumat Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan tidak pernah membuat perolehan atau memasang kamera bagi mengesan kesalahan melebihi had laju. Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Pokok Sena berkaitan dengan saman yang dihantar oleh polis di bawah pelaksanaan AES, saman-saman akan disahkan oleh JPJ sebelum dihantarkan kepada pesalah lalu lintas.

AES kini di peringkat reka bentuk dan akan dilaksanakan pada tahun ini walau AES akan dilaksanakan ...

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Jelaing anak Mersat: Tunggu sekejap. Akan dilaksanakan namun di bawah APJ - Akta Pengangkutan Jalan tahun 1987, PDRM masih mempunyai kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan lalu lintas. Ini memandangkan AES buat masa ini hanya akan beroperasi di kawasan kerap berlaku kemalangan atau dengan izin *blackspot*. Manakala pihak PDRM akan meneruskan penguatkuasaannya di luar kawasan *blackspot*. Dengan ini tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara serentak di kawasan berlainan. Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan soal Beta Tegap yang telah memberikan sebanyak lebih daripada RM50 juta tender kepada Redflex daripada Australia ini. Itu yang saya tanya bahawa betul kita tidak ada syarikat tempatan yang membangunkan teknologi ini.

Akan tetapi bagi saya bahawa adalah lebih baik sepatutnya, saya timbulkan dalam perbincangan saya ialah kenapa kita tidak terus beri kepada Redflex. Bukankah sudah tentu kita akan dapat harga yang lebih baik, lebih murah daripada kita beri kepada Syarikat Beta

Tegap. Jadi, kenapa kerajaan tidak memikirkan untuk beri *direct* kepada Syarikat Redflex sendiri.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini memang polisi Kerajaan Barisan Nasional untuk beri peluang kepada anak syarikat tempatan supaya mereka juga dapat peluang. Jadi, nota ini pun samalah. Bagi peluang untuk syarikat tempatan kita.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, betulkah kita hendak beri peluang kepada syarikat tempatan. Sepatutnya syarikat tempatan, ia mestilah mempunyai kemampuan dan keupayaan hendak bangunkan teknologi sendiri umpamanya atau pun dia boleh membawa dari segi *transfer technology* ke negara kita ini. Ini tidak, kita beri tender kepada syarikat. Jadi, *transfer technology* tidak berlaku. Kita hanya menjadi pengguna kepada teknologi. Kita bukan jadi pembangun teknologi. Jadi, sampai bila pun syarikat ini tidak akan berkembang dari segi hasrat kita untuk hendak lihat kita hanya jadi *user* kepada teknologi, bukan menjadi pembangun kepada teknologi.

Beberapa Ahli: Hebatlah. Hebat.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Ini memang cadangan yang baik dan ini satu realiti. Kita belum ada, tidak dapat lagi buat yang begini. Jadi, apabila kita dapatkan Redflex dari Australia untuk membantu kita. Dalam pada masa yang sama, syarikat tempatan kita pun boleh mendapatkan kepakaran, mendapatkan cadangan bagaimana kita hendak *develop* industri seperti membuat AES kita di Malaysia di sini Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat. Baik, begini Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Tenggara ini bising sahaja.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bangun tidak hendak, bising. Mulut itu ya Allah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh! dia bakal Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Minta maaf. Dia kena berebut dengan Yang Berhormat Pontian.

■ 2200

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: 36(6), 36(6), satu tuduhan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini kan doa? Doa saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: Tidak payah, doa itu simpan sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Doa untuk kawan-kawan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Doa Yang Berhormat Pokok Sena tidak makbul.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kepong jangan tidur.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebab saya katakan tadi bahawa sepatutnya kita membangunkan teknologi itu. Jadi sebab itu saya hendak tanya bahawa berapa lama tempoh yang kita beri kepada Beta Tegap Sdn. Bhd. ini sebab apabila habis itu, saya difahamkan maknanya dia akan serah semua kamera itu menjadi milik Kementerian, milik kerajaan, milik JPJ. Akan tetapi, saya percaya bahawa selepas daripada satu tempoh beberapa tahun, mungkin dari segi keupayaan kamera itu tidak boleh dipakai lagi. Akhirnya, kita terpaksa menempah kamera baru, kita kena beli lagi. Jadi sampai bila kita hendak menjadi pembeli kepada Syarikat Redflex daripada Australia. Jadi kita terpaksa tender pula sama ada kita hendak sambung tempoh kepada Beta Tegap, kemudian Beta Tegap Sdn. Bhd. sambung lagi beli daripada Australia. Saya difahamkan bahawa ia mempunyai tempohnya, kamera itu boleh dipakai. Jadi sebab itu timbul banyak masalah di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi. Hendak minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena, Beta Tegap Sdn. Bhd. ini adalah syarikat pelaksana dan Redflex ialah pemilik teknologi. Jadi dalam perjanjian diperuntukkan supaya akan berlaku *transfer of technology* ataupun pemindahan teknologi ini seperti yang saya sebut tadi. Semasa kita menggunakan ia, kita belajar, kita buat *research* dan sebagainya yang berkaitan dengan pelaksanaan AES kita di sini, jangan risau sangat. *One day* kita pun macam Redflex juga.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tanya tadi, berapa lama tempoh kita beri kepada Beta Tegap Sdn. Bhd. ini. Kita beri kontrak ini kepada Beta Tegap Sdn. Bhd. untuk berapa lama?

Tuan Jelaing anak Mersat: Itu saya tidak pasti, saya akan jawab nanti dan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Macam mana tidak pasti pula, mesti ada tempoh. Dia mesti ada dia punya konsesinya berapa, lima tahun, sepuluh tahun umpamanya, mesti ada satu tempoh.

Tuan Jelaing anak Mersat: Yang Berhormat, adalah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Baru puji Yang Berhormat Pokok Sena, naik syeikh sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya hendak tahu bahawa adakah dalam tempoh katalah sepuluh tahun umpamanya, itu soalan, ada jawapan mai tu, *zam zam ala kazam*.

Tuan Jelaing anak Mersat: Cukup, cukup, cukup.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi selepas dari sepuluh tahun, maka *transfer technology* itu boleh berlaku ataupun selepas sepuluh tahun, habis itu, selepas itu kita sambung pula Beta Tegap Sdn. Bhd., Beta Tegap Sdn. Bhd. order lagi teknologi daripada Australia, bukan kita membangun sendiri, itu saya hendak tahu.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena, lima tahun.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lima tahun. Baik, lima tahun, apakah... [*Dewan riuh*]

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: Berjangkit-jangkitlah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini bagi *local company* pun bisinglah. Bagi *foreigner* bising, *local company* bising, bagi Yang Berhormat Pokok Sena lah mudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dalam tempoh lima tahun, saya tanya *simple* soalan saya, dalam tempoh lima tahun, apakah dalam lima tahun itu *transfer technology* akan berlaku. Bermakna selepas itu Beta Tegap Sdn. Bhd. boleh bangun sendiri teknologi tu, tidak perlu lagi kita hantar 50 juta *Australian dollar* kepada Redflex daripada Australia, tidak ada *extension* lagi. Maknanya dengan Australia tidak ada *extension*. Cuma kita hanya boleh sambung kepada Beta Tegap Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. tidak perlu keluarkan duit 50 juta *Australian dollar* untuk ambil teknologi itu daripada Redflex. Adakah boleh berlaku dalam tempoh lima tahun?

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Limbang meminta pengawalan diadakan oleh JPJ terhadap lori-lori...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Soalan Yang Berhormat...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi sudah beritahu jawapan bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, sekejap-sekejap. Satu soalan saya tadi. Yang keduanya, Yang Berhormat tadi ada menyebut bahawa JPJ ataupun kerajaan tidak pernah mengambil bekalan untuk memasang kamera. Akan tetapi, kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengumumkan bahawa JPJ akan pasang dan sudah pun memasang sebahagian daripada 1,087 buah kamera iaitu 566 buah kamera pengesanan had laju dan 265 buah kamera lampu isyarat dan 256 buah kamera bergerak, sudah banyak. Jadi itu saya tanyakan bahawa bila kita guna *Reflect* itu nanti bermakna macam mana pula dengan kamera ini? Itu saya tanyakan tadi sedangkan Yang Berhormat kata JPJ tidak pernah pun order ataupun tidak pernah pasang benda ini. Yang tadi itu pun, yang lima tahun tadi pun Yang Berhormat tidak jawab.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, lima tahun tempohnya tadi sudah jawab. Jadi cukup untuk *transfer technology* yang sekaranglah, kalau perlu di *extend*, kita buat *extension*. Yang disebut tadi berkaitan dengan pasang lampu dan pasang *speed trap* AES ini. Ini tidak pernah dibuat, seribu ini belum lagi dipasang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat boleh rujuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang lagi, itu kenyataan yang dia buat iaitu JPJ akan pasang, bukan AES. Kamera, sebelum daripada kerajaan bersetuju hendak menggunakan AES, kerajaan sudah pun hendak memasang sebahagian dan juga sebahagian sedang dalam proses untuk memasang iaitu 1,087 buah kamera yang saya katakan tadi, 566 buah kamera pengesanan had laju, 265 buah kamera lampu isyarat, 256 buah kamera bergerak. Bermakna saya persoalkan bahawa sepatutnya bila kita sudah order kamera ini, maknanya tidak perlu lagi kita gunakan AES ataupun kita ada perancangan hendak gunakan AES, tidak perlu kita order kamera ini. Akan tetapi, kamera ini saya difahamkan bahawa sudah pun diorder. Jadi itu yang saya tanya, ke mana kita hendak letak kamera ini selepas AES dilaksanakan sepenuhnya?

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi yang saya perlu jawab. Yang Berhormat, terima kasih atas pandangan itu tadi. Jadi saya tegaskan seperti saya sebut tadi, tidak ada kamera yang sudah dipasang, mungkin yang disebut itu pada pengetahuan saya, polis *department* dulu ada pasang kamera seperti ini di lampu isyarat, di *speed trap* dan sebagainya. Jadi yang lain itu saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Kalabakan dan Yang Berhormat Limbang meminta pengawalan diadakan oleh JPJ terhadap lori-lori yang membawa...*[Dewan riuh]* Muatan yang begitu besar, 30 tan hingga 50 tan jalan di jalan raya yang menjadi punca jalan rosak dengan menempatkan *weight bridge* yang tetap. Untuk makluman Yang Berhormat, had berat gabungan kenderaan bagi Jalan Persekutuan di bawah Perintah Sekatan Berat ataupun pindaan tahun 2003 di Sabah dan Sarawak ialah 44,000 kilogram. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan terhadap kenderaan perdagangan yang membawa muatan melebihi had yang ditetapkan selaras dengan seksyen 19(3) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang masih berkuat kuasa di kedua-dua negeri berkenaan.

Agensi-agensi penguat kuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Polis Diraja Malaysia sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap kesalahan melebihi muatan ataupun *overloading*. Berdasarkan rekod JPJ pada tahun 2011, sebanyak 3,835 kes kesalahan melebihi muatan telah dikesan di Sabah manakala 1,976 kes di Sarawak. Kerajaan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Limbang untuk menetapkan stesen penimbang tetap di Limbang bagi menggantikan alat timbang mudah alih. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diperhalusi terlebih dahulu memandangkan buat masa ini negeri Sarawak telah diperuntukkan dengan tiga buah stesen penimbang.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sibu yang menyatakan projek naik taraf Lapangan Terbang Sibu telah dihentikan. Untuk makluman, pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Sibu, Sarawak ini tidak pernah dihentikan. Projek ini telah dimulakan pada 13 September 2010, skop projek ini dibahagikan kepada dua pakej iaitu pakej satu dengan izin *extension the passenger terminal building, central utility building and others associated work*. Bagi pakej dua, *earth side and landside works, DCA building and*

associated work. Peratus kemajuan projek sehingga 17 Mac 2012, peratus kemajuan keseluruhan pada projek adalah 75.11% yang dijadualkan berbanding 77.66% yang sebenar.

■ 2210

Di mana didahului di jadual sebanyak +2.5%. Yang Berhormat Silam bertanyakan berkaitan pembangunan projek *Greater Silam* iaitu pembangunan lapangan terbang baru di kawasan Parlimen Silam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Silam buat masa ini kerajaan sedang menjalankan kajian kemungkinan pembinaan lapangan terbang barulah - Sabah bagi menentukan keperluan dan kesesuaian tapak cadangan bagi pembinaan lapangan terbang baru tersebut. Kajian kemungkinan ini telah dimulakan pada 1 Oktober 2011 dan dijangka siap pada 30 Jun 2012. Oleh yang demikian keputusan untuk membina lapangan terbang baru tersebut hanya akan dibuat selepas kajian tersebut siap.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lawas yang memohon pertimbangan untuk mendapatkan lapangan terbang baru menggantikan lapangan terbang sedia ada. Untuk makluman buat masa ini kerajaan dalam proses untuk melaksanakan kajian pelan induk padang-padang terbang di Malaysia termasuk padang terbang Lawas. Kajian tersebut bertujuan untuk menentukan hala tuju dan perancangan pembangunan kesemua padang terbang di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua ada buat satu kesilapan di sini. Ini bukan Yang Berhormat Lawas tetapi saya rasa Yang Berhormat Limbang ataupun Yang Berhormat Bukit Mas. Oleh yang demikian pembikinan lapangan terbang yang baru di Lawas hanya boleh ditentukan setelah kajian tersebut siap.

Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kota Bharu ada mencadangkan agar lapangan terbang di Labuan dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dijadikan sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Untuk maklumat Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tiada perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Labuan dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa sekarang, Malaysia telah pun mempunyai enam buah lapangan terbang antarabangsa iaitu di KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. Lapangan-lapangan terbang lain termasuk Lapangan Terbang Labuan dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini.

Walaupun Lapangan Terbang Labuan dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa. Lapangan terbang ini mampu mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual. Terdapat beberapa lapangan terbang domestik lain yang mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual iaitu di Melaka, Kuantan dan Ipoh. Walaupun lapangan terbang ini tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa yang dapat memajukan industri pelancongan negara termasuk di Labuan, Kota Bharu dan juga di Terengganu.

Yang Berhormat Batang Sadong meminta penjelasan apakah tanggungjawab sosial yang dimainkan oleh MAS dan AirAsia untuk membantu juruterbang yang layak untuk membawa kapal terbang yang sukar mendapat pekerjaan di syarikat penerbangan tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan juruterbang di MAS dan AirAsia adalah terhad dan hanya diisi berdasarkan kekosongan dan keperluan. Namun demikian MAS dan AirAsia dalam perancangan untuk mengurangkan bilangan juruterbang antarabangsa supaya peluang ini dapat diberikan kepada juruterbang tempatan. Dalam pada itu para graduan dalam bidang juruterbang hendaklah tidak memilih syarikat penerbangan negara yang besar sahaja untuk bekerja. Mereka hendaklah bersedia untuk bekerja dengan syarikat-syarikat penerbangan kecil. Atau menjadi jurulatih penerbangan atau berkhidmat dengan syarikat-syarikat penerbangan asing di luar negara.

Yang Berhormat Tawau meminta menjelaskan mengapa AirAsia dan MAS telah membatalkan penerbangan terus dari Kota Kinabalu ke Jepun, Korea dan sebilangan destinasi ke Australia? Ini saya rasa MAS bukan AirAsia. Untuk maklumat Yang Berhormat, MAS telah membatalkan empat perkhidmatan penerbangan terus dari Kota Kinabalu ke Jepun, Korea dan Australia kerana laluan-laluan tersebut telah mencatatkan kerugian yang tinggi. Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat penerbangan Malaysia dan antarabangsa untuk mengekalkan dan menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan dari Sabah ke beberapa destinasi antarabangsa dan dalam negeri. Walau bagaimanapun

disebabkan kerugian yang tinggi dicatatkan oleh syarikat penerbangan tersebut dalam menyediakan perkhidmatan penerbangan ke destinasi-destinasi tersebut telah menyebabkan syarikat penerbangan tersebut terpaksa membatalkan penerbangan tersebut.

Tindakan MAS membatalkan beberapa laluan penerbangan dari Sabah ke beberapa destinasi antarabangsa dan dalam negeri adalah merupakan satu keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut yang ditentukan berdasarkan kepada dengan izin *commercial viability* sesebuah laluan. Walau bagaimanapun masih terdapat jaringan perkhidmatan penerbangan bagi menghubungkan pelancong luar negara ke Sabah. Sehingga kini terhadap tujuh syarikat penerbangan asing yang mengadakan penerbangan terus ke Sabah. Di samping itu MAS dan AirAsia menyediakan sejumlah 237 penerbangan terus dari Semenanjung bagi menghubungkan Sabah. Bagi menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual terdapat sejumlah 110 penerbangan *charter* dengan izin telah disediakan oleh syarikat penerbangan asing untuk ke Kota Kinabalu pada tahun 2011.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tawau berkaitan pemberian hak penerbangan eksklusif kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya berunding untuk mendapat alternatif yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tiada halangan terhadap cadangan Kerajaan Negeri Sabah untuk berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain. Berhubung perkhidmatan penerbangan terus dari Kota Kinabalu tertakluk kepada hak trafik yang mencukupi dan syarikat penerbangan tersebut mematuhi syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Yang Berhormat Bachok turut ingin mendapat penjelasan. Apa justifikasi penamatan perkhidmatan kepada *route* yang popular seperti KL-Bandung, Kuala Lumpur-Surabaya, Kuala Lumpur-Dubai. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Penerbangan Malaysia ataupun MAS telah batalkan perkhidmatan penerbangan destinasi Kuala Lumpur-Bandung, Kuala Lumpur-Dubai, Kuala Lumpur-Johannesburg dan beberapa laluan lain. Disebabkan laluan-laluan tersebut telah mencatatkan kerugian yang tinggi. Yang Berhormat Bachok meminta penjelasan siapa yang memberi Anugerah *Best Cabin Award* yang diterima MAS dan atas dasar apa yang diberi?

Untuk makluman, *Sky Tracks* sebuah syarikat antarabangsa yang membuat *survey* terhadap perkhidmatan lapangan terbang dan syarikat penerbangan telah memberi *World Best Airlines Cabin Staff Award* kepada MAS berdasarkan kejayaan MAS, menyediakan perkhidmatan pelanggan dan mutu perkhidmatan yang terbaik di kalangan 200 syarikat penerbangan di dunia. Terdapat 12 kriteria yang diguna pakai bagi mengukur mutu perkhidmatan yang disediakan sebelum, semasa dan selepas penerbangan. Antaranya layanan semasa menghidang makanan, ketepatan pengumuman, kemahiran berkomunikasi, perkhidmatan terhadap keluarga dan kanak-kanak, kesopanan dan keramahan kakitangan. Dianggarkan seramai 18 juta penumpang dari seluruh dunia yang menyertai *customer subtraction survey* dengan izin yang dilaksanakan oleh *Sky Tracks*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak tanya Timbalan Menteri fasal soal pembatalan laluan ke Johannesburg. Adakah benar bahawa pembatalan laluan ataupun *route-route* ini telah berlaku selepas berlakunya CCF di antara MAS dan AirAsia? Sekiranya benar ianya telah berlaku hanya selepas berlakunya CCF itu, maka ada ataupun tidak kebenaran pada dakwaan, bahawa ada usaha-usaha sabotaj untuk menentukan bahawa MAS akan membatalkan *route-route* tersebut supaya dapat dikuasai kembali oleh pihak AirAsia atas sebab-sebab komersial? Ini kerana saya difahamkan hasil daripada CCF itu telah berlaku apa yang diistilahkan sebagai *invasion* dengan izin *invasion* of AirAsia punya pihak pengurusan ke dalam pihak MAS.

■ 2220

Dan oleh kerana adanya *conflict of interest*, maka ianya menimbulkan beberapa persoalan. Adakah dakwaan ini ada apa-apa kebenaran. Saya harap penjelasan daripada Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Jelaing Mersat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Tidak ada unsur-unsur sabotaj. Ia hanya berdasarkan kepada dengan izin, *commercial decision*. Itu sahaja. Yang Berhormat Bachok turut meminta agar kemudahan di dalam pesawat dipertingkatkan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bilakah pembatalan itu berlaku? Adakah selepas ataupun sebelum CCF? Saya perlukan penjelasan daripada sudut itu juga.

Tuan Jelaing Mersat: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini memang sudah lama, sebelum CCF. Contohnya penerbangan *business class* MAS ke London di mana tempat duduknya tidak boleh *recline* iaitu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bachok. Kementerian ini mengambil maklum teguran Yang Berhormat dan akan menyarankan kepada pihak MAS untuk memastikan kemudahan yang disediakan di dalam pesawat berfungsi dan diselenggarakan dengan baik.

Yang Berhormat Bukit Katil mencadangkan agar pertambahan penerbangan Melaka Air adan Firefly dari Melaka ke Subang dan Melaka ke Medan ditambah. Untuk makluman Yang Berhormat, Melaka Air bukanlah sebuah syarikat penerbangan yang dilesenkan untuk mengadakan penerbangan ke Melaka. Firefly adalah sebuah syarikat penerbangan yang telah dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Melaka ke Subang dan Melaka ke Medan. Dalam hubungan ini, kerajaan sentiasa menggalakkan Firefly untuk mengekal dan menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan dari Melaka ke Subang dan Melaka ke Medan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, lagi panjang Yang Berhormat?

Tuan Jelaing Mersat: Tidak. Satu lagi isu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, baik Yang Berhormat.

Tuan Jelaing Mersat: Firefly adalah sebuah syarikat penerbangan yang telah dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Melaka ke Subang dan Melaka ke Medan. Dalam hubungan ini, kerajaan sentiasa menggalakkan Firefly untuk mengekal dan menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan dari Melaka ke Subang dan Melaka Medan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menambah perkhidmatan penerbangan adalah merupakan keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut yang ditentukan berdasarkan kepada dengan izin, *commercial viability* sesuatu laluan.

Yang Berhormat Gombak meminta kerajaan menjelaskan isu *passenger service charge* yang dikenakan ke atas penumpang AirAsia di mana sepatutnya pembayaran ini dibayar kepada Malaysia Airport Berhad dan bukan kepada AirAsia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj perkhidmatan penumpang...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, Kota Melaka. Yang Berhormat Menteri, saya ada bangkit tentang Melaka Trem iaitu perkhidmatan kereta api dengan NGV. Tidak dapat sebarang jawapan. Saya boleh terima jika secara bertulis.

Tuan Jelaing Mersat: Kita buat secara bertulis Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sebab masa ini tidak mengizinkan. Ini satu isu yang terakhir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj perkhidmatan penumpang ataupun *passenger service charge* dengan izin, adalah dikutip oleh syarikat-syarikat penerbangan termasuk AirAsia daripada penumpang bagi pihak *Malaysia Airport Holdings Berhad* dan *Senai Airport Terminal Services* bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor Bahru. Kutipan PSC ini dibuat oleh syarikat-syarikat penerbangan kerana ia adalah lebih mudah dikutip melalui tiket kapal terbang. Seterusnya kutipan PSC ini akan diserahkan kepada pihak MAHB bagi perkhidmatan yang telah disediakan di semua lapangan terbang.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Gombak berkaitan jumlah yang telah dikutip oleh AirAsia melalui *passenger service charge* dan berapa banyak yang telah dibayar balik kepada kerajaan, untuk makluman, keseluruhan daripada *passenger service charge* bagi penumpang yang telah mengadakan penerbangan telah diserahkan oleh AirAsia kepada MAHB dan SATS. Manakala bagi penumpang yang tidak mengadakan penerbangan, *passenger service charge* tersebut telah disimpan oleh AirAsia. Dari 1 Mei 2002 hingga 31 Ogos 2011, amaun *passenger service charge* yang telah disimpan adalah sebanyak RM6.4 juta. Dalam hubungan ini, pihak pendaftar wang tak dituntut sedang dalam proses untuk mendapatkan balik amaun *passenger service charge* ini daripada AirAsia dan...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri, saya ada tanya tentang soal CCF di antara MAS dan AirAsia dan saya melihat bahawa tidak ada disentuh iaitu yang *comprehensive cooperation framework* di antara MAS dan AirAsia. Sejauh mana ianya ingin diteruskan oleh pihak kerajaan sedangkan ianya hanya mendatangkan mudarat kepada MAS dan menguntungkan AirAsia. Saya rasa bahawa ini merupakan satu persoalan besar yang perlukan jawapan daripada pihak Menteri.

Tuan Jelaing Mersat: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Bagi soalan ini, saya dinasihatkan bahawa MOF atau Kementerian Kewangan akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan segala cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan ataupun dalam masa saya menjawab tadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menghargai cadangan-cadangan itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada tiga minit Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

10.27 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Batang Sadong, Silam, Lembah Pantai, Hulu Selangor, Ampang, Rantau Panjang, Parit Sulong, Bukit Mertajam, Rembau dan Limbang yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan titah diraja. Pihak kementerian amat menghargai...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri tadi saya ada meneliti Yang Berhormat Menteri tidak sebut Bandar Kuching kerana saya ada sebut satu pembatalan wang kebajikan kepada seorang OKU atas alasan bahawa dia menyokong parti pembangkang. Adakah Yang Berhormat akan jawab atas persoalan saya itu kerana saya meneliti tadi kawasan-kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak sebut Bandar Kuching.

Datuk Heng Seai Kie: Yang Berhormat, mesej itu kesampaian. Jadi saya akan meneliti perkara ini kerana biar saya sambung sehingga 10.30.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius terhadap semua pandangan, saranan, cadangan serta teguran membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu berkenaan wanita dalam pasaran pekerjaan, isu bilangan wanita dalam sektor pekerjaan yang masih rendah telah pun dibangkitkan sewaktu perbahasan titah diraja. Seperti yang diketahui, kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 55% bagi kadar penyertaan tenaga buruh wanita pada tahun 2015. Salah satu inisiatif yang telah diambil ialah program keusahawanan kepada wanita di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu NKRA meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah. Program ini yang dikendalikan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia bertujuan untuk melatih dan melahirkan 4,000 orang usahawan wanita pada akhir bulan Disember 2012.

Hingga bulan Februari 2012, seramai 3,180 orang usahawan wanita yang dilatih telah berjaya memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM3,500 selama tiga bulan berturut-turut. Selain itu, program 1Azam turut diperkenalkan di bawah NKRA *low income household* dengan izin, untuk meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah. Program 1Azam ini mempunyai empat komponen utama iaitu Azam Niaga dan Azam Khidmat yang diselenggarakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia, Azam Kerja yang diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Azam Tani yang dikendalikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, boleh kita sambung esok Yang Berhormat?

Datuk Heng Seai Kie: Boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 28 Mac 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam]